

Legasi
MAHATHIR

Legasi
MAHATHIR

sivamurugan pandian



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
No. 1 & 3, Jalan 3/91A
Taman Shamelin Perkasa, Cheras
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-92856577
Fax: 03-92846554/92875763
e-mel: enquiry@upnd.com.my
laman web: www.upnd.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
Terbitan Pertama 2005

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Sivamurugan Pandian

Legasi Mahathir / Sivamurugan Pandian.

Bibliografi: ms. 361

ISBN 967-61-1684-X

1. Mahathir bin Mohamad, Dato' Seri, 1925-.

2. Prime minister-Malaysia. 3. Malaysia-Politics and government.

I. Judul.

320.9595092

Dicetak oleh

PRIN-AD SDN. BHD.

No. 27-29, Jalan 2/148A,

Tmn. Sg. Besi Industrial Park,

57100 Kuala Lumpur.

M

320.9595092

51V

M

1190107

22 JUN 2005

Perpustakaan Negara
Malaysia



**TIMBALAN PERDANA MENTERI
(DEPUTY PRIME MINISTER)**

KATA ALU-ALUAN



Saya amat berbangga kerana diberi peluang untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam buku mengenai seorang pemimpin ulung negara atau lebih sesuai dipanggil 'statesman' tanah air, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Selama 22 tahun, Malaysia telah ditadbir dan diterajui oleh kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, seorang pemimpin berwibawa, terhormat, berkarisma dan berjaya memacu negara ke persada antarabangsa, sehingga Malaysia bukan sahaja dikagumi tetapi turut disegani. Ramai beranggapan pemimpin ini sungguh istimewa dan Malaysia wajar bersyukur kerana dikurniakan seorang pemimpin yang disanjung ramai. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah meninggalkan satu legasi, satu sejarah baru di dalam arena politik tanah air. Malaysia muncul sebagai salah sebuah negara yang pesat membangun di kalangan negara dunia ketiga kerana corak kepimpinannya. Personaliti Tun Dr. Mahathir mengagahi segala tindakannya sehingga pemikirannya di dalam sektor ekonomi, sains dan teknologi, agama dan perhubungan antarabangsa telah mewarnai pencapaian negara di bawah kepimpinan beliau selama lebih dua dekad. Kesemua ini menjadi satu legasi, satu doktrin, satu ideologi. Aspek-aspek inilah yang turut mendasari buku ini yang menjadikannya sebuah buku yang istimewa, mencakupi segala faktor periwatan seorang pemimpin.

Kepimpinan Tun Dr. Mahathir telah merentasi pemikiran konvensional dalam pelbagai bidang dan kebijaksanaannya memang diakui dan dikagumi dunia. Segenap lapisan masyarakat menjiwai perjuangannya ke arah Malaysia yang bebas dari kongkongan asing dan membangun dengan rentak yang tersendiri. Setiap kejayaan yang dicapai oleh negara selama 22 tahun Tun Dr. Mahathir memimpin adalah kerana sokongan dan semangat 'Malaysia Boleh' yang tersemat di dalam sanubari rakyat Malaysia. Tun Dr. Mahathir benar-benar telah berjaya menzahirkan hasrat beliau untuk membina bangsa dan negara bermaruah dan sekaligus telah berjaya meninggalkan negara yang aman makmur dan stabil untuk diwarisi penggantinya, YAB. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, yang jelas dapat meneruskan tradisi kecemerlangan kepimpinan tanah air.

Sesungguhnya saya mengalu-alukan penerbitan buku ini yang mengabadikan jasa dan legasi seorang negarawan ulung kebanggaan rakyat dan negara.

Sekian, Terima kasih.

(DATO' SRI MOHD NAJIB)



PRAKATA

Buku ini tidak mungkin dapat dihasilkan tanpa penglibatan beberapa pihak yang mahu memastikan ia dijadikan rujukan umum untuk tatapan semua golongan tanpa mengira kelas, status dan kedudukan. Ia sebagai penghargaan dan mengingati persaraan seorang pemimpin ulung negara; pemimpin yang mempertahankan, memerdekakan dan mengisi kemerdekaan; pemimpin yang mengidamkan kegemilangan empayar silam; pemimpin yang megah pertahankan bangsanya walau dihina dan dipersenda; pemimpin bangsa yang membangunkan kemakmuran buminya; pemimpin yang memacu kejayaan negara; wira tanah air dan dunia antarabangsa—Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dato' Mukhriz Mahathir yang memberikan sokongan sepenuhnya untuk merealisasikan penerbitan buku ini di bawah penerbitan Utusan Publications & Distributors. Usaha dan penglibatan beliau tanpa mengira kesibukan dengan tugas hariannya telah mempercepatkan proses penerbitan hasil karya ini. Penerbitan di bawah Utusan Publications & Distributors juga mempunyai signifikasinya kerana di bawah syarikat penerbitan tempatan, maka sewajarnya ia membuka ruang kepada pemasaran serta berusaha meningkatkan kadar pembacaan di kalangan orang ramai. Oleh itu, penglibatan Cik Faridah dan Puan Fuzana dalam memastikan buku ini diterbitkan pada masa amat dihargai. Kesemua ini tidak mungkin terhasil tanpa

kehadiran Saudara Anas dan Jeevaratnam sebagai jambatan yang menghubungkan kesemua pihak yang bertungkus lumus menjayakan penerbitan buku ini.

Buku ini asalnya merupakan disertasi dengan pendekatan akademik untuk memenuhi syarat ijazah kedoktoran falsafah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Penyeliaan yang bermutu dari Profesor Dr. Hussain Mohamed akan saya hargai buat selama-lamanya. Ucapan ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) yang menaja pengajian saya di bawah Skim Latihan Kakitangan Akademik (SLKA). Begitu juga dengan staf di jabatan Antropologi dan Sosiologi serta Jabatan Pengajian Asia Timur, Universiti Malaya yang banyak memberi sokongan sepanjang penyelidikan ini dilakukan. Di samping itu, dorongan Datin Roziah Omar, Profesor Madya Dr. Jas Laile Dr. Nasruddin, Balakrishnan dan Kamal juga akan sentiasa dikenang. Kepada Dato' H.M Shah, nasihat Dato' akan dijadikan pegangan hidup buat selama-lamanya.

Rakan-rakan turut memainkan peranan yang penting ketika buku ini ditulis. Walaupun kesemuanya tidak dapat disebut satu persatu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ghana, Bath, Anand, Arun, Frankie, Kumar, Wadi dan Muhammad Nor. Kepada orang perseorangan yang lain, bantuan dan sokongan anda juga sangat dihargai.

Akhir kata, tonggak kekuatan penulisan ini adalah ikatan kekeluargaan terutamanya dorongan berterusan orang tua saya, abang dan kakak yang menjana penulisan buku ini sehingga ia diterbitkan. Terima Kasih!

Dr. Sivamurugan Pandian
Pusat Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia
psiva@usm.my
November 2004

KANDUNGAN

Kata Alu-aluan	v
Prakata	vii
1 PENGENALAN	1
Mukadimah	1
Mahathir Dalam Konteks Politik Malaysia	2
Anjakan Pencapaian dan Pembinaan Tamaduan Baru Malaysia	5
Kupusan Penulisan	9
Pemimpin dan Kepimpinan	11
Lingkaran Legitimasi Politik Mahathir Pembentukan Satu Legasi	13
Metodologi Pengumpulan Bahan Penulisan	16
2 PERSONALITI DAN PEMIKIRAN MAHATHIR	21
Mukadimah	21
Latar Belakang Mahathir	22
Mahathir Mula Menyerlah Dalam Politik	24
Mahathir Sebagai Seorang Pemikir- Intelektual	32
Tema Utama Pemikiran Mahathir	35
Penutup	79

3	KEPENTINGAN EKONOMI, SAINS DAN TEKNOKRATIK	93
	Mukadimah	93
	Mahathir Sebagai Ikon Ekonomi Malaysia	94
	Dasar Penswastaaan dan Perindustrian	101
	Penaungan dan Kapitalisme Parti	110
	Kawalan Mata Wang Asing dan Selepas 1998	115
	Komponen Sains dan Teknokratik di Bawah Kepimpinan Mahathir	124
	<i>Multimedia Super Corridor</i>	134
	Cyberjaya, Putrajaya dan KLIA	139
	<i>Smart Partnership</i> dan Measat	143
	Penganjuran Sukan Antarabangsa dan Semangat Malaysia Boleh	147
	Penutup	150
4	PERANAN ISLAM DALAM PENTADBIRAN	167
	Mukadimah	167
	Kebangkitan Islam di Malaysia	169
	Pandangan Mahathir ke Atas Islam	171
	Strategi dan Tindakan	189
	Keprihatinan dan Pemantauan	196
	Pertembungan UMNO – PAS	202
	Menghadapi Golongan Ulama	211
	Penutup	217
5	PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA DAN DASAR LUAR	231
	Mukadimah	231
	Faktor Pendorong Mahathir Mendapat Pengiktirafan Antarabangsa dan Legitimasi Politik	232
	Hubungan dengan Negara Anggota ASEAN	235
	Hubungan dengan Negara Anggota OIC	245

Hubungan dengan Negara Anggota Dunia Ketiga, G-15 dan NAM	260
Hubungan dengan Negara Anggota Komanwel	269
Reaksi Terhadap Krisis Mata Wang 1997-1998 dan Tragedi 11 September 2001	275
Keperluan Dasar Luar Dalam Pengukuhan Legitimasi Politik	281
Penutup	286
6 MENANGANI KRISIS LEGITIMASI	300
Mukadimah	300
Krisis dan Mahathir	300
Krisis Pindaan Perlembagaan dan Raja-raja	303
Perebutan Jawatan Tertinggi UMNO 1987	309
Operasi Lalang 1987	316
Eksekutif dan Badan Kehakiman	319
Anwar dan Mahathir: Krisis Kepimpinan	322
Tekanan Politik dan Krisis Pengurusan Ekonomi: Skandal BMF/ Bank Bumiputera dan Krisis 1997	331
Pemulihan Semula Dasar Ekonomi Kerajaan dan Strategi Stimulasi	337
Penutup	341
7 KESIMPULAN	351
Mahathir, Mahathirisme dan Politik Malaysia	351
Manifestasi Kegemilangan Legitimasi Politik Mahathir	354
Penutup	359
BIBLIOGRAFI	361
LAMPIRAN	402
Lampiran I	402
Lampiran II	407

Lampiran III	411
Lampiran IV	414
Lampiran V	416
Lampiran VI	417
BIODATA	420

1 PENGENALAN

MUKADIMAH

Pada Jun 2003, Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) telah menyaksikan satu peristiwa yang akan kekal termeterai dalam sejarah negara. Perhimpunan Agung parti United Malays National Organization (UMNO) kali ke-54 yang diadakan di situ merupakan yang terakhir di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad¹ sebagai Presiden UMNO. Suasana perhimpunan itu lebih merupakan pentas untuk menghargai sumbangan beliau kerana setelah 22 tahun menerajui perubahan serta memahat kemajuan pesat negara, Mahathir mengundurkan diri daripada kepimpinan parti dan kerajaan, dan menyerahkan jawatan tersebut kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi² pada 31 Oktober 2003. Peristiwa ini merupakan susulan daripada tindakan Mahathir dalam Perhimpunan Tahunan UMNO tahun 2002 yang secara mengejut mengumumkan kepada perwakilan bahawa beliau telah membuat keputusan untuk bersara daripada jawatan awam dan parti yang disandang selama ini. Air mata para perwakilan dan pemerhati mengalir dalam suasana terharu dan hiba pada ketika itu tetapi dalam Perhimpunan kali ke-54, Mahathir berjaya meyakinkan para perwakilan dan negara bahawa Malaysia akan terus utuh di bawah kepimpinan yang baru.


MAHATHIR DALAM KONTEKS POLITIK MALAYSIA

Dalam konteks politik Malaysia, kedudukan dan kepentingan UMNO dan Barisan Nasional (BN) yang dipimpin oleh Mahathir cukup terserlah kerana ia merupakan kepimpinan yang telah menerajui negara untuk satu tempoh masa yang panjang sehingga dianggap sebagai jambatan penghubung dua generasi UMNO.³ Mereka yang lahir pada tahun 1980-an hanya mengenali seorang Perdana Menteri dan empat Timbalan Perdana Menteri sehingga persaraannya. Kepimpinan Mahathir penting dalam konteks politik tanah air kerana beliau telah menjadi begitu dominan⁴ sehingga setiap kejayaan Malaysia sepanjang tempoh tersebut dikaitkan dengan beliau. Kejayaan ini berpaksikan legitimasi politik beliau yang boleh dianggap sebagai genre politik—Doktrin Mahathir. Dengan latar belakang orang kebanyakan dan bukannya daripada kalangan anak bangsawan, beliau menyerlah dengan imej sebagai seorang *thinking politician* biarpun pada suatu ketika pernah menyanggahi kepimpinan parti dan dilabelkan sebagai seorang ekstremis atau ultra-Melayu. Maka itu, timbul persoalan tentang bagaimanakah seorang pemimpin yang dikatakan bersifat pelampau Melayu dan anti bukan Melayu itu mampu untuk muncul dan menadbir negara dengan baik sedangkan Malaysia mengandungi komposisi penduduk yang berbilang bangsa dan agama (lihat Rajah 1.1 dan Rajah 1.2) sehingga negara dianggap sebagai semidemokrasi.⁵

Pada awal pelantikan sebagai Perdana Menteri, Mahathir dilihat kurang popular dan masih dicurigai oleh bukan Melayu kerana dikaitkan dengan sentimen anti bukan Melayu. Surat terbuka mengkritik kepimpinan Tunku Abdul Rahman selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969 dan terbitnya buku *The Malay Dilemma* dianggap faktor yang menyumbang kepada tafsiran awam ke atas beliau.


... Mahathir is the first Malaysian prime minister who is not from the traditional Malay aristocracy or educated as a lawyer in England. Of middle class origin, he obtained a medical degree from the University of Malaya in Singapore and practiced medicine for eleven years before entering politics full-time. He appears to be a thinker and an idealist, even a "rebel", who gained the highest position in the land unsullied by the usual compromises of political life.⁶

Rajah 1.1: Komposisi Populasi Mengikut Etnik (Peratusan Tahun 2000)



Sumber: Jabatan Statistik Negara

Rajah 1.2: Komposisi Populasi Mengikut Agama (Peratusan Tahun 2000)



Sumber: Jabatan Statistik Negara

Di bawah kepimpinan Mahathir, BN belum pernah tewas dalam mana-mana pilihan raya peringkat Parlimen walaupun pernah mengalami kemerosotan kerusi yang dimenangi (lihat Jadual 1.1).⁷

Jadual 1.1: Keputusan Pilihan Raya Parlimen dalam Era Kepimpinan Mahathir

	1982	1986	1990	1995	1999
Barisan Nasional	132	148	127	162	148
DAP	9	24	20	8	10
PAS	5	1	7	7	27
Bebas	8	4	4	–	–
Semangat 46	–	–	8	6	–
PBS	–	–	14	8	3
KeADILan	–	–	–	–	5
Jumlah	154	177	180	192	193

Kemenangan BN yang berterusan ini nyata berbeza dengan kebanyakan negara membangun di mana kepimpinan dan parti yang berkuasa sering ditukar ganti kerana gagal memenuhi aspirasi rakyatnya, seperti mana yang pernah berlaku di Mexico, Indonesia, Filipina, Thailand, Venezuela, Peru dan Pakistan. Malahan, dalam konteks Mahathir, beliau dilihat sebagai seorang tokoh yang tidak mudah mengaku kalah, memiliki personaliti tersendiri dengan kepintaran politik yang sukar ditandingi dan mampu pula menyesuaikan dirinya dengan semua keadaan sehingga setiap keputusan yang dibuatnya dianggap muncul daripada keyakinan diri yang sangat tinggi.

... when a person has stayed long enough, he will go through all the ups and downs. And when he's down, he never gives up. That's the personality of the man. Dogged determination.⁸

Semangat luar biasa Mahathir ini sangat menarik untuk diamati supaya dapat difahami bagaimana beliau mampu bertahan lama berbanding sebilangan pemimpin negara lain di rantau Asia Tenggara.

ANJAKAN PENCAPAIAN DAN PEMBINAAN TAMADUN BARU MALAYSIA

Peralihan kepimpinan daripada Tun Hussein Onn kepada Mahathir pada tahun 1981 telah membawa anjakan baru dalam politik Malaysia. Berbeza dengan Perdana Menteri sebelum ini, Mahathir dianggap mempunyai sejarah tersendiri dari segi personaliti dan corak pentadbiran.⁹ Terdapat beberapa paradigma yang boleh dijadikan asas perbincangan legitimasi politik di bawah Mahathir. Antaranya semangat jitu nasionalisme Melayu yang diperjuangkan oleh beliau dari awal penglibatan dalam politik; penentangan ke atas konsep penjajahan semula; krisis dalaman/persaingan kuasa/penentangan yang dihadapi oleh beliau dalam UMNO boleh menjadi punca luntarnya atau timbulnya persoalan mengenai legitimasi kepimpinan beliau; memaksimumkan dasar ekonomi terutama di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB); menonjolkan imej keislaman sederhana bersesuaian dengan masyarakat majmuk Malaysia; pengiktirafan di peringkat antarabangsa terutama di kalangan negara-negara membangun dan menjadi jurucakap Dunia Ketiga dan keberkesanan pentadbiran berasaskan perubahan sains dan teknologi.

Walau apa sekalipun, tanpa menetapkan sebarang faktor pemangkin untuk dibincangkan, kesemuanya membolehkan legitimasi diterangkan dan dianalisis dalam menentukan gaya kepimpinan Mahathir yang menjadikannya satu legasi dalam sejarah kepimpinan tanah air. Ini kerana apabila melihat Mahathir sebagai satu fenomena politik, terdapat beberapa aspek saling berkaitan antara satu sama lain mengenainya. Mahathir melalui tahap permulaan, kebangkitan, pengukuhan, kestabilan dan kemerosotannya. Pada waktu yang sama, ada sokongan dan rintangan politik yang ditempuhi yang menunjukkan beliau ada kekuatan dan kelemahannya, ada kawan dan ada musuh politiknya. Segala-galanya akan menyebabkan beliau perlu dan memerlukan landasan legitimasi tertentu yang membolehkan beliau terus memimpin dan kedudukan politiknya sentiasa kukuh atau dalam erti kata lain legitimasi yang berfungsi untuk

menjamin perjalanan politiknya. Schubungan dengan itu, maka sepanjang 22 tahun, banyak yang telah dicapai oleh Malaysia di bawah pentadbiran beliau yang boleh dianggap sebagai sebahagian daripada usahanya untuk membina tamadun baru Malaysia seperti yang boleh dilihat dalam Jadual 1.2; satu gagasan, satu legasi kepimpinan agung negara ini.

Jadual 1.2: Kronologi Pencapaian dan Peristiwa Penting Sepanjang Pemerintahan Mahathir

Tahun	Isu-Isu Utama
1981	• Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan • Kompleks Dayabumi dibina • Jambatan Pulau Pinang dibina
1982	• Waktu di seluruh negara diseragamkan, termasuk di Sabah dan Sarawak • Permodalan Nasional Berhad ditubuhkan • Amanah Saham Nasional (ASN) mula beroperasi • Kempen Bersih, Cekap dan Amanah diperkenalkan • Memperkenalkan sistem perakam waktu dan tag nama untuk kakitangan perkhidmatan awam
1983	• Konsep Persyarikatan Malaysia dilancarkan • Dasar penswastaan diperkenalkan • Kempen Kepimpinan Melalui Teladan bermula • Rancangan pengeluaran kereta nasional diumumkan • Bank Islam pertama ditubuhkan
1984	• Merancang populasi Malaysia 70 juta orang pada tahun 2100 • Polisi Pertanian Kebangsaan dilancar
1985	• Kereta nasional Proton Saga mula dilancarkan
1986	• Menjadi tuan rumah Persidangan Negara Selatan-selatan

1987	• Dilantik sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa untuk penagihan dan pengedaran dadah • Dicabar oleh Tengku Razaleigh Hamzah untuk kerusi jawatan Presiden UMNO • Operasi Lalang untuk mengelakkan rusuhan perkauman
1988	• UMNO menjadi parti tidak sah dan UMNO (Baru) ditubuhkan • Pemecatan Bekas Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abbas • Stesen satelit bumi kedua yang menghubungkan Malaysia dengan seluruh dunia dilancarkan
1989	• Parti Komunis Malaya (PKM) meletak senjata dan menandatangani perjanjian damai • Malaysia menjadi tuan rumah Mesyuarat Ketua-ketua Negara Anggota Komanwel • Deklarasi Langkawi ke atas perlindungan alam sekitar dilahirkan • Menjalani pembedahan sakit jantung di Hospital Besar Kuala Lumpur
1990	• Tuan rumah untuk mesyuarat Negara G15
1991	• Wawasan 2020 diumumkan untuk mencapai status negara maju • Menganjur Pameran Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition • Projek Internet Jaring dilancarkan
1992	• Amanah Saham Bumiputera (ASB) dilancar • Kereta model Proton Iswara dilancar
1993	• Pindaan Perlembagaan untuk memansuhkan imuniti raja-raja ke atas salah laku jenayah

	• Lagu Negaraku diubahsuai dengan rentak yang lebih pantas • Kereta model Proton Wira dilancarkan
1994	• Perodua Kancil, kereta kebangsaan kedua dilancarkan
1995	• Pemimpin dunia pertama untuk bersoal jawab di Internet
1996	• Gunung Everest ditakluki oleh rakyat tempatan • Malaysian Development Corporation (MDC) dibentuk untuk MSC • Satelit pertama Malaysia—MEASAT 1 dilancar
1997	• Agenda Maklumat Teknologi Kebangsaan ditubuhkan untuk pembentukan MSC • Sistem Transit Aliran Ringan (STAR) mula beroperasi
1998	• Menganjur Sukan Komanwel • Tuan rumah untuk mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Negara Anggota APEC • Kawalan mata wang asing diperkenalkan • Pembukaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) • Pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim • Projek Usahasama Transit Ringan Automatik (PUTRA), sistem LRT dari Gombak–Lebuhr Subang mula beroperasi
1999	• Pentadbiran kerajaan berpindah ke Putrajaya • Masjid Putra di Putrajaya dibina sepenuhnya • Bangunan berkembar Petronas dilancarkan • Istana Budaya dibuka • Malaysia menjadi tuan rumah untuk perlumbaan lumba kereta F1

	• Datuk Azhar Mansor menjadi orang Malaysia pertama belayar mengelilingi dunia dengan menggunakan jalan perairan Timur-Barat
2000	• Hari Sabtu minggu pertama dan ketiga diumumkan sebagai cuti umum • Kereta nasional ciptaan rakyat tempatan model Proton Waja dilancar
2003	• Malaysia menjadi tuan rumah untuk mesyuarat Negara-negara Berkecuali (NAM) • Sistem pengangkutan Monorel mula beroperasi • Malaysia menjadi tuan rumah untuk Persidangan Negara-negara Islam (OIC)

KUPASAN PENULISAN

Buku ini mengupas persoalan bagaimanakah terbinanya legitimasi politik untuk Mahathir; bagaimana beliau menghadapi persaingan ke atas autoriti dan seterusnya berupaya untuk terus kekal sebagai pemimpin utama dan apakah faktor yang mempengaruhi legitimasi politik Mahathir, yang turut menjadikan pentadbirannya satu legasi. Perancangan dan strategi bagi mencapai sesuatu matlamat adalah berdasarkan kepada legitimasi. Sesuatu kepimpinan yang tidak ada legitimasi akan menampakkan kecacatan yang boleh membawa kepada kepincangan dalam struktur organisasi pemerintahan kerajaan, lantas tidak dapat meneruskan kepimpinan mereka.¹⁰

Ikatan emosi yang pernah terdapat dalam era kepimpinan Kesultanan Melaka dan golongan bangsawan nampaknya sudah berubah. Penerangan buku ini akan tertumpu kepada ikatan pemimpin dan pengikut yang bukan sekadar ikatan emosi semata-mata, tetapi terdapat elemen lain yang membolehkan pengikut menunjukkan kesetiaan kepada pemimpin. Ikatan ini boleh dikaitkan dengan kekuatan dan kebolehan peribadi Mahathir sebagai *the thinking*

politician terutama melalui bukunya *The Malay Dilemma*; di mana tergabung dalamnya pemikiran mengenai elemen tradisional dan konvensional termasuk kedudukan UMNO, agama Islam dan hegemoni politik Melayu. Selain daripada itu, beliau memiliki ciri-ciri kepintaran politik yang sukar ditandingi terutama sejak menampilkan diri sebagai Menteri Pendidikan pada tahun 1974.

Begitu juga dengan keupayaan untuk menghadapi apa sahaja isu mengikut perhitungan sendiri misalnya hubungan dengan golongan intelektual termasuk daripada kalangan sarjana dan aktivis sosial; hubungan dengan istana; nilai politik UMNO dan perubahan tertentu untuk meneruskan kepimpinan; penggunaan jentera awam; penggunaan media massa dan penggunaan sumber ekonomi yang dikatakan berupaya pula melahirkan kroni ekonomi. Beliau juga dilihat sebagai pemangkin dalam pelaksanaan pembaharuan dasar-dasar pentadbiran yang berorientasikan kepimpinan yang dinamik.¹¹ Berseesuaian dengan tahap tertentu maka ada elemen legitimasi yang sudah tersedia atau berbentuk tradisional, ada yang diubahsuai dan ada yang dicipta atau diwujudkan. Pada setiap peringkat, legitimasi boleh dilihat sebagai suatu formula atau strategi bagi membentuk legasi tersendiri.

Secara keseluruhannya, penulisan ini adalah untuk melihat bagaimana seorang Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO mampu bertahan lama dengan memainkan dua peranan serentak, pertama, sumbangan kepada perkembangan sokongan makro di peringkat kerajaan; dan kedua, legitimasi UMNO sendiri di paras mikro kerana kegagalan mempertahankan sokongan dalam UMNO akan turut menyebabkan beliau hilang legitimasi peringkat makro, yakni Barisan Nasional (BN) sebagai parti pemerintah. Ada ketikanya legitimasi UMNO itu kelihatan berubah menjadi makro, lebih dominan untuk memastikan kewibawaan beliau tidak tercabar.

... Mahathir, like his predecessors, is performing a dual role: on the one hand he is the defender of the Malays—a modern day political rajah, to use his own terminology—a position symbolised by his presidency of

UMNO, the government party; on the other hand, he is chairman, so to speak, of a multi-racial coalition symbolized in his position as Prime Minister.¹²

PEMIMPIN DAN KEPIMPINAN

Kepimpinan Mahathir merupakan suatu yang unik berbanding dengan kepimpinan sebelum ini. Hal ini adalah kerana sejak beliau mengambil alih kepimpinan negara pada tahun 1981, rakyat mengharapkan perubahan memandangkan Mahathir merupakan tokoh yang berwawasan, berjiwa rakyat, radikal dan dahagakan kemajuan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing. Kesemua ini memenuhi ciri-ciri kepimpinan berkarismatik, populis dan pragmatik.¹³ Walaupun begitu, beliau merupakan antara kelompok kecil yang boleh digelar *thinking politician* kerana kepimpinan yang berteraskan pemikiran yang cintakan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

Secara perbandingan, era Tunku Abdul Rahman merupakan tempoh di mana orang Melayu pada ketika itu cuba mencari jalan penyelesaian untuk membebaskan diri daripada belenggu penjajahan yang turut mencetuskan semangat nasionalisme di kalangan orang Melayu. Selain daripada itu, beliau juga berhadapan dengan masalah dalaman kerana beliau mengambil alih kepimpinan parti daripada Dato' Onn yang membuat keputusan untuk meninggalkan parti selepas gagal meyakinkan para ahli untuk mengikut cadangan beliau agar membuka keahlian kepada orang bukan Melayu. Beliau seterusnya telah membawa kepada kemerdekaan selepas British bersetuju dengan konsep kerjasama pelbagai kaum di bawah parti Perikatan. Ini menyebabkan beliau dikenali sebagai "Bapa Kemerdekaan". Sumbangan lain Tunku jelas dengan idea untuk membentuk keharmonian pelbagai bangsa di bawah satu parti.

Pengganti beliau, Tun Abdul Razak pula menumpukan perhatian ke atas pembangunan terutamanya di kawasan luar bandar. Beliau merupakan seorang yang *workaholic* dengan memegang pelbagai



Dr. Mahathir menandatangani surat cara pelantikan sebagai Perdana Menteri pada 16 Julai 1981 di Istana Negara



Bermula era Dr. Mahathir selepas secara rasminya berlaku peralihan kuasa dari Tun Hussein Onn pada 16 Julai 1981

portfolio dalam kabinet, antaranya Menteri Pembangunan Luar Bandar, Menteri Pertahanan dan Timbalan Perdana Menteri.¹⁴ Beliau juga telah merangka satu dasar pembangunan yang dikenali sebagai "Buku Merah" untuk kepentingan negara. Antara kejayaan lain beliau adalah pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan penubuhan BN pada tahun 1973. Beliau lazimnya dilihat sebagai "Bapa Pembangunan" kerana sumbangan beliau yang utama adalah untuk kepentingan kawasan luar bandar. Hal ini diteruskan oleh Tun Hussein Onn yang lebih merupakan tempoh peralihan kuasa dan status pentadbiran yang tidak membawa banyak perubahan dalam perangkaan dasar. Tun Hussein amat mementingkan isu perpaduan sehingga digelar "Bapa Perpaduan", bertujuan menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum supaya masalah keseimbangan ekonomi juga dapat diatasi. Antara projek di bawah Tun Hussein yang dilihat berjaya adalah Skim Amanah Saham Nasional serta konsep Rukun Tetangga. Akibat masalah kesihatan seperti Tun Abdul Razak¹⁵ sehingga terpaksa menjalani rawatan sakit jantung pada 1981, beliau memutuskan untuk bersara daripada politik arus perdana lantas Mahathir dilantik sebagai pengganti beliau.

LINGKARAN LEGITIMASI POLITIK MAHATHIR PEMBENTUKAN SATU LEGASI

Dalam usaha untuk menerangkan jalur-jalur yang berbeza tetapi saling berhubung antara satu sama lain, buku ini akan memfokus kepada beberapa faktor penentu yang saling berkait antara satu sama lain yang dirangka berdasarkan kepada penekanan elemen-elemen yang terhasil dari tokoh yang telah membincangkan mengenai teori legitimasi secara umumnya.¹⁶

Faktor pertama akan melihat kepada pembentukan autoriti melalui peranan personaliti dan pemikiran Mahathir sendiri, terutamanya idea untuk membangunkan bangsa dan pembentukan dasar-dasar tertentu untuk kepentingan negara. Hasil daripada pemikiran ini turut mempengaruhi keutuhan beliau sebagai pemimpin kerana

struktur pemikiran ini telah membawa banyak perubahan serta kejayaan sepanjang 22 tahun beliau memimpin kerajaan Malaysia.

Faktor kedua adalah merupakan faktor yang dilihat hampir kesemua ahli teori sebagai elemen yang paling dominan yakni perhubungan dengan ekonomi, terutama sejauh mana pembangunan kapitalis memerlukan sokongan dari aspek ini untuk membolehkan kerajaannya tidak diganti. Penulis berhujah di sini bahawa sokongan ke atas prestasi ekonomi berupaya untuk memastikan kepemimpinan itu direstui dan dibalas dengan kesetiaan kepada pemimpin tersebut. Ini terbukti dalam pilihan raya, dasar-dasar ekonomi yang memastikan kesejahteraan hidup masyarakat turut mempengaruhi corak pengundian para pengundi. Pertumbuhan ekonomi turut membolehkan peranan sains dan teknologi berkembang, menjadi asas kepada sumber legitimasi yang baru. Perkembangan sains dan teknologi dijadikan sebagai faktor ketiga yang dibincangkan dalam buku ini.

Faktor keempat adalah berpusat kepada corak aplikasi ideologi atau faktor kepercayaan yang menjadi landasan bagi sistem politik yang diamalkan itu untuk diteruskan. Ini melibatkan sejauh manakah rakyat meletakkan ideologi sebagai asas untuk memberi sokongan kepada sesuatu kepemimpinan. Penulis berhujah bahawa kelemahan atau pengabaian pada kepentingan nilai-nilai serta ajaran ideologi akan melunturkan legitimasi. Ini akan menyebabkan pemimpin berada dalam keadaan tertekan dan sebarang tindakan yang tidak berlandaskan kepentingan agama akan menyebabkan mereka tidak popular. Konfrontasi serta perpecahan akan menyebabkan segelintir beralih kepada golongan alternatif yang mampu memberi perlindungan bertunggakkkan kepada kehendak agama.

Kelima, berkenaan dengan pengaruh serta keberkesanan faktor pengiktirafan antarabangsa dalam menentukan corak kepemimpinan seseorang. Yang jelas, perkembangan pengaruh asing bukanlah baru malahan asasnya diletak sewaktu zaman kolonialisme dan perkembangan selepas zaman perang menyaksikan timbulnya satu perhubungan yang boleh menentukan jatuh bangun kepemimpinan yang terbentuk. Ini jelas dibuktikan di Indonesia, Afganistan, Venezuela

dan Iraq. Faktor antarabangsa merupakan faktor berkepentingan politik tetapi tidak memberi satu hasil mutlak daripada tindakan yang sebegitu. Pengiktirafan antarabangsa juga mampu menormalisasi kedudukan domestik jika ketegangan atau kemerosotan sokongan timbul kerana kedua-dua faktor antarabangsa dan domestik mempunyai satu perhubungan yang saling balas-membalas.

Di samping itu, legitimasi juga boleh dilihat melalui krisis politik yang telah dilalui oleh beliau. Penulis berpendapat bahawa terdapat krisis-krisis yang berlaku sepanjang kepimpinan beliau yang telah melemahkan kepimpinan beliau tetapi masih terdapat pula krisis yang membantu mengukuhkan atau meningkatkan sokongan masyarakat ke atas kepimpinan beliau. Ini dijadikan sumber legitimasi yang keenam di bawah penulisan ini.

Kesemua faktor yang dinyatakan di atas dijadikan sebagai pusat fokus legitimasi politik Mahathir, seperti yang boleh dilihat pada Rajah 1.3, yang secara langsung membentuk legasi Mahathir dalam konteks kepimpinan negara.

Rajah 1.3: Faktor-faktor yang Mempengaruhi Legitimasi Politik Mahathir



Penulisan mengenai legitimasi politik ini membolehkan ia disesuaikan dengan definisi umum legitimasi sebagai penerimaan rakyat ke atas kepimpinan beliau dan tidak menempatkan keutamaan kepada *moral right to rule* seperti mana yang pernah dikemukakan oleh penulis lain.

METODOLOGI PENGUMPULAN BAHAN PENULISAN

Pendekatan yang dominan dalam penulisan ini adalah pendekatan sejarah. Ini membezakannya dengan kaedah pemerhatian turut-serta yang tidak digunakan bagi tujuan pengumpulan data. Pendekatan sejarah membolehkan analisis dilakukan dengan melihat kepada perkaitan yang bersifat saling pengaruh-mempengaruhi atau hubungan resiprokal antara fenomena politik dan tingkah laku pemimpin. Dalam penulisan ini, ia menjurus kepada reaksi atau tindak balas Mahathir ke atas persekitaran yang memungkinkannya beliau untuk terus-menerus membawa perubahan dan meneruskan kepimpinannya itu.

Dalam usaha memanfaatkan kaedah ini, pengumpulan data lebih banyak berupa penyelidikan perpustakaan dan diikuti dengan kaedah temu bual. Oleh kerana penulisan ini melihat kepada kekuatan kepimpinan Mahathir, maka tumpuan banyak diberi kepada personaliti beliau sendiri yang dilihat merangsang sokongan terhadap legitimasi politiknya. Penulisan artikel dan buku serta ucapan oleh beliau sendiri menjadi rujukan utama diikuti dengan penulisan penulis lain mengenai beliau termasuklah dokumen sampingan terutama laporan akhbar dan ini dilakukan di Perpustakaan The Star, Straits Times, Bernama, Perpustakaan Ibu Pejabat UMNO dan halaman web Jabatan Perdana Menteri dan halaman web yang bersesuaian.

Kajian perpustakaan ke atas bahan-bahan ini turut dilakukan di Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia meman-

dangkan sumber sekunder perlu untuk mendalami pemahaman terhadap teori dan konsep legitimasi yang dibincangkan dari pelbagai aspek oleh sarjana yang berbeza. Ini juga membolehkan penulis melakukan penelitian ke atas tulisan lepas berhubung dengan kepimpinan politik Melayu, UMNO dan kepimpinan secara umum untuk membentuk rangka legitimasi yang sesuai dengan kepimpinan Mahathir. Oleh kerana penulisan ke atas tajuk ini tidak banyak dianalisis secara langsung oleh penulis lain, sumber sekunder bukan sahaja dirujuk ke atas latihan ilmiah dan buku ilmiah tetapi turut melihat kepada analisis yang dikemukakan dalam majalah seperti *Far Eastern Economic Review*, *Time*, *Asiaweek* dan *Pemikir* kerana pelaporan yang konsisten ke atas gaya kepimpinan Mahathir. Juga tidak ketinggalan adalah artikel daripada jurnal utama politik seperti *Asian Survey*, *Pacific Review*, *Pacific Affairs*, *Asian Journal of Political Science* dan *Contemporary Southeast Asia*.

Oleh kerana penulisan mengenai Mahathir banyak dilakukan tanpa melihat kepada persoalan legitimasi secara langsung, maka maklumat yang diperoleh adalah berdasarkan kepada kajian ke atas politik Malaysia dan kedua, ke atas pentadbiran Mahathir serta interaksi kepimpinan dengan dunia antarabangsa. Ini sekali gus membolehkan penulis menggunakan kesemua bahan tulisan daripada tiga kategori berbeza iaitu yang berbentuk akademik; tulisan popular dan akhbar; serta laman-laman web berkaitan untuk memaksimumkan sumber maklumat untuk tujuan penyelidikan.

Sumber maklumat di atas turut diperkukuhkan dengan kaedah kedua iaitu temu bual kerana kepimpinan Mahathir sepanjang 22 tahun mempunyai tahap permulaan, kenaikan, kemantapan dan kemerosotan tertentu. Tokoh-tokoh yang ditemu bual mempunyai ikatan dengan elemen yang dikaji, termasuklah mereka yang pernah bekerja dalam pentadbiran beliau serta mereka yang tidak sehaluan dengan beliau.

Walaupun begitu, terdapat sebilangan tokoh yang sukar dihubungi dan tidak bersedia untuk ditemu bual. Alasannya, mereka tidak mahu terlibat dalam perbincangan ini yang akan menyebabkan

pendapat mereka disalah tafsir walaupun diberitahu bahawa segala maklumat yang diberi adalah rahsia dan hanya digunakan untuk tujuan penulisan buku ini.

Jadual 1.4: Metodologi Kajian

Metodologi	Kelompok Sasaran	Aspek-aspek dan Maklumat Sasaran
Pemerhatian	Dilakukan sepanjang tempoh kajian	Mengamati maklumat bersesuaian dengan kajian yang dilakukan
Temu bual	Temu bual dengan tokoh-tokoh politik serta pemimpin baik dari parti pemerintah mahupun pembangkang	Maklumat yang relevan dapat dihubungkan dengan penemuan kajian
Rekod dan bahan perpustakaan	Maklumat sekunder berdasarkan kepada laporan rasmi, media, agensi awam, jurnal dan buku-buku, ucapan serta tidak ketinggalan kajian ilmiah dan lain-lain	Maklumat dan laporan tersebut diguna untuk kepentingan kajian secara keseluruhannya — <i>content analysis</i>

NOTA HUJUNG

1. Seterusnya dikenali sebagai Mahathir.
2. Perdana Menteri sekarang yang seterusnya dikenali sebagai Abdullah.
3. Kenyataan yang dibuat oleh Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz ketika Perhimpunan Agung UMNO kali ke-54. Dua generasi ini dirujuk kepada generasi sebelum merdeka dan generasi masa kini, "Dr Mahathir Jambatan Penghubung 2 Generasi UMNO", *Berita Minggu*, 20 Jun 2003.
4. Musa Hitam menganggap dominasi Mahathir menyebabkan bakat yang lain tidak dapat dibentuk, lihat "Pemimpin Artifisial Tidak Kekal", *Massa*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad, 8-14 Februari 2003.
5. Case, William (1992), *Semi-Democracy In Malaysia: Pressures And Prospects For Change*, dalam *Regime Change and Regime Maintenance in Asia and the Pacific*, Australia: Australian National University, hlm.1-21.

PENGENALAN

6. Bass, Jerry (1983), *Malaysia in 1982: A New Frontier*, Asian Survey, Vol.XXIII, No.2, New York: Columbia University Press.
7. Zakaria Ahmad, Khoo Kay Kim, K S Nathan, Hari Singh, Meredith Weiss, John Funston (eds.) (2000), *Trends in Malaysia: Election Assessment* dalam *Trends In Southeast Asia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
8. "I Don't Have The Dogged Determination of Dr M", *New Sunday Times*, 28 April 2002. Temu bual akhbar tersebut dengan Tan Sri Musa Hitam.
9. Aziz Zariza Ahmad (1990), *Mahathir: Triumph After Trials*, Kuala Lumpur: S.Abdul Majeed & Co, hlm. 1-35.
10. Musa Hitam berpendapat bahawa seseorang pemimpin harus melalui proses kepimpinan dari bawah dan pengalaman akan membolehkan mereka muncul sebagai pemimpin berwibawa. Ia seolah-olah diinstitusikan terutama melalui parti UMNO. Lihat "Pemimpin Artifisial Tidak Kekal", *Massa*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad, 8-14 Februari 2003. Bagi Dr.Ahmad Atory Hussein pula, sistem perkaderan merupakan yang terbaik supaya pendedahan kepimpinan yang lama akan membolehkan lahirnya pemimpin yang matang berpolitik, lihat "Bagaimana Pemimpin Dilahirkan", *Massa*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad, 8-14 Februari 2003.
11. Ahmad Atory Hussain (1997), "The Leadership Factor In Administrative Reform In Malaysia, With A Specific Study On The Leadership Of Dr. Mahathir Mohamad, Prime Minister Of Malaysia", dalam (*Pertanika: Journal Of Social Science And Humanities*), 5(2), Selangor: Universiti Putra Press, hlm.103-123.
12. Camroux, David (1994), (*Looking East And Inwards: Internal Factors In Malaysia Foreign Relations During The Mahathir Era, 1981-1994*), Australia: Centre for the Study of Australia-Asia Relations, hlm.7
13. Kepimpinan berkarismatik dirujuk kepada kepimpinan yang berwibawa dan mampu mempertahankan kepimpinannya kerana pemimpin tersebut dilihat seolah-olah sebagai *saviors of the nations*. Ini termasuklah pemimpin seperti Mahatma Gandhi, John F. Kennedy, Peron, Sukarno, Tito, Castro, Mao Tze Tung, Nelson Mandela dan Ayatollah Khomeini, sila lihat Burn, James (1978), *Leadership*, New York: Harper Colophon. Populis pula merupakan kepimpinan yang memanipulasi isu-isu sosial secara umumnya untuk melahirkan kepimpinan yang strategik. Ia menonjol di negara-negara yang sedang membangun seperti Amerika Latin, Eropah Timur dan Afrika. Antara pemimpin yang berada dalam kelompok ini adalah Juan dan Evita Peron, Carlos Menem dan Alberto Fujimori, sila lihat Ionescu, Ghita, Gellner, Ernest (1969), *Populism: Its Meanings And National Characteristics*, London: Weidenfeld And Nicolson. Kepimpinan pragmatik adalah kepimpinan yang cuba memenuhi keperluan semasa melalui tindakan yang rasional dan praktikal, lihat Menand, Louis (1997), *Pragmatism: A Reader*, New York: Vintage Book. Pemimpin-pemimpin yang boleh digolongkan di bawah kategori ini adalah Bill Clinton, Sukarno, Nehru dan Franklin Roosevelt.
14. Beliau juga telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada tahun 1959 untuk memastikan pertumbuhan ekonomi kawasan luar bandar, Ness, Gayl, D (1967), *Bureaucracy And Rural Development In Malaysia*, Berkeley: University of California Press, hlm.124.
15. Meninggal dunia kerana sakit leukemia ketika menjalani rawatan di Britain.
16. Penulis telah merujuk kepada perincian yang dikemukakan oleh beberapa sarjana mengenai konsep legitimasi politik sebelum melahirkan model legitimasi politik Mahathir. Antaranya ialah Weber, Max (1964), diterjemah oleh A.M Henderson dan Talcott Parsons, *The Theory Of Social And Economic Organization*, London: Collins-Macmillan Limited; John, Schaar (1969), "Legitimacy In The Modern State", dalam Philip Green and Sanford Levinson (eds.), *Power And Community*, New York: Random House, hlm. 284; Eisentadt, S.N. (1968), *Max Weber On Charisma And Institution Building*, Chicago: University of Chicago Press; Kittrie, Nicholas (1995), *The War Against Authority: From The Crisis of Legitimacy To A New Social Contract*, Baltimore: John

Hopkins University Press; Lipset, S.M (1963), *Political Man: The Social Basis of Politics*, New York: Anchor; Bensman, Joseph (1979), 'Max Weber's Concept Of Legitimacy: An Evaluation', dalam Vidich, Arthur; Glassman, Ronald (1979), *Conflict And Control: Challenge To Legitimacy Of Modern Governments*, London: Saga Publications; Hudson, Michael (1979), *Arab Politics: The Search For Legitimacy*, USA: Yale University Press; Alaggapa, Muthiah (1995), *Political Legitimacy In Southeast Asia: The Quest For Moral Authority*, USA: Stanford University Press; Habermas, Jurgen (1973), *Legitimation Crisis*, Boston: Beacon Press; Easton, David (1965), *A System Analysis of Political Life*, New York: Wiley; Muller, Claus (1975), *The Politics of Communication*, USA: Oxford University Press; Wrong, Dennis, H. (1979), *Power: Its Form, Bases and Uses*, New York: Harper & Row; Busch, Peter (1974), *Legitimacy And Ethnicity: A Case Study Of Singapore*, USA: Lexington Books; Hobbes, Thomas (1950), *Leviathan*, New York: E.P. Dutton and Co; Weber, Max (1958), *The Protestant Ethic And The Spirit Of Capitalism*, New York: Scribner; Beetham, David (1991), *The Legitimation Of Power*, London: Macmillan; Bell, David (1971), *The Cultural Contradiction of Capitalism*, New York: New American Library; Friedrich, Carl J (1963), *Man And His Government*, New York: McGraw Hill; Gramsci, A (1971), dalam Q. Hoare dan G.N Smith (eds), *Prison Notebooks: Selections From*, New York: International Publishes; Rousseau, Jean Jacques (1968), *The Social Contract And Discourses*, London: Everyone's Library.

2 PERSONALITI DAN PEMIKIRAN MAHATHIR

MUKADIMAH

Idea pemikiran Mahathir merupakan antara elemen yang boleh digunakan untuk melihat keberkesanan kepimpinan beliau memandangkan lazimnya pemikiran ini diterjemah ke dalam bentuk perancangan, pelaksanaan program serta ditransformasi ke arah membaiki imej dan kehidupan masyarakat. Berbeza dengan Perdana Menteri sebelum ini, Mahathir telah mula menulis sebelum mencuri politik lagi terutama yang bertemakan gaya hidup masyarakat Melayu. Melalui penulisan inilah, beliau menampakkan kelainan daripada tokoh sezamannya seperti Dato' Senu, Tun Sardon, Tengku Razaleigh, Tan Sri Musa Hitam mahupun Tun Ghafar Baba. Keupayaan intelektual beliau inilah yang menonjolkan karismatiknyanya daripada golongan ahli politik semasa.


Oleh yang demikian, dalam bab ini, penulis akan mengupas tema dari beberapa buah buku penting tulisan beliau supaya gambaran secara keseluruhan pemikiran beliau dapat diketengahkan. Untuk meneliti idea pemikiran beliau, adalah wajar diketengahkan latar belakang beliau secara terperinci termasuklah menerokai aspek sosial kehidupan beliau dan pengalaman sebagai seorang peniaga muda di Pekan Rabu, pelajar perubatan di Raffles College, Singapura, penglibatan awal dalam politik dan kemudiannya penglibatan lebih aktif dalam UMNO sehingga dilantik sebagai Perdana Menteri.

LATAR BELAKANG MAHATHIR

Mahathir dilahirkan pada 10 Julai 1925, tetapi didaftar sabagai 15 Disember 1925 walaupun rakyat menyambut 20 Disember 1925 sebagai tarikh kelahirannya, di Kedah sebagai anak bongsu daripada sembilan adik-beradik keluarga Mohamad Iskandar¹ dan Wan Tempawan Wan Hanapi. Bapa beliau yang berdisiplin dan berorientasikan pendidikan membentuk keperibadian beliau manakala ibunya lebih berperanan sebagai suri rumah tangga yang menyediakan kasih sayang dan memastikan pengetahuan agama sebagai suatu yang wajib.² Sikap ini dilihat diwarisi oleh Che Det³ dan dengan latar belakang keluarga, pendidikan dan agama, beliau menekankan disiplin diri dan keazaman untuk berjaya.

Mahathir mendapat pendidikan awal di sekolah laki-laki Melayu di Seberang Perak, Alor Setar untuk tempoh dua tahun sebelum menyambung di sekolah kerajaan beraliran Inggeris di Alor Setar. Selain berminat dengan bidang perniagaan, Mahathir juga tidak ketinggalan untuk membaca dan menulis sehingga memenangi hadiah untuk peraduan bahasa Inggeris. Beliau pernah menjadi editor majalah sekolah dan menjadi pustakawan kelas tetapi minat ke atas sukan tidak begitu memberangsangkan. Ketika berniaga jika tidak ada pelanggan, Mahathir lebih berminat untuk membaca.

Selepas Perang Dunia Kedua berakhir dan penjajahan British bermula pada tahun 1945, beliau telah meninggalkan lapangan perniagaan dan menyambung pengajian di sekolah kerajaan beraliran Inggeris, Maktab Sultan Abdul Hamid sehingga memperoleh *Senior Cambridge Certificate* dengan cemerlang. Pada tahun 1947 sehingga 1953, beliau telah melanjutkan pengajian ke Singapura dan turut mengikuti kursus *journalism* walaupun menjadi penuntut perubatan di King Edward VII College, Singapura. Pada awalnya, minat sebenar beliau adalah bidang undang-undang.⁴ Sewaktu di kolej inilah, beliau bertemu dengan Tun Dr. Siti Hasmah Ali dan perhubungan ini berakhir sehingga ke jinjang pelamin pada 5 Ogos 1956.⁵



Dr. Mahathir Mohamad semasa kecil

Kebolehan beliau bukan sahaja terhad dalam bidang pendidikan, penulisan dan perniagaan malahan menunjukkan bakat dalam kepimpinan. Sewaktu di Kolej Perubatan, beliau telah dilantik menjadi Presiden Persatuan Muslim. Ketika berniaga di Pekan Rabu, beliau pernah dilantik menjadi Ahli Eksekutif Majlis Perbandaran. Jawatan seperti ini digunakan sepenuhnya oleh beliau untuk mengetengahkan masalah yang melanda masyarakat Melayu yang dilihat dibelenggu oleh kemunduran ekonomi. Beliau memperoleh ijazah dalam bidang perubatan pada tahun 1953 dan mula berkhidmat untuk kerajaan pada tahun 1954 sebelum dipindahkan ke Hospital Besar Alor Setar pada tahun 1956. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Langkawi untuk selama enam bulan sebelum berhenti daripada perkhidmatan kerajaan pada tahun 1957 untuk memulakan perkhidmatan sendiri di bawah nama Klinik MAHA di Jalan Tuanku Ibrahim yang kemudiannya berpindah ke Pekan Melayu pada tahun 1959.⁶ Klinik ini juga dikenali sebagai Klinik Dr. UMNO kerana ada kalanya rawatan yang diberikan secara percuma terutama kepada golongan yang benar-benar tidak berkemampuan dan di samping rawatan langsung di rumah pesakit.

Walau bagaimanapun, seiring dengan perkhidmatan yang diberikan, beliau masih meneruskan minat ke atas perniagaan sehingga pernah melabur dalam firma farmasi, ejen hartanah, perlombongan dan pemaju perumahan.⁷

MAHATHIR MULA MENYERLAH DALAM POLITIK

Penglibatan Mahathir dalam politik bermula ketika beliau berumur awal 20-an. Ini jelas kerana beliau telah banyak menyumbang dalam Persatuan Melayu Kedah (PMK). Malahan selepas kekalahan Jepun dan kembalinya British dengan dasar Malayan Union (MU), Mahathir dan rakan-rakan dari PMK telah bertindak secara bersembunyi menentang cadangan MU terutamanya dengan melekat

poster di tengah-tengah malam yang memberi mesej politik, menganjurkan aktiviti sekolah dan secara berkumpulan memobilisasi sokongan penduduk menentang British. Selain daripada bergiat aktif dalam PMK, beliau juga melibatkan diri dalam Kesatuan Pemuda Malaysia, Kedah sementara penglibatan dalam UMNO bermula sejak ia ditubuhkan pada tahun 1946.⁸ Beliau hanya berumur 20 tahun pada waktu itu.

Pada tahun 1959, beliau ditawarkan untuk bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), tetapi beliau menolaknya.⁹ Hanya pada tahun 1964 beliau bersetuju untuk bertanding kerusi Parlimen Kota Setar Selatan. Tahun 1964 boleh dianggap sebagai tarikh bermulanya kegiatan politik Mahathir secara aktif, iaitu 18 tahun selepas menjadi ahli biasa UMNO. Beliau berkhidmat di kawasan ini sehingga 1969 sebelum tewas kepada calon PAS, Yusof Rawa. Walaupun berkhidmat di bawah payung parti Perikatan, beliau juga lantang mengkritik dasar kerajaan Tunku Abdul Rahman dan tidak ketinggalan Lee Kuan Yew sehingga beliau digelar *ultra*.¹⁰ Sepanjang tempoh tersebut (1964-1969), beliau juga digeruni dan disegani sehingga menampakkan kebolehan sebagai pemimpin yang berwibawa tetapi tidak mendapat tempat dalam kabinet Tunku Abdul Rahman. Walaupun begitu, beliau dilantik dalam delegasi kerajaan Malaysia ke PBB di samping menyertai seminar bertemakan hal-ehwal antarabangsa di Universiti Humburg.¹¹

Isu antarabangsa telah menarik minat beliau sejak menuntut di Singapura dan beliau sentiasa mengikuti perkembangan di Asia terutama perkembangan politik dan sosial di India, Pakistan dan tidak ketinggalan Indonesia yang menentang Belanda. Perkembangan di negara-negara ini seolah-olah mempengaruhi beliau untuk mengutamakan identiti orang Asia.¹²

Beliau kembali aktif dalam politik selepas meninggalkan perkhidmatan perubatan di hospital kerajaan dan membuka klinik sendiri. Latihan perubatan banyak membantu beliau menjalankan tugas sebagai ahli politik dengan berkesan.

... politics is a good profession for people with medical training. Doctors go through the process of observing a patient, recording his or her medical history, then you make a physical examination, do lab tests, and finally arrive at a diagnosis. The process is basically the same in politics. When I encounter a political problem, I go through the routine of observing all aspects of the problem, including its historical dimensions, analyzing it in detail to identify all the signs and symptoms, then I do "lab tests", and finally I reach a conclusion and prescribe a course of action.¹³

Pada awal penglibatannya itu, beliau dengan lantang menyalahkan kepimpinan UMNO ke atas taraf hidup masyarakat Melayu sehingga membawa kepada peristiwa rusuhan perkauman pada 13 Mei 1969.

... I blamed the political leadership of UMNO for the riots and wrote a strong letter to the Prime Minister, Tunku Abdul Rahman, urging him to resign.¹⁴

Beliau merasakan suatu dasar diskriminasi positif perkauman adalah perlu untuk mewujudkan keseimbangan ekonomi antara pelbagai kaum dan dasar ini ternyata menjadi pusat tumpuan kepimpinan beliau kemudiannya.

... an equitable racial policy is of the utmost importance in a country with several different ethnic groups who were not enjoying the same level of economic prosperity. This remained the largest challenge in creating a stable society and later become the central theme of my political actions as a leader of the country.¹⁵

Mahathir yang juga dikenali sebagai *Young Turk* telah menulis surat bertarikh 17 Jun 1969 (Lampiran II) kepada Tunku bertujuan menyatakan kekecewaan beliau serta sekumpulan ahli UMNO ke atas dasar serta kegagalan Tunku memperbaiki taraf hidup masyarakat Melayu. Beliau mengkritik idea keharmonian kaum yang nampaknya hanya berjaya memenuhi kepentingan masyarakat Cina. Beliau juga kurang senang dengan kelantangan orang Cina dan

kelembutan Tunku dalam soal bahasa dan bilangan orang Cina dalam pentadbiran. Malahan beliau kecewa dengan sikap toleransi Tunku berhubung dengan hukuman gantung sampai mati ke atas 11 orang yang didapati bersalah menderhaka kepada negara ketika konfrontasi. Ini kerana jika hukuman tersebut dilakukan, orang Cina akan menentang kerajaan tetapi jika mereka tidak dihukum, ia memperlihatkan kelemahan kerajaan seolah-olah berada di bawah ancaman orang Cina.¹⁶

Walaupun surat tersebut adalah maklumat peribadi, namun ia telah sampai ke tangan wartawan sehingga menjadi satu dokumen terbuka. Ini menyebabkan pemimpin UMNO tidak mempunyai pilihan melainkan memecat beliau daripada menganggotai parti tersebut.¹⁷ Pemecatan Mahathir mungkin bertujuan untuk meyakinkan masyarakat bukan Melayu bahawa golongan ekstremis yang dirujuk pada Mahathir, akan dihukum, tetapi ia kurang meyakinkan orang Melayu sendiri mengenai keupayaan parti UMNO untuk mempertahankan hak-hak mereka.¹⁸ Mahathir juga telah mengadakan pertemuan dengan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) sehari sebelum beliau dipecat dan satu petisyen bersama hampir 1600 tandatangan meminta Tunku meletak jawatan telah diserahkan kepada Mahathir dalam perhimpunan di Auditorium Fakulti Pendidikan Universiti Malaya itu.¹⁹ Persoalan juga timbul iaitu apakah Mahathir akan menulis surat sedemikian rupa jika beliau berjaya mempertahankan kerusi Parlimen beliau. Apa yang menarik di sini ialah kekalahan dalam pilihan raya 1969 itu rupanya telah membolehkan beliau pada akhirnya menjadi wira masyarakat Melayu dan parti Melayu; sesuatu yang tidak pernah berlaku dalam sejarah politik Malaysia.²⁰

Mahathir menerima keputusan tersebut dan tidak menyesal berbuat demikian. Sebelum bertindak sebegitu, beliau sudah menyedari risiko yang juga boleh memendekkan karier politik beliau tetapi oleh kerana kepentingan masyarakat diutamakan, maka beliau meneruskan hasrat tersebut agar sesuatu akan dilakukan untuk meningkatkan martabat bangsa Melayu. Selepas dipecat, beliau

seolah-olah berada dalam *buangan politik* kerana ramai yang berasa takut untuk menemuinya sehingga ada kempen untuk memulau perkhidmatan klinik beliau terutama di kalangan orang Cina. Walaupun begitu, selepas seketika beliau menyertai semula seminar atau ceramah yang dianjurkan oleh pihak tertentu tanpa mengira mana-mana parti tetapi sebagai seorang berbangsa Melayu yang prihatin. Namun, beliau tidak pernah terfikir untuk menyertai parti pembangkang mahupun menubuhkan parti sendiri kerana tidak mahu wujud lagi perpecahan di kalangan orang Melayu walaupun pernah hadir di pentas ceramah PAS sewaktu pilihan raya kecil Merbok, Kedah diadakan²¹ dan pentas rapat umum PAS Kapar, Selangor.²² Pada waktu yang sama, beliau menulis kertas kerja untuk seminar Pemuda UMNO di Morib.²³ Mahathir tidak membuat sebarang permohonan untuk menyertai semula UMNO pada ketika itu. Ketika berada dalam buangan inilah, beliau telah menulis buku *The Malay Dilemma* yang telah diharamkan pengedarannya di Malaysia kerana didapati mengkritik Tunku dan dasar kerajaan walaupun ada yang beranggapan ia diharamkan kerana pandangan yang terlalu ekstrem ke atas orang Melayu.

Selepas Tunku bersara dan dengan pelantikan Tun Razak sebagai Perdana Menteri, beberapa usaha telah dibuat untuk membawa semula Mahathir ke dalam UMNO.²⁴ Desakan dan jaminan bahawa beliau bebas bergerak menyebabkan beliau bersetuju untuk kembali aktif dalam UMNO dan telah dilantik menjadi ahli Majlis Tertinggi pada tahun 1972 dan seterusnya sebagai senator pada tahun 1973 dan sebagai Pengerusi FIMA pada tahun yang sama. Pada tahun 1974 pula, beliau kembali bertanding dalam pilihan raya umum dan seterusnya dilantik sebagai Menteri Pendidikan.

Penampilan beliau yang menyerlah waktu itu membolehkan beliau turut terpilih sebagai salah seorang Naib Presiden UMNO dalam pemilihan tahun 1975. Pada waktu itu Tun Razak semakin uzur dan meninggal dunia pada tahun 1976. Tun Hussein telah memilih Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru

sejurus selepas menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ketiga.²⁵ Pelantikan itu mendapat perhatian ramai kerana beliau dilihat sebagai tokoh kontroversi memandangkan tindakan beliau ke atas guru-guru dan pergerakan pelajar dan pada waktu yang sama beliau sudah dilabel sebagai *ultra* atau *ekstremis* oleh masyarakat bukan Melayu. Karismatik kepimpinan Mahathir telah menonjol selari dengan jawatan yang disandang apatah lagi Tun Hussein juga menghidap sakit jantung. Pembedahan yang dilalui serta keadaan kesihatan beliau yang membimbangkan menyebabkan beliau membuat keputusan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan Mahathir diberi mandat untuk menerajui kerajaan mulai 16 Julai 1981, ketika berusia 55 tahun, iaitu sebagai Perdana Menteri yang keempat Malaysia. Jadual 2.1 dan 2.2 merupakan kronologi latar belakang beliau sehingga dilantik ke kerusi No.1 kerajaan. Sebagai anak *Malaysian Renaissance*²⁶ beliau dilihat sebagai pencetus reformasi di Malaysia berdasarkan kepada penjelasan dalam bab-bab yang berikutnya.

Jadual 2.1:
Latar Belakang Awal Mahathir

Tahun	Peristiwa dan Aktiviti	Keterangan
1925		Dilahirkan di bawah keluarga Mohamad Iskandar dan Wan Tempawan Wan Hanapi
	Persekolahan 1945-1947 1947-1953	Sekolah Laki-laki Melayu, Seberang Perak Sekolah kerajaan beraliran Inggeris (Kolej Sultan Abdul Hamid), Alor Setar Kolej Perubatan King Edward VII, Singapura

	Perniagaan	Sekolah Rendah: Menjual belon dan mengadakan permainan tikam Zaman Penjajahan: Menjual pisang dan pisang goreng Minuman kopi dan kek Buah-buahan dan kraf tangan
	Penulisan	Editor: Majalah Sekolah 'Darul Aman' dan Majalah Kolej Perubatan Artikel dalam <i>Straits Times</i> dan <i>Sunday Times</i>
1953	Bertunang	Pertunangan dilangsungkan ketika Siti Hasmah Ali masih belajar perubatan
1956	Perkahwinan	Berkahwin dengan Siti Hasmah Ali dan dikurniakan 5 orang anak serta 2 orang anak angkat
1954- 1957	Perkhidmatan kedokteran	Hospital Besar Pulau Pinang Hospital Besar Alor Setar Langkawi, Perlis Klinik MAHA
	Kepimpinan	Pustakawan Kelas Ahli Eksekutif Majlis Perbandaran Presiden Persatuan Muslim, Kolej Perubatan

Jadual 2.2:
Kronologi Penglibatan Awal Mahathir dalam Politik

Tahun	Keterangan
Awal 1920-an	Persatuan Melayu Kedah Seberkas, Kesatuan Pemuda Malaysia, Kedah
1946	Menjadi ahli UMNO
1959	Ditawar bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri tetapi menolak
1964-1969	Bertanding kerusi Parlimen Kota Setar Selatan dan menang Delegasi kerajaan ke Persidangan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Seminar Humburg—Hal-ehwal Antarabangsa
1969	Sekali lagi bertanding kerusi Parlimen Kota Setar Selatan tetapi tewas Surat kepada Tunku Pemegang amanah MAYC
1969-1972	Dalam buangan politik Menulis buku <i>The Malay Dilemma</i>
1972	Menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO
1973	Dilantik sebagai Senator Pengerusi FIMA
1974	Menteri Pendidikan (Jawatan Kabinet Pertama)
1975	Naib Presiden UMNO
1976	Timbalan Perdana Menteri Timbalan Presiden UMNO Menteri Perdagangan dan Industri
1981	Perdana Menteri Malaysia Presiden UMNO
2003	Bersara dari jawatan awam

MAHATHIR SEBAGAI SEORANG PEMIKIR-INTELEKTUAL

Mahathir muncul sewaktu Malaya dilihat memerlukan seseorang intelektual yang mampu berfungsi sebagai seorang pemikir dan beliau sesungguhnya adalah seorang *thinking politician* yang lebih terserlah berbanding dengan tokoh sezaman dengannya. Ia juga dikaitkan dengan ketiadaan perjuangan revolusioner bagi kemerdekaan sebagaimana di Indonesia atau sesuatu gerakan nasionalisme radikal. Lantas, golongan intelektual didapati tidak berasa kehadiran mereka dalam lingkaran masyarakat adalah penting.²⁷ Ini dilihat sebagai antara faktor penyumbang kepada kelewatan Malaysia untuk bangkit bersama dengan negara lain di Asia. Ketandusan golongan intelektual menyebabkan minat untuk memperbaiki ekonomi orang Melayu tidak ada. Antara yang pernah mengemukakan masalah kemunduran orang Melayu adalah Abdullah Kadir Munsyi dan Za'ba yang menyalahkan masyarakat feudal, penindasan dan kaum bangsawan yang mentadbir dengan tidak efektif.²⁸ Sistem pendidikan British dan kehadiran bangsa Cina dan India dilihat punca terbantutnya daya intelektual untuk berfikir cara memperbaiki ekonomi masyarakat Melayu.

Edward Shils menganggap sekadar mempunyai prasarana masih belum berupaya memastikan berubahnya daya intelektual. Mahathir dilihat mengeksploitasi suasana dan menggunakan krisis semasa untuk mengetengahkan daya intelektualnya. Golongan intelektual lazimnya terserlah dalam suasana krisis dan krisis 13 Mei 1969 boleh dianggap sebagai krisis yang membantu masyarakat dan pemimpin mengenali Mahathir dengan lebih rapat. Beliau boleh dianggap sebagai sebahagian daripada *modern intellectual culture* kerana *it carries with it a partial transformation of the self and a changed relationship to the authority of the dead and the living*.²⁹ Malahan ciri intelektual lain yang disenaraikan oleh Edward Shils kebetulannya terdapat pada Mahathir iaitu dari aspek pekerjaan iaitu sebagai seorang profesional, sementara menggunakan politik

sebagai arena yang menyerlahkan keberkesanan dan kebolehannya sebagai seorang pemikir dan intelektual. Mahathir juga dianggap sebagai pemikir kerana para pemikir intelektual akan mengaitkan diri dengan massa dan berinteraksi dengan mereka. Ini disokongi oleh emansipasi dan semangat nasionalisme serta asimilasi dengan budaya baru di Singapura yang turut memainkan peranan penting dalam proses mengembangkan idea intelektual beliau. Beliau merupakan seorang pemikir-intelektual yang meneroka alam pemikiran dan melihat sesuatu secara kritikal dalam usaha untuk membangunkan orang Melayu.³⁰

Ada penulis yang melihat bahawa golongan intelektual di negara-negara bukan Barat adalah berasal-mula dari kelas pemerintah, seperti Nehru di India, Kwame Nkrumah di Ghana dan Ne Win di Myanmar. Selain daripada itu, kategori intelektual lain adalah dilabelkan sebagai *Young Turks*³¹ seperti Mahathir, Tengku Razaleigh Hamzah³² dan Tan Sri Musa Hitam.³³ Walaupun begitu, Mahathir adalah satu-satunya yang muncul dengan idea beliau untuk membangunkan bangsa Melayu dalam bentuk penulisan yang komprehensif. Seseorang yang dilabelkan sebagai intelektual juga dilihat muncul dari penentangannya ke atas *status-quo* keduniaan termasuklah sistem feodal dan penjajahan. Schubungan ini, maka banyak pandangan Mahathir berupaya membolehkan beliau untuk terus dikagumi dan seterusnya berkuasa untuk satu jangka masa yang panjang, sesuai dengan tanggapan Benda bahawa, '*intelligentsias are very likely to remain the prime political actors in many non-western countries*'.³⁴

Mahathir adalah seorang pemikir-intelektual dan ini boleh dilihat daripada penulisan beliau sehingga kini. Maka itu, walaupun tidak kesemuanya diberi tumpuan³⁵, perincian perbincangan adalah pada tulisan-tulisan beliau yang dimuatkan dalam *The Straits Times* dan *The Sunday Times*, *The Malay Dilemma*, *The Challenge*, *Way Forward* dan *A New Deal For Asia* (lihat Rajah 2.1) untuk mengupas idea utama beliau.³⁶


Jadual 2.3: Tajuk-tajuk Artikel C.H. E Det yang Pernah Disiarkan oleh Akhbar *The Straits Times*

Tarikh	Tajuk
20 Julai 1947	Malay Women Make Their Own Freedom
26 September 1948	Malays And Higher Education
17 Oktober 1948	Malays And Higher Education: Summing Up
28 November 1948	Town Malays Drop National Dress
9 Januari 1949	Ronggeng Is Popular
23 Januari 1949	Picnic Time In The Dusun
6 Februari 1949	Rains Bring Fish To Sawah
24 April 1949	Malay—"Modern and Standard"
7 Julai 1949	Tapak Cherpu Duli Yang Maha Mulia
24 Julai 1949	Malay Housewives Are Busy
7 Ogos 1949	The Rulers Are Losing Loyalty
18 September 1949	Weekly Fair At Alor Setar
9 Oktober 1949	Rulers And Rakyat—Climax Is Near
30 Oktober 1949	Malay Padi Planters Need Help
20 November 1949	Changing Malay Marriage Customs
27 November 1949	Malay Progress And The University
8 Januari 1950	Malays In South Siam Struggle On
9 April 1950	New Thoughts On Nationality
23 April 1950	Plight Of Malay Fisherfolk
27 Mei 1950	Dato' Onn: The Unconverted Opposition
9 Februari 1951	The Peninsular Malays Union

Sebanyak 21 artikel pernah disumbangkan oleh Mahathir sewaktu masih menuntut lagi dan telah disiarkan dalam akhbar *The Straits Times*. Ini tidak bermakna beliau tidak menulis selepas menamatkan

pengajian malahan ada tulisan beliau yang ditemui dalam bahan terbitan yang lain selain daripada akhbar ini.³⁷ Penulisan beliau dalam akhbar ini boleh dibahagikan kepada beberapa tema utama seperti isu wanita, pendidikan dan bahasa, budaya, nilai dan aktiviti masyarakat Melayu serta peranan institusi raja-raja dan iklim politik semasa. Selain daripada merujuk kepada buku-buku serta artikel penulisan beliau, penulis juga cuba menghubungkan kait tema yang terpilih dengan ucapan Mahathir dalam Perhimpunan Agung UMNO manakala ucapan lain yang disampaikan dalam persidangan luar dan dalam negara dimuatkan terus ke dalam bab yang berkaitan (lihat Rajah 2.1).

Rajah 2.1: Pemikiran Mahathir



TEMA UTAMA PEMIKIRAN MAHATHIR

Terdapat beberapa tema utama yang boleh dijadikan sebagai topik perbincangan pemikiran Mahathir, seperti yang boleh dilihat di bawah.

Tanggapan Mahathir Mengenai Orang Melayu

Hampir kesemua tulisan beliau membicarakan sistem budaya dan nilai masyarakat Melayu. Ia bermula sejak beliau menulis dalam akhbar *The Straits Times* dan *The Sunday Times*. Daripada pengamatan beliau sewaktu belajar di bandar kosmopolitan Singapura, kehadiran pelancong asing telah menyebabkan nilai-nilai budaya luntur di kalangan orang Melayu Singapura. Setiap tulisan Mahathir memperlihatkan pengetahuan beliau yang begitu mendalam serta terperinci mengenai maklumat yang ingin disampaikan.³⁸ Begitu juga dengan perkelahan di dusun durian yang dibandingkan dengan keadaan di Singapura di mana penjual menunggu pembeli di gerai buah-buahan mereka.³⁹ Ini berbeza dengan pengalaman beliau di Kedah yang lazimnya mengadakan perkelahan di dusun, malahan ada dusun yang dipajak kepada orang ramai untuk mengaut sedikit keuntungan./

Selain aktiviti tarian dan perkelahan, aktiviti perikanan juga menjadi tarikan beliau yakni aktiviti perikanan yang dilakukan di sawah-sawah berbanding dengan di sungai ataupun laut—*fishing in the bendang requires a vastly different technique from river or sea fishing*.⁴⁰ Kesemua teknik penangkapan yang digunakan untuk menangkap pelbagai jenis ikan sebenarnya bukan dalam kuantiti besar—*all these methods are employed by kampung folk when they want fish for home consumption only. The amount caught is never big enough to yeild a profit*⁴¹ dan *the demand for this type of fish is confined to kampung folk only*.⁴² Setiap tulisan mengenai amalan atau aktiviti masyarakat Melayu diberi penjelasan mendalam untuk memudahkan pemahaman, terutamanya di kalangan pembaca daripada bangsa lain.⁴³

Di samping menghuraikan aktiviti tertentu yang berkait rapat dengan sistem budaya sesuatu masyarakat, beliau turut mengkritik sesuatu upacara misalnya, budaya dan perkahwinan terutama di kalangan golongan diraja.⁴⁴ Beliau mendapati aktiviti begini lebih kerap melibatkan perbelanjaan yang berlebihan, sedangkan ia ditanggung oleh kerajaan. Beliau juga turut mengkritik amalan orang



Dr. Mahathir sering sukar mengawal emosi apabila bercakap mengenai nasib dan masa depan bangsa Melayu

biasa kerana berbelanja secara berlebihan terutamanya dengan berhutang semata-mata untuk kenduri majlis perkahwinan anak-anak mereka.

Perbincangan beliau mengenai gaya hidup dan budaya masyarakat Melayu mula berubah selepas kembali ke Tanah Melayu. Analisis mengenai hal-hal negatif itu ditulis secara terperinci dan dimuatkan dalam buku *The Malay Dilemma*. Beliau percaya budaya merupakan antara sebab mengapa orang Melayu mundur berbanding dengan bangsa yang lain.⁴⁵ Orang Melayu dianggap mewarisi sikap dan amalan lapuk yang sudah berabad lamanya kerana dipengaruhi oleh persekitaran mereka.

... if family characteristics are passed from father to son, racial characteristics must also be passed from generation to generation.⁴⁶

Dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1993, beliau pernah menyatakan—"jika sehingga beberapa tahun yang lalu orang Melayu dan bumiputera agak mundur berbanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia, ini bukanlah kerana alam semula jadi atau kelakuan mereka. Apabila mereka mengubah nilai budaya mereka, prestasi mereka meningkat".⁴⁷ Beliau mengandaikan bahawa ramai pelajar Melayu berada di bawah paras kecergasan mereka kerana persekitaran semula jadi dan kelakuan mereka sendiri.⁴⁸ Timbul pula persoalan kegeligaan yang dikaitkan oleh Mahathir dengan persekitaran semula jadi dan kelakuan mereka yang menjauhkan diri daripada bahasa Inggeris dan subjek yang lain tetapi yakin mereka boleh mencapai kecemerlangan jika dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru.

Beliau menyatakan bahawa secara semula jadi orang Melayu adalah terbelenggu oleh kompleks rendah diri dengan mewarisi sifat tersebut, menyebabkan kenyataan ini telah menerima kritikan yang besar. Malahan faktor persekitaran juga dianggap sebagai yang dominan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

... environment is the most important factor responsible for the physical, mental and psychological development of man.⁴⁹

Faktor geografi juga dilihat mempengaruhi gaya hidup mereka kerana mendapat sumber makanan yang cukup menyebabkan mereka tidak pernah berlapar atau perlu berusaha keras untuk memperolehnya.

... no great exertion or ingenuity was required to obtain food. There was plenty for everyone throughout the year. Hunger and starvation, a common feature in countries like China, were unknown in Malaya. Under these conditions everyone survived. Even the weakest and the least diligent were able to live in comparative comfort, to marry and procreate. The observation that only the fittest would survive did not apply for the abundance of food supported the existence of even the weakest.⁵⁰

Malahan yang lemah dan kurang berkemampuan masih boleh berkahwin dan meneruskan kehidupan mereka. Tidak wujud *survival of the fittest*. Cuaca juga dianggap memainkan peranan kerana cuaca yang panas menyebabkan ia dianggap tidak kondusif, memungkinkan ramai yang berehat dan meluangkan masa bersama rakan mereka.⁵¹ Perkahwinan sesama sanak saudara juga dianggap akan menghasilkan kesan ke atas genetik kerana terikat dengan kelakuan atau perilaku yang diwarisi. Amalan perkahwinan sesama sanak saudara juga dilihat sebagai satu kelemahan berbanding perkahwinan di luar talian kekeluargaan kerana warisan sifat atau ciri-ciri tertentu.⁵²

Beliau juga mendapati bahawa nilai dan tatasusila mempunyai kaitan dengan sikap orang Melayu.⁵³ Pertembungan sikap toleransi dan *easy going* orang Melayu berbanding dengan sikap orang Cina yang merangsang mereka untuk bekerja keras dan bijak mengendalikan perniagaan juga dianggap antara faktor penyumbang ke arah pencapaian seseorang.⁵⁴

Selain daripada itu beliau juga mendapati orang Melayu mempunyai beberapa sikap yang terikat dengan etika budaya dan gaya hidup mereka; orang Melayu mudah dieksploitasi dan menyerah⁵⁵; perwatakan yang selari dengan nilai dan etika masyarakat.⁵⁶ Mereka juga dilihat gagal menghargai masa.⁵⁷ Orang Melayu juga dilihat

ingin mendapat keuntungan segera dan tidak berusaha memahami kepentingan wang untuk jangka panjang. Mereka juga tidak dapat menilai potensi wang dan harta yang sebenar. Sikap ini mungkin wujud kerana mereka merasakan wang tidak begitu bermakna dalam tradisi kehidupan mereka.

... they are agriculturists. Money doesn't mean the same thing to them as it does to the Chinese. They do not have the wish or the capacity for hard work.⁵⁸

Walaupun ramai beranggapan bahawa buku ini adalah tulisan seorang yang fanatik tetapi secara langsung beliau mengkagumi budaya masyarakat lain dan membandingkan dengan budaya warisan masyarakat Melayu, misalnya perbandingan dengan "nilai kerja" orang Cina di mana:

... The Chinese were moved by a desire for a better life and obviously by the determinations to work for this ... the Malays whose own hereditary and environmental influence had been so debilitating, could do nothing but retreat before the onslaught of the Chinese immigrants. Whatever the Malays could do, the Chinese could do better and cheaper.⁵⁹

Jika *The Malay Dilemma* melihat kepada yang sedang dan telah terjadi, buku *The Challenge* yang diterbitkan pada tahun 1976 cuba mengetengahkan apa yang akan dihadapi jika tidak wujud sikap mengadaptasi kepada kehendak semasa termasuklah intepretasi yang berlainan ke atas kehendak sebenar agama berkaitan dengan nilai, etika dan sikap yang akan menyebabkan masyarakat Melayu terus mundur.⁶⁰ Beliau turut berpendapat:

... ignorance of what constitutes spirituality, and failure to see the distinction between materialism and a healthy involvement in worldly concerns, render some sections of the Malay (Muslim) community susceptible to the notion that Islam exhorts believers to turn their backs on the world.⁶¹

Sebilangan idea yang dibincangkan dalam *The Malay Dilemma* masih diberikan perhatian apabila perbincangan ciri-ciri budaya Melayu seperti takdir dan kemajuan terikat dengan nilai orang Melayu dan beliau tetap berpegang kepada pendapat bahawa orang Melayu hanya akan berjaya jika mengamalkan nilai-nilai yang progresif.⁶² Nilai-nilai ini termasuklah rasa hormat kepada orang tua, pentadbiran serta mengamalkan pakaian yang sopan, kelakuan yang baik serta amalan keagamaan, bertanggungjawab ke atas perkahwinan, keluarga, kerja dan sifat-sifat yang bermoral.

Di sebalik mempertahankan nilai-nilai murni tersebut, beliau juga cuba menjelaskan bahawa ia penting untuk menghadapi ancaman Barat yang dianggap memiliki banyak nilai yang kurang sihat, dengan mengetepikan amalan tradisional walaupun nilai itu pernah menghasilkan kejayaan kepada mereka pada satu ketika dahulu.⁶³

Ancaman Barat ke atas masyarakat Melayu dianggapnya cukup besar kerana nilai yang kurang menyenangkan ini tidak dapat dibendung apatah lagi dengan perubahan sistem komunikasi dan sikap masyarakat sendiri yang masih mengagung-agungkan Barat, di mana apa yang dilakukan oleh mereka lazimnya akan menjadi ikutan masyarakat tempatan.⁶⁴ Hal ini tidak bermakna bahawa amalan meniru tidak digalakkan kerana Timur pernah menerima kualiti Barat seperti disiplin dan pengurusan yang cekap pada satu ketika dahulu tetapi apa yang berlaku kini merupakan amalan yang boleh memudaratkan masyarakat secara umum menjadi modal ikutan pula— *the wild ways of the West are quickly assimilated, but not the values and norms which have given strength to the West*.⁶⁵

Beliau menganggap Barat sudah berubah daripada nilai baik kepada nilai buruk dan perubahan ini mudah pula untuk ditiru. Masyarakat Melayu dilihat akan melalui keruntuhan moral walaupun amalan ini masih pada peringkat awal kerana kesemua sistem nilai Barat diambil tanpa memikirkan yang mana sesuai dengan nilai orang Melayu.

... from one generation to another, copying preserves the norms and values of a people. Copying becomes a problem when it is done indiscriminately, without weighing whether what is copied is good or bad.⁶⁶

Beliau menganggap hanya melalui kesinambungan pengurusan berorganisasi dan disiplin boleh mengukuhkan kedudukan masyarakat Melayu. Ini jelas sejak penentangan ke atas Malayan Union pada tahun 1946.

... the UMNO which was set up to oppose the Malayan Union was extremely lacking in funds, in educated leaders and other aspects. But because the members were more organized than in the past and were prepared to obey their leader's directives, the British government could not reject UMNO's demands.⁶⁷

Kedua-dua sifat tersebut iaitu disiplin dan amalan berorganisasi juga dikatakan penting untuk masyarakat Melayu kekal bersaing dengan bangsa lain.

... the fact that the Malays have succeeded in freeing themselves from colonial shackles does not mean that they no longer need to practice the organization and discipline they have learnt. The Malays still compromise a small and backward community in their own country. Since organization and discipline can give strength to the weak, it is important that the Malays continue to practice them.⁶⁸

Ia juga dikatakan tidak bertentangan dengan apa yang terdapat dalam nilai agama Islam.

... Islam ensures that all aspects of life are organized in a disciplined way with definite laws and rules. Religious laws and rules, like other laws and rules, are effective and meaningful only when the believers or the society concerned obey them. This means that organization and discipline are vital to the essence of Islam as the true faith.⁶⁹

Selepas 28 tahun menghasilkan buku pertama beliau, penulisan Mahathir jelas berubah dalam buku *The Way Forward* yang diterbitkan

kan pada tahun 1998. Walaupun tidak menyatakan bahawa sistem nilai dan budaya masyarakat Melayu sudah diubahsuai tetapi menganggap tanpa wujudnya reformasi dalam budaya tempatan, DEB akan gagal.

... the bumiputeras were historically a farming, petty trading and civil service community, who had a lackadaisical, even naive, attitude towards money and business. A cultural reformation, involving new skills, new approaches and new values, was essential if the bumiputeras were going to be changed into a confident, commercially sophisticated community, capable of competing with the non-bumiputera business community. Without this cultural change the bumiputeras would fail, and, if they failed, the NEP would fail too.⁷⁰

Mahathir juga mendapati bahawa kurang keyakinan satu ketika dulu telah hampir hilang, malahan sudah terdapat mereka yang tidak lagi bergantung kepada projek kerajaan semata-mata. Mereka sudah berupaya membina keyakinan dan kredibiliti serta boleh menanggung beban kewangan untuk membeli syarikat besar bukan sahaja di dalam tetapi juga di luar negara. Situasi kini telah berubah berbanding dengan tahun 1970-an.

... the picture today is very different from that in 1970 and earlier. The imbalances in the economic development of the bumiputeras and non-bumiputeras have not been totally eliminated, but they are certainly not as glaring as before. The NEP objectives, in terms of wealth redistribution and restructuring to eliminate the identification of race with economic function, have not yet been fully met, but no race can now be said to be unrepresented in any field.⁷¹

Penstrukturan semula ekonomi dianggap jalan terbaik untuk mengatasi dilema orang Melayu untuk membentuk keperibadian yang baru.⁷² Ini kerana pada ketika itu, bumiputera dilihat kurang berkeyakinan.

... the bumiputeras not only lacked the essential skills in business, but also

suffered from a debilitating lack of self-confidence. Even if they were given the opportunities and the support, even if there was positive discrimination in their favour, it was never certain that they could avail themselves of the opportunities and succeed.⁷³

Orang Melayu dilihat kurang percaya pada kebolehan diri sendiri dan sifat ini dikatakan muncul sewaktu zaman kolonialisme British yang mengamalkan sistem *divide and rule*.

... one of the most important aspects of bumiputera culture which changed, deliberately as well as incidentally, was selfconfidence. The Malays and the other bumiputeras had little confidence in their own abilities. Having lived under British colonial rule and having been separated from the aggressively successful immigrant races, the bumiputeras were convinced that they could never succeed as other peoples had succeeded. They believed they were not as good or as capable as others, and felt they needed support all the time, indeed for ever. They felt a need to be held by the hand and led.⁷⁴

Keyakinan dianggap perlu untuk mencuba cara dan idea baru supaya kejayaan dapat dicapai. Malahan kerajaan juga tidak pasti akan cara terbaik melaksanakan dasar tersebut sejak awal sehingga kontrak, lesen dan permit import diberi tanpa penapisan sepenuhnya. Ada juga organisasi kerajaan yang menubuhkan agensi di bawah pentadbiran perkhidmatan awam yang tidak memiliki pengalaman menguruskan perniagaan. Walaupun begitu, kaum bumiputera dilihat berjaya menceburi pelbagai bidang. Jangka masa yang panjang di bawah DEB turut memperlihatkan bagaimana agihan kekayaan negara berjaya mengurangkan kadar pengangguran dan negara terus membangun dengan pesat.

... unemployment was reduced to zero, and poverty was almost entirely eradicated. No one felt deprived because of the NEP, even though there was discrimination. This was because there was more than enough for everyone.⁷⁵

Selain daripada inisiatif peribadi atau kesungguhan diri, etika kerja juga dianggap kunci kejayaan sesuatu organisasi. Ini termasuk sikap rajin bekerja, disiplin dan bertanggungjawab. Ini bersesuaian dengan perubahan daripada hanya menjadi petani, peniaga kecil-kecilan dan komuniti yang memberi perkhidmatan awam kepada masyarakat yang mementingkan perniagaan komersial dan perindustrian. Mahu tak mahu, transformasi budaya perlu ketika proses perubahan dan penyesuaian berlaku.⁷⁶ Secara langsung, sikap bergantung kepada kerajaan dapat dihapuskan.⁷⁷

Perubahan ke atas budaya dianggap akan membentuk satu set tingkah laku yang boleh dihubungkan dengan budaya baru bersesuaian dengan masyarakat "baru". Mahathir juga menganggap keunggulan bangsa Melayu sebagai "Melayu Baru" banyak bergantung kepada DEB serta struktur budaya dan nilai-nilai baru untuk bersaing dengan komuniti lain di peringkat antarabangsa.

Secara keseluruhan, tulisan beliau merupakan perbincangan ke atas DEB. Ia juga merupakan kesinambungan daripada penulisan sebelum ini yang memperlihatkan perlunya perubahan dalam nilai budaya supaya dapat bersaing dengan masyarakat lain dalam era baru dan seterusnya melahirkan "Melayu Baru". Yang nyata, persoalan kedudukan orang Melayu merupakan sesuatu yang terikat dalam diri beliau sejak tulisan awal walaupun perubahan yang ketara jelas apabila kurang menganalisis pertembungan dengan intraetnik di dalam negara.

Sementara itu, persoalan sistem nilai budaya baru yang diketengahkan dalam kesemua buku beliau, termasuk dalam buku *A New Deal For Asia* yang diterbitkan pada tahun 1999. Mahathir berpendapat dengan kewujudan dasar baru, ia tidak mungkin berjaya tanpa adanya perubahan atau penyesuaian dengan nilai baru.⁷⁸ Ini akan memudahkan masyarakat Melayu berhadapan dengan komuniti yang lebih maju berbanding hanya sekadar menjadi petani dan *petty trader*.

... it was simply necessary to work harder, and in order for people to want to work harder, a new attitude towards work was imperative. Modernization of the mind has been a prerequisite to the modernization of the economy.⁷⁹

Prestasi sesebuah komuniti juga turut dikaitkan dengan sistem nilai yang membentuk asas budaya mereka. Sesebuah budaya yang menekankan kejayaan akan berjaya akhirnya, menurut beliau lagi. Ini telah membawa kepada lahirnya Melayu Baru.

... New Malay is someone who has a culture that is suitable to the changing times, who is willing to face all challenges, who can compete without assistance, who is educated and learned, sophisticated, disciplined, trustworthy and efficient.⁸⁰

Selain daripada itu, berikutan dengan menularnya krisis ekonomi 1997-1998, ada yang menganggap ia turut membuktikan kegagalan *Asian Values*. Berikutan dengan itu, beliau menyatakan bahawa walaupun beliau menekankan nilai-nilai Asia, ini tidak bermakna nilai-nilai Barat itu semuanya buruk bahkan mungkin boleh diwujudkan perkongsian tertentu pula. Antara aspek *Asian Values* yang ditekankan oleh beliau adalah berorientasikan nilai komuniti dan keluarga daripada kepentingan individu; menghormati pemilik kuasa terutama hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak. Walaupun begitu beliau melihat ada nilai-nilai yang perlu diubah dan ada nilai-nilai tradisi yang perlu terus dikekalkan terutama yang berkaitan dengan institusi keagamaan dan kekeluargaan.⁸¹ Ini berseesuaian dengan kajian David Hitchcock yang dirujuknya di mana Hitchcock telah membandingkan masyarakat Timur dan Amerika yang meletakkan kepentingan kepada "tata, harmoni dan rasa hormat kepada autoriti" berbanding dengan masyarakat Amerika yang mementingkan hak individu dan perdebatan terbuka.

Tulisan ini turut menjadikan Jepun sebagai *role model* untuk Malaysia dengan mewujudkan Dasar Pandang ke Timur (DPT).⁸² Ini kerana Jepun telah memberi bukan sahaja keyakinan ekonomi tetapi

juga secara simbolik dan psikologi.⁸³ Ia menonjolkan imej Jepun sebagai kuasa besar ekonomi Asia. Beliau menganggap Jepun penting untuk masa hadapan ekonomi Asia sebagai pelabur dalam pengeluaran dan projek infrastruktur. Faktor sejarah turut menjadi faktor penarik mengapa Mahathir condong ke arah mereka.⁸⁴

Beliau mengharapakan akan lahir *World Century* iaitu:

... A century of prosperity for everyone regardless of their geographical location in the world. There would, of course, still be differences and great challenges in overcoming poverty, hunger and inequality, but we had the opportunity, I believed, to build a world in which all regions could prosper, and where no one supwerpower or block of powers would dictate the terms for all other countries.⁸⁵

Walaupun begitu, beliau berpendapat *World Century* harus dibina dengan liberalisasi dan kesamarataan yakni dengan *flourishing, responsible and productive democracies. A new world characterised by much greater mutual respect, much greater mutual appreciation, much breater consideration of their interests and feelings of others; and much greater concern for the global commons which is the responsibility of all nations, east, west, north and south.*⁸⁶ Abad tersebut perlu diwarnai dengan keseimbangan antara nilai material dan bukan material sejajar dengan elemen keseimbangan antara barat, timur, utara dan selatan. Dengan itu, Asia boleh menjadi rakan yang sama penting dengan semua negara lain.⁸⁷ Mahu tak mahu, masa depan Asia banyak bergantung kepada orang Asia sendiri. Ini boleh dilakukan dengan mengetengahkan hujah mereka berdasarkan kepada pengalaman lepas dan semasa. Sejajar dengan itu, Jepun dirasakan mampu mengetuai negara Asia yang lain dan memainkan peranan yang lebih dominan di pentas antarabangsa. Ia mampu mengetuai bukan sebagai usaha menguasai Asia di bawah *Asian Century*, tetapi di bawah *World Century* sebagai komuniti dunia.⁸⁸

Namun, walaupun banyak perubahan dilakukan, Mahathir masih kurang berpuas hati dengan pencapaian bangsa Melayu. Ini kerana

sudah lahir dilema baru orang Melayu. Apabila Mahathir menulis buku *The Malay Dilemma*, beliau berpendapat orang Melayu kekurangan peluang untuk membangun dan menjadi orang yang berjaya. Malahan buku tersebut digunakan sebagai panduan untuk membentuk DEB. Walau bagaimanapun, DEB tidak memenuhi matlamat asalnya untuk melahirkan sumbangan 30 peratus masyarakat bumiputera kerana budaya lama masih berterusan.⁸⁹ Secara keseluruhannya, beliau masih menganggap orang Melayu selesa dengan dominasi politik sedangkan apa yang dilihatnya saban hari dominasi itu makin lemah akibat wujudnya pelbagai kumpulan serpihan yang tidak mengutamakan perpaduan. Beliau menyatakan sikap harus diubah kerana keistimewaan yang dikecapi di bawah hak orang Melayu boleh melindungi mereka buat sementara waktu sahaja—*today, they can learn on the crutches of Malay privileges to protect them. But crutches invariably weaken the users.*⁹⁰ Jika dilema lama adalah untuk mengubahsuaikan budaya yang bertujuan membantu diri mereka, hari ini dilema baru timbul iaitu—*they new dilemma is whether they should or should not do away with the crutches that they have got used to, which in fact they have become proud of.*⁹¹

Mahathir berusaha untuk meletakkan bangsanya sebagai bangsa bermartabat kerana percaya kebolehan orang Melayu sendiri. Mahathir menyatakan bahawa:

... jika mereka tidak berjaya setelah diberi peluang berkali-kali, setelah dibantu dengan pelbagai kemudahan dan juga wang, sebabnya ialah (di sini saya mohon ampun dan maaf daripada orang Melayu) kerana mereka tidak rajin, iaitu mereka malas dan suka kepada jalan mudah dan cepat, tidak kira apa akibatnya.⁹²

Ini bersesuaian dengan kenyataan yang dibuat oleh beliau dalam wawancara bersama *Utusan Malaysia* bahawa terdapat tiga masalah orang Melayu iaitu tidak sanggup bekerja keras, tidak sanggup belajar bersungguh-sungguh; mudah lupa dan asyik berkelahi sesama sendiri dan ketiga apabila kita dapat sesuatu, kita tidak begitu menghargainya.⁹³ Malahan sikap orang Melayu hari ini disamakan

dengan raja-raja Melayu dahulu yang inginkan sesuatu dengan jalan yang mudah sehingga kehilangan kuasa.⁹⁴ Apa yang jelas adalah beliau sering melontar dilema Melayu jenis apakah yang harus kekal di dunia yang tidak akan kehilangan bangsa Melayu—Melayu yang mulia atau Melayu yang menjadi hamba kepada orang lain, yang selalu meminta-minta, yang lemah semangat dan yang tidak pun berupaya mempertahankan diri? Melayu apakah yang tidak akan hilang di dunia ini? Jika kita mahu Melayu yang mulia dan berkemampuan, ubahlah sikap dan perkukuhkanlah semangat.⁹⁵

Inilah budaya yang cuba disemai oleh Mahathir ke atas bangsa Melayu agar berjaya. Dalam wawancara pada 15 Jun 2003, beliau menyatakan *self is the last* (diri sendiri akhir sekali). Diri sendiri tidak masuk kira. Tidak dapat pun tidak apa. Kalau dapat bersyukur, tidak dapat, okey. *Simple, and the Malays will last forever*. (Mudah, dan Melayu akan kekal selama-lamanya).⁹⁶ Inilah penilaian seorang bijaksana yang berpengetahuan, yang tinggi akal budinya dan kaya dengan pengalaman dalam hidupnya. Penilaian beliau jelas dalam Perhimpunan Agung UMNO 2000, apabila menyatakan:

... Apalah gunanya menjadi Perdana Menteri jika hasil kepimpinan saya ialah bangsa saya yang lemah, tidak bertanggungjawab, tidak bersemangat, tidak sanggup bekerja dan menghadapi cabaran hidup dan menjadikan agama sebagai hiasan yang dipakai dan bukan sebagai panduan untuk mendapatkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Benar kita sudah mencapai sedikit kemajuan. Tetapi kita lihat sekarang bagaimana minat untuk meneruskan usaha menjayakan agenda ekonomi bumiputera sudah berkurangan. Orang Melayu sudah berasa begitu terselamat dengan kemajuan yang sedikit yang mereka telah capai sehingga bukan sahaja mereka tidak mahu meningkatkan lagi usaha mereka atau meneruskan usaha di tahap sekarang tetapi ramai daripada mereka sendiri yang bosan dengan usaha ini dan sebenarnya menghalang proses memajukan orang Melayu.⁹⁷

Walaupun ada kalanya beliau tidak menafikan umat Melayu sudah berjaya dalam pelbagai bidang⁹⁸, tetapi ia masih dianggap

pencapaian mereka adalah separuh maju. Beliau mahu orang Melayu berjaya seperti orang Eropah sebagaimana yang ditekankan dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1997 supaya budaya orang Melayu boleh setanding dengan budaya orang Eropah.⁹⁹ Pembentukan budaya maju bersesuaian dengan teras maruah bangsa dan agama dilihat akan dapat melahirkan budaya Melayu baru—penguasaan, berkebolehan dan berkecekapan dalam semua bidang yang dipelopori.¹⁰⁰ Ini dilihat kunci untuk membolehkan masyarakat Melayu menjadi bangsa maju di masa depan.

Nasionalisme, Demokrasi dan Penjajahan

Di samping melihat kepada isu budaya, Mahathir juga dianggap sebagai seorang yang kuat semangat nasionalisnya. Nasionalisme ini bermula sejak beliau berusia 20-an di mana penulisan berkenaan nasionalisme dianggap penulisan paling mendalam yang pernah beliau lakukan sepanjang penulisan dalam akhbar *Strait Times* dan *Sunday Times*.¹⁰¹

Artikel bertarikh 9 April 1950 bertajuk *New Thoughts On Nationalist*¹⁰² boleh dilihat sumbangan terbesar yang turut menjadi intipati buku *The Malay Dilemma*. Ini kerana ia menggabungkan beberapa idea beliau ke atas beberapa tema utama masyarakat Melayu. Antaranya, beliau berpendapat asas kepada kestabilan politik negara adalah politik komunal dan timbul beberapa ketidakpuasan hati termasuklah isu kewarganegaraan. Timbul persoalan mahu membentuk satu negara dengan satu kewarganegaraan tanpa dibezakan mengikut etnik tertentu.

Mahathir melihat ini sebagai satu perubahan sikap yang drastik ke atas sebilangan masyarakat Melayu yang menerimanya secara terbuka walhal antara asas penentangan yang kuat ke atas Malayan Union adalah kerana hak sama rata ke atas kewarganegaraan. Mahathir berpendapat mereka yang menentang bukan tidak bersetuju dengan hak sama rata ke atas semua warganegara tetapi masa masih tidak mengizinkan memandangkan orang Melayu masih belum berjaya lagi dan perlu menggunakan segala peluang yang disediakan

di bawah hak keistimewaan dan tidak ketinggalan peranan pihak kerajaan dalam membantu mereka.

... It must not be supposed, however, that these people are entirely against granting equal rights to the demiciled races. What they assert is that the time is not yet ripe, that the Malays are not ready to cope successfully with the problems that will crop up. When, then, they will be ready? It is a question which is very provocative to non-Malays and is very difficult to answer with any certainty. The progress of the Malays depends very largely on their fully utilizing the privileges afforded them now, and on real efforts by the Government to help them.¹⁰³

Mahathir mencadangkan agar kerjasama dibentuk dalam bidang pendidikan dan ekonomi kerana negara tidak akan makmur jika dalam kemajuan ekonomi dan politik, keperluan masyarakat peribumi diabaikan atau diketepikan. Mahathir juga menggesa masyarakat Melayu mempersoalkan isu kewarganegaraan Malaysia dengan berpandukan kepada tema "Tak akan Melayu hilang di dunia".

Kritikan beliau dianggap keterlaluan tetapi itu juga dilihat sebagai keprihatinan beliau terhadap nasib bangsa sendiri. Kemunduran masyarakat Melayu dianggap sedemikian rupa kerana tidak menjadi agenda utama kepimpinan Tunku. Ini dilihat mempunyai talian dengan dilema ekonomi orang Melayu yang terus keterbelakang akibat ancaman monopoli orang Cina. Ini berikutan kegagalan kepimpinan Perikatan membantu orang Melayu ketika itu yang dianggap lebih cenderung untuk memberi bantuan kepada orang Cina seolah-olah Tanah Melayu dan orang Melayu tidak mempunyai ikatan—*Malays are accepted as the indigenous people of the country, but the country is no longer exclusive theirs.*¹⁰⁴ Kegagalan mempertahankan hak kewarganegaraan turut dianggap antara sebab mengapa orang Melayu gagal mempertahankan kedaulatan institusi politik.¹⁰⁵ Beliau menganggap:

... Malay would become tenants of foreign and immigrant landlords in their own country. In other words, although the Malays called Malaya

Tanah Melayu or Malay Land, there would in fact be no real land belonging to them.¹⁰⁶

Mahathir berpegang kepada kepercayaan bahawa orang Melayu merupakan masyarakat peribumi Tanah Melayu—*I contend that the Malays are the original or indigenous people of Malaya and the only people who can claim Malaya as their one and only country*¹⁰⁷; *In the subsequent history of the British administration of Malaya, the Malays and the Malay rulers were the only people consulted and recognized by the British as the definitive people of Malaya.*¹⁰⁸ tetapi kebanyakan orang bukan Melayu akan menyebabkan Tanah Melayu hilang status-quo.

... it has dawned upon the Malay that he cannot even call Malaya his land. There is no more Tanah Melayu – the Land of the Malays. He is now a different person, a Malaysian, but a Malay Malaysian whose authority in Malaya – his land – is now not only shared with others, but shared unequally. And as if this is not enough, he is being asked to give up more and more of his share of influence.¹⁰⁹

Sifat beliau ini tidak pernah berubah. Dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1986 beliau telah menyatakan—kita berdiam apabila kata-kata kesat digunakan dalam akhbar, apabila beberapa cauvinis bercakap seolah-olah orang Melayu tidak berhak di negara ini, seolah-olah ini bukan asalnya negeri Melayu, sebaliknya adalah sebahagian daripada negara asing. Kita berdiam apabila mereka berkata mereka tidak suka kepada perkataan bumiputera, tidak mahu dengar DEB disebut, tidak mahu apa-apa rancangan bagi menentukan nasib orang bumiputera dan Melayu selepas DEB.¹¹⁰ Ini kerana bukan Melayu tidak dianggap sebagai sebahagian daripada rakyat Tanah Melayu—*it is bad manners to embarrass your guest and the non-Malay is always a guest to the Malay, a guest in his country.*¹¹¹ Beliau merasakan bahawa dengan menarik balik kesemua hak keistimewaan dan perlindungan yang diberi kepada orang Melayu, mereka perlu bersaing dengan orang Cina secara terbuka

berasaskan hukum *survival of the fittest* tetapi ini akan menjadikan keadaan orang Melayu semakin tenat kerana *Malaysia has far too many non-Malay citizens who can swamp the Malays the moment protection is removed.*¹¹²

Beliau turut mencadangkan satu program yang boleh memberi perlindungan secara konstruktif bersesuaian dengan faktor warisan dan persekitaran. Antaranya dicadangkan agar lebih ramai pengarah dilantik dalam syarikat bukan Melayu yang besar supaya mereka boleh mempamerkan kebolehan mereka. Ini kerana 90 peratus kekayaan ekonomi adalah di tangan orang Cina dan dirasakan sukar untuk membentuk syarikat yang diketuai oleh orang Melayu semata-mata. Beliau juga tidak ketinggalan menyokong kedudukan hak istimewa orang Melayu yang dianggap sebagai keistimewaan yang dilahirkan untuk memelihara hak mereka.¹¹³ Ini kerana undang-undang semata-mata tidak mampu membawa kesamarataan antara satu sama lain.¹¹⁴ Malahan beliau menganggap apa yang dinikmati bukan satu yang patut dimegahkan tetapi merupakan kenyataan yang perlu diakui yakni kedudukan bukan Melayu yang masih *superior* dalam bidang bukan sahaja ekonomi malahan pendidikan dan lain-lain sedangkan bangsa Melayu masih mundur dalam arus perubahan masyarakat moden—*backwardness in a modern society spell poverty. Poverty leads to poor education. Poor education perpetuates more poverty.*¹¹⁵ Oleh yang demikian, beliau berharap akan terdapatnya perubahan sikap di kalangan masyarakat Cina kerana kezaman orang Melayu dan dasar kerajaan semata-mata tidak akan dapat membawa anjakan baru dalam dilema ekonomi orang Melayu.

... what is clear is that unless the Chinese in particular are willing to hold themselves back and appreciate the need to bring the Malays up in the economic field, not even the determination of the Malays and the schemes of the Government can help to solve the Malay economic dilemma.¹¹⁶

Apa yang jelas, kesamarataan yang merupakan satu sasaran yang mahu dicapai dalam semua bidang yang turut diakui oleh beliau bahawa masyarakat Melayu sendiri perlu ada kesedaran tersebut

dan melakukan pengubahsuaian serta mengadaptasi kepada persekitaran dan keadaan semasa kerana yakin menjadi masyarakat luar bandar dan miskin bukan kehendak mereka.

Kesinambungan idea beliau mengenai nasionalisme Melayu tidak ketara dalam buku *The Challenge* kerana kritikan beliau dalam *The Malay Dilemma* telah membolehkan banyak perubahan dilakukan. Kepimpinan ketika itu di bawah Tun Razak mula menegakkan apa yang menjadi hak mutlak bangsa Melayu dengan hak-hak keistimewaan yang terkandung dalam Perlembagaan.

Jika dalam *The Malay Dilemma* masyarakat Cina atau masyarakat bukan Melayu yang menjadi sasaran Mahathir, maka dalam *The Challenge* secara tersembunyi beliau masih menekankan kepada aspek nasionalisme Melayu dengan menumpukan perbincangan kepada isu berkaitan dengan elemen keagamaan dan budaya masyarakat Melayu tanpa mengkritik orang Cina mahupun bukan Melayu. Beliau tidak memberi ruang kepada isu etnik serta kritikan ke atas bangsa lain seperti mana dalam *The Malay Dilemma* kerana elemen konflik yang mengancam orang Melayu pada tahun 1970-an tidak lagi bersandar kepada masyarakat bukan Melayu.

Hal ini secara langsung menunjukkan bahawa sememangnya orang Melayu sudah tidak berasa tergugat dengan kehadiran orang bukan Melayu dan mungkin kerana dasar kerajaan yang lebih mengutamakan kemajuan orang Melayu selepas peristiwa 13 Mei serta kritikan Mahathir sendiri. Malahan buku ini tidak langsung menunjukkan sikap seperti yang diperlihatkan dalam *The Malay Dilemma* walaupun sentimen nasionalisme tidak berganjak sama sekali. Ini kerana beliau masih menumpukan kepada masalah orang Melayu dan bagaimanakah cabaran di hadapan harus dihadapi atau diperangi oleh mereka tanpa bergantung pada takdir semata-mata untuk terus maju.

Walau bagaimanapun, beliau kembali kepada sejarah perhubungan antara kaum sebagaimana yang pernah beliau ulas dalam buku *The Malay Dilemma* dan *The Way Forward*. Beliau membincangkan peristiwa yang menyebabkan berlakunya peristiwa 13 Mei

1969 dan antara lain menyentuh andaian tentang kerapuhan ikatan pelbagai parti dalam Parti Perikatan serta cadangan Malayan Union yang akan membolehkan rakyat bukan Melayu memegang dua kerakyatan pada waktu yang sama. Selain daripada itu, juga diperkatakan bagaimana orang Melayu masih sanggup berkongsi kuasa politik walaupun dalam bidang ekonomi mereka tertinggal jauh ke belakang. Beliau berpendapat,

... the Malay leadership at the time concluded that all the Malays wanted was to become Government employees, and all the Chinese wanted was to do business. This might well have been true for the majority, but a significant number of Malays wanted the wealth they saw in business enterprises, while some Chinese felt they had a right to fill posts left vacant in the administration by the departure of the British.¹¹⁷

Tambah beliau,

... There was a general assumption in the Government that matters relating to the economy and the world of finance were beyond the comprehension of the Malays. So, from the very beginning, the ministerial portfolios for finance and for commerce and industry were reserved for MCA members. The aspirations of the Malay in business and industry were hardly appreciated by these Chinese ministers. The Malays were therefore unable to make much headway in these areas.¹¹⁸

Peristiwa 13 Mei diguna untuk membincangkan dimensi politik yakni perhubungan orang Melayu dan Cina yang membawa kepada politik perkauman.

... the politics of the 1969 election were entirely racial. Although the top leaders in the Alliance Government were still sanguine about events, there were clear signs that the Malay-Chinese political marriage was cracking and would soon shatter on the hard rock of emotional racialism.¹¹⁹

Dalam ucapan Perhimpunan Agung UMNO tahun 1986, beliau dengan tegas menyatakan—jangan sesiapa fikir oleh kerana kita

senyap apabila hak kita dicabar, maka ini bermakna bahawa kita berasa salah atau kita lemah. Orang Melayu tidak berjuang untuk mencapai kemerdekaan bersama supaya orang Melayu menjadi golongan yang miskin dalam negara sendiri. Kita tidak berniat untuk merampas hak sesiapa. Tetapi jangan sesiapa cuba merampas hak kita.¹²⁰

Sikap masyarakat Cina yang dilihat masih bermain dengan sentimen perkauman dikritik lagi oleh beliau dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1990. Ini berikutan dengan sikap akhbar Cina yang ghairah menyokong pembangkang serta mengkritik kerajaan dengan terbuka.¹²¹

Selanjutnya, tentera juga didapati bertindak secara profesional tanpa melakukan *coup d'etat* seperti yang lazimnya berlaku di negara lain.

... the situation in 1969 was tailor-made for military take-over. That it did not happen is something Malaysians must always remember and be grateful for. Our soldiers have always been professionals, and have never harboured political ambitions, though a few have contested elections after leaving military service. For this reason, Malaysia is what it is today: a democracy ruled by civilians who are respected by the military, and who in turn respect the military and its professional role.¹²²

Mahathir juga menganggap NOC¹²³ merupakan instrumen yang boleh digunakan oleh orang Melayu untuk mengambil kuasa mutlak dengan sokongan tentera dan polis tetapi kerana berfikiran jangka panjang ke atas politik multietnik, ini tidak menjadi realiti.¹²⁴

Selepas peristiwa 13 Mei beberapa langkah diambil untuk mengenal pasti sebab-sebab berlakunya peristiwa tersebut dan untuk memulihkan semula kerjasama politik orang Melayu dan Cina.

... the Chinese refused to be assimilated by the Malays in order to eliminate racial differences. But reducing economic disparities was possible and acceptable, if it could contribute towards lessening tension between the two communities.¹²⁵

Beliau juga menganggap ekonomi dan sebab berlakunya rusuhan tidak dapat dipisahkan.

... prior to the NEP, it was obvious to everyone that the Malays were generally poor, while the Chinese were generally much better off. Ethnic differences have always led to conflict in any society. But when ethnic differences are reinforced by class differences, one race being poor and other being rich, the tendency towards open and violent conflict is much higher. This was the situation in Malaysia before 1969, and there is no doubt that it was a major contributory factor to the clashes which followed the May 1969 elections.¹²⁶

Walaupun bagaimanapun, sikap nasionalisme Melayu yang membandingkan dengan bangsa lain yang tidak kelihatan dalam penulisan *The Challenge* tetapi kembali dalam *The Way Forward* bertukar kepada nasionalisme Malaysia dalam buku *A New Deal For Asia* apabila penjajah atau kuasa Barat dikritik akibat krisis ekonomi yang melanda benua Asia. Beliau menyatakan bahawa adalah wajar untuk pihak penjajah membayar semula hutang negara dijajah.

... when Malaysia was a colony, a lot of our wealth flowed to Europe and made Europeans rich, so in a way it was only natural that they should want to pay back this debt.¹²⁷

Malah, dalam *The Challenge*, beliau menganggap bahawa pertembungan Barat dan Timur belum berakhir. Walaupun Barat telah melepaskan satu demi satu koloni mereka, tetapi mereka masih meneruskan dominasi mereka menerusi beberapa cara.

... Malaysia with its Malays is no less slavish in bowing to the domination of the West. What the West does today, the East will do tomorrow and the Malays the day after. If the West stops doing it, the East will follow suit tomorrow and the Malays are likely to do the same thereafter.¹²⁸

Antaranya, dengan membentuk Komuniti Ekonomi Eropah sebagai salah satu cara untuk mengawal pasaran global supaya Timur tidak mampu membawa sebarang perubahan.

... the rivalry between East and West is by no means ended. The West does not wish to see the East become so advanced and strong as to pose a threat to the West. Thus, even as the Western nations let go of their colonies one after another, they strive to protect themselves through various effective ways and means. In the economic field they set up the E.E.C, or European Economic Community, as a means of controlling the world market so that the East would not be able to reverse the economic oppression the West had inflicted on it.¹²⁹

Satu lagi adalah dengan menaikkan kos pengeluaran barangan yang dikeluarkan oleh Timur dengan pelbagai taktik sampingan supaya industri Timur akan terkawal. Cara ketiga adalah dengan mendominasi media massa dunia supaya membuat liputan yang buruk ke atas barangan Timur.

... western imperialism has been effectively perpetuated partly through the activities of the world mass media. The West controls the world mass media because a Western language, namely English, is understood in all parts of the world.¹³⁰

Sistem demokrasi pula dianggap sebagai peninggalan terbaik penjajah kepada negara dunia ketiga. Pada zaman keagungan Barat, mereka menggunakan disiplin dan organisasi, untuk menewaskan Timur, kini pada zaman kemalapan mereka, imperialisme ekonomi Barat menjadi senjata mereka.

Walaupun begitu, kritikan beliau tidak begitu jelas. Walaupun imperialisme dianggap masih berterusan tetapi melihat kepada faktor sejarah semata-mata sukar untuk memahami situasi sebenar. Begitu juga dengan kritikan ke atas nilai-nilai Barat yang dibuat mungkin kerana media Barat mensensasikan peristiwa buruk yang berlaku di negara-negara Timur. Media Barat juga lazimnya mengecam nilai-nilai Timur dalam media mereka yang berbau etnosentrik dan prejudis serta mengabaikan pencapaian negara Timur.

... from their reports one would think there was nothing good in the East. The East is undemocratic, unjust, cruel, chaotic in administration, full of

corruption, dishonest, crooked, devoid of know-how, incapable of succeeding in national development, and possessed of a myriad other evils. They do not report successes achieved by the East.¹³¹

Melihat Barat daripada perspektif Timur hanya menjadikan beliau seorang anti-Barat. Jelas, *The Challenge* cuba menghantar mesej anti-Barat kepada orang Melayu. Beliau cuba mengolah semula nasionalisme Melayu daripada berbentuk nasional kepada nasionalisme antarabangsa.

Di samping beberapa tema yang dikemukakan di atas, beliau turut membincangkan persoalan demokrasi dan kebebasan individu.

... a healthy society cannot exist and continue to do so without law and order. Law and order mean limits on individual freedom. Freedom is limited because one individual's freedom may affect the rights of others or the peace and security of the society itself.¹³²

Pada awal pemerintahan beliau, Mahathir dilihat sebagai pemimpin yang liberal dan memberi kebebasan termasuk kebebasan akhbar.¹³³ Kebebasan mengenai akhbar pernah disuarakan oleh beliau sewaktu menjadi Timbalan Perdana Menteri dalam artikel yang ditulis dalam akhbar *The New Straits Times* dengan menyatakan bahawa akhbar perlu sedar had-had tertentu serta fungsi mereka dalam sistem demokrasi tanpa menyalahgunakan hak sehingga kerajaan terpaksa mengawalinya.¹³⁴

Demokrasi dilihat dicorakkan oleh kepentingan majoriti berserta dengan undang-undang dan sekatan-sekatan tertentu.

... a democracy is guided by the views and the consensus of the majority. A pressure group is minority. Clearly, therefore, a pressure group is not effective outside the lobby of the assembly hall unless it uses undemocratic weapons.¹³⁵

Beliau juga mengaitkan demokrasi dengan tradisi.¹³⁶ Ini kerana wujud pertandingan yang membelakangkan tradisi tidak bertanding

untuk merebut sesuatu jawatan. Demokrasi dikatakan hanya akan berjaya sekiranya pengamalannya tahu batasan-batasan yang wujud dalam sistem tersebut.¹³⁷ Malahan ini dikaitkan dengan usaha beberapa pihak yang menganggap tanpa perubahan kerajaan, maka tidak ada demokrasi.¹³⁸ Malahan, wujud kerjasama untuk membawa campur tangan Barat dalam pentadbiran negara dengan menggunakan berbagai-bagai alasan seolah-olah untuk mencabul kedaulatan negara tersebut.¹³⁹ Mahathir menganggap kekuatan yang perlu untuk mengelak daripada penjajahan adalah daripada kestabilan politik, ekonomi, kecekapan pentadbiran, kesihatan dan penguasaan ilmu dan teknologi yang canggih.¹⁴⁰ Media asing dilihat menjadi senjata utama untuk menjejaskan kestabilan dan pembangunan Malaysia termasuk wujudnya sifat anti-Islam dalam sikap mereka.¹⁴¹

Penjajahan turut dikaitkan dengan pembentukan sifat atau perilaku masyarakat Melayu kerana ia bukan semata-mata penjajahan fizikal dan pentadbiran.

... it is also a colonization of the minds and the psychological make-up of the people colonized. When such colonization is accompanied by active discrimination against the subject people, with their exclusion from the development of knowledge and skills, and from the mainstream of life, the damage inflicted is much more severe. When this type of colonization persists for decades and centuries, the culture and whole psyche of the people become terribly weakened.¹⁴²

Pemimpin Melayu juga dilihat cuba berdamping dengan pihak koloni menyebabkan negara mengikut dasar orang asing dan strategi bekas penjajah. Ini menyebabkan mereka lebih suka memegang jawatan pentadbiran manakala orang Cina dan India dibenarkan meneruskan dominasi dalam ekonomi dan perniagaan. Pada waktu yang sama, terdapat segelintir orang Melayu yang berusaha menebus maruah mereka dengan cuba melepaskan diri daripada belenggu pemikiran penjajah sejajar dengan status mereka sebagai pemilik Tanah Melayu.¹⁴³

Kekecewaan beliau ke atas Barat begitu ketara dalam *A New*

Deal For Asia yang menganggap beliau satu ketika sebagai *Spokesman for Asia*¹⁴⁴ serta seorang yang mempertahankan nilai masyarakat Asia serta sebagai *Master Planner* tetapi gelaran tersebut beralih kepada *The Angry Man* sewaktu krisis 1997. Beliau juga tidak bersetuju imej Barat membayangi Asia—*Asia cannot be remade in the image of the Asia*.¹⁴⁵ Asia dianggap tidak homogenous dan wajar dibenar membangun berdasarkan kepada tahap dan matlamat masing-masing.

... each Asian nation has the right, and should have the opportunity, to choose its path of development, and the way in which it wishes to participate in the global economic game.¹⁴⁶

Kebanyakan dasar dan imej kepimpinan beliau banyak bersandar kepada persekitaran beliau ketika membesar pada zaman penjajahan dan banyak kritikan beliau dipengaruhi oleh dunia penjajahan Malaya. Sejarah dilihat penting untuk membentuk masyarakat, satu tema yang diulangi dalam kesemua penulisan beliau.

... the environment in which I grew up and saw the Asian countries come of age, I realize that there is much we can learn from this history. As we stand today, aiming to rebuild a stronger Asia, let us not forget the lessons of the past.¹⁴⁷

Buku ini turut memuatkan pandangan beliau tentang bagaimana kuasa Barat dirasakan cuba menggulingkan kejayaan negara Asia. Antaranya, kepantasan pertumbuhan ekonomi negara-negara tersebut yang dianggap mampu menguasai ekonomi dunia. Malahan rantau ini dianggap mampu mengancam kekebalan kuasa hegemoni kuasa Barat terutamanya kehadiran China.

... a major geo-economic and, with the emergence of China as a world power, also geopolitical shift were changing the status quo. East Asian nations had not merely become economic powerhouses, but also economic threats, particularly to the world's sole superpower, the United States.¹⁴⁸

Beliau berpendapat bahawa penjajahan pada masa ini berlainan dengan daripada masa lampau.

... physical occupation is no longer the only form of colonialism; control through currency trading and coercive financial policies can have similar effects. Newly prosperous countries can be colonized by weakening their economies and turning them into beggars. This form of colonialism can be achieved without sacrificing the life of a single soldier. When a country becomes poor, it will be politically unstable and a power struggle will ensue. As a result, there will be successive changes in leadership until a candidate who is willing to submit to the world powers is found. This is a new, more subtle form of control, but it may very well be perceived as a form of economic colonization.¹⁴⁹

Walaupun Malaysia secara fizikalnya tidak berada di bawah kuasa asing sejak merdeka, ekonominya boleh dianggap masih didominasi oleh syarikat asing selepas melalui krisis ekonomi.¹⁵⁰ Beliau juga melihat ini sebagai penjajahan semula orang asing kerana keadaan yang memaksa mereka untuk terus bertahan memerlukan sokongan pihak tersebut.

... Companies in South Korea, Indonesia and many other East Asian countries desperate for cash are being bought up at discount prices, as a result, an increasing portion of our economies is coming under foreign dominance.¹⁵¹

Adalah menjadi harapan Mahathir agar abad ke-21 membolehkan generasi muda menganggap mereka sebagai *true citizens of the world*.¹⁵² Kesamarataan harus menjadi agenda baik dalam pencarian material mahupun sebagai warganegara dunia dan tidak membenarkan pertembungan tamadun mengambil tempat. Jelas cabaran generasi ini adalah untuk menyesuaikan diri dengan *World Century* dan pada waktu yang sama mengekalkan amalan yang membezakan antara satu sama lain. Ini akan menjadi pelayaran masa depan iaitu berasaskan kepada pembinaan semula dan pengadaptasian supaya terhasil *invisible shoulder* dengan saling membantu antara satu sama lain untuk kemakmuran bersama.

... instead of trying to beggar our neighbours, we are actively engaged in ensuring our prosperity by fostering their prosperity. We put our "invisible shoulders" to their wheel. Imagine the incredible results if the whole world is in the grips not of "beggar-thy-neighbour" impulses but is given the push of "prosper-thy-neighbour" attitude and policies.¹⁵³

The Challenge memberi peluang kepada Mahathir untuk memerhatikan fenomena sejagat baik dalam mahupun luar negara. Yang jelas adalah beliau cuba membentuk formula terbaik untuk orang Melayu supaya boleh menonjolkan kemampuan sebenar. Walaupun begitu, beliau berpendapat Malaysia mungkin perlu menjadi negara berkuku besi atau mengamalkan sistem komunis untuk bangkit menjadi negara industri.

... if Malaysia wishes to nationalize all industries, its political system must be transformed into a dictatorship. Without either a dictatorship or a communist system, nationalization of industries, particularly in Malaysia, will inevitably bring economic deterioration.¹⁵⁴

Ini adalah kerana sifat ketidakseimbangan demokrasi seperti yang digambarkan oleh beliau:

... votes can shape a person's destiny, even to the point of making him Prime Minister. Sometimes one vote is sufficient to determine the fate of a Prime Minister. This means that a voter holds tremendous power in his hands. Power corrupts and absolute power corrupts absolutely. A voter's power can become absolute, and absolute power leads to corruption.¹⁵⁵

Ekonomi

Sikap Mahathir yang konsisten sehingga ke hari ini berkaitan dengan sikap orang Melayu ke atas tingkah laku ekonomi telah timbul sejak dulu lagi. Ini dapat dilihat dalam *The Straits Times* di mana kritikan-nya agak ketara dalam artikel bertajuk "*Malay Padi Planters Need Help*".¹⁵⁶ Pencapaian penanam padi dilihat terus berada pada tahap yang sama kerana sikap tidak mahu berubah atau *lethargic attitude to life*¹⁵⁷ dan terikat dengan amalan tradisi. Selain daripada itu,

kewangan mereka tidak pernah kukuh dan gagal merancang perbelanjaan mereka menyebabkan apabila musim penanaman berikutnya datang, mereka tidak mempunyai wang yang secukupnya untuk membeli peralatan dan kemudahan. Ini turut dipengaruhi sikap bergantung kepada sistem "padi kuncha" atau peminjam wang yang membeli hasil mereka dengan nilai yang rendah daripada harga sebenar pasaran.¹⁵⁸

Kritikan juga ditujukan kepada kepimpinan Melayu kerana menganggap penanam padi sebagai *backbone of their race*.¹⁵⁹ Beliau menganggap pemimpin tersebut daif apabila meletakkan mereka sebagai tulang belakang bangsa Melayu sedangkan mereka adalah "*the most illiterate and tradition-bound members*"¹⁶⁰, yang menggambarkan kenapa bangsa Melayu terus mundur. Beliau menganggap pemimpin Melayu harus merancang masa depan dan pembangunan supaya masyarakat yang dianggap sebagai tulang belakang itu dapat berkembang maju.

Selepas kemerdekaan kerajaan masih berusaha untuk membantu orang Melayu, malahan ini sudah termaktub di bawah hak istimewa orang Melayu termasuklah pelantikan orang Melayu sebagai pengarah di syarikat besar bukan Melayu. Walaupun ramai beranggapan ia tidak betul tetapi langkah ini sebenarnya membolehkan mereka belajar selok-belok ekonomi dan kehadiran mereka mengikis sikap prejudis ke atas orang Melayu. Ini merupakan antara dilema yang dihadapi oleh orang Melayu dan beliau berharap akan ada keinginan untuk *remake* masyarakat Melayu dengan membuat beberapa perubahan yang disesuaikan dengan konsep *Social Darwinism*.

... the man who survives is the man who knows how to avoid danger. And the man who can avoid all danger must of necessity be cunning and resourceful. The careless and the stupid will fall along the way.¹⁶¹

Mahathir menganggap masyarakat Melayu boleh berubah kerana ini sudah terbukti dalam bidang politik. Perubahan itu dilihat satu yang radikal dan perubahan itu boleh berlaku dalam semua bidang. Dilema ekonomi Melayu yang cuba Mahathir kemukakan

adalah bertujuan untuk membentuk kesedaran di kalangan orang Melayu supaya mereka tahu kelemahan mereka dan berusaha untuk memperbaiki keadaan sebelum menjadi parah.

... *The Malay* dilemma is whether they should stop trying to help themselves in order that they should be proud to be the poor citizens of a prosperous country or whether they should try to get at some of the riches that this country boasts, even if it blurs the economic picture of Malaysia a little. For the Malays it would appear there is not just an economic dilemma, but a Malay dilemma.¹⁶²

Beberapa faktor yang dianggap merangsang perubahan itu adalah pengubahsuaian dan penerimaan ke atas ciri-ciri yang mempengaruhi kehidupan seharian. Antaranya adalah sistem feudal yang menjadikan amalan sukar diubahsuai; kedua intepretasi ke atas nilai keagamaan supaya tidak bertentangan dengan pembangunan; ketiga amalan tradisi atau adat yang terkandung dalam sistem norma dan nilai masyarakat Melayu serta faktor seperti persekitaran dan warisan yang kesemuanya mempunyai hubungan saling berkait antara satu sama lain.

Secara keseluruhan, pemikiran beliau dalam *The Malay Dilemma* adalah suatu ukuran sikap beliau ke atas kehidupan yang dialami oleh bangsa Melayu. Ini termasuklah penjajahan British, kehadiran kaum Cina dan India, zaman pemerintahan Jepun dan dari sinilah wujud dilema taraf hidup bangsa Melayu. Peristiwa 13 Mei dijadikan premis hujah beliau kerana ini telah menyebabkan bangsa Melayu kehilangan tampuk pemerintahan melalui institusi politik yang didukung selama ini. Beliau melihat bahawa tanpa dominasi dalam bidang ekonomi apatah lagi dengan keupayaan bangsa lain untuk menguasai institusi politik negara, maka orang Melayu mungkin akan kehilangan kedaulatan negara mereka.

Bersesuaian dengan keadaan, buku tersebut telah membuka minda orang Melayu khususnya walaupun dikritik hebat oleh tokoh Melayu pada ketika itu. Apa yang jelas, penerangan terbuka mengenai masyarakat Melayu ini turut digunakan oleh pemimpin Melayu

untuk mengubah nasib orang Melayu, malahan beliau sendiri mengakui bahawa *The Malay Dilemma* telah digunakan untuk melancarkan DEB untuk bersaing dengan bangsa lain.¹⁶³

Berbanding dengan perbincangan dalam buku *The Malay Dilemma*, dalam *The Way Forward*, Mahathir beranggapan Malaysia hari ini sudah berubah dibandingkan dengan tahun 1969. Malahan Malaysia dianggap model global keharmonian masyarakat pelbagai bangsa. Penulisan ini menganggap kunci kejayaan pada hari ini adalah DEB kerana faktor ketidakseimbangan dalam ekonomi dianggap sebagai indeks atau penyumbang kepada perhubungan yang tegang antara pelbagai jenis etnik.

Dua objektif DEB adalah untuk menghapuskan kemiskinan dan menghapuskan identiti kaum berdasarkan kepada ekonomi. Orang Melayu pada ketika itu dianggap tidak mempunyai skil untuk melibatkan diri dalam perniagaan dan penggunaan wang serta tahap pendidikan yang kurang memuaskan.¹⁶⁴ Bagi beliau, agenda DEB adalah untuk membentuk penstrukturan semula ekuiti dan keadilan. Ini kerana tujuan dasar tersebut dalam 20 tahun adalah untuk meningkatkan penguasaan bumiputera daripada 2.4 peratus kepada 30 peratus dan pada waktu yang sama orang bukan Melayu pula daripada 34.3 peratus kepada 40 peratus serta menurunkan penglibatan orang asing kepada 30 peratus daripada 63.3 peratus.¹⁶⁵ Walaupun ada segelintir bumiputera yang berjaya tetapi pada waktu yang sama ramai yang gagal atau menggunakan dasar tersebut untuk tujuan lain. Ini bersesuaian dengan konsep "Ali Baba", dirujuk kepada tindakan membenarkan nama mereka digunakan untuk menubuhkan syarikat ataupun memulakan perniagaan dengan semata-mata menjadi rakan kongsi tanpa fungsi. Tujuan DEB sebenarnya adalah:

... to prepare the bumiputeras, through education and training, to enter lucrative economic activities and employment on a permanent and successful basis.¹⁶⁶



Dr. Mahathir melancarkan Amanah Saham WAWASAN 2020

Ekonomi negara berkembang dengan peningkatan syarikat bumiputera mahupun bukan bumiputera. Ini membawa kepada kenaikan saham sebanyak 30 peratus untuk bumiputera serta mula disenarai dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Masalah "Ali Baba" muncul lagi apabila ada golongan yang ditaja oleh bukan bumiputera. Pada waktu yang sama, syarikat pemilikan kerajaan diberi keutamaan untuk mendapatkan saham. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan orang Melayu walaupun ia sebenarnya meningkatkan saham bumiputera.

Usaha juga dibuat untuk meningkatkan saham individu melalui amanah saham. Ia menjadi tarikan ramai bumiputera memandangkan bayaran dividen yang lebih tinggi daripada nilai deposit tetap. Kejayaan Amanah Saham Nasional (ASN) yang kemudiannya menjadi Amanah Saham Bumiputera (ASB) jelas apabila pemilikan individu mencecah 2.6 juta orang pada tahun 1990. Ini membela-kangkan kritikan bahawa DEB hanya memberi keistimewaan kepada bumiputera tertentu. Apa yang jelas mengikut Mahathir adalah amanah saham tersebut membolehkan masyarakat Melayu berkongsi kekayaan negara. Beliau menegaskan:

... The NEP was not about reversing the distribution of wealth between races. It aimed at achieving an equitable distribution at all levels between the different communities.¹⁶⁷

Keupayaan untuk berkongsi dividen dan saham adalah hasil daripada penstrukturan semula syarikat di bawah DEB. Pada tahun 1980-an, terdapat segolongan bumiputera yang berjaya menguruskan perniagaan dengan efektif yang membawa keuntungan.¹⁶⁸ Ada juga yang bekerja dengan syarikat bukan bumiputera yang menguruskan perniagaan mereka berdasarkan kepada objektif DEB. Begitu juga dalam bidang pendidikan di mana terdapat mereka yang berke-lulusan dari universiti terkemuka turut menjadi pegawai kerajaan. Jelas, golongan muda baru ini memiliki keyakinan diri dan mampu menguruskan syarikat mereka.

Sejajar dengan perkembangan ekonomi, kerajaan berusaha meningkatkan kualiti infrastruktur supaya selari dengan pertumbuhan ekonomi. Taraf kehidupan rakyat juga berubah. Perkembangan mendadak ini menyebabkan kerajaan terpaksa turut mengeluarkan kontrak kepada sektor swasta. Mahu tak mahu, penswastaan terpaksa dibuat untuk memenuhi matlamat DEB itu sendiri.

... the bumiputera companies were able to take up all, or nearly all of the share allocation of the privatised entities, thus making a bigger contribution to the NEP targets than if they were allocated a mere 30% stake, with little role to play in the management of the newly privatised concerns.¹⁶⁹

Semua ini dibuat untuk memenuhi matlamat DEB iaitu menghapuskan identiti sesuatu kaum berdasarkan kepada fungsi ekonomi. Perniagaan bumiputera diharap mampu mendominasi semua jenis perniagaan supaya wujud keseimbangan antara kaum dan sekali gus memenuhi objektif di atas. Penswastaan dilaksanakan dengan tujuan bumiputera juga dapat menerokai perniagaan besar-besaran.

... privatisation presented an opportunity to create bumiputera-owned businesses of the same scale and level as the most successful non-bumiputera industrial and commercial giants, which were fast evolving into huge conglomerates.¹⁷⁰

Selain daripada itu, pada tahap ini, dilihat sebilangan bumiputera sudah mampu bersaing dengan syarikat bukan Melayu dan sudah boleh membeli syarikat bukan bumiputera mahupun yang dikelolakan oleh syarikat asing sekali gus memenuhi matlamat DEB sekali lagi. Kritikan ke atas usaha ini sememangnya tidak dapat dielakkan kerana hanya mereka yang terpilih mendapat kontrak walaupun ramai beranggapan ia dibuat berasaskan kepada *favouritism* atau untuk menambahkan kroni pihak tertentu.¹⁷¹ Yang jelas, bukan semua akan mendapat peluang tersebut dan pada waktu yang sama, lebih ramai akan mendapat peluang yang disediakan.¹⁷²

Mahathir berpendapat objektif DEB bukan bertujuan untuk mencapai kesamaan mutlak dalam bidang ekonomi.

... the objective was not to make every Malaysian, from whatever racial group, equally wealthy in every way, or for that matter equally poor. There was no intention to eliminate the different income groups found in Malaysian society. The Government accepted that in relative terms there will always be low incomes, middle incomes, high incomes and even super high incomes amongst the people. The disparities should not be too extreme in absolute terms, but disparities there will always be.¹⁷³

Tujuan DEB seperti yang dijelaskan oleh Mahathir bukan untuk membentuk semua bumiputera mendapat pendapatan yang sama atau mendapat hasil yang sama daripada sumber yang ada. Ini kerana jumlah yang ada tidak memadai untuk berjuta bumiputera. Kedua, keupayaan yang ada pada golongan bumiputera juga berbeza-beza. Ini sekali gus untuk mengelakkan sikap kebergantungan yang akan melemahkan perilaku bumiputera. Ketiga, ia dianggap bukan sahaja agihan kekayaan di kalangan bumiputera semata-mata tetapi juga untuk masyarakat bukan bumiputera.

... the intention of the NEP was to create in the bumiputera community the same division of labour and rewards as was found in the non-bumiputera communities, particularly the Chinese.... The equitableness was to be not between individuals, but between the communities. This was to be achieved by the elimination of the identification of race with economic function.¹⁷⁴

Dalam usaha kerajaan untuk mengembangkan kebolehan orang Melayu, terdapat kritikan yang dianggap kritikal. Misalnya andaian bahawa hanya segelintir bumiputera yang berjaya tetapi harus diakui bukan semua boleh mendapat tempat sedangkan mereka yang mengkritik sudah mendapat bantuan di bawah skim pendidikan.¹⁷⁵

... they did not get the opportunities that some other bumiputeras were getting in business due to the NEP, but they had already benefited from the NEP through education and employment opportunities.¹⁷⁶

Antara tahun 1970 dan 1990, ekonomi telah berkembang dengan pesat. Seajar dengan itu, selepas DEB berakhir pada Disember

1990, program 10 tahun Dasar Pembangunan Kebangsaan (NDP) dibentuk untuk menekankan kepada kualiti penstrukturan kekayaan ekonomi negara.

Beberapa langkah yang diambil untuk memulihkan kedudukan ekonomi orang Melayu, antaranya memberi lesen perniagaan dan peluang membuka perniagaan berskala kecil. Beberapa sektor moden juga diberi perhatian supaya orang Melayu akan keluar daripada amalan tradisi kepada sektor moden. Kini amalan seperti pertanian dan perikanan dianggap bukan semata-mata instrumen ekonomi dan sosial tetapi juga politik. Ini bermakna politik tidak boleh dibiarkan bersendirian. Parti pembangkang juga dipujuk untuk turut serta dalam gabungan yang lebih besar dikenali sebagai Barisan Nasional. Suasana politik negara pada ketika itu turut berubah daripada mempertahankan kepentingan parti kepada negara.

Banyak langkah diambil dan kelemahan turut diperhatikan dalam proses DEB dilaksanakan. Antaranya:¹⁷⁷

1. Bumiputera menjual saham kepada bukan bumiputera untuk membayar pinjaman dan cuba mengaut keuntungan cepat
2. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) juga ditubuh untuk membuka perniagaan besar-besaran melalui pelaburan kerajaan tetapi agensi dan perbadanan ini tidak terurus dan kehilangan banyak wang
3. Amanah Saham juga dilancarkan agar bumiputera dapat meningkatkan pelaburan mereka, misalnya di bawah Permodalan Nasional Berhad (PNB), tetapi pemegang saham tidak terlibat secara langsung dalam pengurusan amanah saham tersebut dan pengetahuan perniagaan tidak berkembang melalui cara ini.

Walaupun begitu, kejayaan segelintir bumiputera memberi ruang dan keyakinan untuk menambahkan bilangan mereka serta memperlihatkan objektif dasar tersebut turut berjaya.

... with the emergence of successful bumiputera entrepreneurs and executives in big business, practically all sectors of the economy now have bumiputera representation. The second objective of the NEP, the

elimination of the identification of race with economic function, has been achieved. The first objective, the eradication of poverty irrespective of race, has also been achieved, as illustrated by the absence of unemployment in Malaysia. The economic cause of political instability in Malaysia's multiracial society has thus been largely removed.¹⁷⁸

Dari sudut politik pula, Malaysia dianggap stabil dan masyarakat hidup harmoni. Walaupun begitu, pada akhir tahun 1990-an, DEB dilihat tidak tercapai matlamatnya secara keseluruhan meskipun ada perubahan yang ketara berbanding pada tahap awal ia diperkenalkan.

... by the end of the NEP period in December 1990, the quantitative and qualitative targets had not been fully achieved. In quantitative terms the bumiputeras, through individuals as well as the bumiputera agencies, had built up only a 20% stake in the corporate sector, while, qualitatively speaking, the involvement of the bumiputeras in the economy remained mostly at the lower end.¹⁷⁹

Ini membawa kesinambungan pengimplementasian dasar tersebut dengan penubuhan Dasar Pembangunan Kebangsaan (NDP).

Tulisan beliau telah berjaya mengemukakan sebab-sebab yang lebih rasional kenapa DEB dilaksanakan.

... the New Economic Policy (NEP) was never about equal wealth for every Malaysian citizen, but rather the creation of proportionate wealth distribution between the different racial communities in the country. What the non-bumiputeras had, the bumiputeras also had to have. This meant not only proportionate wealth, but also proportionate poverty.¹⁸⁰

Antara lain, ia dianggap tidak bertujuan untuk mengagihkan kekayaan berdasarkan kepada ekonomi kebangsaan tetapi lebih berusaha untuk membentuk agihan tersebut agar perbezaan atau jurang antara kaum dapat diatasi dan bukannya jurang antara individu.¹⁸¹ Malahan jika jurang tersebut dapat diatasi, maka sumber kekayaan baru dapat diagihkan kepada lebih ramai bumiputera daripada bukan

bumiputera supaya perbezaan yang ada dapat dihapuskan dan bukannya dibesarkan.

Matlamat DEB bukan sahaja bertujuan untuk mengagihkan kekayaan di kalangan bumiputera tetapi kesamarataan antara bumiputera dan bukan bumiputera. Apa yang diharapkan adalah keseimbangan dalam apa jua pekerjaan yang dipilih.¹⁸² Ini antara lain dianggap mampu menghapuskan identifikasi perkauman mengikut aktiviti atau kegiatan yang dilakukan dan kemiskinan mutlak berjaya dikurangkan daripada 49.3 peratus kepada 16.5 peratus sewaktu DEB dan kini 8.9 peratus.¹⁸³ Maka secara amnya, beliau percaya DEB telah mencapai matlamatnya.

Mahathir juga berpendapat dasar kerajaan dalam melaksanakan beberapa program ekonomi berjaya sehingga kegawatan ekonomi melanda Asia. Tumpuan utama beliau adalah ke atas industri pertukaran mata wang asing dan spekulasi kewangan. Malahan ini juga dianggap telah menyebabkan matlamat kerajaan Malaysia untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 tergugat. Apabila nilai mata wang negara merosot, ia turut dianggap menyumbang kepada ketidakpastian masa depan atau hala tuju negara. Beliau berpendapat apa yang berlaku adalah lebih daripada persoalan ekonomi dan wang. Keyakinan runtuh kerana kemerosotan nilai mata wang. Malahan, krisis ekonomi di Asia dianggap menimbulkan sentimen anti-Barat. Ini dianggap kolonialisme baru Barat melalui ekonomi¹⁸⁴ berikutan syarikat dan agensi mereka cuba mengambil alih syarikat tempatan dengan harga yang rendah.

Mahathir berpendapat Asia harus keluar terus daripada belenggu tersebut dan membina semula Asia.

... Asia must be rebuilt, and this time on more solid foundations than before. We must move forward tirelessly in our efforts to restore not only the values of our markets, but also the pride and self-confidence of our peoples.¹⁸⁵

Apa yang harus dipelajari daripada krisis adalah kesemua masyarakat Asia berkongsi masa depan yang sama dan cabaran funda-

mental ke atas kapitalisme global harus ditangani dengan cara baru. Dalam membicarakan mengenai ekonomi Asia sebagai satu keajaiban, beliau menjelaskan:

... the miracle, if there ever was one, has first of all been that East Asians were able to break loose from this myth, regain confidence in themselves and continue to show both themselves and the world how unjust and incorrect the colonial assumptions had been.¹⁸⁶

Berdasarkan kepada pengalaman krisis ekonomi 1997-98, Asia dirasakan perlu dibina semula memandangkan abad ke-21 akan didominasi oleh komuniti berkemahiran elektronik.¹⁸⁷ Perkembangan ini juga membawa kepada ketidakberkesanan IMF yang tidak menyediakan program yang efektif yang mengakui kesilapan mereka—*the standard IMF prescription for all the economic ills of nations—high interest rates, balanced budgets and adjustments of current external payments—not only shortsighted but also fail to recognise the great differences in the economies of the respective countries. These draconian measures were exacerbated by banking reforms which appear to be calculated to increase the number of bankruptcies and business failures, and countries in crisis were asked to dismantle the last bastions of national control over markets and open up to the world.*¹⁸⁸ Kritikan ini dituju kepada golongan yang memanipulasi mata wang dan bukannya spekulator mata wang semata-mata menyebabkan Malaysia melaksanakan dasar kawalan mata wang asing. Tindakan ini dikritik oleh IMF namun ia kelihatan berjaya.

... Malaysia decided to regain control of the flows of finance, mainly through two measures: the return of to a fixed exchange rate against the US dollar, and calling back overseas deposits of ringgits, thus internalising our country's assets. Additionally, we imposed some new regulations on stock trading to avoid the damaging effects of shortselling and to introduce a larger degree of transparency into the dealings of the stockbrokers.¹⁸⁹

Beliau turut melihat di sebalik kemungkinan pada masa akan datang yang bertentangan dengan pandangan beberapa penganalisis yang melihat bagaimana perubahan ekonomi mungkin membawa kepada anjakan dalam kuasa politik dan budaya dari Eropah dan Amerika ke Asia. Beliau dihubungkan secara langsung sebagai sebahagian daripada Abad Asia kerana kelantangan dalam menengahkan isu Asia yang dianggap radikal oleh Barat dan pada waktu yang sama mempamerkan gaya kepimpinan yang bercirikan tentangan dengan sistem nilai Asia tersebut. Mahathir pula berpendapat sebaliknya.

... the Asian Century will not come, and the era of Asian dominance over this planet will not arrive, and we in Asia should never aspire to a new hegemony, thus merely replacing one with another. The age of imperialism and hegemony must end; they must be buried and their burial celebrated. The 21st century must hold no resurrection of imperialism, no touting of hegemonism, and especially no glorification of dominance- be it political, economic or cultural. The curse of imperialism would not be any less because it is Asian imperialism.¹⁹⁰

Ini kerana selepas krisis, persoalannya bukan lagi sama ada Asia akan mendominasi dunia tetapi sama ada boleh membebaskan diri daripada dominasi kuasa-kuasa di luar kawalan.¹⁹¹ Mahathir juga mengaku bahawa beliau terlalu idealistik dalam pandangan ke atas dunia berikutan dengan pertumbuhan yang baik dan taraf hidup yang baik di kalangan masyarakat Malaysia tetapi krisis tersebut telah menunjukkan bahawa *rule of money* menyebabkan dominasi kuasa tertentu berterusan dan negara membangun akan terus dibelenggu oleh perasaan syak wasangka ke atas kuasa ini.

Agama

Pemikiran Mahathir dalam isu keagamaan juga banyak mempengaruhi corak kepimpinan beliau.

Dalam buku *The Challenge*, Mahathir menyoal tafsiran agama Islam dan impaknya kepada masyarakat. Antaranya, kemahuan meli-

hat pembentukan negara Islam mutlak berbanding dengan apa yang diamalkan oleh BN yang dilihat sebagai sekular, terutamanya pihak seperti parti PAS mahupun Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Selain daripada itu, ada organisasi seperti Darul al-Arqam yang dilihat mahu membentuk pentadbiran berdasarkan kepada masyarakat zaman Nabi Muhammad s.a.w dahulu. Kewujudan pihak semacam ini seolah-olah mahu menonjolkan peranan Islam mengikut tafsiran mereka dalam pentadbiran, kerajaan mahupun politik dan seterusnya memperluaskan model yang mereka lihat sebagai sempurna dalam kesemua elemen kehidupan komuniti.¹⁹² Beliau menganggap kealpaan atau kekeliruan untuk mengimbangkan antara kehendak 'keagamaan' dan material menyebabkan timbul pelbagai tafsiran serta pandangan.

... Islam does not separate the religious from the secular. Also Islam, at least in this country, is not totally separated from the political power of the Government. Islam can still influence and, in some important areas, control the administration of the country. With the present state of awareness and strength, Islam can still ensure that adherence to spiritual values will remain strong in the struggle to face the challenge of the modern world.¹⁹³

Perbezaan yang dilihat oleh beliau adalah perbandingan yang dilakukan antara nilai keagamaan Islam dan ideologi sosialis mahupun komunis yang berasaskan kepada nilai-nilai kebendaan. Ini menimbulkan keraguan walhal amat jelas kesamarataan dalam Islam adalah berdasarkan kepada pengamalan nilai-nilai keagamaan yang sama dan bukannya berasaskan kepada pemilikan harta seseorang—*The socialist concept of brotherhood and equality, however, is based on materialism and gives no importance to spirituality.*¹⁹⁴

Apa yang wajar dilakukan oleh masyarakat Islam mengikut tafsiran Mahathir dalam buku ini adalah membentuk keseimbangan antara kehendak keagamaan dan kemahuan kebendaan atau keduniaan.

... neither spirituality values nor material ones can, on their own, nurture and bring happiness to the lives of human beings. For a human society,

large or small, to be complete and wholesome, a balance between material and spiritual values is essential.¹⁹⁵

Malahan ia diulangi dalam beberapa Perhimpunan Agung UMNO, antaranya dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1990. Beliau menyatakan bahawa kebahagiaan hidup di dunia juga bergantung kepada kekayaan material.¹⁹⁶ Malahan beliau menganggap adalah kurang wajar untuk mengetepikan atau menolak realiti dengan hanya berpegang kepada usaha untuk memastikan nilai keagamaan tidak digugat, seolah-olah cuba mengasingkan diri mereka daripada pengaruh luar. Misalnya menggalakkan amalan kehidupan sewaktu zaman Nabi diteruskan walhal keadaan sudah berubah sejajar dengan pembangunan pesat yang berlaku di seluruh dunia.

Kritikan seterusnya adalah andaian bahawa Islam menolak kehendak keduniaan sedangkan Islam tidak pernah menggalakkan pengikutnya menolak kekayaan dunia—*Islam evidently does not hold poverty in high esteem or disapprove of wealth. On the contrary, it puts priority on modernization in all things. At the same time society is responsible for reducing any imbalance found within it.*¹⁹⁷ Mahathir percaya—*wealth does not mean materialism and poverty does not mean spiritual strength. Wealth and poverty have no direct bearing on materialism or spirituality. Materialism can exist in poverty and spirituality can be strong in wealth.*¹⁹⁸

Bagi beliau, untuk membangunkan serta mengubah sikap masyarakat Melayu ke atas ekonomi, apa yang perlu dilakukan adalah mewujudkan kesinambungan antara dunia dan akhirat.¹⁹⁹ Mahathir menyalahkan pentafsir yang menyebabkan umat Islam lemah dan mundur serta menyekat kejayaan mereka.²⁰⁰

Pada waktu yang sama, beliau menerangkan bahawa Islam tidak membenarkan kehendak keduniaan membenamkan nilai-nilai keagamaan sehingga lupa diri dan menjadi tidak bertanggungjawab.

... a Muslim is not asked to reject the world totally and isolate himself from society. All Islam asks is that a Muslim should not let worldly

concerns monopolize his thoughts and his time and make him inconsiderate, irresponsible and inhuman.²⁰¹

Jelas beliau lagi, kekayaan boleh menentukan hala tuju sesuatu masyarakat.

... wealth is very potent form of power. Through economic and social channels, with or without legitimacy, wealth can shape the thinking and the attitudes of a society. The government itself is not immune to the influence of wealth.²⁰²

Walaupun tidak memperkenalkan sistem Islam berdasarkan nilai yang beliau fikirkan sesuai, beliau seolah-olah memberi pandangan Islam berdasarkan kepada pemahaman nasionalis Melayu yang menyebabkan dilema Melayu juga dilihat sebagai dilema orang Muslim.²⁰³ Dalam *A New Deal For Asia*, beliau menyatakan agama tidak wajar dianggap sebagai penghalang kepada kemajuan ekonomi.²⁰⁴ Malahan ini juga membawa kepada kelahiran Wawasan 2020 agar negara akan menjadi sebuah negara industri yang telah membangun bukan sahaja dalam aspek ekonomi semata-mata.²⁰⁵ Oleh yang demikian, untuk mencapai matlamat tersebut, pertama negara perlu menjadi moden dan seterusnya membangun dalam semua dimensi iaitu, ekonomi, politik, sosial, keagamaan, psikologi dan budaya.²⁰⁶

Beliau menolak perbuatan sesetengah pihak yang berpendapat dengan pembentukan undang-undang Islam, maka orang Islam akan menjadi lebih beriman.²⁰⁷ Bagi beliau, orang Islam akan mempertahankan agama Islam jika diberi penerangan dan penjelasan yang sebenar tanpa memutar belit al-Quran dan hadis Nabi. Nilai-nilai Islam seperti tekun, disiplin, berani kerana benar, bertoleransi, bertimbang rasa, adil, insaf dan syukur, amanah dan rajin dilihat sebagai amalan dan bukan rupa bentuk dan kebudayaan masyarakat Arab.²⁰⁸ Lazimnya beliau mengkritik PAS yang mendakwa Islam adalah PAS dan PAS adalah Islam.²⁰⁹ Malahan beliau menganggap PAS sebagai pengkhianat orang Islam kerana menentang kemajuan orang Islam

dan meniadakan keislaman kerajaan yang dilihat sebagai kerajaan sekular.²¹⁰ Kemunculan mereka juga dilihat menimbulkan dilema baru dalam masyarakat Melayu kerana menganggap apabila kerajaan yang buruk dipilih atas nama demokrasi, maka kuasa politik dan ekonomi negara akan tergugat.²¹¹

PENUTUP

Pemikiran Mahathir melalui karya-karyanya itu merupakan suatu manifestasi keinsafan beliau pada apa yang berlaku di sekelilingnya serta perjuangan beliau untuk menaikkan martabat bangsa Melayu. "Transisi dari zaman Jepun ke British" serta pengalaman awal menceburi bidang perniagaan ketika berusia belasan tahun telah membina kesungguhan beliau untuk berusaha mengatasi masalah kemunduran bangsa Melayu. Maka itu, kemiskinan di kalangan orang Melayu merupakan salah satu tema utama dalam hampir kesemua tulisan beliau. Beliau jelas begitu faham mengenai "alam Melayu" dan menghalusi setiap peristiwa yang dibincangkan kerana ia merupakan pengalaman beliau sendiri.

Dalam tempoh penulisan *The Malay Dilemma* dan *The Challenge* yang berlaku dalam lingkungan enam tahun itu, semanganya banyak perubahan telah berlaku. Jika *The Malay Dilemma* memaparkan semangat kemelayuan yang begitu tebal dengan mengkritik masyarakat Cina, maka *The Challenge* pula memaparkan secara eksklusif tentang masalah komuniti Melayu dengan mengaitkannya dengan gejala keagamaan dan sifat anti-Barat.

The Malay Dilemma menunjukkan keradikalan beliau untuk mempertahankan kepentingan orang Melayu dan dengan menggunakan isu ini sebagai asas, beliau cuba melihat cabarannya pada masa hadapan. Antaranya, masa depan orang Melayu, Islam, kerajaan dan kedudukan Malaysia di mata dunia termasuklah "perpaduan ummah". Perubahan ini juga melihat orang Cina bukan lagi sebagai satu ancaman tetapi digantikan dengan Barat. Dengan perubahan ini

ia bukan lagi bersifat “nasionalisme Melayu” semata-mata tetapi juga adalah “nasionalisme Malaysia”.

Secara keseluruhannya, kesemua hasil tulisan beliau memaparkan kesinambungan idea pemikiran beliau yang telah ditransformasi ke dalam pelaksanaan ataupun penggubalan sesuatu dasar. Peristiwa yang dilalui sendiri dan fakta sejarah dijadikan sebagai asas untuk memahami masyarakat Malaysia. Rentetan idea beliau jelas bertujuan untuk mempertingkatkan martabat bangsa Malaysia dan bukan lagi digelar negara kerdil tetapi memiliki hak yang sama dengan negara lain di merata dunia. Penulisan beliau adalah unik kerana rakyat dapat memahami beliau dengan lebih dekat lagi dan sekali gus memberi mandat untuk memerintah atau sebagai “alat legitimasi” kepada kepimpinan beliau.²¹² Legasi beliau bermula di sini.

Daripada penulisan dalam akhbar *The Straits Times* sehingga ke *A New Deal For Asia*, Mahathir tidak pernah sama sekali mengabaikan persoalan masyarakat Melayu terutama dari aspek ekonomi dan politik, dua elemen yang membolehkan Tanah Melayu tidak hilang kedaulatannya daripada genggamannya orang Melayu. Fakta sejarah terutama peristiwa 13 Mei 1969 menjadi agenda utama beliau dalam hampir kesemua penulisan kerana peristiwa tersebut bukan sahaja mengubah nasib orang Melayu tetapi juga meletakkan beliau sebagai pemimpin paling ulung negara. Kesemua elemen yang dibincangkan dalam bab ini jelas memaparkan kesinambungan idea mengenai persoalan kelas dalam stratifikasi sosial masyarakat, sejarah dan tidak ketinggalan *social determinism*. Apa yang pasti, persekitaran yang beliau duduki telah mencipta beliau dan bukan sebaliknya.

Maka, penubuhan Institusi Pemikiran Mahathir di Universiti Utara Malaysia untuk mengkaji pemikiran beliau yang lahir dari Perhimpunan Agung UMNO kali ke-54 pada tahun 2003 dianggap sebagai cetusan idea yang bersesuaian dengan agenda untuk terus membangunkan negara serta gagasan yang boleh menjadi teras kepada kepentingan bangsa dan negara.

NOTA HUJUNG

1. Juga dikenali sebagai Master Mohamad Iskandar, seorang yang telah menyumbang banyak kepada kemajuan pendidikan. Beliau menjadi guru untuk sekolah Inggeris kerajaan pada tahun 1908. Beliau dikenali ramai kerana perkembangan pendidikan di Kedah dan merupakan guru besar pertama sekolah beraliran Inggeris di Alor Setar yang kini dikenali sebagai Maktab Sultan Abdul Hamid. Kesemua putera beliau dinamakan dengan huruf 'M' iaitu Murad, Mustaffa, Mahadi dan Mashahor tetapi tidak pula dengan puteri-puteri beliau. Bapa beliau meninggal dunia pada tahun 1950 manakala ibunya pada tahun 1966.
2. Mahathir Mohamad (1999), *A New Deal For Asia*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm. 13-23. Mahathir juga mendapat didikan agama melalui guru agama, Encik Zakaria; "*I was afraid of my father. He was a strict man. I was never very close to him except in later years when he was very old and we discussed politics*", dalam "He's Simply Tok Det To 15 Grandchildren", *New Sunday Times*, 5 Januari 2003.
3. Nama pena dan nama timangan Mahathir di rumah.
4. Apabila ditawarkan biasiswa kerajaan negeri, beliau amat berharap untuk menyambung pengajian beliau di England di bawah bidang undang-undang tetapi terpaksa ke Singapura kerana kerajaan menganggap wujud kekurangan dalam bidang perubatan. Beliau merupakan antara 7 pelajar Melayu yang mendapat tempat di kolej tersebut tetapi pada akhir pengajian, hanya 4 sahaja yang berjaya termasuk Tun Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali.
5. Mereka mempunyai 7 orang anak, 2 putera dan 3 puteri serta mengambil 2 orang anak angkat. Anak-anak mereka terdiri daripada Marina, Mirzan, Melinda, Mokhzani, Mukhriz, Maizurah dan Madzar.
6. Merupakan antara lima klinik di Alor Setar pada tahun 1957 dan yang pertama dibuka oleh seorang yang berbangsa Melayu.
7. Selain daripada apa yang dinyatakan di atas, Mahathir juga gemar memasak, hiasan dalaman dan hobi yang paling digemari adalah pertukangan sehingga memiliki bengkel sendiri di kediaman beliau. Antara hasil pertukangan beliau adalah bot. Beliau pernah menghadiri kursus pendek mengenai pertukangan sewaktu mengadakan lawatan ke Britain, Aizi Zariza Ahmad (1990), *Mahathir: Triumph and Trials*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co., hlm. 24-25.
8. Mahathir Mohamad (1981), "Satu Tanggungjawab Dan Amanah", Ucapan penangguhan pada Perhimpunan Agung UMNO tahun 1981.
9. Beliau tidak pernah menjadi seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Walau bagaimanapun, beliau menyesal dengan keputusan tersebut kerana terlalu idealistik. Keterangan lanjut boleh didapati dalam Morais, Victor (1982), *Mahathir: A Profile In Courage*, Selangor: Eastern Universities Press, hlm. 26.
10. Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir: Triumph and Trials*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co, hlm. 1-20.
11. *Ibid*, hlm. 34.
12. Mahathir Mohamad (1999), *A New Deal For Asia*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm. 20.
13. *Ibid*, hlm. 21.
14. *Ibid*, hlm. 22.
15. *Ibid*.
16. "Alliance Outcast". *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Review Publishing Company Limited, 18 September 1969. Ia merupakan temu bual Mahathir dengan Bob Reece.
17. Mesyuarat tergepang diadakan di rumah Tun Razak selama 3 jam yang berakhir dengan keputusan memecat Mahathir kerana mencabuli peraturan dan disiplin parti yang boleh menjejaskan perpaduan parti. Mesyuarat ini dihadiri oleh Mahathir tetapi Tunku mengambil keputusan di sebaliknya supaya tidak dianggap mempengaruhi sebarang kepu-

- tusan yang bakal diambil oleh Majlis Tertinggi UMNO. Mahathir telah diminta menarik semula surat tersebut dan memohon maaf kepada Tunku tetapi beliau tidak mahu berbuat demikian. Ini menyebabkan beliau dipecat pada 19 Julai 1969 dengan 14 menyokong, 5 menolak dan 2 tidak hadir, "The Tunku Rides Again", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Review Publishing Company Limited, 7 Ogos 1969.
18. Mahathir mengangap kenyataan sedemikian rupa tidak wajar meletakkan beliau sebagai ekstremist atau ultra, lihat "Alliance Outcast", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Review Publishing Company Limited, 18 September 1969. Ia merupakan temubual Mahathir bersama Bob Reece.
 19. "The Old Fox", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Review Publishing Company Limited, 24 Julai 1969. Inilah detik pertemuan terbuka dengan Anwar Ibrahim yang mewakili kepimpinan pelajar.
 20. Ramai pemimpin UMNO tidak menyatakan sokongan secara terbuka kecuali Tengku Abdullah dan Harun Idris. Walau bagaimanapun, sokongan kepada beliau jelas sewaktu beliau menghadiri persidangan atau pembentangan kertas kerja. Malahan, Tun Razak sendiri mengakui kebolehan Mahathir tetapi menunggu sehingga Tunku bersara untuk membawa kembali Mahathir ke dalam UMNO.
 21. Morais, Victor (1982), *Mahathir: A Profile In Courage*, Selangor: Eastern Universities Press, hlm.28.
 22. Drs. Rahmanmat (1982), *Benarkah Dr. M Pembela Bangsa Melayu?*, Kuala Lumpur: Golden Books Centre, hlm.3.
 23. *Ibid.*
 24. Usaha dibuat oleh antara lain Tunku Abdullah, Pengerusi UMNO cawangan Rawang dan anggota Parlimen kawasan Rawang serta Harun Idris, bekas Ketua Pemuda UMNO. Tunku Abdullah mula mengenali Mahathir dalam delegasi ke Amerika ke Perhimpunan *World Youth* di Massachusetts. Selepas itu, mereka menjadi akrab dan Mahathir lazimnya akan menginap di rumah Tunku jika datang ke Kuala Lumpur. Mahathir juga dilantik menjadi Pemegang Amanah Malaysian Association of Youth Club (MAYC) yang dipimpin oleh Tunku. Mereka juga memulakan perniagaan di bawah Syarikat Matahari Limited—perkhidmatan limosin dari Lapangan Terbang Subang ke Bandar. Perniagaan tersebut tidak mendatangkan keuntungan lantas mereka menubuhkan T. Abdullah Mahathir & Co untuk perkongsian perniagaan antaranya, hotel 20 bilik di pulau Samosir, Prapat, Sumatera. Selepas terbitnya buku *The Malay Dilemma*, timbul ura-ura bahawa Mahathir akan ditangkap di bawah ISA tetapi Tunku telah menunggu di stesen Kuala Lumpur dan membawa beliau ke rumahnya. Malahan Istana Seri Meranti telah dirancang untuk dijadikan tempat untuk melarikan diri jika penangkapan berlaku. Tunku juga merupakan antara yang mengambil inisiatif pertama membawa kembali Mahathir ke dalam UMNO melalui UMNO Bahagian Rawang pada tahun 1970, Tunku Halim (1998), *Tunku Abdullah: A Passion For Life*, Kuala Lumpur: All Media Publications, hlm.147-155.
 25. Mahathir merupakan calon ketiga dalam kedudukan Naib Presiden berbanding dengan Ghafar Baba dan Tengku Razaleigh Hamzah yang masing-masing mendapat undi yang lebih tinggi dalam pemilihan UMNO. Selepas menjawat jawatan tersebut, Mahathir kekal sebagai Menteri Pendidikan dan juga Menteri Perdagangan dan Industri serta Pengerusi "Jawatankuasa Pelaburan" Kabinet, Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir: Triumph and Trials*, Kuala Lumpur: S.Abdul Majeed & Co, hlm. 33.
 26. Penulis berpendapat *renaissance* di Malaysia bermula selepas peristiwa kegagalan penubuhan Malayan Union.
 27. Syed Hussein Alatas (1992), *Intelektual Masyarakat Membangun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 12-13. Kaum intelektual juga adalah mereka yang mampu menyelesaikan sesuatu masalah tanpa perlu menjadi pakar atau berdasarkan profesion dalam bidang tersebut. Malahan fokus mereka adalah berkaitan dengan konteks kehidupan yang luas tetapi memahami dengan mendalam mengenai apa yang

- dilakukannya, juga lihat Abdul Rahman Embong (1996), "Tradisi Intelektual Dan Kebangkitan Semula Asia", *Pemikir*, Utusan Melayu Berhad, hlm.12-23.
28. Abdullah Abdul Kadir Munshi (1901), *Kisah Pelayaran Abdullah*, Singapura: Malaya Publishing House.
29. Shils, Edward (1967), *The Intellectuals In The Political Development Of The New States*, di dalam Kautsky, John H (1967), *Political Change in Underdeveloped Countries: Nationalism And Communism*, New York: John Wiley And Sons, hlm.195-234.
30. Seluruh pemikir adalah dianggap sebagai intelektual tetapi tidak seluruh intelektual boleh bergelar pemikir kerana ada intelektual yang terasing daripada massa dan hidup dalam dunia intelektual semata-mata, lihat Shaharom TM Sulaiman (2000), "Pemikir Membangun Tradisi", *Pemikir*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad, hlm.1-14.
31. "Young Turks" dirujuk kepada golongan yang menentang atau tidak sehaluan dengan kerajaan, cuba mendapatkan kuasa dalam parti atau sekurang-kurangnya sokongan dan lazimnya dirujuk kepada pemimpin muda dalam parti atau sesuatu pertubuhan, lihat http://www.thirdworldtraveler.com/Genocide/Young_Turks_SBB.html, dilayari pada 27 Januari 2003.
32. Seterusnya dikenali sebagai Razaleigh.
33. Seterusnya dikenali sebagai Musa.
34. Benda, Harry J (1967), "Non-Western Intelligentsias As Political Elites" dalam Kautsky, John H (1967), *Political Change in Underdeveloped Countries: Nationalism And Communism*, New York: John Wiley And Sons, hlm.235-251.
35. Antara bahan penulisan beliau yang lain adalah *Islam and the Muslim Ummah* (2002); *Krisis Muta Wang Malaysia: Bagaimana dan Mengapa Ia Berlaku* (2000); *The Voice of Asia: Two Leaders Discuss The Coming Century* (1995); *The Malaysian System of Government* (1995); *Memerangi Kemiskinan: Peladang, Penternak dan Nelayan* (1994); *Regionalism, Globalism and Spheres of Influence* (1989); *Guide for Small Businessmen* (1985).
36. Nota ringkas buku-buku ini dilampirkan sebagai Lampiran I.
37. Antara yang pernah disumbangkan oleh beliau adalah "Working To Rule", 25 Mac 1965; "Adat and Islam", diterbitkan oleh INTISARI, Journal Institut Penyelidikan Sosiologi Malaysia, 1962; "The Bases of National Unity", INTISARI, Journal Institut Penyelidikan Sosiologi Malaysia, 1964; "The Sterilising Effects of X-Rays", 19 Jun 1965; "X-Rays and Sterility", 6 Julai 1965; "Rubber Research", 21 November 1967; "Bumiputeras for University Selection", 24 Februari 1968; "Disparities: Helpful Suggestions Needed", 9 Mac 1968; "Cutting Corners to Help the Bumiputera", 23 Mac 1968; "Dr.Mahathir Replies to A Challenge", 2 April 1969; "Strange: The Letter From Penang", 18 Oktober 1972.
38. Mahathir Mohamad (1949), "Ronggeng Is Popular", *Sunday Times*, 9 Januari 1949. Beliau menganggap ia mendatangkan pendapatan berterusan, "the employment of ronggeng parties by amusement parks ensures a comparatively steady income for them". Malahan beliau menganggap walaupun tarian Barat telah menjadi popular, namun joget atau ronggeng terus menjadi kegemaran orang Melayu, "it seems strange that despite the popularity of Western dances and the large number of cabarets, the seemingly crude Malay dance, the joget or ronggeng, still holds its own among Malays" tetapi ia dimodenkan bersesuaian dengan keadaan semasa supaya penari yang menjadikan ia sebagai sumber pendapatan dapat meneruskan kegiatan mereka walaupun ada kesan daripada pengaruh tarian rumba dan samba. Pengubahsuaian diterima tanpa melunturkan nilai-nilai kebudayaan tradisional.
39. *Ibid.* "Picnic Time In The Dusun", *Sunday Times*, 23 Januari 1949.
40. *Ibid.* "Rains Bring Fish To Sawah", *Sunday Times*, 6 Februari 1949.
41. *Ibid.*
42. *Ibid.*
43. *Ibid.* "Weekly Fair At Alor Setar", *Sunday Times*, 18 September 1949.

44. *Ibid.* "Changing Malay Marriage Customs", *Sunday Times*, 20 November 1949.
45. Persoalan ini diulas berterusan dan menjadi sebahagian daripada tema ucapan beliau hampir dalam semua Perhimpunan Agung UMNO dan pertemuan yang lain.
46. Mahathir Mohamad (1970), *The Malay Dilemma*, Singapura: Donald Moore Asia Press, hlm.16.
47. Mahathir Mohamad (1993), "UMNO Pembawa Perubahan", ucapan yang disampaikan dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1993. Beliau menekankan perkara yang sama dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1996 di bawah tajuk "Pemimpin dan Kepimpinan" dengan menyatakan bahawa kemajuan yang dicapai hari ini bukan kerana dasar kerajaan tetapi perubahan budaya Melayu yang dibawa oleh UMNO.
48. Mahathir Mohamad (1949), "Malay Progress And The University", *Sunday Times*, 27 November 1949. Bersesuaian dengan Perlembagaan negara, beliau bersuara supaya mereka diberi tiga per empat daripada tawaran biasiswa kerajaan. Apa yang menarik adalah kesungguhan beliau untuk meningkatkan taraf pendidikan orang Melayu. Beliau menganggap biasiswa diberikan bukan semata-mata untuk memenuhi hak istimewa bangsa Melayu tetapi juga berdasarkan kepada faktor ekonomi untuk mereka yang tidak berkemampuan. Beliau mengkritik bahawa jika biasiswa diberikan kepada semua kaum, Universiti Malaya hanya akan didominasi oleh bangsa asing tanpa pelajar berbangsa Melayu. Beliau juga berharap agar semua kaum dapat belajar bersama kepentingan kerjasama antara kaum dan mengacu prinsip baru untuk negara.
49. Mahathir Mohamad (1970), *The Malay Dilemma*, Singapura: Donald Moore Asia Press, hlm.19. Beliau menggunakan pandangan Cyril Dean Darlington yang menganggap evolusi masyarakat ditentukan oleh baka menerusi bukunya, *The Evolution of Men and Society*.
50. *Ibid.* hlm.21.
51. *Ibid.* hlm.21-22.
52. *Ibid.* hlm.22-29. Beliau menyatakan " ... the Indian and Arab traders who not only traded, but also settled in the towns and married into the well-established Malay families in these towns. In time these mixed families became rich and very influential.... An important aspect of intra-religious intermarriages worth noting is that, no matter whether the father or the mother was a Malay, the off-spring invariably considers himself Malay ... the absence of inter-racial marriages in the rural areas resulted in purebred Malays. This way further aggravated by the habit of family in breeding. Malays, especially rural Malays, prefer to marry relatives. First cousin marriages were and still are frequent, and the result is the propagation of the poorer characteristics, whether dominant or recessive, originally found in the brothers or sisters who were parents of the married couple".
53. Dalam ucapan bertajuk "Kukuh UMNO Kukuh Negara" yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO tahun 1987, beliau menganggap kegagalan orang Melayu masih lagi disebabkan oleh kelemahan yang ketara dari segi sikap dan sifat mereka.
54. *Op.cit.* hlm.97. Beliau menyatakan bahawa "the Malays claim to be discriminated against in Malaysia is based not on laws but on the character and behaviour of the major racial groups in Malaysia. The Malays are spiritually inclined, tolerant and easy-going. The non-Malays and especially Chinese are materialistic, aggressive and have an appetite for work. For equality to come about it is necessary that these strikingly contrasting races adjust to each other. Laws cannot do this". Dalam wawancara bersama *New Sunday Times*, beliau menyatakan bahawa— "if we want to compare the values of the Malays and the Chinese, we will find that the Chinese work harder than the Malays. We must accept this reality. It's not that the Malays cannot do it. They simply refuse to work hard and do things they are supposed to do". Juga lihat *New Sunday Times*, 22 Julai 2001.
55. Ini turut dinyatakan dalam ucapan bertajuk 'Bersatu Bersetia Berkhidmat' di Perhimpunan Agung UMNO tahun 1990. Beliau menyatakan "jika bangsa Melayu kekal dengan feudalismenya, Malaysia tidak akan merdeka dan kita tidak mungkin membangunkan

- negara ini. Penyerapan nilai dan budaya politik baru membolehkan kita membebaskan diri dari penjajahan bangsa asing".
56. *Op.cit*, hlm.85. "it is not the choice of the Malays that they should be rural and poor. It is the result of the clash of racial traits. They are easy-going and tolerant. The Chinese especially are hard working and astute in business. When the two came in contact the result was inevitable".
 57. *Ibid*, hlm.163. "doing nothing, or slipping coffee, or talking is almost a Malay national habit. An invitation to a kenduri in a kumpung is invariably for an indefinite time. One may arrive at any time, eat at any time and go off at any time"; "when there is no awareness of time, there can be no planning and work is never reliable"; "a community which is not conscious of time must be regarded as a very backward society".
 58. *Ibid*, hlm.59.
 59. *Ibid*, hlm.25.
 60. Mahathir Mohamad (1976), *The Challenge*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.vii. "... one of the saddest ironies of recent times is that Islam, the faith that once made its followers progressive and powerful, is being invoked to promote retrogression which will bring in its wake weakness and eventual collapse". Kritikan beliau ke atas masyarakat Melayu berterusan walaupun beliau mengakui desakan seperti berdisiplin, bekerja kuat, tidak tamak dan beramanah merupakan desakan kurang popular seolah-olah sering melihat kepada kelemahan bangsa sendiri, lihat ucapan beliau bertajuk "Parti yang Bertanggungjawab", ucapan di Perhimpunan Agung UMNO tahun 1984.
 61. *Ibid*.
 62. *Ibid*, hlm.3. Beliau menyatakan bahawa "God will not change the fate of a nation unless that nation itself strives for improvement".
 63. *Ibid*, hlm.51, pengulangan mesej yang sama di halaman 94, 97, 102 dan 128.
 64. Beliau turut menengahkan isu ini dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1986, lihat ucapan bertajuk "Tegas Menghadapi Serangan".
 65. *Op.cit*, hlm.55.
 66. *Ibid*, hlm.45.
 67. *Ibid*, hlm.133.
 68. *Ibid*, hlm.134, juga ditulis di bahagian awal iaitu—"for a small nation that ruled a quarter of the world, discipline was important. Without discipline, they would not have been able to handle a situation where sometimes two or three of them had to control hundreds or thousands of other races"(hlm.45).
 69. *Ibid*, hlm.136.
 70. Mahathir Mohamad (1998), *The Way Forward*, London: Weidenfeld & Nicolson, hlm.12.
 71. *Ibid*, hlm.30.
 72. *Ibid*, hlm.80. Beliau menyatakan bahawa "... It was the economic disparities which lay at the root of the trouble, and that, if these disparities were corrected, the Malays and the other bumiputeras would be able to live together with the non-bumiputeras in peace".
 73. *Ibid*, hlm.82.
 74. *Ibid*, hlm.122.
 75. *Ibid*, hlm.83.
 76. lihat ucapan bertajuk "Kewibawaan UMNO", disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO tahun 1989.
 77. *Ibid*, hlm.119. Beliau menyatakan bahawa "... a dependence mentality prevailed which undermined work ethics, resulting in a culture based on the belief that the state had the responsibility to provide everything for everyone from 'cradle to grave'".
 78. Ini kerana ada bukti yang menunjukkan bahawa budaya orang Melayu tidak sesuai dengan persaingan dunia dalam ekonomi moden. Penyesuaian kepada budaya dan nilai hidup yang menekankan pengurusan kekayaan dunia perlu bentuk untuk membawa kejayaan, lihat ucapan bertajuk "UMNO ke Arah Abad ke-21", disampaikan dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1991.

79. Mahathir Mohamad (1999), *A New Deal For Asia*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.37.
80. *Ibid*, hlm. 39.
81. *Ibid*, hlm.78.
82. Mahathir Mohamad (1982), Ucapan bertajuk "Negara Yang Bermaruah", disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1982, turut diulangi di dalam ucapan bertajuk "Malaysia Bahagia" di Perhimpunan Agung UMNO tahun berikutnya.
83. *Ibid*, hlm.83. Beliau menyatakan bahawa " ... Japan has played a pivotal and not entirely selfish role in spurring Asia's economic growth in the postwar years. Psychologically, it was the Japanese who gave us the belief that even Asians could aspire to the same levels of technical and academic achievement as our former colonial rulers. The Japanese showed us how determination and the will to work hard for your nation could bring a spectacular recovery from the ashes of war. Japan also proved to the world that an Asian country could produce goods as or even better than the quality of goods produced in the West. Thus, the example set by Japan in the post-war period has been of enormous importance, not just economically, but also symbolically and psychologically".
84. Antara pengalaman beliau adalah ketika berniaga di Pekan Rabu di mana askar Jepun tidak pernah gagal membayar bayaran berpatutan walaupun pernah bersifat tidak berperikemanusiaan sepanjang zaman pendudukan Jepun. Juga, Jepun telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi selepas perang.
85. *Ibid*.
86. *Ibid*, hlm. 132.
87. *Ibid*, hlm. 133.
88. *Ibid*, hlm. 134.
89. Mahathir Mohamad (2002), "The New Malay Dilemma", ucapan yang disampaikan oleh beliau di majlis makan malam Harvard Club Of Malaysia, 29 Jun 2002. Beliau menyatakan bahawa *they are laid-back and prone to take the easy way out. And the easy way out is to sell off whatever they get and ask for more. This is their culture. Working hard, taking risks and being patient is not a part of their culture*".
90. *Ibid*.
91. *Ibid*. Persoalan mengenai tongkat ini bukanlah baru kerana dalam ucapan beliau di bawah tajuk "Ke arah Meningkatkan Maruah Bangsa", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO tahun 1992, beliau menyatakan - "*kuasa politik merupakan satu tongkat bagi orang yang tempang dalam bidang lain. Tetapi kita tidak harus bergantung kepada kuasa politik selama-lamanya untuk mencapai kemajuan. Mereka yang menggunakan tongkat sepanjang masa akan menjadi semakin lemah kerana anggota mereka tidak digunakan sepenuhnya dan akan hilang upaya. Tongkat hanya berguna dan harus diguna untuk mengatasi kelemahan yang sementara. Apabila sudah pulih, tongkat mesti dilepaskan dan kita berdiri atas kaki sendiri*". Dalam wawancara bersama *Mingguan Malaysia* pada 15 Jun 2003, beliau menyatakan bahawa budaya menggunakan tongkat akan menjadikan kita lumpuh dan kurang berjaya, *Mingguan Malaysia*, 15 Jun 2003.
92. Mahathir Mohamad (2002), "Mendedah yang Terbuka", Ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada 20 Jun 2002.
93. *Utusan Malaysia*, 14 Jun 2002.
94. *Mingguan Malaysia*, 15 Jun 2003. Wawancara khas *Mingguan Malaysia* bersama Mahathir.
95. Mahathir Mohamad (1985), "Masyarakat dan Nasionalisme", ucapan di Perhimpunan Agung UMNO tahun 1985. Persoalan perubahan dari segi sikap dan budaya konsisten dan boleh dilihat diulas hampir dalam kesemua ucapan beliau di Perhimpunan Agung UMNO.
96. Wawancara Mahathir, *Mingguan Malaysia*, 15 Jun 2003.
97. Mahathir Mohamad (2000), "Perjuangan UMNO Belum Selesai", ucapan yang disam-

- paikan dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 11 Mei 2000.
98. Mahathir Mohamad (1993), "UMNO Pembawa Perubahan", ucapan yang disampaikan dalam Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1993.
 99. Mahathir Mohamad (1997), "Menebus Maruah Bangsa dan Agama", ucapan yang disampaikan dalam Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1997.
 100. Budaya baru turut dapat dilihat di dalam ucapan Perhimpunan Agung UMNO tahun 2000 di bawah tajuk "Melayu Perlu Semai Budaya Baru" dan ucapan tahun 2003 iaitu "Ancaman Masa Depan".
 101. Mahathir Mohamad (1949), "Tapak Cherpu Duli Yang Maha Mulia", *Sunday Times*, 7 Julai 1949.
 102. Mahathir Mohamad (1949), "New Thoughts On Nationalty", *Sunday Times*, 9 April 1950. Antara poster awal di Kedah menyambut baik Malayan Union tetapi menentang hak sama rata ke atas warganegara. Selain daripada itu, institusi raja-raja juga dianggap tidak penting melainkan mereka memainkan peranan menentang Malayan Union dan hak kewarganegaraan. Begitu juga dengan penubuhan UMNO yang dianggap sebagai satu gabungan badan untuk menentang hak kesamarataan ke atas kewarganegaraan. Pendirian orang Melayu ke atas isu ini jelas ketika zaman pemerintahan Jepun kerana di dalam persaingan terbuka seperti dalam perdagangan kejayaan orang Melayu adalah sedikit apatah lagi tanpa bantuan kerajaan. Oleh yang demikian, beliau merasakan bahawa dasar memelihara hak keistimewaan orang Melayu telah membantu mereka daripada menjadi kelas masyarakat yang paling tidak berjaya di negara sendiri. Mereka juga mengharapkan British kembali menjajah supaya dapat menggunakan sepenuhnya keistimewaan tersebut. Dato' Onn Jaafar pula dianggap hero bangsa Melayu yang bertembung dengan raja-raja untuk menentukan masa depan bangsa Melayu menyebabkan bangsa Melayu meletakkan kepercayaan dan rasa hormat kepada beliau. UMNO juga dilihat berubah dan lebih berkompromi dengan kaum bukan Melayu cuba melobi untuk kemerdekaan awal. Begitu juga dengan raja-raja yang satu ketika bersama UMNO menentang hak sama rata kewarganegaraan tetapi kini menolak permintaan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi berbangsa Melayu. Masyarakat Melayu Singapura pula dilihat terus berada dalam keadaan miskin dengan tempat penginapan yang kurang selesa berbanding dengan masyarakat Cina atau Eropah. Begitu juga dengan taraf pendidikan dengan bilangan anak Melayu yang kurang di sekolah-sekolah aliran bahasa Inggeris menyebabkan maruah bangsa tergendai. Ini jelas menunjukkan mengapa Melayu Kedah lebih bermaya mempertahankan hak warganegara serta hak istimewa bangsa Melayu. Jika persaingan terbuka mengambil tempat, mereka berpendapat kuasa mereka akan tergendai termasuklah penguasaan ke atas institusi seperti kewangan dan pendidikan. Beliau berpendapat, jika kerajaan dipimpin oleh bangsa bukan Melayu, bukan Melayu akan dengan mudah menjadi warganegara dan jumlah populasi bangsa Melayu dikhuatiri akan berkurangan dan masyarakat Melayu Semenanjung Malaysia dijangka akan melalui nasib seperti masyarakat Melayu di Singapura.
 103. *Ibid.*
 104. *Ibid.*, hlm.69.
 105. *Ibid.*, hlm.142. Beliau menyatakan bahawa—*with the means to better their political strength in their own hands, the Malays let the opportunity slip by because they did not have the heart to do what others have done. Control of immigration in other countries has always been a means to retain political control in the hands of the definitive race. The definitive people of Malaya failed to do this.*
 106. *Ibid.*, hlm.70.
 107. *Ibid.*, hlm.133. Juga diulangi beberapa kali, antaranya, "In Malaya, the Malays without doubt formed the first effective governments. The Malay states have been internationally recognized since the beginning of Malayan history" (hlm.127); "History, especially recent history, bolsters the Malay contention. All dealings by foreign governments and people were with Malay rajas as the rulers of the country" (hlm.127); "The conquest of Malaya

by the Japanese did not alter the position of the Malay rulers. The Japanese left them as sultans, although the Japanese Military Government did not feel the need to consult them on matters of administration or policy" (hlm.129); "The British sense of formality nevertheless still persisted. Although they had the authority and the force to ignore the sultans and the Malays, they insisted on getting formal consent from the sultans for the proposed Malayan Union" (hlm.130); "the British recognized the Malays as the only people whose consent must be obtained before any changes could be made in Malaya" (hlm.130); "We wanted to rule the country ourselves. We may not do it as efficiently but that is irrelevant. What is important is not merely the achievement of Independence. We wanted Malayization as well" (hlm.76); "The burden of my argument is that the Malays are the rightful owners of Malaya, and that if citizenship is conferred on races other than the Malays, it is because the Malays consent to this. That consent is conditional" (hlm.126).

108. *Ibid*, hlm.128.

109. *Ibid*, hlm.121.

110. Mahathir Mohamad (1986), "Tegas Menghadapi Serangan", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1986.

111. *Op.cit*, hlm.116.

112. hlm.31, juga mengulangi di halaman lain, "as long as the reins of Government were in the hands of the Malays, the unabsorbable immigrants could not sufficiently increase in number to challenge the Malays" (hlm.140); "the British suggested various measures to safeguard the Malays which they explained would be sufficient to ensure that the Malay Peninsula remained a Malay country. These safeguards for the Malays and their sultans, centered round an exclusively Malay Civil Service and reservations of land for Malays only. Later they were circumvented by the British and the non-Malays; but these measures, once they were suggested, again lulled the Malays into a false sense of security. The fear they were beginning to feel over the greatly increased Chinese and Indian immigration was stilled for a time, and the move to close the floodgates was put off" (hlm.141).

113. hlm.75. Beliau menyatakan bahawa—*he motive behind preferential treatment is not to put the Malays in a superior position, but to bring them up to the level of the non-Malays.* Dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1985, beliau mengulangi pendirian tersebut di bawah ucapan bertajuk "Masyarakat dan Nasionalisme".

114. hlm.79. Beliau menganggap ".... laws do not make people equal. They can only make equality possible. In the final analysis it is the people, and the people alone who make themselves equal".

115. *Ibid*, hlm.74.

116. *Ibid*, hlm.32.

117. *Ibid*, hlm.45.

118. *Ibid*, hlm.46.

119. *Ibid*, hlm.48.

120. Mahathir Mohamad (1986), "Tegas Menghadapi Serangan", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1986.

121. Mahathir Mohamad (1990), "Bersatu Bersetia Berkhidmat", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1990.

122. *Op.cit*, hlm.52.

123. National Operation Council (NOC) atau Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) merupakan badan yang berkuasa selepas darurat di isytiharkan. Ia merangkumi kesemua ahli kabinet, ketua tentera dan polis serta badan-badan yang lain untuk memulihkan keadaan kepada sediakala.

124. *Op.cit*, hlm.53.

125. *Ibid*, hlm.54.

126. *Ibid*, hlm.55.

127. Mahathir Mohamad (1999), *A New Deal For Asia*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.31.
128. Mahathir Mohamad (1976), *The Challenge*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.44.
129. *Ibid*, hlm.48.
130. *Ibid*, hlm.50.
131. *Ibid*.
132. hlm.96, juga diulangi—"to enable each member of a society to attain his rights without affecting the rights of others and the collective right of the society itself, rules are set up to control freedom in the 'methods' of demanding rights. Rules or laws cannot stand by themselves. Thus society has to create a body to enforce the laws, and all members of society are required to obey the instructions of this body" (hlm.97).
133. Mahathir Mohamad (1982), "Negara yang Bermaruah", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1982.
134. Mahathir Mohamad (1981), "Freedom Of The Press: Fact And Fallacy", *The New Straits Times*, 9 Julai 1981. Terjemahan artikel ini boleh ditemui dalam Mohd Safar Hasim (1996), *Mahathir dan Akhbar*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
135. *Op.cit*, hlm.117, juga diulangi—"democracy was not a well-known system of government in this region and the future leaders of the independent Federation of Malaya had no experience of its intricacies. The government of British Malaya itself was not democratic and could not serve as a model for Malayan leaders. A government that had to consider the different views of the people could not be run as easily as the authoritarian government of the British period" (hlm.162). Malahan ia juga dinyatakan dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1983 di bawah ucapan bertajuk "Malaysia Bahagia".
136. Mahathir Mohamad (1990), "Bersatu Bersetia Berkhidmat", ucapan yang disampaikan dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1990.
137. Mahathir Mohamad (1995), "Jangan Lupa Daratan", ucapan yang disampaikan dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1995.
138. Mahathir Mohamad (1998), "Cabaran Kegawatan", ucapan yang disampaikan dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1998.
139. Mahathir Mohamad (1991), "UMNO Ke arah Abad Ke-21", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO tahun 1991.
140. Mahathir Mohamad (1997), "Menebus Maruah Bangsa Dan Agama", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO tahun 1997.
141. Mahathir Mohamad (1988), "UMNO Tetap UMNO", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO tahun 1988.
142. Mahathir Mohamad (1998), *The Way Forward*, London: Weidenfeld & Nicolson, hlm.78.
143. *Ibid*, hlm.79
144. Mahathir Mohamad (1999), *A New Deal For Asia*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.11.
145. *Ibid*, hlm.12.
146. *Ibid*.
147. *Ibid*.
148. *Ibid*, hlm.60.
149. *Ibid*, hlm.63.
150. *Ibid*, hlm.104, hlm.110, hlm.147. Beliau turut menyatakan bahawa " ... fortunately, Malaysia did not take the IMF's bitter medicine; we considered the medicine more dangerous than the disease and were stubborn enough to refuse it. Had we acquiesced, we might very well have found ourselves in an even more dire situation than we are in today, deprived not only of money but also of our ability to govern ourselves within our own borders".
151. *Ibid*, hlm.62. Dalam ucapan bertajuk "Cabaran Kegawatan" dalam Perhimpunan Agung

- UMNO tahun 1998, beliau menyatakan kegawatan dicetuskan oleh golongan ini, begitu juga dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1999 di bawah ucapan bertajuk "Maruah Bangsa Tanggungjawab UMNO".
152. *Ibid*, hlm.137.
 153. *Ibid*, hlm.141.
 154. Mahathir Mohamad (1976), *The Challenge*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.126.
 155. *Ibid*, hlm.151.
 156. Mahathir Mohamad (1949), "Malay Padi Planters Need Help", *Sunday Times*, 30 Oktober 1949.
 157. *Ibid*.
 158. Tanpa memiliki sikap untuk mengaut untung dan tanpa perlu mendapatkan modal apatah lagi mereka sendiri menguruskan penanaman di tanah yang diwarisi, maka pengenalan sistem cangkih atau *mechanical cultivation* akan menyebabkan mereka terjejas dengan teruk. Tanpa modal tidak mungkin mereka dapat menggunakan sistem yang lebih baik. Pengenalan secara kolektif dirasakan boleh membantu tetapi pengurusan yang berkesan tidak mungkin dapat dihasilkan oleh petani tersebut.
 159. *Ibid*.
 160. *Ibid*.
 161. *Ibid*, hlm.19.
 162. *Ibid*, hlm.61.
 163. Mahathir Mohamad (2002), "The New Malay Dilemma", ucapan yang disampaikan di majlis makan malam anjuran alumni Harvard, Ogos 2002.
 164. Pada tahun 1970, jumlah ahli profesional bumiputera yang berdaftar adalah 4.9 peratus, Mahathir Mohamad (1998), *The Way Forward*, London: Weidenfeld & Nicolson, hlm.9.
 165. *Ibid*, hlm.11.
 166. *Ibid*, hlm.12.
 167. *Ibid*, hlm.17.
 168. Mahathir Mohamad (1982), "Negara yang Bermaruah", ucapan di Perhimpunan Agung UMNO tahun 1982.
 169. *Ibid*, hlm.24.
 170. *Ibid*, hlm.25.
 171. Mahathir Mohamad (1998), "Cabaran Kegawatan", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1998.
 172. Mahathir Mohamad (1986), "Tegas Menghadapi Serangan", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1986.
 173. *Op.cit*, hlm.32.
 174. *Ibid*, hlm.34.
 175. Mahathir Mohamad (2002), "Mendedah yang Terbuka", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 2002.
 176. *Ibid*, hlm.35.
 177. *Ibid*, hlm.62.
 178. *Ibid*, hlm.63.
 179. *Ibid*, hlm.64.
 180. *Ibid*, hlm.89.
 181. *Ibid*.
 182. *Ibid*, hlm.107.
 183. *Ibid*, hlm.104.
 184. *Ibid*, hlm.10.
 185. *Ibid*.
 186. *Ibid*, hlm.29.
 187. *Ibid*, hlm.95.
 188. *Ibid*, hlm.100-101.

189. *Ibid.* Strategi yang diambil oleh Malaysia ini dilihat sebagai *extreme measures for extreme times* dan berjaya membawa suntikan baru dalam kedudukan ekonomi negara serta menolak cadangan IMF sama sekali walaupun ada yang melihat usaha Malaysia adalah untuk mengisolasi daripada komuniti antarabangsa. Tohmahan tersebut dilihat tidak berasas kerana Malaysia merupakan negara yang mengamalkan perdagangan antarabangsa.
190. *Ibid.* hlm.129.
191. *Ibid.* hlm.130.
192. Mahathir Mohamad (1992), "Ke Arah Meningkatkan Maruah Bangsa", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1992.
193. Mahathir Mohamad (1976), *The Challenge*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.82.
194. *Ibid.* hlm.5, juga diulangi pada halaman yang sama iaitu—"the communists equate the serenity brought by religion to that obtained from opium. They abhor it, for such peace of mind would effect the power struggle and oppression which are necessary to their cause".
195. Hlm.14, juga diulangi di beberapa halaman lain iaitu—"for a Muslim society, the relation of all groups and strata with one another are decided by Islam and oppression should not occur. If oppression does occur, it is not because there are groups that are not equal in wealth, but because the society or its members do not obey and do not practice the teachings and spiritual values of Islam" (hlm.65); "In a staunchly Muslim society, equality and brotherhood do exist. The equality is not in material wealth but in religion. All Muslims, poor or rich, king or commoner, are equal. In worship and in the eyes of God they are equal. It is this equality which makes Muslims brothers regardless of economic position, rank and status, race and colour. The basis of the brotherhood is not status of property ownership but the spirituality that comes from faith in the teachings of Islam. It is a genuine brotherhood of pure hearts, free from jealousy and envy" (hlm.65); class does not exist in Muslim society. Though there are the rich and the poor. Muslim society is not divided into classes. Muslims value the family, which includes distant relatives. The Muslims family, unlike the Western one, is not limited to just parents and children. From great-grandparents to great-grandchildren, all are bound together by family ties" (hlm.71).
196. Mahathir Mohamad (1990), "Bersatu Bersetia Berkhidmat", Ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1990.
197. *Op.cit.* hlm.16.
198. *Ibid.* hlm.71. Kenyataan tersebut diulang beberapa kali seperti yang dapat dilihat di halaman 74, 78 dan 81—"since ownership of property does not mean loss of spirituality, the right attitude for those who uphold spiritual values can be decided. They need not reject wealth or endeavours which lead to wealth nor reject the kind of knowledge that can preserve and protect their positions in the threat-ridden world. So long as their faith in spiritual values is nurtured they can work and complete with other groups to attain wealth and acquire knowledge in all fields (hlm. 74); "realizing that the wealth and efficiency of materialists can threaten the survival of spiritual values, those who cherish spiritual values should be clear in their minds as to the attitude they should take towards 'worldly' wealth and efficiency. They should resort to all legitimate methods to acquire wealth and the kinds of knowledge which can give them power and strength. The importance of doing so is made more obvious by the existence of modern techniques of warfare" (hlm.78); "worldliness does not necessarily mean greed for wealth. Worldly wealth is God's gift, and not to Muslims alone. Spurning it is an act of arrogance and ingratitude to God for His gift. What Muslims should do is to accept and value the gift without forgetting that they have certain duties in this world" (hlm.81).
199. *Ibid.* hlm.107. Beliau menyatakan bahawa "Islam never urged the rejection of worldly wealth. There must be balance between this world (dunia) and the next (akhirat)".

200. Mahathir Mohamad (1991) "UMNO Ke Arah Abad Ke-21", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1991.
201. *Op.cit.*, hlm.111.
202. *Ibid.*, hlm.112.
203. Yang dianggap menggagalkan sistem ekonomi dan Islam bukanlah agama Islam tetapi tindakan penganutnya, ucapan bertajuk "Parti yang Bertanggungjawab", di Perhimpunan Agung UMNO tahun 1984.
204. Mahathir Mohamad (1999), *A New Deal For Asia*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.39.
205. Mahathir Mohamad (1993), "UMNO Pembawa Perubahan", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1993.
206. *Op.cit.*, hlm.41. Kesemua sembilan cabaran wawasan 2020 dijelaskan secara terperinci di hlm. 41-42 buku ini.
207. Mahathir Mohamad (1983), "Malaysia Bahagia", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1983.
208. Mahathir Mohamad (1984), "Parti yang Bertanggungjawab", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNP pada tahun 1984. Beliau mengulangi penyataan ini dalam ucapan pada tahun berikutnya dengan menekankan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran beliau, lihat ucapan bertajuk "Masyarakat dan Nasionalisme", Ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1985 dan pada tahun 2000 di bawah tajuk "Melayu Perlu Semai Budaya Baru", dengan menjadikan Dato' Azhar Mansor sebagai contoh yang berjaya mengelilingi dunia seorang diri.
209. *Ibid.*
210. Mahathir Mohamad (2001), Ucapan Pengguguran Presiden UMNO di Perhimpunan Agung UMNO tahun 2001.
211. Mahathir Mohamad (2002), *"The New Malay Dilemma"*, ucapan yang disampaikan di majlis makan malam Harvard Club Of Malaysia, 29 Jun 2002. Ini akan berlaku walaupun masyarakat Melayu dilihat arif mengenai agama tetapi kurang berpengetahuan tentang apa yang harus diamalkan— *"It is not far-fetched to say that for many Malays their Malay and Islamic values have been destroyed. Such is the deviation from Malay and Islamic culture that many Malays are willing to vote and support a party which advocates and practices violence, which curses and swears and is led by immoral leaders. The end result of the deviation must be the election of a bad Government and the stoppage of the efforts to ensure that the Malays remain politically empowered and economically as advanced as the other races"*.
212. Ada yang menganggap walaupun *The Malay Dilemma* wajar dilihat sebagai kekebalan Mahathir untuk membangunkan bangsa Melayu, ternyata selepas berjaya memimpin negara, beliau masih merasakan adanya halangan dalam usaha beliau untuk memartabatkan bangsa Melayu. Hari ini patriotisme, dikotomi Melayu-Islam, semangat bangsa sendiri, pengetahuan sains dan teknologi dilihat kunci untuk menguatkan bangsa, lihat Ahmad Fawzi Basri; Abdul Rahman Abdul Aziz (2002), *Pemikiran Orang Melayu*, Kertas pembentangan dalam Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad, Melaka, 23 April 2002.


3 KEPENTINGAN EKONOMI, SAINS DAN TEKNOKRATIK

MUKADIMAH

Legitimasi kepemimpinan Mahathir banyak bergantung kepada kebolehan mengembangkan sektor ekonomi negara sejajar dengan perkembangan arus perdana ekonomi global. Malahan, keprihatinan beliau ke atas isu ekonomi jelas sebelum menjadi Perdana Menteri lagi. Penulisan awal beliau juga banyak tertumpu kepada kedudukan orang Melayu yang dilihat mundur berbanding dengan orang Cina dari segi ekonomi.¹ Banyak usaha dilakukan selepas beliau menjadi Perdana Menteri untuk membangunkan bangsa, malahan ada yang melihat—*throughout his leadership, Mahathir has exercised a firm grasp on the Malaysian economy, its direction and pace of growth. His role is writ large all over the economy as strategist and manager of Malaysia's most successful growth phase.*²

Oleh yang demikian, bab ini akan dibahagikan kepada beberapa aspek dengan melihat kepada Mahathir sebagai pelengkap kepada pertumbuhan ekonomi yang turut mempengaruhi pembaharuan dalam aspek sains dan teknokratik negara (lihat Rajah 3.1).

Rajah 3.1: Faktor-faktor Ekonomi dan Sains Teknokratik



MAHATHIR SEBAGAI IKON EKONOMI MALAYSIA

Mahathir memulakan tugas beliau sebagai Perdana Menteri sewaktu DEB yang diperkenalkan pada tahun 1970 memasuki tahap kematangan berdasarkan kepada matlamat untuk melihat hasil pelaksanaan dasar tersebut untuk tempoh 20 tahun. Beliau mempunyai 10

tahun untuk melakukan sesuatu terhadap dasar tersebut, yang sekali gus boleh pula mengukuhkan legitimasi kepimpinan beliau kerana penampilan beliau melalui tulisannya selama ini, mempamerkan beliau adalah seorang pemimpin yang amat bersimpati dengan semangat nasionalisme Melayu.

Walaupun Mahathir berada dalam “buangan politik” ketika DEB dirancang, tetapi objektif dasar tersebut jelas diambil daripada penulisan buku beliau *The Malay Dilemma*.³ Dalam *The Malay Dilemma*, beliau menganggap orang Melayu sememangnya memiliki kebolehan serta kemampuan untuk membentuk kedudukan ekonomi yang kukuh tetapi malangnya kedatangan orang asing telah menjejaskan segalanya itu. Inilah rumusan yang dibuat oleh Khoo:

... The Malay Dilemma evinces a sense of native commerce being arrested and indigenous economic development marginalized by colonial subjugation and immigrant encroachment.⁴

Penjajah dianggap menyebabkan orang Melayu terkebelakang bukan sahaja dalam aspek ekonomi tetapi juga pendidikan.

... Under the British Colonial regime it had already become obvious that not only were the Malays economically backward, but they were educationally behind.⁵

Disebabkan itu, Mahathir merestui dasar mengenai kedudukan hak istimewa orang Melayu, keistimewaan yang dilahirkan untuk memelihara hak mereka—the motive behind preferential treatment is not to put the Malays in a superior position, but to bring them up to the level of the non-Malays.⁶ Namun, pada masa yang sama, beliau mengkritik dasar kerajaan yang bersikap lepas tangan, misalnya penubuhan Rural and Industrial Development Authority (RIDA) kerana—the Malays were told that they would get government aid in solving their economic dilemma⁷ tetapi ia dilihat sebagai sesuatu yang negatif—any Malay wanting to do business with the government, or to start a major enterprise like mining or transport, was

*invariably asked whether he had any experience*⁸. Ketiadaan pengalaman dianggap sebagai alasan untuk menafikan hak mereka untuk mendapat kontrak dan lesen. Orang Melayu yang memiliki kelayakan pula tidak mampu mendapat bantuan tersebut tetapi mereka yang benar-benar miskin dan sukar untuk berhadapan dengan saingan diberi peluang seolah-olah untuk menafikan sama sekali peluang mereka.

Beliau juga mengkritik kegagalan kerajaan memantau perniagaan "Ali-baba".⁹ Malahan dasar-dasar kerajaan dianggap sering membelakangkan dasar untuk membantu orang Melayu. Begitu juga dengan sikap pemimpin orang Melayu yang mempunyai mentaliti bahawa orang Melayu tidak sesuai untuk berniaga.

... Malay leaders have been known to say that Malays are not suited for businesses or skilled work. They are agriculturists. Money does not mean the same to them as it does to the Chinese. They do not have the wish or the capacity for hard work. And above all they cannot change.¹⁰

Bagi beliau dilema orang Melayu adalah juga berpunca daripada sikap pemimpin yang seolah-olah sebagai suatu *taboo* untuk menyatakan bahawa mereka tidak mendapat perhatian dari segi ekonomi.

... the dilemma of the Malays is that not only is there little effort made to right the economic wrongs from which they suffer, but it is also wrong to even mention that economic wrongs exist at all. The whole idea seems to be that the less they talk about it the more the country will benefit from the economic stability built on Chinese economic domination. What is important, the Malays are told, is that Malaysia must prosper as a nation, and amateurs like them in business are not likely to contribute to this prosperity.¹¹

Di samping itu, beliau turut mengkritik sikap orang Melayu sendiri yang dilihat kurang prihatin ke atas kepentingan ekonomi. Mereka dianggap menjadi "pak turut"—*"politeness and a genuine desire to be accommodating have prevented the Malays from openly*

voicing their thoughts".¹² Beliau menganggap orang Melayu sendiri perlu menyalahkan diri mereka sendiri—*Malays must admit to a fair share in this blame. From the leaders to the ordinary kampung dwellers, Malays have displayed an attitude that arguments even the slightest efforts of others to displace them in the economic field.*¹³ Mereka dilihat — *to learn to acquire new skills themselves*¹⁴ dan *the Malays were content to pack up and go out of business.*¹⁵ Sikap masyarakat Melayu juga dikecam terutama ke atas *money, property and time*¹⁶ dan beliau merumuskan bahawa orang Melayu memiliki nilai yang belum dikembangkan berhubung dengan harta kekayaan. Apa yang cuba disarankannya ialah suatu reformasi budaya yang melibatkan penerimaan nilai baru serta kebolehan baru tanpa terikat dengan warisan kerjaya sebagai petani, peniaga kecil-kecilan atau pekerja perkhidmatan awam kerana tanpa adanya pengubahsuaian ke atas amalan atau budaya, maka DEB juga dilihat akan gagal.¹⁷ Ini akan membolehkan orang Melayu terlibat dalam bidang ekonomi moden.

... NEP was intended to help the poorer Malays, not only by making their lot better in their existing situation, but also by "leapfrogging" them from the traditional to the modern sectors of the economy.¹⁸

Beliau sesungguhnya mengharapkan agar wujudnya satu dasar yang drastik untuk membantu membangunkan bangsa Melayu—*the Malays must be aware of their own faults as much as the fault of others. Where necessary, laws must be promulgated in order to render effective whatever economic policy may be considered necessary.*¹⁹

DEB²⁰ telah dilahirkan selepas peristiwa 13 Mei 1969²¹ dengan dua objektif:

- Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum
- menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut ekonomi dapat dihapuskan

Objektif kedua lebih cenderung mendapat tumpuan kerana dira-

sakan jika objektif kedua boleh tercapai, maka tidak mustahil objektif pertama akan dapat dipenuhi secara automatik kerana sebilangan besar masyarakat yang miskin pada ketika itu adalah masyarakat bumiputera. Dasar ini melibatkan pinjaman dan subsidi untuk masyarakat bumiputera; hak keistimewaan untuk masyarakat bumiputera mendapatkan lesen dan tender dengan tujuan menjalankan perniagaan; kuota tertentu untuk kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam; keistimewaan dalam pemilihan atau pelantikan dan pengambilan bumiputera dalam sektor awam; meluaskan perniagaan atau pemilikan awam bumiputera; menambah pemilikan melalui pengambilan, perkongsian dan amalan diskriminasi; dan penswastaan.²²

Ada pihak yang beranggapan bahawa DEB lebih merupakan ideologi negara—*the NEP, not the Rukunegara, was Malaysia's true ideology, at least for Malays*.²³ Apabila Mahathir mengambil alih kepimpinan negara beliau dengan jelas memberi keutamaan kepada DEB untuk membentuk kapitalis Melayu. Ini bersesuaian dengan keinginan beliau seperti yang dinyatakan dalam *The Malay Dilemma*. Maka itu, pelantikan beliau dikatakan tepat pada masanya untuk melaksanakan pemikiran beliau ke atas orang Melayu seperti yang diketengahkan dalam buku tersebut.

... given the popular identification of Mahathir's own strong opinions of the NEP, it was a historical coincidence that he should have become Prime Minister in 1981 to preside over the NEP at its mid-point, and to stand somewhere between the hope and dread that fin de NEP inspired.²⁴

Perlu diakui tanpa DEB agar sukar untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat daripada pelbagai kaum dan dasar ini dianggap boleh memberi justifikasi dalam jangka panjang serta memberi legitimasi kepada pemimpin yang menerajui negara.

... Affirmative programmes use public resources for discriminatory purposes. The justification is that society as a whole will benefit in the long run. It is this higher purpose which gives it validity and earns legitimacy. Maintaining the integrity of the NEP, therefore, enhances its moral standing.²⁵

Sememangnya Mahathir mahu dasar DEB supaya—*to privilege those most capable of generating further wealth.*²⁶ Malahan Mahathir mengakui:

... an equitable racial policy is of the utmost importance in a country with several different ethnic groups who were not enjoying the same level of economic prosperity. This remained the largest challenge in creating a stable society and later became the central theme of my political actions as a leader of the country.²⁷

Jelas, agenda utama pentadbiran beliau adalah untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Melayu dalam bidang ekonomi. Agenda beliau adalah untuk mengubah masyarakat Malaysia supaya memiliki daya saing dalam sebuah negara moden dan mampu bersaing sebagai negara industri. Apa yang dilakukan adalah—*to create more wealth, to make the overall cake larger, in order to be able to distribute more to the poorer groups.*²⁸ Usaha diperluaskan dengan memberi lesen dan kontrak kepada usahawan bumiputera, lebih banyak sekolah dibina di kawasan luar bandar serta meletakkan kuota untuk pengambilan ke institusi pengajian tinggi. Pinjaman diberi bukan sahaja dalam bidang perniagaan tetapi juga pendidikan. Beliau menganggap—*it is clearly not true that only a few Malays benefited from the NEP; every bumiputera benefited*²⁹ dan *the NEP can be said to have changed the scene of Malaysia almost completely.*³⁰

Malahan DEB bukan semata-mata memberi peluang tetapi—*NEP was to prepare the bumiputeras, through education and training, to enter lucrative economic activities and employment on a permanent and successful basis.*³¹ Jika sebelum ini hanya golongan elit yang mampu mendapatkan pendidikan yang baik, hari ini bumiputera boleh mendapat kualiti yang sama. Bilangan penerima biasiswa bertambah dan latihan diberi kepada mereka yang mahu melanjutkan pelajaran ke dalam bidang yang spesifik.

Beliau berpendapat bahawa tanpa DEB, Malaysia tidak mungkin berjaya mencapai kestabilan sosial dan ekonomi seperti mana yang dapat diperhatikan pada tahun 1990-an. Malaysia juga dianggap

berjaya mengelakkan sebarang rusuhan kaum pada tahun 1997-1998 kerana keseimbangan ekonomi antara kaum serta jurang perbezaan ekonomi tidak begitu ketara berbanding tahun 1960-an. Faktor ini dianggap pendorong kepada rusuhan perkauman di Indonesia.³²

Selepas DEB mencapai tahap kematangan pada tahun 1990, kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunan Negara (DPN) untuk tempoh 10 tahun supaya segala perbezaan ekonomi dapat diatasi dengan berfokus kepada kualiti dan bukannya kuantiti pembangunan ekonomi dan hasilnya jelas sehingga 1997.³³ Gomez melihat beberapa perubahan dalam DPN berbanding DEB iaitu:

... the NDP claims that it maintains the basic strategies of the NEP while making four main policy shifts. With the NDP, there is to be much more of a focus on hard-core poverty (those earning less than half the poverty-line income), an on relative poverty, that is in equalities in income and wealth. More attention is to be given to the rapid development of a Bumiputera Commercial and Industrial Community (BCIC). The NDP also emphasises growth led by the private sector rather than the public sector to achieve restructuring. Finally, more attention is to be given to human resource development to achieve the country's growth and distributional objectives.³⁴

Legitimasi politik Mahathir banyak bergantung kepada strategi beliau untuk membangunkan bangsa Melayu serta meningkatkan taraf hidup mereka. Antara yang dilakukan untuk menyuntik pelaburan dalam perindustrian yang boleh melahirkan pekerjaan baru, pelabur bumiputera dikorbankan untuk kepentingan pekerja bumiputera. Ini bermaksud segelintir golongan kaya bumiputera terpaksa memberi laluan kepada usahawan kecil-kecilan. Begitu juga dengan menggalakkan kemasukan pelaburan asing dengan melonggarkan syarat pemilikan. Ini membantu melahirkan pekerjaan baru dan mengurangkan kadar pengangguran bumiputera.³⁵ Penyesuaian dasar ini menyebabkan negara kekurangan tenaga buruh dan ini semua dianggap kejayaan DEB. Sekali gus, infrastruktur juga diperbaiki selari dengan perubahan taraf hidup masyarakat. Permintaan melam-

bung tinggi dan kerajaan tidak dapat memenuhi kesemuanya. Tanpa adanya pilihan, kerajaan terpaksa melahirkan dasar baru, dasar penswastaan. Pemikiran ekonomi Mahathir telah membolehkan terciptanya dasar-dasar baru yang membolehkan Malaysia terus membangun dengan pesat yang turut mempengaruhi legitimasi politik Mahathir.

DASAR PENSWASTAAN DAN PERINDUSTRIAN

Mahathir dilihat memiliki gabungan beberapa elemen iaitu pengalaman dan kuasa kepimpinan yang telah diberi mandat, berani serta terjemahan idea dalam bentuk yang mudah difahami membolehkan matlamat beliau berjaya, ciri-ciri yang memberi kekuatan kepada legitimasi politik beliau.³⁶ Ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia *Incorporated* merupakan antara strategi dominan untuk mencapai matlamat DEB.³⁷ Mahathir berpendapat Malaysia harus dijadikan *Malaysia Incorporated* yakni:

... private and public sectors see themselves as sharing the same fate and destiny as partners, shareholders and workers within the same "corporation" which in this case is the nation.³⁸

Dari sini, maka timbul strategi penswastaan yang telah dilaksanakan untuk memenuhi belanjawan kerajaan dan memastikan DEB tidak terpinggir serta menentukan tidak ada persaingan antara sektor awam dan swasta.³⁹ Ini kerana:

... privatisation is not formulated for the benefit of any group or political party. Everyone should benefit from it, or at the very least should not lose by it. The NEP will not be ignored. It is also wrong to assume that only Bumiputeras are entitled to the benefits of Privatisation. Non-Bumiputeras are equally eligible. Indeed, the Government favours Bumiputera/non Bumiputera partnerships rather than exclusive groups.⁴⁰

Pada akhir 1986 terdapat 736 perbadanan awam dengan 380 perbadanan sebagai agensi persekitaran dan 356 di peringkat kerajaan negeri. Kesemua perbadanan ini terlibat secara langsung dalam aktiviti ekonomi terutama pengeluaran, perkhidmatan, pembinaan dan pertanian. Selain daripada itu, kerajaan juga menubuhkan MARA, Perbadanan Nasional (PERNAS), UDA dan 13 Perbadanan Kemajuan Ekonomi Kerajaan Negeri (PKEN) serta Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Khazanah Nasional Bhd (KNB), malah an peruntukan juga bertambah untuk organisasi seperti ini. Pemilikan ekuiti berubah dengan drastik selepas dasar ini diperkenalkan.⁴²

Jadual 3.1: Pemilikan Ekuiti 230 Syarikat Terpilih yang Diswastakan Sejak 1983 Sehingga Disember 1998 (%)

Pemilikan Ekuiti	Pemilikan Semasa Penswastakan Dilakukan	Pemilikan pada Disember 1998
Kerajaan	58.3	43.3
Bumiputera	24.3	28.5
Bukan Bumiputera	11.4	17.2
Asing	6.1	12.0

Sumber: Malaysia 1999: 150

Beberapa syarikat baru juga ditubuh dengan kerajaan sebagai pemilikan individu. Cara kedua adalah membentuk kerjasama bersama dengan syarikat swasta sebagai rakan kongsi dan ketiga mengambil alih syarikat yang disenarai di Bursa Saham. Apa yang jelas penswastakan mengubah beberapa kepentingan kerajaan serta pelaburan kepada sektor swasta, bertentangan dengan dasar nasionalisasi.⁴³ Ini membolehkan ekonomi berkembang dengan pesat menyebabkan Mahathir dilihat sebagai pemimpin yang mahu memastikan kesejahteraan hidup rakyat negara ini.

Tanpa berpegang kepada peluasan perbadanan awam semata-mata, kerajaan memperkenalkan beberapa peraturan antaranya pemilikan asing dihadkan kepada 30 peratus dan syarikat tempatan mesti mempunyai 30 peratus pemilikan bumiputera.⁴⁴ Seterusnya melalui Pernas dan PNB, kerajaan membeli saham untuk masyarakat bumiputera daripada syarikat bukan Melayu dan syarikat asing. Pernas juga telah secara aktif melakukan kerjasama dengan firma asing mendapatkan kontrak untuk kepentingan bumiputera.⁴⁵ Malahan menerusi dasar peluasan perniagaan, Pernas dan PNB berjaya mengambil alih beberapa syarikat besar seperti Sime Darby, Guthrie Corporation, Dunlop dan Harrisons and Crosfield.⁴⁶ UMBC pula berjaya diambil alih pada tahun 1976.⁴⁷ Keupayaan mengambil syarikat besar adalah kerana integrasi antara elemen seperti pihak berkuasa dan pemilikan institusi.

... Pernas was hence able to control and influence Malaysia's largest company with very little outlay in cash because of strong purposeful behaviour on the part of state authorities and managers, and close co-ordination amongst Malay institutional holders.⁴⁸

Apabila PNB menjadi stabil, saham Pernas dan kerajaan ke atas Bank Bumiputra, Malayan Banking dan UMBC dipindahkan terus di bawah PNB.⁴⁹ Penstrukturan di bawah PNB membolehkan peningkatan yang signifikan dalam saham pemilikan orang Melayu, peluasan sektor awam dan mengawal sektor seperti perbankan dan syarikat utama seperti perladangan dan perlombongan walaupun fenomena "Ali Baba" tidak dapat dielakkan sama sekali.

Di samping itu, kerajaan menubuhkan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) untuk membolehkan peniaga kecil bersaing dalam arena perniagaan yang tidak besar serta memasuki pasaran perniagaan yang memerlukan modal yang besar.⁵⁰

Kerajaan juga telah melancarkan unit saham amanah. Antaranya melalui Permodalan Nasional Berhad⁵¹ (PNB), kerajaan menyediakan hampir RM3 bilion untuk membeli 30 peratus saham bumiputera di BSKL. Amanah Saham Nasional (ASN) yang kemudiannya

dikenali sebagai Amanah Saham Bumiputera (ASB) pula dilancarkan untuk membantu masyarakat bumiputera untuk melabur wang mereka.⁵² Dividen yang tinggi dibayar untuk menarik minat bumiputera melabur iaitu sebagai langkah pertama mendidik masyarakat bumiputera memahami urusan bursa saham dan melibatkan diri secara aktif dalam pelaburan di BSKL.⁵³

Penswastaan menampakkkan kejayaannya selepas tahun 1985 walaupun diperkenalkan pada tahun 1983 bersesuaian dengan DEB yang bermatlamatkan 30 peratus pemilikan korporat bumiputera pada tahun 1990. Ini berikutan dengan keutamaan yang diberikan kepada agensi pemegang amanah terutama ASN sebagai wakil komuniti Melayu dalam urusan agihan saham diikuti dengan industrialisasi yang mempunyai hubungan terus dengan UMNO terutama mereka yang menanggung aset parti diikuti pula oleh kapitalis Melayu yang menyokong UMNO dan akhirnya kepada masyarakat umum termasuk pelabur individu.⁵⁴ Ini merupakan antara usaha membentuk komuniti perdagangan dan perindustrian bumiputera (BCIC) di bawah rancangan usahawan bumiputera di samping objektif 30 peratus pemilikan korporat bumiputera walaupun ia dianggap membawa kepada kapitalisme parti yang lebih dominan selepas 1990.⁵⁵ Yang jelas:

... private sector participation will lessen the burden of the Government with regard to funds. Hopefully, self-interest will ensure that the utilities and other government-owned corporations transferred to the private sector, either fully or partly, will be better run, more efficient and more profitable.⁵⁶

Tidak wujud perbezaan pada asas DEB atau penswastaan. Amalan ini juga dikatakan sama dengan kerajaan Thatcher di England dan Reagan di Amerika Syarikat.⁵⁷ Kepentingan penswastaan di Malaysia di bawah Mahathir wajar dilihat bagaimana UMNO memainkan peranan yang dominan sebagai parti melalui pemilikan korporat serta syarikat. Perhubungan antara penswastaan dan DEB jelas apabila sumber dan kekayaan ekonomi dianjurkan kepada elit korporat

politik tertentu yang juga terlibat dalam DEB.⁵⁸ Ini secara langsung mengukuhkan legitimasi UMNO di bawah Mahathir. Proses penangunan ini tertumpu di bawah Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM).⁵⁹

Kedudukan beliau menjadi kukuh apabila ia mendatangkan kesan positif untuk ahli korporat berbangsa Melayu yang mendapat peluang untuk menceburi bidang perniagaan antarabangsa dan sekali gus permulaan baru untuk perhubungan antara kerajaan dengan modal asing dan modal domestik dengan sektor awam.⁶⁰

Sebagai salah satu cara untuk mempromosi kapitalis Melayu, penswastaaan dianggap berjaya pada akhir tahun 1980-an dan awal 1990-an. Ini membolehkan kerajaan meneruskan program penswastaaan dengan pelbagai program yang memaparkan monopoli untuk kepentingan masyarakat Melayu dan memperkenalkan beberapa sekatan agar ia dilindungi. Malahan dasar Persyarikatan Malaysia telah dibina semula seperti yang diumumkan oleh Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri ketika itu, Nor Mohamed Yaacop kerana beberapa penyesuaian perlu dilakukan selepas 13 tahun diperkenalkan memandangkan dasar penswastaaan juga merupakan tonggak kepada Wawasan 2020.⁶¹ Contoh terbaik adalah pengeluaran Proton sebagai kereta nasional yang dilindungi dengan tarif untuk memastikan kepentingan kapitalis Melayu terpelihara.⁶² Penswastaaan melibatkan banyak projek mega seperti infrastruktur, utiliti dan pembinaan yang memaparkan peningkatan signifikan kepada 26.7 peratus dalam Rancangan Malaysia Keenam berbanding dengan 17.5 peratus daripada Rancangan Malaysia Kelima.⁶³

Pasaran terbuka juga melihat bagaimana penguasaan ahli korporat-politik UMNO. Walaupun ada penganalisis melihat timbul masalah iaitu ketidakstabilan politik dan campur tangan kerajaan dalam proses pasaran yang keterlaluan,⁶⁴ namun di sebaliknya ada yang berpendapat ikatan ini membawa kepada kedudukan politik yang stabil berdasarkan kepada konsep *check and balance* antara kedua-dua pihak iaitu UMNO dan usahawan bumiputera.

... the largest "private" Malay conglomerate was actually owned by UMNO and received extremely favorable treatment from the government. The rise of the Malay business class introduced an important element into Malay politics. Nevertheless, the nascent Malay bourgeoisie was tied too closely to the state to constitute a significant check on government power.⁶⁵


Malaysia Inc. merupakan salah satu cara untuk memaksimumkan atau untuk memenuhi matlamat DEB dengan penstrukturan semula program yang boleh diguna untuk membangunkan masyarakat. Oleh yang demikian, strategi Mahathir yang seterusnya adalah dengan menumpukan kepada industri berat berorientasikan eksport. Agensi baru kerajaan HICOM telah ditubuhkan pada tahun 1980 kerana *heavy industries are needed to create new engines of growth and to provide strong forward and backward linkages for the development of industries*.⁶⁶ Ia juga diperkukuhkan dengan pelancaran Pelan Induk Perindustrian (1986-1995) dan Pelan Induk Perindustrian ke-2 (1996-2005) supaya industri berat terus mendapat bantuan.⁶⁷

Objektif utamanya adalah untuk membentuk rangkaian perindustrian ke arah industrialisasi dan pada waktu yang sama penglibatan bumiputera dalam aktiviti pembuatan.

... HICOM's function is to identify, initiate, implement and manage heavy industry projects. This would mean direct governmental involvement in the field. HICOM's involvement would, however, be limited to certain heavy industrial projects. The more important aspect is HICOM's role in organizing and planning the output of these heavy industry projects to cater for foreign markets and not be restricted to local needs.⁶⁸


Apa yang jelas ia turut bermotifkan matlamat politik yang strategik kerana ia akan mengurangkan penggantungan kepada dunia Barat apatah lagi negara Barat tidak begitu berminat untuk berkongsi pengetahuan teknologi dengan negara membangun. HICOM juga berusaha menerusi rangkaian tersebut, terutama dengan Jepun membina industri besar seperti simen, besi dan logam.⁶⁹

Rajah 3.2: Sektor Pendapatan Negara pada Tahun 1980



Sumber: Jabatan Statistik, Bank Negara dan Laporan Ekonomi

Rajah 3.3: Sektor Pendapatan Negara pada Tahun 2001



Sumber: Jabatan Statistik, Bank Negara dan Laporan Ekonomi

Peralihan pada Rajah 3.2 dan Rajah 3.3 di atas menunjukkan bahawa keutamaan bukan lagi diberikan ke atas sektor pertanian. Ini juga membawa kepada projek kereta nasional, Proton. Sumber swasta dan kerajaan Jepun digunakan sepenuhnya untuk menjayakan program industri berat ini.⁷⁰ Pada tahun 1993, kerajaan mengumumkan untuk melancarkan projek kereta nasional yang kedua dengan kerjasama Daihatsu, pengeluar kereta Jepun.



Proton Saga, Kereta Nasional Pertama Malaysia menandakan detik-detik permulaan dalam pengeluaran automobil di Malaysia. Ia telah dilancarkan dengan rasminya oleh Dr. Mahathir Mohamad pada 9 Julai 1985

Bersesuaian dengan perancangan tersebut, Dasar Pandang ke Timur (DPT) yang bermatlamatkan mencontohi Jepun sebagai negara industri yang berjaya dilancarkan bersesuaian dengan strategi Malaysia Inc. supaya dapat membentuk kerjasama sektor awam dan swasta untuk kepentingan negara.⁷¹ Bagi Mahathir, DPT merupakan satu kejayaan dan akan meneruskan dasar tersebut yang telah masuk tahun ke-22 tahun ini—*it has been a success and I am very satisfied with the Look East Policy*.⁷² Pada tahun 1983, DPT turut melibatkan Korea Selatan kerana etika kerja masyarakat penting untuk pembangunan ekonomi.⁷³ DPT dilihat bukan sahaja membawa kebaikan tetapi turut membolehkan Malaysia mempelajari kelemahan dasar tersebut berasaskan kepada konteks kedudukan Jepun yang mengalami krisis ekonomi yang berterusan. Malahan ini juga membawa masuk pelaburan dan sehingga ke hari ini, 114 syarikat Korea Selatan beroperasi di Malaysia, termasuk kumpulan Samsung yang melabur hampir US1 bilion (RM3.8 bilion).⁷⁴

Dasar ini digerakkan dengan aktif agar ia boleh menggerak serta memotivasi orang Melayu untuk mencontohi masyarakat Jepun dan Korea Selatan dari segi gaya kerja, terutama disiplin serta kerjasama yang dibentuk untuk kepentingan nasional semata-mata.⁷⁵ Hasilnya, pelaburan sektor awam dalam perindustrian dan perdagangan meningkat kepada 0.9 bilion dan 1.5 bilion untuk tahun 1982 dan 1984. Bagi Jepun, Mahathir merupakan pemimpin yang telah berjaya mengukuhkan hubungan Jepun dan Malaysia—*Many Japanese appreciate Dr. Mahathir's wisdom, experience and leadership. He is an outstanding Asian stateman who has made a significant contribution to the strengthening of Japan-Malaysia relations*.⁷⁶

Legitimasi politik Mahathir terus menjadi utuh kerana liberalisasi dasar beliau turut membolehkan pelaburan luar meningkat. Antaranya, kelonggaran untuk syarikat asing beroperasi di Malaysia, termasuklah kebenaran 100 peratus pemilikan jika melakukan urusan mengeksport 50 peratus daripada pengeluaran mereka.⁷⁷ Jika mereka beroperasi untuk pasaran tempatan dengan 350 orang pekerja tetap, mereka juga layak berada di bawah peraturan yang sama.⁷⁸

Bagi menarik minat pelabur luar, Promotion of the Investment Act (PIA) diperkenalkan pada tahun 1986 untuk memberi pelepasan cukai yang lebih baik.⁷⁹ Liberalisasi ini telah membawa masuk pelaburan asing secara besar-besaran terutama dari Jepun apatah lagi nilai Yen mulai meningkat pada akhir tahun 1980-an.

Dasar ekonomi tidak mungkin berjaya tanpa pengenalan dasar penswastaan yang turut membawa kepada penglibatan parti UMNO dalam perniagaan. Jomo melihat ini sebagai—*perhaps more than any previous prime minister of Malaysia, Mahathir has a vision of transforming Malaysia into a newly industrializing country (NIC) under genuine bumiputera capitalist entrepreneurial leadership.*⁸⁰

PENAUNGAN DAN KAPITALISME PARTI

Penglibatan UMNO dalam perniagaan boleh dianggap sebagai salah satu cabang yang membolehkan legitimasi Mahathir dalam parti tidak dipersoal⁸¹ walaupun pada satu peringkat, ia dilihat hanya mengutamakan beberapa pihak yang digelar *proxies*⁸² atau *link*⁸³ menerusi syarikat yang beroperasi menyediakan kewangan untuk UMNO. Persoalan mengenai penglibatan UMNO dalam perniagaan hanya jelas selepas peristiwa 1998, krisis ekonomi yang melanda negara ketika itu.⁸⁴

Kapitalisme parti bukanlah perkara baru kerana peranan Fleet Holdings menampakkan penglibatan awal UMNO dalam perniagaan di bawah Razaleigh, pada ketika itu Bendahari UMNO.⁸⁵ Kemudian, Daim mengambil alih jawatan tersebut dan sekali gus menjadikan UMNO bergerak aktif dalam perniagaan dengan tumpuan ke atas syarikat akhbar, pengeluaran dan harta benda.

... while Mahathir's desire for bumiputera capitalist development may have inspired this trend, Daim has shown the way. The Finance Minister had become a corporate player of some repute before his ministerial appointment, and many conglomeratisation exercises in the 1980s, especially those involving UMNO assets, seem to bear his mark.⁸⁶

Kedatangan beliau juga menyebabkan Fleet Holdings diambil alih oleh Hatibudi Sdn. Bhd, terutama kelicinan peranan Halim Saad, Anwar Othman dan Wan Azmi Wan Hamzah.⁸⁷ Mereka bertindak sebagai pengarah UMNO tidak rasmi dan memelihara kepentingan parti.

... through the use of such loyal proxies, legal links to UMNO can be totally severed with confidence. This would help UMNO dissociate itself from criticisms that there is too much political interference in the Malaysian corporate sector, which could adversely affect foreign investor sentiment. Though UMNO's use of proxies is not new, UMNO's national leaders may soon be able to claim that the party is not directly involved in business. The use of such proxies is also useful in the event the party leadership should lose power, either within UMNO or at the national level, though the latter is highly improbable. Since no legal links prevail between the party and its corporate assets, the present leadership can still maintain control over the companies. An attempt to even disband the corporate grouping by a new leadership may prove difficult in view of its size and, if implemented, may result in the disruption of the corporate sector.⁸⁸

Malahan sewaktu UMNO diumumkan sebagai tidak sah, barulah jelas penglibatan pengarah seperti ini—*Halim Saad and Anwar Othman rose to prominence in 1987 when Halim Saad admitted in a court affidavit that they were the shareholders of Hatibudi in trust for UMNO leaders.*⁸⁹

Selepas berakhir tempoh DEB pada tahun 1990, ia digantikan dengan NDP tanpa menetapkan tempoh tertentu untuk mengurangkan kemiskinan mutlak dan jurang pendapatan antara etnik. Dasar ini terus menggunakan penswastan untuk membentuk elit Melayu baru agar kumpulan tersebut boleh bersaing dengan kapitalis industri antarabangsa. Dengan keputusan tersebut, golongan korporat Melayu yang mempunyai rangkaian hubungan politik diberi peluang yang baik serta keutamaan berbanding dengan yang lain tanpa sistem tender terbuka. Rangkaian peribadi dan politik menjadi tumpuan

untuk diberi projek swasta. Ini sekali gus memberi legitimasi kepada Mahathir dan hegemoni UMNO yang turut membentuk penaungan dan nepotisme politik.

Ini juga membawa kepada pembabitan UMNO dalam pelaburan korporat bertujuan untuk menstruktur pembentukan BCIC—*this conglomeratisation trend is probably also related to Prime Minister Mahathir's desire for the development of bumiputera businessmen with significant control over Malaysia's corporate sector.*⁹⁰ UMNO secara tidak langsung memiliki lebih 100 syarikat melalui beberapa individu yang menjadi nadi harapan UMNO.

... in line with Mahathir's explicit desire for the development of Bumiputera capitalists through government patronage via policies such as the NEP and privatisation, a number of major conglomerates controlled by bumiputeras with close links to the political elites emerged and developed rapidly during the 1980s. The ostensible reason for the award of government contracts to such businessmen was that these bumiputeras had acquired the expertise to build on these rents, although this was not usually the case. In most cases these bumiputera businessmen formed joint ventures or subcontracted their operations to foreign or local enterprises which had the expertise to get the job done.⁹¹

Fleet Holdings Sdn. Bhd dan Hatibudi Sdn. Bhd pula diletak di bawah Renong Bhd. pada tahun 1991—*through a complicated series of shares swaps, takeovers and mergers, Fleet Holdings became the holding company of publicly listed Renong Bhd, which had emerged as one of Malaysia's largest conglomerates with a total group capitalisation of between RM6 and RM7 billion.*⁹²

Secara langsung UMNO melihat perubahan penglibatan kelompok ahli perniagaan dan korporat berbanding dengan guru-guru dari kawasan luar bandar yang sebelum ini mempunyai kata putus yang dominan dalam parti tersebut.

... the emergence of the new Malay middle and business classes through political patronage led to increased friction over access to rents. UMNO was torn between its own financial needs, the ambitions of those



Tun Daim Zainuddin,
bekas Menteri Kewangan



Tan Sri Halim Saad,
bekas pengerusi Renong Berhad



Tan Sri Tajuddin Ramli,
Pengerusi TRI Resources.

ostensibly acting on behalf of the party, and its obligations as "protector" to the "patron" of Malays desiring to accumulate. Access to lucrative business opportunities became increasingly scarce as competition among Malay grew.⁹³

Ramai yang tidak ketinggalan mengkritik kapitalisme parti kerana merasakan hanya segelintir yang mengaut keuntungan negara dan golongan majoriti Melayu masih terkebelakang tanpa ada perubahan yang drastik ke atas taraf hidup mereka. Ini juga dianggap menyebabkan kemunculan masalah "politik wang" dalam UMNO pada tahun 1993 yang telah pun bermula seawal 1980-an.⁹⁴ Ini kerana kedudukan dalam UMNO seolah-olah menjanjikan kemewahan dan kedudukan dalam kerajaan.⁹⁵ Hakikatnya, keupayaan UMNO menjadi utuh adalah kerana dasar kapitalisme parti yang sebenarnya membolehkan bumiputera bersaing dengan masyarakat bukan Melayu. Ini secara langsung mengukuhkan legitimasi kepimpinan Mahathir.

Selain golongan yang menyokong UMNO dan BN secara tradisi, Mahathir telah berjaya menarik masuk golongan baru iaitu elit Melayu dengan komposisi ahli korporat dan politik berbanding golongan politik dan pentadbiran semata-mata sebelum ini iaitu mereka yang digelar Melayu Baru. Penglibatan golongan ini penting untuk membantu golongan Melayu untuk urusan pinjaman dalam waktu krisis ekonomi. Walau bagaimanapun, krisis kewangan Asia telah menyebabkan banyak sektor mengalami kerugian mendadak misalnya Renong yang memiliki hampir 15 peratus perniagaan pembinaan negara terpaksa berhutang hampir 30 bilion terutama hutang UEM, syarikat subsidiari Renong.⁹⁶

Walaupun begitu, masalah ini diatasi selepas Khazanah Nasional Bhd. mengambil alih 38 peratus Renong dalam UEM dan membuat beberapa perubahan. Pada Januari 2002, keuntungannya adalah RM766.4 juta.⁹⁷ Begitu juga dengan Tajuddin Ramli, sekutu Daim yang kehilangan kepentingan dalam syarikat telekomunikasi beliau, Technology Resources Industries Bhd. (TRI) akibat hutang seba-

nyak RM130.4 juta kepada pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta).⁹⁸ Salah satu langkah pemulihan adalah projek penswastaaan sudah tidak lagi diberikan kepada syarikat tertentu atau sindrom "siapa kenal siapa" tetapi berdasarkan kepada kebolehan, kedudukan kewangan yang kukuh dan pengalaman perniagaan.⁹⁹

UMNO terlibat secara aktif dalam ekonomi tanpa diketahui umum. UMNO telah melahirkan serta mengawal syarikat dan pelaburan korporat yang melibatkan banyak sektor dalam ekonomi. Ini membolehkan individu dalam parti UMNO dan kerajaan mencapai atau menerima faedah ekonomi, terutamanya berdasarkan kepada perhubungan politik secara langsung. Legitimasi politik Mahathir menjadi kukuh kerana berjaya mengeksploitasi faktor ekonomi yang mengubah kedudukan masyarakat Melayu serta kuasa kerajaan pemerintah.¹⁰⁰

Kapitalisme parti menampakkan kejayaan sebelum krisis 1997 kerana ekonomi Malaysia sudah pun mengamalkan dasar terbuka di peringkat global sebelum krisis tersebut; import dan eksport barangan dan perkhidmatan mewakili 211 peratus GDP 1998 daripada 105 peratus pada 1988.¹⁰¹ Ini menunjukkan Malaysia bergantung kepada pengaliran ekonomi antarabangsa; Malaysia bukan sahaja telah terdedah kepada sistem perdagangan antarabangsa tetapi pertukaran atau penjualan Malaysia juga berubah; ini juga berkait dengan perubahan dalam struktur ekonomi Malaysia, misalnya sektor pengeluaran meningkat daripada 7 peratus pada tahun 1957 kepada 33 peratus GDP pertengahan tahun 1990-an; dan prestasi serta keuntungan material yang substaintif memberi legitimasi dan sokongan kepada kerajaan dan kepimpinan Mahathir.¹⁰²

KAWALAN MATA WANG ASING DAN SELEPAS 1998

Salah satu cara yang digunakan oleh Mahathir untuk memulihkan legitimasi politik beliau adalah melalui dasar kewangan yang telah

menarik perhatian ramai. Kedudukan Malaysia pada ketika itu agak kritikal, antaranya kerana tindakan lewat Bank Negara yang mengambil keputusan terlalu lama sehingga menyebabkan kerugian, US\$ 2 bilion dan ramalan pasaran tukaran mata wang asing yang kurang tepat. Beberapa langkah segera telah diambil, antaranya menghentikan perkhidmatan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ahmad Mohammad Don dan Timbalan beliau yang dianggap sebagai sekutu Anwar Ibrahim.¹⁰³ Ini juga menampakkan seolah-olah berakhirnya kebebasan Bank Negara yang disokong oleh IMF dan agensi lain.

... as the financial crisis continued, it became apparent that the Minister of Finance, aided by the central bank, was implementing policies which were making a bad situation worse. The Minister of Finance and the central bank implemented a number of measures beginning in October 1997 which appeared to reflect the views of the IMF.¹⁰⁴

Krisis ekonomi juga telah membawa kepada ketegangan dalam suasana kepimpinan politik dengan pemecatan Anwar Ibrahim,¹⁰⁵ kedua, agensi atau elemen luaran seperti IMF dan badan ekonomi antarabangsa juga memainkan peranan dalam politik domestik dengan mengunjurkan sokongan kepada Anwar yang bersedia untuk bekerjasama dan menyokong dasar IMF yang cuba diperkenalkan di rantau ini. Perjuangan politik domestik apatah lagi dengan campur tangan elemen luaran seperti badan antarabangsa menyebabkan tindak balas Malaysia ke atas pemulihan dasar ekonomi yang sedia ada menjadi rumit. Hubungan ekonomi-politik mempunyai hubungan resiprokal dalam menguatkan kepimpinan dan merupakan elemen yang sangat penting untuk meneruskan legitimasi sesuatu rejim. Kedaulatan sesuatu bangsa bergantung kepada politik dan kemerdekaan ekonomi. Kedua-duanya ekonomi dan politik saling perlu-memerlukan antara satu sama lain bagi menjamin kesinambungan kuasa.¹⁰⁶

Walaupun begitu, Malaysia tidaklah seteruk negara Asia yang lain dalam menghadapi masalah modal jangka pendek dan pasaran kewangan semasa yang banyak menjejaskan ekonomi negara-negara

kecil itu. Walaupun modal antarabangsa berpotensi untuk mempercepat proses pembangunan melalui kemasukan pelaburan, potensi spekulasi dan meletakkan sumber pada kedudukan yang tidak sesuai adalah besar kerana pelaburan seperti ini adalah jangka pendek dan disalurkan melalui orang tengah yang lemah dalam suasana domestik suatu negara.¹⁰⁷

Beberapa sebab diberi mengapa krisis 1997 mengambil tempat. Antaranya serangan spekulator, aliran modal jangka pendek, sindrom pinjaman berlebihan, kehilangan persaingan antarabangsa dan rasuah serta kronisme.¹⁰⁸ Bagi Malaysia, sindrom pinjaman berlebihan wujud tetapi tidak seperti di Thailand dan begitu juga dengan rasuah tetapi tidaklah seburuk Indonesia. Walaupun begitu, ia sentiasa berada dalam kedudukan tidak menentu kerana ingin membaiki taraf hidup masyarakat Melayu dengan dasar ekonomi tersendiri iaitu DEB yang turut membawa kepada kapitalisme parti yang kemudiannya membawa kepada pelaburan berlebihan. Krisis Thailand telah menyebabkan ia merebak ke Malaysia.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan Malaysia membuat keputusan mengamalkan dasar kawalan mata wang asing. Antaranya, eksperimen dasar bercorakkan IMF menyebabkan kondisi ekonomi domestik tidak berganjak dan tidak begitu membantu mendapatkan sokongan pasaran.

... as a result of the implementations of these standard IMF prescriptions, Malaysia's economy plunged deeper into recession. Business was almost at a standstill and the government revised downwards the expected revenue from corporate taxes for the following year. The foreign media praised the Minister of Finance for implementing a virtual IMF policy. Everyone was gleefully predicting that the time was near for Malaysia to go to the IMF for help and to surrender economic control to the IMF.¹⁰⁹

Pembentukan semangat nasionalisme dan anti-Amerika serta IMF pada waktu krisis menyebabkan Mahathir merasakan Malaysia memerlukan strategi yang bersesuaian dengan keadaan semasa. Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) ditubuh pada Januari

1998 untuk membincangkan kegawatan ekonomi dan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) pula dilancar pada Ogos 1998.¹¹⁰

... there was no way Malaysia would surrender its economy to the IMF: even if that was the only way for the country to achieve economic recovery. Malaysia had to find its own solution to the problem of the devaluation of the ringgit and the shrinkage in market capitalisation which could lead to the destruction of its economy.¹¹¹

Maka, lahirlah dasar kawalan mata wang asing yang dilihat antara langkah yang diambil oleh Mahathir untuk memulihkan legitimasi politik beliau. Tujuan utama dasar tersebut adalah untuk mengawal nilai ringgit daripada serangan tanpa rasional daripada spekulator mata wang asing dan ini dilakukan dengan mengurangkan proses kewangan antarabangsa menerusi regulasi akaun luaran. Pada September 1998, secara rasminya kerajaan Malaysia menetapkan nilai Ringgit dan Dolar Amerika. Pihak berkuasa Malaysia mahu mengurangkan kadar faedah domestik dengan mengawal pengaliran keluar ringgit. Pengaliran keluar ringgit akan menyebabkan pembayaran kadar faedah (20-40 peratus) lebih tinggi daripada pasaran. Pada waktu yang sama, kemasukan modal jangka pendek perlu memenuhi syarat yang ditetapkan iaitu kekal di dalam Malaysia untuk minimum 12 bulan. Ini akan membolehkan pihak berkuasa mempunyai ruang dan masa yang secukupnya untuk melakukan pembaharuan atau menstimulasi ekonomi dalaman tanpa perlu menghadapi tindak balas segera atau tersentak dengan perubahan drastik daripada pasaran kewangan. Mahathir menyatakan bahawa:

... the primary objective of Malaysia's selective exchange control regime implemented in September 1998 was for Malaysia to regain control of its economy from the currency speculators and manipulators, so that Malaysians can decide the destiny of Malaysia. The measures implemented were very carefully crafted so as to optimise the positive aspects of globalisation and remove the negative aspects of globalisation. The positive aspects of globalisation that were retained were the complete freedom in matters



Spekulasi Mata Wang Asing



Bank Negara



Kawalan Mata Wang Asing



Bangunan Bursa Saham Kuala Lumpur

of international trade and FDIs. The liberal regime that governed trade transactions and FDIs were left unchanged. The negative aspects of globalisation that were eliminated were the offshore market for the trading of ringgit and the free flow of short-term funds that destabilises the economy. The government fixed the ringgit exchange rate at 3.80 to the US dollar, the rate which prevailed at the time the controls were imposed.¹¹²

Kawalan itu juga menyebabkan Malaysia berada dalam keadaan isolasi atau luar daripada lingkaran krisis ekonomi serta serangan spekulator yang melanda Thailand, Korea dan Indonesia. Pada waktu yang sama, aliran masuk modal masih berterusan dan kepercayaan Malaysia untuk menambah wang memperlihatkan bahawa ia tidak menjejaskan keyakinan pelabur jangka panjang daripada melabur di Malaysia. Sebaliknya, andaian ramai ahli ekonomi juga tidak tepat. Pelaburan langsung asing, yang membanjiri Malaysia selepas krisis membolehkan Malaysia tetap menjadi pilihan pelaburan. Bagi Mahathir, Malaysia berjaya keluar daripada kolonialisme baru yang beliau dapati dilakukan melalui pasaran kewangan dan seterusnya mengekalkan autonomi tersendiri dalam pasaran ekonomi antarabangsa. Malahan, kebolehan Mahathir memulihkan semula ekonomi Malaysia mendapat perhatian ramai.¹¹³

... Malaysia has recovered and recovered very fast and very strongly. The experts who had predicted disaster for Malaysia when it imposed selective capital controls are now either silent or have grudgingly admitted that the controls work and enabled Malaysia to recover strongly. Lately the IMF has commended Malaysia for solving its economic problem through the selective capital controls devised by itself. Even George Soros who had condemned Malaysia and its leadership for singling out the currency traders as the culprits responsible for devaluing currencies and damaging the economies of countries, now admit that Malaysia had done the right thing in not submitting to the IMF and the standard formula that it prescribed for all economic ailments.¹¹⁴

Krisis ekonomi yang melanda Thailand pada tahun 1997 merupakan suatu yang berbentuk antarabangsa.¹¹⁵ Dengan hubungan

antara ekonomi dan globalisasi, ia tidak memeranjatkan kerana kerajaan tidak mampu bertindak keseorangan dalam persekitaran yang diperlukan untuk memenuhi operasi antarabangsa dan di bawah sistem ekonomi antarabangsa.¹¹⁶ Krisis mata wang juga dikaitkan secara langsung oleh Mahathir dengan lingkaran globalisasi ini—*what happened with the currencies was a manifestation of a borderless world where currencies go in and out without control.*¹¹⁷ Kerjasama antarabangsa dan domestik perlu walaupun melibatkan kedaulatan negara tersebut memandangkan ekonomi global turut melibatkan sektor dan agensi di luar rantau.

Tindak balas Mahathir ke atas krisis tersebut serta bagaimana ia diintegrasikan antara aktiviti politik dan ekonomi hanya boleh difahami dengan mengiktiraf bagaimana proses seperti itu memberi cabaran kepada pemimpin terutama di Malaysia kerana ekonomi dan politik tidak dapat dipisahkan.¹¹⁸ Mahathir juga berpendapat negara Asia Timur harus berhati-hati dan tidak tertekan dengan intonasi Barat apabila membuat reformasi secara mendadak kerana ia boleh memudaratkan. Beliau berpendapat negara Asia Timur harus membentuk jalan penyelesaian sendiri apabila berhadapan dengan masalah ekonomi global mahupun serantau.¹¹⁹ Krisis juga dikaitkan oleh masyarakat asing dengan amalan nepotisme dan kronisme kerajaan tetapi Mahathir menganggap ia merupakan kritikan liar memandangkan penswastan dibuat untuk masyarakat bumiputera.

... these foreigners accused Malaysia of cronyism and nepotism because its privatisation was only meant for its people ... only if all (projects) are privatised and taken over by foreigners, then allegations of cronyism and nepotism will stop.¹²⁰

Malahan orang asing yang mengkritik DEB dengan menuduh ia hanya memberi keuntungan kepada kroni dan keluarga pemimpin dilihat menyatakan sedemikian kerana sikap benci mereka ke atas bumiputera.¹²¹ Ini kerana semua bumiputera dilihat oleh Mahathir sebagai kroni kerajaan dan projek penswastan telah melahirkan bumiputera yang efisien dan progresif.

... they accuse the Government of adopting a favouritism approach in giving business opportunities to only the cronies of the Government. ... These allegations were made as they did not wish to see Bumiputeras succeed. Who are these cronies? These are Bumiputeras who have shown their talent and abilities. ... These are talented Bumiputeras with abilities and they are given a helping hand so that among the ranks of our country's top businessmen and industrialists there will also be Bumiputeras ... Anyone, no matter who the Bumiputera is ... who gets opportunities ... who succeeds and he is called a crony.¹²²

Tindakan memulihkan ekonomi dilihat oleh Mahathir untuk mempertahankan kedaulatan ekonomi daripada campur tangan asing.¹²³ Berdasarkan kepada kedudukan ini, ada yang beranggapan inisiatif Mahathir merupakan tindakan seorang pemimpin yang berada di luar realiti ekonomi dan dianggap hanya memberi tindak balas berasaskan kepada kerasionalan politik semata-mata yang mencabar kuasa beliau dan autonomi kebangsaan.¹²⁴

Ramai yang cuba menghindarkan diri daripada bersetuju dengan Mahathir bahawa pakej bantuan IMF adalah sebenarnya mekanisme tatabaru Barat yang cuba diketengahkan di rantau ini.¹²⁵ Kenyataan tersebut diakui oleh IMF sendiri yang menganggap tindakan mereka adalah bertujuan untuk membentuk toleransi ke atas perhubungan kerajaan—perniagaan tanpa perubahan struktur jangka panjang sedangkan dasar Malaysia lebih kepada melindungi ekonomi daripada tekanan pasaran yang keterlaluan membolehkan beliau kembali meraih sokongan sewaktu kemelut politik turut melanda negara pada akhir tahun 1990-an.¹²⁶ Pelabur asing juga telah kembali dengan membawa modal, melahirkan industri dan peluang pekerjaan kerana persekitaran pelaburan yang menarik dan kestabilan mata wang.¹²⁷ Malahan ekonomi yang menguncup kepada -7.4 peratus pada tahun 1998 meningkat kepada 6.1 peratus pada tahun 1999 dan 8.3 peratus pada tahun 2000¹²⁸ membolehkan Malaysia menjadi contoh kepada negara yang lain.¹²⁹

Pencapaian Mahathir turut dilihat sebagai pencapaian orang Muslim sedunia sehingga satu-satunya organisasi kewangan Islam

Amerika memberi anugerah “pencapaian seumur hidup” kepada beliau sebagai mengiktiraf kepimpinan yang harus dicontohi oleh yang lain. Pengasasnya, Dr. Yahia Abdul Rahman menyatakan ia adalah untuk mengiktiraf Mahathir sebagai:

... leading role model in charting new courses in economic development, monetary policy, and multicultural and multiethnic coexistence and also putting in practice the pioneering spirit of doing the unusual during the 1998 Asian economic and monetary meltdown.¹³⁰

Pascakrisis ekonomi juga telah membawa kepada kejatuhan Daim yang selama ini dilihat sebagai arkitek kepada pembangunan ekonomi negara. Selama ini, Daim membina legasi sendiri dengan membina jaringan penaungan yang turut membawa kepada kebangkitan ekonomi negara.¹³¹ Ada juga melihat Daim menjadi liabiliti politik Mahathir kerana ada tindakan yang menyebabkan Mahathir sendiri menjadi mangsa. Daim juga dilihat telah mengubah hala tuju politik Malaysia terutama dengan budaya wang dan penaungan yang berleluasa.¹³²

Sejak Julai 2001 pula, Mahathir telah mengubah beberapa strategi termasuk menukar kepimpinan beberapa syarikat dengan golongan profesional. Ini dianggap tindakan radikal dan boleh dikaitkan dengan kejatuhan Daim sendiri. Ini juga membolehkan Penasihat Ekonomi Perdana Menteri bertindak termasuk menghukum mereka yang mempunyai ikatan politik dan memulihkan ekonomi negara sehingga terjamin prestasinya, secara langsung memulihkan legitimasi politik Mahathir sendiri. Kekuatan ekonomi turut membolehkan Mahathir memberi tumpuan kepada elemen sains dan teknokratik yang membolehkan legitimasi kepimpinan beliau terus dikagumi oleh masyarakat tempatan mahupun antarabangsa.

Oleh yang demikian, bahagian seterusnya akan membincangkan pengukuhan legitimasi melalui dasar sains dan teknokratik. Legitimasi berasaskan kepada persekitaran semasa perlu kerana generasi baru atau kemunculan kelas menengah yang melihat sesuatu kepimpinan berdasarkan kepada kemampuan mereka menetengahkan

pemikiran baru yang mempunyai inovatif dan berdaya saing. Pada waktu yang sama, mereka mengharapkan perubahan baru ini tidak akan melunturkan sama sekali legitimasi tradisi malahan penyesuaian baru membolehkan kepimpinan tersebut meraih popularitinya. Mahathir menyedari kepentingan legitimasi berasaskan kepada perkembangan sains dan teknokratik sejak beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri lagi. Oleh yang demikian, penulis akan membincangkan pembangunan teknokratik dan perkembangan sains di bawah Mahathir yang digunakan untuk membawa kemajuan negara yang sebenarnya mengukuhkan lagi legitimasinya.

KOMPONEN SAINS DAN TEKNOKRATIK DI BAWAH KEPIMPINAN MAHATHIR

Kecenderungan Mahathir untuk menggunakan sains dan teknologi sebagai tapak pembinaan legitimasi boleh dihubungkan dengan beberapa ciri intrinsik beliau iaitu:

- (i) Berpendidikan aliran sains sehingga memperoleh ijazah dalam bidang perubatan.
- (ii) Pengalaman sewaktu menuntut di Singapura.
- (iii) Sikap nasionalisme Melayu dan Malaysia, bangga dengan pencapaian anak bangsa sendiri dengan semangat Malaysia Boleh.
- (iv) Tidak bergantung kepada Barat untuk menentukan hala tuju Malaysia.
- (v) Minat kepada bidang pertukangan.
- (vi) Usaha mencapai Wawasan 2020.

Keenam-enam ciri di atas boleh dianggap sebagai intipati kepada kejayaan beliau sehingga digelar "Bapa Pemodenan Malaysia".¹³³ Latar belakang ini mempengaruhi penekanan beliau ke atas Wawasan 2020 iaitu visi untuk menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara maju menjelang tahun 2020.



Bangunan Dayabumi merupakan bangunan yang paling tinggi di Kuala Lumpur suatu ketika dulu.



Bangunan Komtar, Pulau Pinang merupakan antara bangunan moden di Malaysia suatu ketika dahulu.



Hari ini, Menara Petronas berdiri megah sebagai antara bangunan paling tinggi di dunia hasil ciptaan Dr. M



Kuala Lumpur dulu masih dalam proses pembangunan



Kuala Lumpur yang telah pesat membangun di bawah kepimpinan Dr. M

... Malaysia launched its march into the information age with Vision 2020, which was enunciated in 1991, and which struck a responsive chord in the hearts and minds of Malaysians of all stations, creeds and political affiliations. In our Vision 2020, we set the goal of becoming a fully developed nation by 2020, the end of our second generation as an independent country. We stated our conviction that "what we have between our ears is much more important than what we have below our feet and around us." We understood fully that "our people are our greatest resource". Vision 2020 emphasised that in the information age which we had entered, our society must be information rich. Vision 2020 noted that "It can be no accident that there is today no wealthy developed country that is information poor and no information-rich society that is poor and undeveloped." Vision 2020 stated that: "There was a time when land was the most fundamental basis of prosperity and wealth. Then came the second wave, the age of industrialisation. Smokestacks rose where fields were once cultivated. Now, increasingly knowledge will not only be the basis of power, but also prosperity." Vision 2020 urged that no effort be spared in the creation of an information-rich Malaysian society.¹³⁴

Legitimasi teknokratik mampu memberi autonomi dan berupaya mengurangkan masalah sosial dan politik dengan menggariskan pembangunan berasaskan sains dan teknologi. Ia telah dikemukakan oleh ahli sosiologi Jerman, Niklas Luhmann yang menyedari kepentingannya selepas mendapati legitimasi tradisi semakin luntur.

Luhmann menganggap dalam arus perubahan masyarakat yang semakin kompleks dalam sistem sosial masyarakat industri, proses membuat keputusan berdasarkan kepada kepentingan sains dan teknokratik dapat bertindak balas dengan keperluan negara untuk menangani isu dan konflik. Beliau menganggap sistem politik yang masih bergantung kepada legitimasi tradisi akan terancam jika sistem itu masih diamalkan tanpa pengubahsuaian. Luhmann menganggap sains dan teknokratik merupakan—*the most efficient modes of action to structure the decision-making process, mechanism which permit the establishment of meaning and stability serta a social system of a particular nature.*¹³⁵

Dalam bab ini, penulis hanya melihat hubungan antara keberkesanan dan pembangunan melalui proses sains dan teknologi yang dihubungkan terus dengan proses membuat keputusan yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Keberkesanan membuat keputusan akan mengelakkan kerumitan penglibatan pelbagai pihak dan penerimaan walaupun dengan sedikit toleransi akan membolehkan ia dilihat berhasil.

Mahathir sendiri pernah menyatakan agak sukar untuk membolehkan semua rakyat berasa gembira dengan keputusan yang beliau buat.¹³⁶ Ini bermakna Mahathir cuba menyesuaikan pelaksanaan dasar dengan populasi dan institusi untuk membolehkan legitimasi beliau tidak tergugat. Di bawah Rancangan Malaysia ke-7 (RM7), banyak yang diperuntukkan untuk membentuk budaya saintifik di Malaysia. Sebanyak RM1.6 bilion diperuntukkan untuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk menghasilkan pekerja berskala dalam bidang sains dan teknologi.¹³⁷ Begitu juga dalam usaha melahirkan keupayaan dalam bidang teknologi di mana RM300 juta diperuntukkan untuk tabung Pembangunan Sumber Manusia untuk sains dan teknologi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.¹³⁸

Sains dan teknologi boleh dianggap—*a link between past and future, a bridge to the moral survival of all*, tanpa mengabaikan faktor budaya, salah satu indikator yang mempunyai hubungan secara langsung dengan kesemua penentu utama legitimasi masyarakat moden. Sokongan kepada budaya akan membentuk nilai tertentu untuk kestabilan institusi politik dan ekonomi. Ia juga dianggap penting untuk kemakmuran agama seperti mana yang diakui oleh Nik Aziz bahawa—*ulamas must also master science and technology for the good of Islam*.¹³⁹ Kelahiran golongan atasan dan menengah turut menyebabkan Mahathir perlu mengutamakan pencapaian sains dan teknologi walaupun terdapat masalah sektor yang masih berada di bawah paras pembangunan.

Pada hemat penulis, keupayaan Mahathir merangka dasar yang sejajar dengan kepentingan masa depan itu adalah bertujuan mewujudkan keyakinan awam terutamanya masyarakat kelas pertengahan

ke atas sistem politik negara walaupun masih ada pihak yang kurang berpuas hati dengannya—*success became more important for the general approval of a given policy than the nature of its conception and implementation.*¹⁴⁰ Walaupun terdapat segelintir orang sehingga hari ini mengkritik konsep pembinaan dan pembangunan berasas kepada sains dan teknologi, Mahathir tidak pernah berasa terdesak untuk menukar sebarang dasar yang berkaitan walaupun sewaktu kegawatan ekonomi.¹⁴¹ Ramai yang mengkritik dan menganggap beliau begitu selesa dengan projek mega tanpa melihat implikasi untuk jangka panjang walhal beliau dilihat cuba meletakkan kegemilangan masa hadapan negara serta mencerminkan martabat bangsa. Mahathir mendapati apa yang dilakukan adalah untuk kepentingan jangka masa panjang kerana teknologi akan menguasai dunia melalui jaringan globalisasi yang semakin ketara pada hari ini. Dalam konteks Malaysia, Mahathir menganggap globalisasi akan membolehkan pembentukan negara Islam yang rasional.

... we believe that if we can build up a rational Muslim nation, skilled in administration, in the sciences and technologies, in trade and industry, politically, socially and religiously stable, learned in all fields—then we can advance the true cause of Islam.¹⁴²

Ini penting kerana dalam era teknologi maklumat, orang Islam dianggap masih bertelagah sesama mereka—*we are seeing the Information Age dawning upon the world. And it looks like we are going to miss this revolution too. We are still too busy with our endless squabbles over our religion and our politics.*¹⁴³ Mahathir lazimnya mengaitkan globalisasi dengan perubahan ini dan penyesuaian kepada pengetahuan baru ini dirasakan perlu supaya masyarakat Muslim juga dapat kekal bersaing.

... the speed and ease of travel, of telecommunication, of multimedia technologies and the spread of information; all these will render us exposed to everything that is happening around us. They can easily

undermine our faith or they can push us into self-destructive extremism or into rejection. In the end the advances in science and technology will engulf us. We cannot resist these changes any more than our immediate forebears were able to resist the cannons and the guns, the steel-hulled warships and the warplanes and the changing character of battles and wars. They had to retreat not just from their lands but also from the fields of knowledge and skills they were once masters of. They lost because they failed to adjust to a changing world and the new knowledge and skills that fuelled these changes.¹⁴⁴

Malahan Mahathir menganggap orang Islam tidak akan dihormati jika kekal dengan apa yang ada tanpa adanya penyesuaian—*if we Muslims insist on remaining without knowledge in this area, we can be sure that we and our religion will be under constant attack and will be in retreat all the time.*¹⁴⁵ Beliau menganggap orang Muslim harus kembali kepada zaman sebelum reformasi Islam yang telah menutup pintu kemajuan.

... the Muslims who emerged from the Arabian peninsula were initially true adherents of the teachings of Islam. They were tolerant of the People of the Book and were broad-minded and willing to learn the skills, the sciences, the mathematics and the arts of the non-Muslims, particularly those of the ancient Greeks. They did their own research and contributed to the body of knowledge in many fields, becoming technologically advanced in the process. Unfortunately, with the advent of Muslim jurists and the so-called reformists, studies not specifically related to religion and its practices were frowned upon and eventually proscribed or forbidden.¹⁴⁶

Kesemua ini memperlihatkan bagaimana beliau berpendapat Islam tidak melarang penguasaan sains dan teknologi dan sekali gus mengukuhkan sokongan daripada orang Islam bukan sahaja di Malaysia malahan di merata dunia. Penguasaan Internet serta perubahan ke atas informasi dan komunikasi dilihat turut membawa kesan ke atas ekonomi dan masyarakat. Pertumbuhan negara kini banyak bergantung kepada kemampuan menggunakan informasi dan pengetahuan dan bukan semata-mata bergantung kepada usaha memak-



Jabatan Perdana Menteri Putrajaya



Pemandangan Masjid Putra dan Dataran Putra dari bangunan Jabatan Perdana Menteri



Masjid Putrajaya di Putrajaya

simumkan alam atau sumber semula jadi semata-mata.¹⁴⁷ Inovasi dan globalisasi dilihat memainkan peranan penting yang mampu membawa perubahan dalam teknologi dan liberalisasi ekonomi yang turut mempengaruhi dagangan global. Kombinasi kedua-duanya membawa kepada dunia tanpa sempadan.¹⁴⁸ Kesedaran akan kepentingannya untuk masa hadapan menyebabkan Mahathir mula melaksanakannya untuk kesejahteraan rakyat Malaysia.¹⁴⁹

Beberapa pembaharuan teknokratik secara simbolik telah bermula seawal pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri. Antaranya penyeragaman waktu di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada 31 Disember 1981.¹⁵⁰ Di pasar dan kedai, sistem metrik diperkenalkan menggantikan sistem menimbang dan ukuran tempatan yang diamalkan sebelum ini. Begitu juga dengan pengenalan sistem perakam waktu dan tag nama serta manual pekerjaan untuk pegawai kerajaan. Pekerja perkhidmatan awam juga perlu mengumumkan aset mereka yang mana melihat Badan Pencegah Rasuah (BPR) bertindak cergas pada peringkat tersebut. Prestasi, kepantasan dan hasil merupakan asas pentadbiran teknokratik beliau yang disesuaikan dengan slogan "Kepimpinan Melalui Teladan" dan "Bersih, Cekap dan Amanah".¹⁵¹ Ini bersesuaian dengan kepimpinan efektif yang cuba beliau paparkan dalam masyarakat Islam sebagaimana ditekankan oleh Timbalan Pengarah IKIM, Nik Mustafa Nik Hassan—*a Muslim society or nation to progress and prosper, one cannot dispute that the ability to produce effective leadership should a major agenda. Effective leadership can influence others to accomplish social tasks and objectives.*¹⁵²

Begitu juga dengan sektor pembinaan dan seni bina. Ketika Malaysia dilanda kegawatan ekonomi, ramai yang mula mempertikaikan amalan kepimpinan Mahathir yang dilihat cenderung membazir dan lebih berminat membina bangunan besar dan tinggi tetapi ramai yang tidak sedar bahawa ia sebenarnya membawa pengiktirafan antarabangsa ke atas Malaysia. Sejak beliau mengambil alih kuasa, banyak usaha telah dilakukan untuk pembangunan melalui pembinaan pelbagai jenis bangunan. Ini boleh dilihat

sebagai perancangan jangka panjang sebagai langkah menarik pelaburan asing dengan tarikan infrastruktur yang menarik. Kedua, ia juga bertujuan supaya bangunan yang tinggi dapat menarik perhatian orang ramai. Tarikan orang ramai serta untuk kepentingan ekonomi merupakan antara faktor penarik mengapa Mahathir sanggup membelanjakan wang yang banyak untuk mempamerkan keberkesanan dasar kerajaan. Ia bermula dengan pembinaan bangunan Dayabumi pada awal pemerintahan beliau diikuti dengan Jambatan Pulau Pinang.

Contoh terbaik pada hari ini, adalah Bangunan Berkembar Petronas (KLCC) yang terletak di pusat bandar dan boleh dilihat di luar sempadan Kuala Lumpur, malahan merupakan tarikan utama untuk pelancongan. Memandangkan Kuala Lumpur sendiri semakin berkembang, maka dirasakan bangunan seperti ini perlu untuk menganjurkan konvensyen dan pameran antarabangsa. Malahan perkembangan KLCC dilihat sebagai salah satu yang tercantik di dunia—*the KLCC has developed into a landmark worthy of the most beautiful real estate development in the world.*¹⁵³ Mahathir berjaya menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar berteknologi tinggi, kontradiksi dengan kedudukan pada abad yang lepas di mana ia hanya merupakan perkampungan lombong bijih timah, sekali gus membentuk sejarah baru bahawa Kuala Lumpur adalah ciptaan Mahathir dan sejarah lama bahawa ia dibuka oleh Yap Ah Loy sudah semakin lupalu.

Selain daripada itu, Mahathir juga telah membina Menara KL yang boleh dianggap sebagai antara bangunan tercantik. Satu ketika hanya bangunan Dayabumi dan Komtar di Pulau Pinang merupakan bangunan paling tinggi di Malaysia tetapi pada hari ini, banyak pembangunan dan pemodenan telah dilakukan yang jelas membawa perubahan besar ke atas struktur perbandaran Malaysia.¹⁵⁴

Di samping itu, selaras dengan kehendak dan persekitaran semasa, Mahathir menyatakan bahawa era komputer dan era teknologi maklumat menyebabkan pengetahuan berkembang setiap detik.¹⁵⁵ Oleh yang demikian, rakyat Malaysia digalakkan menguasai bahasa



Pelaksanaan Cyberjaya di bawah Multimedia Super Corridor



Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

Inggeris kerana ia dianggap bahasa sains dan teknologi dan pada waktu yang sama tidak mengabaikan bahasa Malaysia.¹⁵⁶ Ini dianggap akan membolehkan rakyat mengekori perkembangan serta peluasan bidang saintifik dan teknologi sekali gus membantu bersama kerajaan bergiat dalam perkembangan atau persaingan global.¹⁵⁷ Rakyat Malaysia dikatakan tidak akan hilang nasionalisme mereka semata-mata menguasai sains dan teknologi dalam bahasa Inggeris atau menghilangkan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.¹⁵⁸ Ini penting dalam usaha untuk membangunkan negara, terutama dengan lahirnya *Multimedia Super Corridor*.

MULTIMEDIA SUPER CORRIDOR

Pembentukan legitimasi baru terutama ke atas golongan kelas menengah banyak bergantung kepada daya pemikiran serta inovasi semasa. Ini perlu untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baru yang dilihat lebih kompetitif. Sejajar dengan perkembangan semasa, Mahathir telah melancarkan projek yang boleh dianggap terunggul dalam bidang sains dan teknokratik iaitu *Multimedia Super Corridor* (MSC) sebagai mempersiapkan rakyat Malaysia untuk menempuhi "abad digital" serta menjadi sebahagian daripada komuniti global dalam era masyarakat bermaklumat.¹⁵⁹ Ia merangkumi pelbagai kepentingan sebagai sebahagian daripada dasar perindustrian Mahathir malahan selangkah lebih ke hadapan daripada industri berat. Ia juga penting untuk mewujudkan persekitaran yang efektif dengan kos yang minimum dan membentuk *paperless government*¹⁶⁰ untuk membolehkan syarikat membentuk, mengagih bahan pengeluaran dan perkhidmatan berbentuk multimedia.

MSC boleh dianggap sebagai *Silicon Valley of Malaysia* bertujuan untuk melahirkan masyarakat digital pada tahun 2020. MSC dilancarkan pada Ogos 1996 untuk mentransformasi Malaysia menjadi *knowledge-based economy* iaitu *from one driven by labour*

*and capital-intensive industries to one led by high value-added information-based economic activities.*¹⁶¹ Sayed Hossian pula menganggap bahawa:

... it would facilitate the development of technology and supply high value added multimedia services and products to global customers and particularly to customers in Asia and the Pacific.¹⁶²

Dua kaedah diguna untuk merealisasikan visi ini iaitu, melahirkan persekitaran multimedia untuk menarik minat pelabur atau syarikat asing yang unggul untuk menggunakan MSC sebagai pusat pergerakan mereka dan kedua, supaya dapat mengembangkan penggunaan ICT dalam sektor awam dan swasta untuk memperluaskan produktiviti dan persaingan domestik.¹⁶³ Sebagai usaha mempromosi penggunaan MSC ini, Mahathir melancarkan *Seven large-scale Flagship Applications* iaitu *smart schools, multi-purpose card, telemedicine, electronic government, research and development cluster, borderless marketing and world-wide manufacturing web.*¹⁶⁴ Elemen lain termasuklah e-village yang melibatkan aktiviti produksi, animasi dan pembangunan multimedia kreatif; pakej insentif termasuk pinjaman penyelidikan, program sumber manusia dan mempromosi usahawan berkemahiran teknologi; Multimedia Development Corporation (MDC) sebagai agen untuk mengimplementasi MSC.

Sebagai sebuah kerajaan elektronik berpusat di Putrajaya, ia dimuatkan dengan teknologi multimedia dan menjadi *paperless administration centre*. Pejabat Perdana Menteri telah pun dipindahkan ke Putrajaya termasuk rumah kediaman Seri Perdana dan secara beransur-ansur, hampir 15 kementerian turut ditempatkan di sana. Ia juga akan melibatkan hampir 240 000 penduduk dan saluran multimedia menjadi asas perhubungan. Konsep *Smart School* pula adalah konsep di mana kesemua sekolah akan memiliki perkhidmatan dan peralatan IT pada tahun 2010 supaya akan lahir generasi yang kreatif, inovatif dari segi pemikiran mereka.

Di samping itu, sejajar dengan usaha untuk menjadi negara yang

ulung dalam bidang teknologi multimedia, beberapa kerjasama dilahirkan antara universiti dan badan korporat. Ini juga membolehkan Universiti Multimedia muncul sebagai universiti yang mampu melahirkan komuniti yang mahir dengan IT dan berkemampuan membuat penyelidikan berkualiti. Mahathir juga telah melancarkan Kad Pelbagai Guna Nasional atau MyKad yang mempunyai cip untuk memuatkan segala data yang perlu dalam diri seorang warganegara Malaysia. Ia bertindak sebagai kad pengenalan, lesen kereta, kad telefon, kad keahlian kelab tertentu dan pelbagai kegunaan yang lain.¹⁶⁵

MSC juga akan bertindak sebagai Pusat Pemasaran Tanpa Sempadan supaya operasi pemasaran, sokongan teknikal, memproses data dan perkhidmatan kepada pelanggan berjalan dengan lancar dengan kemudahan terkini dan terbaik. Begitu juga fungsi MSC di peringkat rantau atau global untuk membolehkan syarikat mengawal, memerhati dan menyalurkan perkhidmatan mereka melalui rangkaian serantau berpusat di MSC dengan kos yang rendah tetapi mempunyai prestasi informasi yang terbaik.¹⁶⁶ Pemodenan yang disesuaikan dengan keperluan semasa dan persekitaran baru ini membolehkan beliau mendapat pengiktirafan sebagai pemimpin yang berwibawa sehingga tidak dipersoal oleh majoriti rakyat negara ini.

Kesemua ini dilakukan kerana aktiviti ekonomi telah dipelbagaikan. Dengan penggunaan ICT sebagai—*the engine growth within all economic sectors*, Malaysia mampu meningkatkan perindustrian, misalnya industri elektronik. Elektronik merupakan 60 peratus daripada jumlah eksport negara dengan jumlah nilai tahunan RM145 bilion pada tahun 1999. Berfokuskan kepada penyelidikan dan pembangunan, inovatif pengeluaran ICT, termasuk *hard-ware* dan *soft-ware*, Malaysia mampu menjadi negara berdaya saing dalam pasaran ICT pada tempoh masa yang terdekat. Perkembangan ini juga membawa kepada tertubuhnya *National Information Technology Council* (NITC) pada tahun 1995.¹⁶⁷ MSC dianggap inisiatif strategik untuk melibatkan diri dalam apa sahaja aktiviti ekonomi.

... if Malaysia does not invest now in information infrastructure and get businesses to adopt electronic commerce, the potential cost to the economy could be very high. While some companies may choose not to transform or re-engineer themselves, their competitors may position themselves to be more cost-effective and more efficient, thus commanding better access to major customers through better utilisation of ICT. Over a period of time, companies that have not transformed will lose their international competitiveness and may become losers in the new economy.¹⁶⁸

MSC pada hari ini telah berkembang dengan pesat sehingga hampir 18 000 jawatan telah diwujudkan dengan 15 000 disandang oleh pekerja berpengetahuan.¹⁶⁹ Sebanyak 745 syarikat telah beroperasi dengan 53 syarikat merupakan syarikat terunggul di dunia dengan 87 peratus pekerja di bawah syarikat berstatus MSC merupakan rakyat Malaysia manakala baki 13 peratus adalah warga asing dengan majoriti dari India.¹⁷⁰ Ini mengukuhkan lagi kedudukan Mahathir bukan sahaja di kalangan masyarakat tempatan tetapi juga di peringkat antarabangsa.

MSC dilihat sebagai salah satu pencapaian kepimpinan Mahathir yang mendekati golongan kelas menengah dan atasan serta generasi baru malahan YDPA sendiri meminta rakyat menyokong dan memastikan implementasi MSC berjaya.¹⁷¹ Usaha Mahathir ini adalah inisiatif untuk memahirkan diri dengan aspek teknologi yang membuat golongan profesional terpegun. Ini diakui oleh Ketua Eksekutif BizTone.Com Sdn. Bhd, Darryl Carlton yang menganggap kejayaan Mahathir mengekalkan majoriti dua per tiga pada pilihan raya tahun 1999 telah turut menyebabkan syarikat teknologi tinggi dari Amerika mahu melabur di MSC.¹⁷² Di samping kemampuan menguasai bidang IT, beliau juga telah menggunakan dua bulan cuti beliau pada tahun 1997 untuk mempromosi MSC kepada dunia luar.¹⁷³ Ini menunjukkan keprihatinan beliau untuk membangunkan Malaysia.

Usaha mengembangkan sains dan teknologi bukan semata-mata untuk meningkatkan status ekonomi negara tetapi ia juga akan membentuk masyarakat berkualiti, masyarakat berpengetahuan dan

menguasai pelbagai bidang. Pembangunan ini juga akan melibatkan nilai sosial, perubahan sikap dan budaya kerja baru supaya rakyat Malaysia akan mempunyai peranan dalam masyarakat global.

Ini bersesuaian dengan strategi membentuk negara baru Malaysia seperti yang tertera dalam Wawasan 2020. Ia akan membolehkan kemunculan syarikat gergasi Malaysia di bawah MSC, membentuk keseimbangan antara sektor pengeluaran dan sektor perkhidmatan. Lebih daripada itu, MSC dijangka akan melahirkan generasi yang berpengetahuan luas berbentuk kepelbagaian dalam menguasai ilmu pengetahuan.

... MSC will provide a platform to bring us together and celebrate our cultures while educating us in new and different ways. It will open us to a world of multicultural knowledge and relationships which will enrich our partners, neighbours and ourselves.¹⁷⁴

Legitimasi baru ini mampu menarik minat generasi yang terikat dengan masyarakat informasi atau abad digital iaitu mereka yang terdiri daripada personaliti baru kerana mereka yang memiliki *humanity* dan *self-identity* mampu bersaing dalam abad digital tersebut.

... for all the new technologies, strategies and structures, both physical dan invisible ones that are taking place within organizations today, the one central element crucial for the continued growth of mankind is the one which focuses on mobilizing the human intellect and spirit. Only by bringing back the elements of humanity and self-identity can organizations hope to complete in this digital century.¹⁷⁵

Bersesuaian dengan imej baru, persekitaran baru memerlukan perubahan dari segi perilaku kerana era informasi melihat keseimbangan antara teknologi dan tingkah laku yang turut memberi kebebasan melalui interaksi dengan teknologi dan elemen sosial.

Pembentukan *k-society* atau masyarakat berpengetahuan akan turut mengubah industri pengeluaran yang akan mampu menggunakan teknologi baru dalam proses pengeluaran mereka. Ini bersesuaian-

an dengan perubahan yang dilakukan oleh Mahathir ke atas dasar ekonomi makro yang berorientasikan pasaran untuk bersaing dengan negara maju.¹⁷⁶ Dasar sains dan teknologi sebenarnya telah membawa perubahan ke atas sistem ekonomi dan kewangan negara selari dengan usaha Mahathir untuk menjadi sebahagian daripada negara baru ekonomi industri (NIEs).¹⁷⁷

Penganalisis ekonomi berpendapat Malaysia mampu mencapai status negara industri dalam tempoh 10 hingga 15 tahun jika pertumbuhan 8 peratus setiap tahun dapat dikekalkan dan ini jelas tidak mustahil selepas melihat kemampuan Mahathir memulihkan ekonomi negara dengan segera sewaktu kegawatan ekonomi melanda negara. Sejarah akan membuktikan bahawa legitimasi politik yang didukung oleh Mahathir selama ini adalah usaha untuk mengubah kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa, seiring dengan taraf negara-negara maju. MSC juga dihubungkan terus dengan dua bandar bestari iaitu Putrajaya dan Cyberjaya berserta KLIA, mercu kebanggaan negara. Bahagian berikutnya akan melihat kepada perkembangan di ketiga-tiga lokasi ini.

CYBERJAYA, PUTRAJAYA DAN KLIA

Legitimasi politik Mahathir turut disokong oleh pemodenan era baru yang memperlihatkan pembinaan bandar berteknologi tinggi dengan kemudahan infrastruktur yang baik. Ini termasuklah Cyberjaya terletak di sebelah barat Putrajaya.¹⁷⁸ Ia dibangunkan menjadi sebuah bandar bestari kerana memiliki infrastruktur canggih termasuk Universiti Multimedia (MMU), e-village, Flagship Development Zone dan sebagainya. Ia turut melibatkan bangunan dan pusat latihan untuk kepentingan industri multimedia (MI) dan teknologi informasi (IT). Sebagai langkah awal, Malaysia sudah pun ke hadapan dalam penggunaan Internet iaitu 35 peratus atau 5.7 juta orang pengguna, menjadikan ia sebagai pusat Internet terbesar di Asia Tenggara.¹⁷⁹

Ia dianggap sebagai bandar bestari yang dipersiapkan dengan infrastruktur telekomunikasi dan IT yang terbaik untuk perniagaan, kediaman dan keperluan rekreasi penduduk bandar tersebut termasuk hampir 10 000 penduduk berpendidikan yang dijangka menetap di sana malahan MDC menjangkakan hampir 500 buah syarikat IT akan beroperasi di sana pada tahun 2020.¹⁸⁰ Di samping kesemua kemudahan dan infrastruktur fizikal, Cyberjaya akan disokong oleh *soft infrastructure*.¹⁸¹

Legitimasi baru Mahathir ini banyak berhubung dengan kepentingan kelas menengah dan atasan yang membentuk keharmonian simbiotik antara manusia, persekitaran dan teknologi.

... technology will serve to provide a better quality of life for man within the environment, and this technology will be both user-friendly and environment-friendly. In developing Cyberjaya, every care will be taken to maximise the assets of the natural environment. The developers will also ensure that a suitable environment is created for promoting spiritual, mental and physical health and the enjoyment of nature and cultural pursuits. Amidst all these is an overriding objective to create a working and living environment where knowledge workers and other residents may interact freely in a relaxed social environment, thereby creating an atmosphere conducive to promoting creativity and innovation.¹⁸²

Di samping Cyberjaya, Mahathir juga telah membangunkan pusat pentadbiran negara persekutuan baru iaitu Putrajaya.¹⁸³ Pada peringkat awal, Jabatan Perdana Menteri telah berpindah ke sana dan akan diikuti oleh kementerian yang lain secara berperingkat-peringkat yang akan melibatkan hampir 80 000 pekerja awam dan 60 000 pekerja sektor swasta. Pembinaan Putrajaya membolehkan kesesakan di Kuala Lumpur akan dapat dikurangkan dan pada waktu yang sama, Kuala Lumpur dapat bersaing sebagai pusat komersial terbesar di dalam negara dan di rantau ini. Ia juga akan memusatkan pejabat kerajaan persekutuan yang akan kelihatan tersusun dan efektif. Ini bersesuaian dengan analisis Luhmann bahawa mekanisme yang efektif membolehkan pembentukan kestabilan dan

memberi kesan ke atas struktur membuat keputusan serta sebagai sistem sosial yang bersesuaian dengan keadaan semasa.¹⁸⁴

Sebagai sebahagian daripada MSC, Putrajaya juga akan mempunyai teknologi perkhidmatan, kemudahan dan telekomunikasi yang terbaik serta peluang pekerjaan sebagai penyokong kepada pertumbuhan ekonomi negara. Malahan, pembinaan Putrajaya dilakukan oleh anak tempatan di bawah Putrajaya Corporation, Putrajaya Holdings Sdn. Bhd dan KLCC Bhd.¹⁸⁵ Putrajaya Holdings dengan dipengerusikan oleh Tan Sri Rashid Hussain merupakan pemaju eksekutif bandar baru ini.¹⁸⁶ Apa yang jelas, Putrajaya akan melalui proses urbanisasi sepanjang Lembah Klang-Seremban dan sekali gus pembangunan pesat perlu dilakukan supaya ia memenuhi pembentukan bandar yang berteknologi tinggi dan persekitaran yang sesuai dihuni. Aktiviti sebegini sudah pasti meningkatkan sokongan kepada kepimpinan beliau yang dilihat sentiasa memikirkan masa depan bangsa Malaysia.

Putrajaya dilihat menjadi simbol mercu kejayaan Mahathir kerana akan dilihat sebagai bandar bestari dengan segala kemudahan terkini bukan sahaja untuk pentadbiran tetapi juga untuk menyebarkan teknologi informasi dan pusat pengurusan pemasaran seperti mana dianggap oleh Mahathir bahawa:

... Putrajaya will become a vital development catalyst due to its role as a model "intelligent city", a centre of information technology, an administrative as well as a management centre.¹⁸⁷

Penulis berpendapat selepas projek MSC diperkenalkan sepenuhnya, ia akan membawa kepada pengaliran keluar-masuk tenaga manusia dan barangan dalam kuantiti yang lebih besar. Sebagai pemimpin yang sentiasa melangkaui pemikiran orang lain, Mahathir merasakan Malaysia memerlukan sebuah lapangan terbang yang boleh dibanggakan dan menjadi contoh kepada masyarakat asing. Ia dianggap sebagai—*our nation's pride and joy*.¹⁸⁸ Ini juga bersesuaian dengan pendaratan bilangan kapal terbang yang semakin meningkat

saban hari.¹⁸⁹ Beliau menjangkakan pada tahun 2008, seramai 35 juta orang akan menggunakan perkhidmatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan jumlah tersebut diramal meningkat kepada 45 juta orang pada tahun 2012.¹⁹⁰

KLIA dianggap sebagai lambang kemasyhuran Malaysia memandangkan ia merupakan gerbang keluar-masuk pelancong asing. Menyedari akan kepentingannya, maka KLIA juga dilengkapi dengan kemudahan berteknologi tinggi termasuklah sistem radar terbaru yang dilengkapi di lapangan terbang untuk pengawalan kesesakan udara.¹⁹¹ Pekerja juga dihantar untuk melalui latihan memahirkan diri dengan tugas mereka di Lapangan Terbang Narita, Tokyo dan Lapangan Terbang Heathrow, London. Di samping itu, KLIA juga mempunyai sistem keselamatan terkini untuk mengatasi masalah keselamatan dengan perbelanjaan hampir RM300 juta di bawah Total Airport Management System (TAMS).¹⁹²

Malahan perkhidmatan pengangkutan telah dipertingkatkan dengan bermulanya operasi kereta api laju KLIA Ekspres yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan KLIA. Destinasi antara kedua-dua lokasi mengambil masa hanya 28 minit di bawah pengurusan Ekspres Rail Link Sdn. Bhd. (ERL) memaparkan perubahan baru dalam arus teknologi moden negara kerana ia turut membolehkan penumpang membuat pemeriksaan dan penghantaran bagasi dan pengesahan kastam di KL CAT (Terminal Udara KL).¹⁹³

Ini merupakan antara elemen kejayaan beliau yang turut boleh dihubungkan dengan fungsi MSC dan Cyberjaya. Pada tahun 2020, dijangkakan hampir 60 juta orang akan menggunakan KLIA. MSC juga pada waktu itu dijangkakan akan mempunyai lebih daripada 500 syarikat bertaraf antarabangsa beroperasi dari sini. Sebagai lapangan terbang terbesar di Asia, KLIA mampu menjadi pusat pergerakan dan jaringan antara sebuah negara dengan negara yang lain. Keupayaan dengan jaringan sistem elektronik informasi terkini yang diintegrasikan dengan MSC membolehkan KLIA menjadi simbol kebanggaan bangsa Malaysia dan juga mengorak

langkah ke dunia angkasa lepas suatu hari nanti. Apa yang dilakukan oleh Mahathir adalah bertujuan untuk melahirkan negara maju pada masa depan. Walaupun sering ada kritikan memandangkan dalam jangka pendek sukar untuk melihat hasilnya, sehingga hari ini Mahathir berjaya memperlihatkan kejayaan ke atas perancangan beliau sehingga mendapat pengiktirafan antarabangsa.

SMART PARTNERSHIP DAN MEASAT

Sewaktu merancang Wawasan 2020, Mahathir berharap suatu masyarakat yang progresif, saintifik dan sentiasa maju ke hadapan dapat dilahirkan pada penghujung tahun tersebut. Ini memerlukan kerjasama di kalangan mereka yang terlibat dalam perindustrian kerana ekonomi sudah berubah hala tuju kepada yang berasas kepada inovatif. Pada tahun 1993, Malaysia Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) ditubuhkan di bawah Pejabat Penasihat Sains Jabatan Perdana Menteri.¹⁹⁴ Ia menjadi platform neutral untuk membina jambatan antara kerajaan dan industri berhubung dengan teknologi. MIGHT merupakan hasil pemikiran Mahathir yang menjadikan ia sebagai mekanisme untuk mencari peluang pelaburan dan perniagaan dengan menggunakan pencapaian teknologi sebagai strategi pemasaran terutama dalam bidang angkasa lepas, perumahan dan pembinaan, automotif, herba, ubat-ubatan dan industri telekomunikasi.¹⁹⁵ Sebagai langkah persediaan untuk masa depan, beliau juga telah melancarkan The National Technology Mapping Programme.¹⁹⁶ Ia bertujuan mengenal pasti bidang spesifik di bawah sains dan teknologi dan pada waktu yang sama melihat keberkesanannya untuk kepentingan ekonomi dan sosial negara. Menurut Dr. Ahmad Tasir Lope Pihie, Ketua Eksekutif MIGHT, syarikat Malaysia digalakkan untuk menggunakan material berkualiti dalam operasi mereka yang akan membolehkan perindustrian berkembang maju.¹⁹⁷ Langkah ini telah pun dibuat oleh

Petronas yang menggunakan material berkualiti dalam industri minyak dan gas.

Kerajaan juga berusaha untuk menghasilkan kerjasama dan khidmat runding yang lebih berkesan dengan sektor swasta di bawah *Smart Partnership*, salah satu komponen penting pengurusan teknologi kerana ia penting untuk kerjasama ekonomi baik di peringkat domestik mahupun antarabangsa.


... it is about creating limitless opportunities and wealth that is shared, sustainable and that allows all the participants to function in the global economy.¹⁹⁸

Bagi Mahathir, *Smart Partnership* juga mampu menyatukan tindakan dan kerjasama mengatasi ancaman negatif globalisasi, sebagaimana ditekankan dalam ucapan di Global 2000 International Smart Partnership di Mozambique:

... smart partnership can help unify concerns and actions and to formulate a common stand and embark on cooperative actions in order to counter any perceived negative forces of globalisation affecting the emerging economies. The smart partnership dialogues, such as this, can well serve as focal points to deliberate and share our views and experiences and to nurture continued inter-actions among members and smart partners in between dialogues.¹⁹⁹

Ia aktif di peringkat antarabangsa melalui Commonwealth Partnership for Technology Management (CPTM) yang mempromosi dialog antarabangsa seperti Langkawi International Dialogue (LID) dan National Smart Partnership Dialogue (NSPD).²⁰⁰ Mahathir berpendapat kerjasama CPTM dan MIGHT akan membolehkan kerjasama pelbagai dimensi diwujudkan.

... I observe that CPTM, Commonwealth Partnership for Technology Management, can assume a catalytic role in synergising the many different dimensions of the subject of globalisation with a truly achievable "win-win" result. "National smart partnership hubs" will have to come forward,



Langkawi International Dialogue—merupakan antara usaha Dr. M untuk membolehkan negara-negara membangun berkongsi pandangan dan dasar untuk terus membangun di persada antarabangsa

and work closely with CPTM, and set priorities for action. In this regard, I would like to offer MIGHT, the 'Malaysian smart partnership hub' to assist whenever we can.²⁰¹

Smart News Network International (SNN) dilancar pada 2001 supaya dapat memberi laporan alternatif daripada berita media asing sewaktu Global 2001 Smart Partnership International Dialogue di Kampala.²⁰² Dalam ucapan LID 2000 (Langkawi International Dialogue 2000), beliau menekankan perlunya sistem yang efektif melalui pembinaan jaringan untuk mengatasi kemelut ekonomi.²⁰³ Malaysia telah berjaya meletakkan nama ke hadapan menerusi LID sehingga masyarakat Eropah berasa terancam kerana kesan ekonomi melalui dialog ini. Ada yang menganggap Malaysia menjadi "Godfather" negara-negara Afrika.²⁰⁴

Bersesuaian dengan peredaran zaman serta dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat telekomunikasi serantau di bawah Wawasan 2020, Malaysia Southeast Asia Satellite (Measat) atau ringkasnya MEASAT - 1 telah dilancarkan dari Kourou, French Guiana pada 13 Januari 1996.²⁰⁵ Di bawah pemilikan Binariang Satellite Systems Sdn. Bhd (BSS), Measat dapat memenuhi keperluan Internet, penyiaran dan telekomunikasi Malaysia serta negara lain di rantau Asia. Ini membolehkan ia memenuhi objektif Mahathir yang mahu melahirkan masyarakat berinovasi serta sanggup berhadapan dengan cabaran masa hadapan. MEASAT-2 pula berjaya ditempatkan di orbit pada 14 November 1996 yang juga mampu memberi liputan sehingga ke Australia dan Hawaii.²⁰⁶

Pelancaran ini juga melihat bagaimana anak tempatan mendapat peluang pekerjaan serta kepercayaan untuk menjadi pakar teknikal termasuk pengawal ruang angkasa, jurutera dan penganalisis orbit di bawah MEASAT Satellite Control Centre (MSCC) yang berpusat di Pulau Langkawi. Memandangkan industri telekomunikasi semakin berkembang, Mahathir dianggap berjaya meletakkan usaha Malaysia untuk memainkan peranan yang signifikan di bawah infrastruktur komuniti dunia pada masa akan datang.

PENGANJURAN SUKAN ANTARABANGSA DAN SEMANGAT MALAYSIA BOLEH

Mahathir bukan seorang ahli sukan secara semula jadi. Walau bagaimanapun sebagai seorang doktor beliau sedar akan kepentingan bersukan, yang turut memainkan peranan dalam pembentukan legitimasi politik beliau.²⁰⁷ Peranan dan komitmen beliau terhadap pembangunan sukan negara sangat penting. Malaysia yang secara tradisinya hanya terkenal dengan sukan badminton, hoki dan bola sepak, mula memberi perhatian kepada bidang sukan lain yang dahulunya dianggap sukan untuk negara maju sahaja. Keberanian Malaysia untuk menganjurkan kejohanan sukan antarabangsa sungguh mengagumkan di bawah kepimpinan beliau. Antaranya, Sukan Komanwel, bola sepak Piala Dunia Remaja 1997, lumba basikal Tour de Langkawi, lumba kereta F1 dan lumba motosikal Grand Prix.

Selain bidang sukan yang berupa kejohanan, semangat "Malaysia Boleh" yang diilhamkan di bawah kepimpinan Mahathir juga telah memperlihatkan beberapa pencapaian luar biasa rakyat Malaysia. Bermula dengan kejayaan Magendran dan Mohandas menakluki puncak Gunung Everest, penjelajahan adik-beradik di Kutub Selatan, penerjunan di Kutub Utara, pelayaran mengelilingi dunia oleh Azhar Mansor dan usaha menyeberang Selat Inggeris oleh Abdul Malik Maidin sudah semestinya menggambarkan semangat serta keberanian rakyat Malaysia.

Penganjuran Sukan Komanwel dan Lumba Kereta F1, sebenarnya adalah dua klimaks kepada era kebangkitan sukan negara di bawah kepimpinan Mahathir. Penulis mendapati usaha Mahathir untuk melibatkan diri dalam sukan adalah pertama, ia akan memartabatkan Malaysia di kaca mata dunia, kedua dari segi ekonomi, ia akan membawa masuk keuntungan yang besar sebagai tuan rumah yang berjaya apabila orang ramai datang dari luar untuk menonton acara sukan tersebut²⁰⁸ dan ketiga, sebagai seorang yang bersifat nasionalis, beliau mahu anak bangsa tempatan terlibat dalam menon-



Datuk Azhar Mansur yang berjaya mengelilingi dunia bersama kapal layarnya



Magendran dan Mohandas yang berjaya menakluki Gunung Everest

jolkan diri dalam aktiviti sukan yang dianjurkan.

Sukan juga dilihat sebagai satu perniagaan yang menguntungkan. Sebagai tuan rumah, ia akan memberi kesan ke atas kesemua aktiviti ekonomi Malaysia termasuklah industri pelancongan, perhotelan, pengangkutan dan sebagainya. Mahathir dilihat cuba mengguna sukan untuk menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia mampu menjadi tuan rumah untuk sukan bertaraf dunia dan setanding dengan negara Barat.

Kemampuan Malaysia menjadi tuan rumah banyak bergantung kepada keberkesanan dan kestabilan struktur politik, ekonomi dan sosial negara. Tanpa pembangunan infrastruktur, sains dan teknologi, tidak mungkin Malaysia mampu menjadi tuan rumah yang disegani. Pihak yang memutuskan kelayakan menjadi tuan rumah selalunya membuat pilihan secara ketat dan selalunya banyak lagi negara yang akan menawarkan diri untuk menjadi penganjur. Keutuhan ekonomi turut menjadi ukuran memandangkan penganjuran sukan bertaraf dunia akan menelan perbelanjaan yang besar.

Sukan Komanwel iaitu temasya sukan yang kedua terbesar di dunia selepas Sukan Olimpik yang dianjurkan pada tahun 1998 harus dilihat sebagai perintis ke arah usaha Malaysia untuk menjadi dominan dalam menganjur sukan bertaraf dunia. Selepas Sukan Komanwel, Malaysia juga telah diberi penghormatan untuk menjadi penganjur sukan lumba kereta F1 di Litar Formula One Sepang yang juga terletak dalam lingkungan MSC. Sukan lumba kereta dilihat sebagai sukan yang sememangnya untuk mempopularkan Malaysia di peringkat antarabangsa. Ini kerana hampir 250 buah negara menyiarkan sukan F1 secara langsung dan F1 juga merupakan kegemaran orang ramai selepas sukan bola sepak Piala Dunia.

Penulis merasakan penganjuran F1 turut mengukuhkan legitimasi Mahathir kerana ia membuktikan kemampuan Mahathir untuk mengendalikan urusan di peringkat antarabangsa. Malahan, ia bukan sahaja mampu meningkatkan pengaliran masuk mata wang asing daripada peningkatan industri pelancongan tetapi ia juga memberi peluang kepada syarikat tempatan mengambil bahagian.²⁰⁹ Misal-

nya, Petronas telah melibatkan diri dengan kerjasama pasukan dari Sweden, Peter Sauber yang turut melahirkan pasukan baru, Sauber Petronas. Kini muncul pula pelumba Malaysia yang pertama beraksi di litar F1 iaitu Alex Yoong yang turut memartabatkan Malaysia di mata dunia walaupun pencapaiannya masih rendah. Ini boleh dikatakan sebagai satu lagi petanda kepada legitimasi Mahathir yang bersifat nasionalis.

Penganjuran sukan bertaraf dunia seperti ini memaksa negara untuk membina dan memperbaiki infrastruktur setanding dengan kebanyakan negara maju. Jika tidak, pasti Mahathir tidak akan bersetuju untuk melobi menjadi tuan rumah. Sebagai pulangan, angka yang melawat Malaysia turut meningkat.²¹⁰ Sektor pelancongan meningkat daripada 2 juta pada tahun 1990 kepada 12.8 juta pada tahun 2002. Mahathir menganggap antara kejayaan Malaysia adalah kempen agresif menjual negara melalui penganjuran seperti perlumbaan F1, Le Tour de Langkawi dan sukan yang berprestij.²¹¹

Kecemerlangan Malaysia sebagai penganjur Sukan Komanwel dan F1 menyebabkan keupayaan Malaysia sebagai tuan rumah tidak lagi diragui. Susulan daripada kejayaan tersebut Malaysia telah menjadi tuan rumah untuk Kejohanan Golf Sedunia kali ke-43, Kejohanan Bowling, Maraton dan Squasy serta beberapa kejohanan lain yang bertaraf antarabangsa. Kestabilan politik kepimpinan Mahathir sendiri banyak memainkan peranan dalam usaha melahirkan imej baru di khalayak ramai. Pembentukan imej baru ini juga merupakan alat legitimasi Mahathir yang baru. Beliau bukan sahaja menguasai dunia tetapi sokongan ke atas kepimpinannya meningkat.

PENUTUP

Kejayaan pelaksanaan dasar membolehkan Mahathir memperoleh legitimasi kepada kepimpinan beliau. Ini merupakan ganjaran kepada prestasi dan pencapaian daripada implementasi dasar-dasar yang



Kuala Lumpur sebagai tuan rumah Sukan Komanwel



Malaysia sebagai tuan rumah sukan F1 yang berlangsung di litar kereta Sepang

dirancang oleh beliau yang turut mempengaruhi ekonomi global. Selain daripada itu, penulis berpendapat dalam aspek ekonomi politik global yang cuba diintegrasikan oleh Mahathir, pergantungan kepada kepentingan nasional masih menjadi elemen penting untuk meneruskan atau mempengaruhi kepentingan domestik. Keadaan ekonomi dan politik dalaman dan luaran digabung untuk membentuk suatu dasar yang terbaik agar sokongan domestik tidak terpinggir. Di Malaysia, liberalisasi politik lazimnya sanggup dikorbankan demi kepentingan kestabilan ekonomi dan etnik berbanding dengan beberapa negara lain seperti Indonesia dan Fiji. Selain daripada itu, pentadbiran Malaysia yang mampu membentuk dasar yang efektif juga telah membolehkan Mahathir meneruskan autonomi yang besar dalam sistem ekonomi antarabangsa yang didominasi oleh kepentingan modal kewangan dan agensi multilateral berpengaruh besar.²¹²

Strategi ekonomi Mahathir adalah untuk membina syarikat dan usahawan Malaysia yang berjaya dan dapat bersaing dengan syarikat multinasional yang mampu menentukan ekonomi global.²¹³ Implementasian DEB dilihat telah menyumbang kepada pencapaian Mahathir sendiri. Kejayaan DEB jelas kerana komuniti bumiputera telah berjaya menakluk hampir kesemua bidang termasuklah perbankan, pengeluaran, penjualan dan pemasaran.²¹⁴ Ini melibatkan golongan bumiputera profesional yang berpendidikan. Mereka telah berjaya membentuk nilai baru dengan lebih berkeyakinan, berkebolehan serta menguruskan perniagaan mereka sendiri, misalnya dalam bidang telekomunikasi, kewangan dan pengeluaran.²¹⁵

Dasar penswastan dan kapitalisme parti ada kelemahannya dan krisis ekonomi 1997-1998 memberi satu pengajaran. Mahathir yang mengemukakan dasar tersebut berjaya mencari jalan penyelesaian sehingga membolehkan pasaran antarabangsa tidak tergugat malahan menyokong kedudukan domestik Malaysia dan sekali gus usaha untuk menjatuhkan kepimpinan beliau dilihat gagal malahan menjadi semakin kukuh kemudiannya. Selepas George Soros dikenakan hukuman 2.2 juta euro (RM8.4 juta) oleh mahkamah di

Paris, maka dakwaan Mahathir bahawa Soros adalah penyebab masalah ekonomi tahun 1997 menjadi semakin benar.²¹⁶ Mahathir berpendapat bahawa Malaysia tidak akan mengubah penetapan ringgit terhadap Dolar Amerika memandangkan ringgit berada pada kedudukan yang baik.²¹⁷

Malahan, selepas krisis ekonomi, bank-bank di Malaysia muncul sebagai antara bank yang mempunyai ketelusan terbaik di Asia di samping Korea. Agenda ekonomi baru dibuat berdasarkan ketelusan dan *good governance*. Apatah lagi selepas peristiwa 11 September 2001, Mahathir dapat memulihkan asas politik beliau yang meletakkan benteng PAS.²¹⁸ Dengan ketiadaan konflik politik, beliau mampu menumpukan sepenuhnya ke arah membangunkan negara berlatarbelakangkan kekuatan ekonomi negara.

Penerangan bab ini tertumpu kepada bagaimana Mahathir menggunakan perkembangan semasa untuk membentuk alat legitimasi baru bukan sahaja untuk kepimpinan beliau malahan untuk pemimpin yang akan mengambil alih daripada beliau. Ini memenuhi keperluan generasi serta kelas baru dalam masyarakat yang mahu melihat perubahan dan tidak terikat kepada tradisi semata-mata.

NOTA Hujung

1. Malahan sebelum menulis buku *The Malay Dilemma* lagi, beliau telah menyarankan beberapa perubahan, antaranya menyediakan kemudahan latihan yang baik, lebih banyak biasiswa, peluang bekerja dengan syarikat milik orang Cina supaya mereka dilatih dan lebih daripada itu, masyarakat Melayu perlu dikeluarkan dari belunggu persekitaran luar bandar supaya hubungan dengan masyarakat bandar akan membolehkan idea dan nilai kehidupan mereka dibaiki.
2. Hng Hung Yong (1998), *CEO Malaysia: Strategy In Nation-Building*, Pelanduk Publications: Kuala Lumpur, hlm.14.
3. Diakui oleh beliau dalam ucapan "The New Malay Dilemma" ucapan yang disampaikan oleh beliau di majlis makan malam Harvard Club Of Malaysia, 29 Jun 2002.
4. Khoo Boo Teik (1995), *Paradoxes of Mahathirism*, Singapore: Oxford University Press, hlm.109.
5. Mahathir Mohamad (1971), *The Malay Dilemma*, Singapore: Asia Pacific Press, hlm.75.
6. Ibid.
7. Ibid, hlm.39.
8. Ibid, hlm.40.
9. Ibid, hlm.46.
10. Ibid, hlm.59.
11. Ibid, hlm.61.

12. *Ibid*, hlm.57.
13. *Ibid*.
14. *Ibid*.
15. *Ibid*, hlm.58.
16. *Ibid*, hlm.166-167.
17. Mahathir Mohamad (1995), *The Way Forward*, London: Weidenfeld & Nicolson, hlm.12.
18. Milne, R.S, Mauzy, Diane (1999), *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge, hlm.52.
19. *Ibid*, hlm.60.
20. Apa yang jelas, objektif untuk menghapuskan kemiskinan adalah dengan memperbaiki kondisi sosio-ekonomi orang Malaysia. Ini boleh dianggap *political mileage* UMNO selepas kemerosotan sokongan dalam pilihan raya tahun 1969 apatah lagi golongan *grassroot* UMNO masih berada dalam keadaan yang tidak menentu. Kejayaan melaksanakan apa sahaja program untuk meningkatkan taraf hidup golongan ini akan memastikan sokongan berterusan kepada UMNO untuk satu jangka masa yang panjang. Dengan memenuhi matlamat pertama, sudah pasti penstrukturan semula masyarakat akan menjadi lebih mudah kerana ketidakseimbangan di kalangan semua kaum sudah tidak ketara dan masing-masing sudah boleh dianggap menguasai semua bidang tanpa ada kaum tertentu mendominasi atau memonopoli bidang kerja tertentu. Jika ini sudah dapat dilakukan, maka identiti sesuatu kaum berdasarkan fungsi pekerjaan mereka tidak mungkin akan mengambil tempat. Tempoh 20 tahun yang ditetapkan untuk mengkaji prestasi dasar tersebut dianggap akan membolehkan Barisan Nasional menggunakannya sebagai alat kestabilan politik. Bagi orang Melayu, ini merupakan peluang untuk melanjutkan pelajaran, mendapat peluang pekerjaan dan perniagaan di bawah status "bumiputera" kerana objektif dasar tersebut adalah untuk menghapuskan kemiskinan dan "penstrukturan masyarakat". Ini juga membolehkan mereka terlibat secara aktif dalam ekonomi moden kerana selama ini terbiar tanpa sokongan dari pihak yang terbabit menyebabkan *corporate share capital* mereka pada ketika itu hanya 2.5 peratus. Matlamat dasar tersebut adalah untuk mencapai 30 peratus modal saham korporat pada tahun 1990.
21. Peristiwa 13 Mei 1969 merujuk kepada rusuhan perkauman yang berlaku selepas pilihan raya tahun 1969 yang melihat bagaimana pembangkang turut mampu meraih undi pengundi. Di beberapa buah negeri termasuk Selangor, kedudukan parti Perikatan tergugat. Rusuhan berlaku antaranya kerana kempen yang keterlaluan dan perarakan kemenangan pihak pembangkang selepas pilihan raya. Ada juga yang melihat ia berlaku kerana ketidakseimbangan ekonomi antara bangsa Melayu dan Cina dan persepsi bahawa orang Cina semakin kaya dan orang Melayu semakin miskin. Apabila pembangkang, majoritinya orang Cina mampu menggugat kedudukan kuasa politik orang Melayu, maka timbul perasaan bahawa orang Melayu akan turut hilang kuasa mereka untuk memerintah tanah air sendiri. Selepas peristiwa tersebut, Parlimen tidak berfungsi dengan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) mengambil alih kuasa Eksekutif di bawah Tun Razak. Ini juga melihat Tunku Abdul Rahman bersara dari politik pada tahun 1970, lihat Von Vorys, Karl (1975), *Democracy Without Consensus: Communalism And Political Stability In Malaysia*, Princeton: Princeton University Press.
22. Jomo, K.S (1995), *Privatizing Malaysia: Rents, Rhetoric, Realities*, London: Westview Press. Persoalan mengenai dasar sebegini yang juga dikenali sebagai *affirmative action* telah mendapat perhatian di Amerika Syarikat baru-baru ini apabila University of Michigan mahu menggunakannya sebagai salah satu faktor penentu kemasukan di universiti, *Newsweek*, 27 Januari 2003.
23. Milne, R.S, Mauzy, Diane (1999), *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge, hlm. 51. Ia dianggap ideologi kerana membolehkan kepentingan bersama

KEPENTINGAN EKONOMI, SAINS DAN TEKNOKRATIK

bumiputera dalam DEB yang turut membentuk perkongsian dan memartabatkan keunggulan bangsa.

24. *Ibid*, hlm.108.
25. Hng Hung Yong (1998), *CEO Malaysia: Strategy In Nation-Building*, Pelanduk Publications: Kuala Lumpur, hlm.54.
26. Gomez, Terence; Jomo, K.S (2001), *Malaysia's Political Economy: Politics, Patronage And Profits*, Singapura: Cambridge University Press, hlm.117.
27. Mahathir Mohamad, *A New Deal For Asia*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.22.
28. *Ibid*, hlm. 34.
29. *Ibid*.
30. *Ibid*.
31. Mahathir Mohamad, *The Way Forward*, London: Weidenfeld & Nicolson, hlm.12.
32. Rusuhan perkauman berlaku di Indonesia sewaktu krisis ekonomi berada dalam keadaan kritikal. Ini juga membawa kepada kejatuhan pemerintahan Suharto. Campur tangan IMF juga gagal untuk membawa perubahan pada peringkat awal. Kestabilan hanya dapat diwujudkan selepas kedudukan politik menjadi stabil di bawah pemerintahan Megawati Sukarnoputri selepas dua Presiden iaitu Habibie dan Abdulrahman Wahid gagal untuk membawa perubahan.
33. Mahathir Mohamad, *A New Deal For Asia*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.36.
34. Gomez, Terence; Jomo, K.S (2001), *Malaysia's Political Economy: Politics, Patronage And Profits*, Singapura: Cambridge University Press, hlm.173.
35. *Ibid*, hlm.21.
36. Mustapa Mohamed (2002), "Pemikiran Perdana Menteri Dalam Menjana Pembangunan dan Mengurus Ekonomi Malaysia", Kertas Kerja Kolokium Pemikiran Dr.Mahathir Mohamad, 22 April 2002, Hotel Golden Legacy, Melaka. Banyak yang telah diperkatakan mengenai dasar Mahathir dan ada yang menganggap bahawa "*has proven to be an effective innovator and an agent of change*" dalam memperkenalkan perubahan radikal ke atas dasar kebangsaan, lihat Mohd. Nor Abdul Ghani; Bernard Wang; Ian K.M Chia; Bruce Gale (eds.) (1984), *Malaysia Incorporated and Privatisation: Towards National Unity*, Kuala Lumpur, Pelanduk Publications.
37. Milne, R.S (1986), "Malaysia—Beyond The New Economic Policy" *Asian Survey*, Vol.XXVI, No:12, New York: Columbia University Press. Dasar ini melibatkan sub strategi seperti Dasar Pandang ke Timur (DPT), dasar penswastan dan sogososha- dan ada yang beranggapan ia boleh dipecahkan kepada enam kategori iaitu DPT, Malaysia Inc., Penswastan, Dasar Industri Berat, Dasar Populasi dan Dasar Pertanian Baru.
38. Mahathir Mohamad (1984), *Malaysia Incorporated and Privatisation: Its Rationale and Purpose*, dalam Mohd. Nor Abdul Ghani; Bernard Wang; Ian K.M Chia; Bruce Gale (eds.) (1984), *Malaysia Incorporated and Privatisation: Towards National Unity*, Kuala Lumpur, Pelanduk Publications, hlm. 2.
39. *Ibid*.
40. *Op.cit*.
41. Hampir kesemua organisasi dan pertubuhan ini berfungsi sebagai pemegang amanah untuk kepentingan masyarakat bumiputera di mana pelaburan dilakukan untuk meningkatkan taraf hidup orang Melayu.
42. Yang terbaru adalah Valuecap Sdn. Bhd, syarikat yang dimiliki bersama tiga perbadanan kerajaan negeri iaitu Khazanah Nasional Berhad (KNB), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen, *Berita Harian*, 6 Januari 2003. Ia memasuki pasaran tempatan dengan dana RM10 bilion yang dilihat untuk membantu meningkatkan Indeks Komposit (IK) BSKL; "Dr Mahathir Pertahan Tindakan Valuecap"; Ia juga dilihat bertujuan mempertahankan saham syarikat kerajaan, "Valuecap Pertahan Nilai Syarikat Kerajaan: PM", *Berita Harian*, 17 Januari 2003. Value

- Capital juga secara psikologi memberi kesan dan keyakinan kepada pelabur-pelabur, lihat "The Right Price", *Far Eastern Economic Review*, 30 Januari 2003.
43. Mohd. Ramli Kushairi (1984), "The View of The National Chamber of Commerce and Industry", dalam Mohd. Nor Abdul Ghani; Bernard Wang; Ian K.M Chia; Bruce Gale (eds.) (1984), *Malaysia Incorporated and Privatisation: Towards National Unity*, Kuala Lumpur, Pelanduk Publications, hlm. 61.
 44. Mahathir Mohamad, *The Way Forward*, London: Weidenfeld & Nicolson, hlm. 11.
 45. Pemas Securities dengan kerjasama Charter Consolidated Ltd. berjaya mengambil alih Syarikat London Tin Corporation pada tahun 1976, Gale, Bruce (1981), *Politics and Public Enterprises*, Singapore: Eastern Universities Press, hlm. 116-126.
 46. *Ibid.* Sime Darby pada tahun 1976. Guthrie diambil alih oleh PNB pada tahun 1981 dengan pembelian saham besar-besaran, Jesudason, James (1989), *Ethnicity and The Economy: The State, Chinese Business and Multinationals in Malaysia*, Singapore: Oxford University Press, hlm. 89-91; Harrisons and Crossfields dibeli pada tahun 1982. Tiga syarikat gergasi sektor perladangan telah dikuasai oleh syarikat bumiputera pada tahun 1982 dan pada tahun 1984, 32 peratus sektor perladangan berada di bawah pengurusan bumiputera.
 47. Pemas mengambil 30 peratus ekuiti bank ini pada tahun 1976 yang meningkat kepada 85% pada tahun 1988; Jesudason, James (1989), *Ethnicity and The Economy: The State, Chinese Business and Multinationals In Malaysia*, Singapura: Oxford University Press, hlm. 93.
 48. *Ibid.*, hlm. 90.
 49. Crouch, Harold (1996), *Government And Societies In Malaysia*, USA: Cornell University Press, hlm. 205.
 50. *Ibid.*, hlm. 200. Walaupun perbadanan ini berjaya menambah bilangan bumiputera ini tidak bermakna mereka berjaya sepenuhnya. Ini kerana pada tahun 1985, 2206 syarikat telah ditubuhkan oleh PKEN dengan modal berbayar sebanyak RM1, 273 juta tetapi hampir separuh tidak berjaya mengaut keuntungan. Di peringkat Persekutuan, strategi yang sama dilaksanakan sehingga ada syarikat yang mula disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Sumbangan individu terhad berbanding dengan syarikat kerajaan yang turut menimbulkan rasa kurang puas hati tetapi hak milik bumiputera telah diperluaskan memandangkan 22.6 peratus daripada matlamat akhir 30 peratus boleh dicapai menerusi agensi semacam ini.
 51. Mengambil alih peranan yang dimainkan oleh Pemas atau Perbadanan Nasional pada tahun 1970-an.
 52. Pada tahun 1990, hampir 2.5 juta bumiputera telah melabur dalam ASN manakala 2.6 juta dalam ASB.
 53. Pada tahun 1989, 45 peratus bumiputera yang layak telah berbuat demikian.
 54. Ini membolehkan golongan bumiputera mendapat saham besar dalam penswastaan. Selain daripada agihan saham dan metod jualan, wujud cara lain dengan menjual saham di bawah harga pasaran untuk masyarakat bumiputera. Mengikut Rancangan Malaysia ke-4 (1981-1985), agensi ini akan menanggung 83 peratus daripada modal saham bumiputera pada tahun 1990 dengan 17 peratus oleh industri bumiputera tetapi keadaan di sebaliknya berlaku dengan hanya 31 peratus dipegang oleh agensi bumiputera manakala industri bukan bumiputera memegang 69 peratus modal saham Melayu.
 55. Pada tahun 1990, saham orang Melayu adalah 20.3 peratus. Pemilikan individu Melayu pula adalah 14 peratus tetapi 8.2 peratus adalah pemilikan langsung individu dan perbadanan manakala 5.8 peratus adalah pelaburan "institusi pemegang amanah" bumiputera seperti ASN. Baki 6.3 peratus adalah dimiliki oleh sektor pemegang amanah kerajaan negeri, lihat Crouch, Harold (1996), *Government And Societies In Malaysia*, USA: Cornell University Press, hlm. 212.
 56. Mahathir Mohamad (1984), "Malaysia Incorporated and Privatisation: Its Rationale And Purpose", dalam Mohd. Nor Abdul Ghani; Bernard Wang; Ian K.M Chia; Bruce Gale

- (eds.) (1984), *Malaysia Incorporated and Privatisation: Towards National Unity*, Kuala Lumpur, Pelanduk Publications, hlm.2.
57. Jomo, K.S (1990), "Mahathir's New Policies", dalam Jomo, K.S (ed), *Growth And Structural Change In The Malaysia Economy*, London: Macmillan, hlm .211.
 58. Penswastaaan dengan sendiri telah mencabar elit tradisional dan dianggap cabaran radikal serta peluang untuk membolok masuk kelas perniagaan baru Melayu dalam sistem tradisi yang diubahsuai dengan kehendak sezaman apatah lagi dengan kehadiran globalisasi, lihat Abdul Rahman Embong (2000), Globalisasi, Negara dan Pembentukan Kelas di Malaysia, dalam Noraini Othman; Sumit K.Mandal (2000) (eds.), *Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta atau Mangsa?*, UKM: Bangi, hlm.132. Proses modenisasi melalui penswastaaan juga memperlihatkan bagaimana wujudnya satu rangkaian baru untuk menyusun kelas masyarakat. Proses penaungan juga melihat bagaimana Daim, rakan akrab Mahathir mengguna Kementerian Kewangan untuk mengagihkan aset penswastaaan dan juga turut berkongsi kekayaan tersebut, lihat Crouch, Harold (1996), *Government And Societies In Malaysia*, USA: Cornell University Press, hlm. 214. Daim menjadi Pengerusi Peremba pada tahun 1979 iaitu subsidiari kumpulan UDA; pada tahun 1982 pula, beliau dilantik menjadi Pengerusi Fleet Holdings, tonggak kekuatan syarikat pelaburan UMNO.
 59. *Ibid*, hlm. 75. Beliau dilihat berbeza daripada Perdana Menteri sebelum ini kerana dasar beliau lebih menumpukan kepada ekonomi dan terdapat satu bahagian khas di EPU untuk melaksanakan dasar penswastaaan.
 60. Yang terbaru adalah Telekom yang kini mengaut keuntungan hampir RM1 bilion setiap tahun. Mahathir menganggap Telekom sudah mampu memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggannya selepas penswastaaan, lihat "Shared Towers", *The Star*, 11 Februari 2003. Walaupun begitu, penswastaaan dilihat kurang bermaya sewaktu krisis ekonomi melanda negara pada tahun 1998 sehingga pelaburan jatuh 39% pada tahun 1997 sehingga legitimasi beliau dipersoal. Namun, Mahathir menyatakan bahawa sejak krisis kewangan, pertumbuhan ekonomi banyak bergantung kepada sektor awam melalui dasar fiskal untuk merangsangkan ekonomi, "It's Your Turn", *The Star*, 31 Mei 2002.
 61. "Membina Semula Persyarikatan Malaysia", *Mingguan Malaysia*, 24 Februari 2002.
 62. HICOM menubuhkan syarikat untuk meningkatkan keupayaan serta memajukan projek, termasuk syarikat Perusahaan Otomobil Nasional (EON) untuk projek kereta nasional, yang kemudiannya di-swastakan. Pembelinya adalah seorang bumiputera dengan beberapa keistimewaan untuk meningkatkan penjualan kereta nasional tersebut. Yang terbaru, Daimler Chrysler berminat untuk bekerjasama dengan Proton melalui Mitsubishi kerana Daimler Chrysler memiliki 37 peratus kepentingan dalam Mitsubishi. Ini dinyatakan oleh pegawai atasannya Dr. Manfred kepada Mahathir sewaktu lawatan Perdana Menteri ke kilang Mercedes Benz di Sindelfingen, Jerman, lihat "Daimler Chrysler Keen to Co-operate with Proton", *The Star*, 18 Mac 2002.
 63. Rancangan Malaysia ke-6.
 64. Timbalan Perdana Menteri, ketika itu Abdullah Ahmad Badawi berpendapat kerajaan bersikap realistik sama ada mahu membiarkan sesuatu projek penswastaaan diteruskan dan menanggung beban kerugian atau di sebaliknya berusaha menyelamatkan keadaan, "Tiada Lagi Kriteria Kenal Siapa", *Mingguan Malaysia*, 21 April 2002.
 65. Crouch, Harold, *Government And Societies In Malaysia*, USA: Cornell University Press, hlm.216.
 66. Mid-term review Rancangan Malaysia Keempat, hlm.271.
 67. Mustapa Mohamed (2002), "Pemikiran Perdana Menteri Dalam Menjana Pembangunan dan Mengurus Ekonomi Malaysia", *Kertas Kerja Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad*, 22 April 2002, Hotel Golden Legacy, Melaka. Usaha untuk menggiatkan dasar ini berterusan walaupun syarikat di bawah HICOM masing-masing mengalami kerugian yang besar sewaktu resesi ekonomi tahun 1985 kerana kejatuhan nilai Yen dan harga eksport komoditi juga telah menurun pada waktu yang sama yang turut membawa kepada krisis tanggungan hutang yang membebankan pada pertengahan tahun 1980-an.

- Hutang Malaysia telah meningkat dari RM11.6 bilion kepada RM51 bilion pada tahun 1986, lihat Kementerian Kewangan 1988-89, hlm.93-94. Ini berikutan kejatuhan harga petroleum, kelapa sawit, timah dan koko. GDP hanya menjadi 1.2 pada tahun 1986, lihat *Rancangan Malaysia Kelima*, hlm.13; kadar pengangguran pula pada paras 9.7%, lihat *Rancangan Malaysia Keenam*, hlm.10.
68. Aziz Zariza Ahmad (1990), *Mahathir: Triumph After Trials*, Kuala Lumpur, Abdul Majeed & Co, hlm.56.
 69. Rancangan ini berkembang pesat pada peringkat awal pengenالannya pada tahun 1981 dengan pelbagai projek besar bernilai lebih AS1.3 bilion. Ini termasuklah pembinaan loji besi dan keluli bernilai RM455 juta dan loji simen berharga \$215 juta, Raphael Pura (1986), "Industri Berat, Ekonomi Karam: Strategi Perindustrian Berat Dipersoalkan", dalam Jomo (1986)(ed.), *Dasar-dasar Ekonomi Mahathir*, Kuala Lumpur: Institut Analisa Sosial, hlm.84-85.
 70. Jomo (1986) (ed.), *Dasar-dasar Ekonomi Mahathir*, Kuala Lumpur: Institut Analisa Sosial. Usahasama ini melibatkan dua organisasi utama iaitu, pertama HICOM yang menyumbang 70 peratus daripada modal berbayar RM180 juta, dan kedua, Mitsubishi iaitu Mitsubishi Corporation (15 peratus) dan Mitsubishi Motor Corporation (15 peratus).
 71. Aziz Zariza Ahmad (1990), *Mahathir: Triumph After Trials*, Kuala Lumpur: Abdul Majeed & Co, hlm.37.
 72. "Look East A Success", *The Star*, 24 Mei 2002. Kenyataan dibuat sewaktu melakukan pertemuan dengan media di Seoul sewaktu lawatan ke sana.
 73. Sejak 1983 sehingga kini seramai 1182 orang telah menyertai program dan latihan di Korea Selatan.
 74. *Op.cit*
 75. *Ibid*, hlm.39.
 76. Kenyataan oleh Masaki Konishi, Duta Jepun ke Malaysia, "Japan Eager To Learn From Dr M, says Envoy", *The Star*, 10 Disember 2002. Jepun juga menganggap DPT sebagai "a symbol of enduring friendship" antara kedua-dua negara, lihat "Look East Policy a Symbol of Enduring Friendship", *The Star*, 13 Disember 2002. Oleh yang demikian, walaupun bantuan kewangan dari Jepun untuk program di bawah DPT berakhir pada tahun 2004, kerajaan berusaha untuk mendapatkan sumber lain untuk menampung perbelanjaan program latihan teknikal dan akademik, lihat kenyataan oleh Pengarah JPA, Tan Sri Jamaluddin Damanhuri, "Look East Policy Will Go On", *The Star*, 20 Disember 2002. Pada waktu yang sama, Jepun menyatakan kesanggupan untuk terus membantu Malaysia, dinyatakan oleh Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi ketika pertemuan dengan Mahathir di Tokyo, "Japan Pledges to Continue Aid to Malaysia", *The Sun*, 22 Mei 2002.
 77. Jesudason, James (1989), *Ethnicity And The Economy: The State, Chinese Business and Multinationals in Malaysia*, Singapore: Oxford University Press, hlm.188.
 78. *Ibid*.
 79. Jika liberalisasi mahu dilakukan, maka DEB perlu dilonggarkan syarat serta peraturan kerana sebelum 1985, DEB melalui Industrial Coordination Act, 1975 (ICA), Capital Issues Committee (CIC) dan Foreign Investment Committee (FIC) telah diketatkan syarat untuk pelaburan luar dan dalaman, lihat Ng Beoy Kui (2001), "Vulnerability and Party Capitalism: Malaysia's Encounter With The 1997 Financial Crisis", dalam Ho Khai Leong; James Chin (2001) (eds.), *Mahathir's Administration*, Singapore: Times Books International, hlm.164.
 80. Jomo, K.S (1990), "Mahathir's New Policies", dalam Jomo, K.S, *Growth And Structural Change In the Malaysia Economy*, Macmillan: London, hlm.201.
 81. Pada tahun 1979-an, UMNO banyak bergantung kepada MCA untuk menyuntik bantuan kewangan.
 82. Milne, R.S, Mauzy, Diane (1999), *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge, hlm.59.
 83. *Ibid*.

84. Sebelum peristiwa ini, majoriti ahli UMNO tidak mengetahui perkara ini. Ini berikutan isu kronisme dan nepotisme telah dibangkitkan oleh bekas Ketua Pemuda UMNO, Datuk Zahid Hamidi dalam Perhimpunan UMNO pada tahun 1998. Pada hari berikutnya, Mahathir telah memaparkan senarai siapa yang terlibat dalam perniagaan UMNO dan yang mendapat manfaat daripada keistimewaan tersebut.
85. Pada ketika itu, syarikat ini mengambil alih *Straits Times* edisi Singapura di Kuala Lumpur yang dimiliki dengan kepentingan British dan Singapura. Merupakan bekas Bendahari UMNO, bekas Menteri Kewangan yang bertanding menentang Mahathir untuk jawatan Presiden UMNO pada tahun 1987. Selepas kekalahan tersebut, beliau keluar dari parti UMNO dan menubuhkan parti Semangat 46 tetapi tidak dapat bertahan lama. Beliau telah kembali semula ke dalam parti UMNO tetapi sudah tidak seaktif dahulu kecuali di peringkat negeri. Walaupun baru-baru ini menawarkan diri untuk bertanding jawatan presiden UMNO menentang Abdullah, beliau hanya mendapat satu pencalonan.
86. *Ibid.*
87. Edmund Terence Gomez (1991), *Money Politics In The Barisan Nasional*, Kuala Lumpur: Forum, hlm.12-16.
88. *Ibid.*, hlm.15.
89. *Ibid.*, hlm.10. Hati Budi tidak diketahui umum sebagai syarikat milik UMNO sehingga Julai 1987 apabila Samy Vellu menyatakan bahawa pemegang amanahnya termasuk Mahathir, Ghafar Baba, Daim Zainuddin dan Sanusi Junid, lihat Crouch, Harold (1996), *Government And Societies In Malaysia*, USA: Cornell University Press, hlm.215.
90. *Ibid.*, hlm.16.
91. Edmund Terence Gomez; Jomo K.S (2001), *Malaysia's Political Economy: Politics, Patronage and Profits*, Singapore: Cambridge University Press, hlm.119. Antara yang telah mendapat keuntungan daripada dasar penaungan kerajaan adalah Antah Holdings Group dan Melewar Group, kedua-duanya di bawah kerabat Diraja Negeri Sembilan; Arab Malaysian Group di bawah Azman Hashim; R.J. Reynolds dan Land & General Groups di bawah Wan Azmi Wan Hamzah; Uniphoenix Corporation Bhd dengan diketuai oleh Ibrahim Mohamed yang pernah berada di Promet Bhd; Basir Ismail, yang mengetuai Cycle & Carriage Ltd dan Cold Storage Bhd; Tajudin Ramli di TRI, dan MHS; Halim Saad yang pernah menguasai Renong Bhd dan UEM; Yahya Ahmad yang menguasai HICOM Holdings Bhd; Diversified Resources Bhd dan Gadek Bhd; Mohd Razali Mohd Rahman yang memiliki Peremba Bhd; Samsudin Abu Hassan Pengerusi Aokam Perdana Bhd dan Landmarks Bhd, Amalgamated Bhd dan Dataprep Holdings Bhd.
92. *Ibid.*, hlm.52.
93. *Ibid.*
94. Milne, R.S, Mauzy, Diane (1999), *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge, hlm. 26; Crouch, Harold (1986), *Politik Wang di Malaysia*, di dalam Jomo (1986) (ed.), *Dasar-dasar Ekonomi Mahathir*, Kuala Lumpur: Institut Analisa Sosial, hlm.54-57.
95. Milne, R.S, Mauzy, Diane (1999), *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge, hlm.26.
96. *Malaysian Business*, 1 November 2002.
97. *Ibid.*
98. "Tajudin Mungkin Hilang TRI", *Mingguan Malaysia*, 28 April 2002.
99. "Tycoon Tajudin Fails To Pay Up", *New Sunday Times*, 28 April 2002.
100. *Ibid.*
101. *Ibid.*
102. *Ibid.*
103. Mahathir berpendapat mereka meletak jawatan sebagai tanda protes ke atas pengenalan sistem ini walaupun Anwar Ibrahim dikatakan bersetuju dengan keputusan yang dibuat tanpa membuat sebarang bantahan, dalam *Mahathir Mohamad* (2000), "A Bleak Future", *Asian Affairs*, No;12-Summer, Hong Kong: Oriental Strategic Studies.

104. Mahathir Mohamad (2001), *The Malaysian Currency Crisis: How and Why it Happened*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.23.
105. Pertembungan pendapat antara kedua-dua pemimpin telah bermula seawal 1996 walaupun kedua-duanya menafikan kemelut mereka. Anwar dilihat tidak sabar untuk menjadi Perdana Menteri manakala Mahathir terus menyatakan akan tiba masanya Anwar mengambil alih kepimpinan negara. Konflik kedua-duanya jelas pada tahun tersebut dan dua penyokong kuat Anwar, Osman Aroff dan Mohd. Salleh Keruak, masing-masing Menteri Besar Kedah dan Ketua Menteri Sabah meletak jawatan, James Chin (1997), "Malaysia In 1996: Mahathir-Anwar Bouts, UMNO Election and Sarawak Surprise", *Asian Survey*, Vol:XXXVII: 2, New York: Columbia University. Keterangan terperinci krisis Mahathir-Anwar boleh ditemui di Bab 6.
106. Rampasan kuasa berlaku jika kedua-dua elemen ini dipinggirkan seperti di Fiji. Keturunan India Fiji yang hanya minoriti menang dan mengalahkan bumiputera Fiji kerana tidak sepakat, kesedaran politik rendah dan tahap sosioekonomi yang membimbangkan. Ini membawa kepada penggulingan kepimpinan Perdana Menteri India Mahendra Chaudhry oleh George Speight. Chaudhry dianggap gagal membawa perubahan ke atas sosioekonomi bumiputera Fiji dan jurang antara kedua-duanya menjadi semakin ketara. Situasi di Fiji tidak mungkin berlaku di Malaysia dengan pengimplementasian DEB yang berjalan dengan baik. Malahan di bawah Mahathir, ia berjaya sehingga mandat rakyat tidak perlu dipersoalkan. Abdullah Ahmad (2000), "Bila Hilang Kuasa Politik", *Mingguan Malaysia*, 28 Mei 2000.
107. Debit jangka pendek sebagai peratusan simpanan pertukaran asing adalah rendah di Malaysia (62 peratus) berbanding Indonesia (182 peratus), Korea (214 peratus) dan Thailand (153 peratus). Defisit akaun semasa Malaysia sebagai peratusan GDP tidak berada di paras kecemasan; 6 peratus sebelum krisis pada paras dan 13 peratus pada tahun 1998. Walaupun Malaysia turut mendapat kesan yang sama seperti negara jiran, adalah penting untuk menekankan di sini bahawa asas fundamental ekonomi Malaysia adalah kukuh malahan lebih mantap berbanding Thailand atau Indonesia. Malahan Mahathir kurang berpuas hati dengan tindak tanduk pasaran kewangan dan penilaian agensi antarabangsa yang meletakkan kesemua negara Asia dalam kedudukan yang sama.
108. *Ibid*.
109. Mahathir Mohamad (2001), *The Malaysian Currency Crisis: How and Why It Happened*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.23.
110. Mustapa Mohamed (2002), "Pemikiran Perdana Menteri Dalam Menjana Pembangunan dan Mengurus Ekonomi Malaysia", Kertas Kerja Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad, 22 April 2002, Hotel Golden Legacy, Melaka.
111. *Ibid*, hlm.20.
112. *Ibid*, hlm.44.
113. Juga di Indonesia, ada penganalisis yang menyatakan—*many in my country wish that Suharto had done what Mahathir did- defied the IMF, moved at our own pace—and we would be better off today*, Fareed Zakaria, "The Return of History: What September 11 Hath Wrought", dalam Hoge, F., James; Rose, Gideon (eds.) (2001), *How Did This Happen? Terrorism and the New War*, New York: Public Affairs, hlm.311; juga lihat "Mahathir Was Right, says IMF", *The Star*, 4 September 2003.
114. *Op.cit*, hlm.55.
115. Ishak Shari (2000), "Krisis Kewangan dan Ekonomi 1997-98 di Malaysia: Apakah Yang Dapat Dipelajari?", dalam Noraini Othman; Sumit K.Mandal (2000) (eds.), *Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta atau Mangsa?*, UKM: Bangi, hlm.83. Krisis ini dilihat melanda Malaysia, Indonesia, Filipina, Korea Selatan dan merebak ke Rusia, Afrika Selatan dan beberapa buah negara Amerika Latin.
116. Ishak Shari (2000), "Globalisasi Ekonomi: Proses dan Realitinya", dalam Noraini Othman; Sumit K.Mandal (2000) (eds.), *Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta atau Mangsa?*, UKM: Bangi, hlm.49.

117. Mahathir Mohamad (2000), "A Bleak Future", *Asian Affairs*, No:12—Summer, Hong Kong: Oriental Strategic Studies.
118. Pendedahan senarai syarikat-syarikat yang mendapat manfaat daripada dasar penswastan dalam Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1998 membuktikan bahawa kewujudan rangkaian kompleks ahli politik, kronisme dan nepotisme tidak dapat dinafikan. Penerangan terperinci boleh dilihat dalam Rustam Sani (2000), "Globalisasi, Krisis Ekonomi dan Politik 1998", dalam Noraini Othman; Sumit K.Mandal (2000) (eds.), *Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta atau Mangsa?*, UKM: Bangi, hlm 110-123.
119. "PM: Don't Be Pushed By West", *The Star*, 8 Mac 2002.
120. "Right Attitude", *The Star*, 27 Februari 1999.
121. "PM: Foreigners Who Criticise NEP Racists", *The Sun*, 6 April 1999.
122. "All Bumiputeras Are Cronies Of The Government", *New Sunday Times*, 29 Ogos 1999, menyatakan demikian sewaktu menghadiri upacara menandatangani Perjanjian membangukan Tanjung Puteri di bawah penswastan antara kerajaan negeri Johor dan Konsortium Hujung Tanah Sdn. Bhd.
123. "PM: Recovery Moves Upheld Sovereignty", *The Sun*, 2 Mac 1999. Ucapan ketika jamuan makan malam yang dibuat oleh Duta Malaysia ke Bangladesh Datuk Zulkifli Abdul Rahman ketika Mahathir berada di Bangladesh untuk menghadiri Summit ke-2 Group of Eight Islamic Developing Countries (D-8).
124. Gabenor Bank Negara, Dr. Zeti Akhtar Aziz bersetuju bahawa kawalan mata wang asing perlu dikekalkan kerana membantu memulihkan ekonomi dan menjangkakan pertumbuhan 3.5 peratus pada tahun 2002, "Better Growth", *The Star*, 21 Mac 2002.
125. Jelas di Indonesia yang membawa kepada kejatuhan pemerintahan Presiden Suharto. Peristiwa beliau menandatangani perjanjian dengan IMF di bawah Michel Camdessus dianggap amat memalukan—"the famous picture of IMF chief Michel Camdessus, arms folded, glowering over President Suharto while the old man signed on the dotted line, agreeing to the fund's terms for a bail out", Fareed Zakaria, *The Return of History: What September 11 Hath Wrought*, dalam Hoge, F., James; Rose, Gideon (eds.) (2001), *How Did This Happen? Terrorism and the New War*, New York: Public Affairs, hlm.311.
126. Laporan terbaru IMF bertarikh 10 Disember 2002 menyatakan bahawa Malaysia berada dalam kedudukan baik untuk memulihkan ekonomi memandangkan ekonomi domestik-nya kukuh untuk bersaing dalam pemulihan ekonomi global, "Boom Time Ahead For KL, says IMF" *The Star*, 12 Disember 2002. Walaupun begitu, IMF masih berkeras menafikan kegagalan untuk memulihkan ekonomi di Thailand dan Indonesia apabila dikritik oleh Bank Dunia, lihat "IMF Nafi Penawarnya Burukkan Krisis Ekonomi", *Berita Harian*, 4 Julai 2002.
127. Ucapan Mahathir sewaktu melancarkan 1st Union Network International (UNI)—Asia Pacific Regional Organization di Hotel Istana, 3 Jun 2002.
128. Mustapa Mohamed (2002), "Pemikiran Perdana Menteri Dalam Menjana Pembangunan dan Mengurus Ekonomi Malaysia", Kertas Kerja Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad, 22 April 2002, Hotel Golden Legacy, Melaka.
129. Ramai CEO utama Malaysia yakin negara akan mencapai pertumbuhan pesat dalam ekonomi walaupun serangan Amerika ke atas Iraq akan memberi kesan ke atas Pemulihan ekonomi negara, "CEOs Upbeat", *The Star*, 10 Disember 2002.
130. "Lariba Award for Dr Mahathir", *New Sunday Times*, 4 Ogos 2000.
131. "Behind Daim's Fall", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Review Publishing Company, 27 Jun 2002. Ini disebabkan oleh dasar bail-out Daim serta campur tangan beliau dalam urusan agensi sehingga menjejaskan reputasi kerana usaha membentuk kelas usahawan bumiputera melalui kronisme.
132. *Ibid*.
133. Pengiktirafan yang diberikan oleh media Malaysia, Cheah Boon Kheng (2002), *Malaysia: The Making Of A Nation*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, hlm189.

134. Mahathir Mohamad (2000), Ucapan bertajuk "Transcending the Divide" yang disampaikan di 2nd World Knowledge Conference di Kuala Lumpur, 8 Mac 2000.
135. Penerangan Luhmann diambil dari Mueller, Claus (1975), *The Politics of Communication: A Study in the Political Sociology of Language, Socialization, and Legitimation*, London: Oxford University Press. Ini memandangkan analisis Luhmann dalam buku beliau Luhmann, Niklas (1969), *Legitimation durch Verfahren*, Neuwied: Luchterhând adalah dalam bahasa Jerman.
136. Mahathir Mohamad (1995), *The Malaysian System of Government*, Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
137. Rancangan Malaysia ke-7.
138. *Ibid.* Analisis penulis menunjukkan di samping memberi keutamaan kepada pencapaian ekonomi, sains dan teknologi perlu disesuaikan dengan kepentingan tersebut memandangkan hari ini ia lebih berbentuk dunia informasi serta pembinaan prasarana yang mengutamakan pencapaian teknologi canggih dan terkini kerana kedudukan strategik seperti ini akan menentukan hala tuju seseorang pemimpin. 94 peratus daripada jumlah penganggur berkelulusan IPT adalah orang Melayu. Ini kerana mereka adalah lulusan Sastera dan Pengajian Islam. Peluang pekerjaan bagi kumpulan ini dilihat adalah di bawah bidang perguruan. Penulis berpendapat lebih ramai perlu menceburi bidang sains dan teknologi untuk pembangunan dan kepelbagaian dalam pekerjaan mereka, lihat "94 peratus Penganggur IPT Melayu", *Mingguan Malaysia*, 5 Mei 2002.
139. *The Star*, 15 Februari 2003.
140. Mueller, Claus (1975), *The Politics of Communication: A Study in the Political Sociology of Language, Socialization, and Legitimation*, London: Oxford University Press, hlm.166.
141. Beberapa projek mega beliau tergendala atau melalui proses pembinaan yang perlahan tetapi tidak diabaikan. Misalnya, bangunan Telekom mengambil masa hampir 8 tahun untuk disempurnakan.
142. Mahathir Mohamad (2000), Ucapan bertajuk "The Future of Muslims in the 21st Century", yang disampaikan di pertemuan dengan golongan intelektual dan profesional Muslim di London, 3 Oktober 2000.
143. Mahathir Mohamad (2000), Ucapan bertajuk "Islam and Globalisation", yang disampaikan pada pertemuan dengan golongan intelektual dan perniagaan Muslim di Doha, Qatar pada 11 November 2000.
144. Mahathir Mohamad (1997), Ucapan bertajuk "The Future of Muslim Nations", yang disampaikan di mesyuarat ke-8 Organisation of Islamic Conference (OIC) di Taheran, Iran pada 9 Disember 1997.
145. *Ibid.*
146. Mahathir Mohamad (1997), Ucapan bertajuk "Regaining the Past Greatness of Islam", yang disampaikan di simposium yang dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)—Pengajian Islam di Pusat Oxford untuk "The Islamic World and Global Cooperation: Preparing for the 21st Century," 25 April 1997.
147. Ini tidak bermakna sektor pertanian diabaikan kerana sumbangan KDNK sektor ini masih besar iaitu pada tahun 1990, ia adalah RM14.8 bilion dan pada tahun 2000 adalah RM20.8 bilion.
148. Othman Yeop Abdullah (2002), "Multimedia Super Corridor: Competing In Cyberspace", dalam Michael Yeoh (2002), *21st Century Malaysia: Challenges and Strategies In Attaining Vision 2020*, London: Asean Academic Press, hlm.74. Beliau merupakan bekas Pengerusi Eksekutif MDC yang telah membentuk dan melaksanakan projek ini walaupun sewaktu negara berada dalam kegawatan ekonomi. Kini beliau menjawat jawatan pengerusi atas sebab-sebab kesihatan yang tidak mengizinkan.
149. "Tiada Lagi Kriteria Kenal Siapa", *Mingguan Malaysia*, 21 April 2002. Wawancara *Mingguan Malaysia* bersama Timbalan Perdana Menteri, ketika itu Datuk Seri Abdullah Badawi. Ini diakui oleh Abdullah yang menganggap MSC penting untuk pembangunan

- pada masa akan datang. Kejayaannya jelas pada hari ini sehingga Panel Penasihat Antarabangsa (AIP) MSC pada September 2001 menggunakan kata-kata seperti "prestasi cemerlang", "kemajuan luar biasa" dan "wawasan konsisten" untuk menggambarkan MSC.
150. Bass, Jerry (1983), "Malaysia In 1983: A New Frontier", *Asian Survey*, Vol.XXIII: 2, California: University of California.
 151. *Ibid*.
 152. "Need For Effective Leadership", *The Star*, 11 Februari 2003.
 153. *The Star*, 12 Februari 2003.
 154. Di samping Bangunan Berkembar Petronas dan KL Tower, kini Mahathir merancang untuk membina Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (PKKL) yang akan membolehkan Malaysia menjadi destinasi utama untuk mesyuarat, persidangan dan pameran (MICE), lihat *The Star*, 17 Februari 2003. Pusat konvensyen ini dijangka menelan belanja hampir RM550 juta dimiliki oleh KL Convention Centre Sdn. Bhd. Apa yang menarik ia turut membina akuarium untuk generasi baru yang dilihat sebagai—a next generation aquarium that showcases exceptional "education and entertainment" elements. The "discovery zone" where the latest technologies will be used to enhance the aquarium experience will be truly unique and a world first in the extensive use of multi media technologies. PKKL boleh dilihat sebagai mercu tanda baru Malaysia yang akan menjadi pusat perhubungan perniagaan dunia, lihat Mahathir Mohamad, ucapan sewaktu melancarkan projek tersebut pada 11 Februari 2003. Malahan PKKL dianggap penting sebagai pusat yang menyediakan kemudahan terbaik dengan teknologi multimedia dan juga sebagai pilihan di samping Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Peralihan teknologi dianggap memainkan peranan penting dalam usaha Malaysia untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran semasa. PKKL dilihat sebagai pusat yang mampu menyediakan teknologi terbaik di dunia selepas projek tersebut disiapkan pada tahun 2005. Ia juga dianggap penting untuk mengatasi penampilan Singapura dan Hong Kong.
 155. Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Abdullah Ahmad Badawi menyatakan bahawa kerajaan akan terus mempertahankan kedudukan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara untuk membentuk satu bangsa yang bersatu dengan identiti tersendiri, lihat "Bhs M'sia Will Be Safeguard", *The Sun*, 17 Mei 2000.
 156. M.Rajendran (1995), *Mahathir Mohamad: Prime Minister of Malaysia*, Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd, hlm.127. Penggunaan bahasa Inggeris telah bermula seawal 1995 untuk menambah pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi.
 157. Perubahan ini perlu disematkan di kalangan masyarakat supaya mampu bersaing. Profesor Diraja Ungku Aziz menganggap orang Melayu masih tidak dapat bersaing dalam arus perubahan walaupun banyak pemimpin Melayu bercakap tentang sains dan teknologi, lihat Profesor Ungku Aziz, "Tragedi Pemikiran Melayu", *Mingguan Malaysia*, 3 Februari 2002.
 158. *Ibid*.
 159. "Blueprint For The Future", *Investors Digest*, Mac 1997. MSC terletak dalam lingkungan koridoraya 15–50 km atau 750 km persegi di selatan Kuala Lumpur yang merangkumi infrastruktur fizikal dan komunikasi yang berkualiti tinggi, rangka perundangan terkini bersesuaian dengan zaman informasi dan insentif kewangan mahupun bukan berbentuk kewangan.
 160. *The Star*, 25 Mac 1997.
 161. Othman Yeop Abdullah (2002), "Multimedia Super Corridor: Competing In Cyberspace", dalam Michael Yeoh (2002), *21st Century Malaysia: Challenges and Strategies In Attaining Vision 2020*, London: Asean Academic Press, hlm.75.
 162. Sayed Hossain (2001), "The Multimedia Super Corridor and its Contribution towards Malaysia's Efforts to move to a Knowledge-Based Economy", dalam David N. Abdulai (2001), *Malaysia and the k-economy: Challenges, Solutions and The Road Ahead*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.151-152.

163. *Ibid*
164. *Ibid*. Ia lahir dari tiga fasa yang ditetapkan iaitu—in Phase I, a series of activities are designed primarily to prepare the country for the necessary economic transformation.... Phase II, will link the MSC to other cybercities in Malaysia and the rest of the world by creating a web of corridors.... In Phase III, it is expected that Malaysia will turn into a totally and fully developed, matured, knowledge-based society and become one of the leading platforms for an international cybercourt of justice.
165. Kini ia juga boleh digunakan untuk Touch N Go, MEPS, informasi pasport dan kunci infrastruktur awam (PKI), *The Star*, 14 Februari 2003.
166. *Op.cit*.
167. Bertujuan menasihati kerajaan dari segi dasar dan strategi ICT dan juga membantu ia beroperasi, Mahathir Mohamad (1998), *Excerpts From the Speeches of Mahathir Mohamad on the Multimedia Super Corridor*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.9.
168. Othman Yeop Abdullah (2002), "Multimedia Super Corridor: Competing In Cyberspace", dalam Michael Yeoh (2002), *21st Century Malaysia: Challenges and Strategies In Attaining Vision 2020*, London: Asean Academic Press, hlm.79.
169. *The Star*, 6 September 2002. Satu survey telah dibuat oleh MDC yang menunjukkan bahawa majoritinya adalah dari sektor pembuat *software*, penganalisis dan programmer diikuti dari sektor pengurusan pasaran dan penjualan, dan staf teknikal.
170. *Ibid*. Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) yang dipengerusikan oleh Mahathir sendiri antaranya terdiri daripada CEO Acer Datuk Dr Stan Shih, Pengurus Utama Culter & Company Dr Terry Cutler, CEO Silicon Graphics Inc – Bob Bishop, Pengerusi NEC – Datuk Dr Tadahiyo Sekimoto dan beberapa yang lain dari syarikat Sun Microsystems, Erricson, Siemen, Oracle Corporation, Sierra Ventures, Infosys Technologies Limited, Microsoft, Motorola, Alcatel, Dell Corporation, Intel Corporation, Fujitsu Limited, NTT communications, IBM Singapore Pte Ltd dan Bloomberg. Yang terbaru, BMW telah bersetuju untuk menubuhkan Pejabat Rantau Asia di Cyberjaya dengan barangannya dihantar melalui Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor, rujuk [http://cyberjaya.com.my/content_events.asp?eventid=\[A0DE3E21-CB8C-11D6-B302-0000E22625D1\]](http://cyberjaya.com.my/content_events.asp?eventid=[A0DE3E21-CB8C-11D6-B302-0000E22625D1]), dilayari pada 15 Disember 2002. Penasihat antarabangsa lain yang sering dirundingi oleh Mahathir adalah Henry Kissinger, Francis Fukuyama dan Ismail Faruqi. Barisan penasihat tempatan pula antaranya adalah Abdullah Sanusi Ahmad, Sallehuddin Mohamed, Tun Mohar, Daim Zainuddin, Dato' Iskandar Dzukarnain Badaruddin, Azman Yahya, Lim Kok Wing, Ananda Krishnan, Ahmed Tasir Lopie Phie, Othman Yeop Abdullah, Francis Yeoh dan Azizan Zainal Abidin.
171. YDPA pada waktu tersebut adalah Tuanku Jaafar, *Business Times*, 27 Mac 1997.
172. "Kejayaan BN Jana Pelaburan Dalam IT", *Utusan Malaysia*, 4 Disember 1999.
173. Milne, R.S; Mauzy, Diane (1999), *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge, hlm.79.
174. Mahathir Mohamad (1998), *Excerpts From the Speeches of Mahathir Mohamad on the Multimedia Super Corridor*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.86.
175. *Ibid*, hlm.87.
176. *Business Times*, 25 April 1997.
177. *Ibid*.
178. Dibuka pada 7 Julai 1999 dan disiapkan secara beransur-ansur dengan kos merangkumi 15 bilion, <http://news.bbc.co.uk/1/hi/world/asia-pacific/388795.stm> <http://news.bbc.co.uk/1/hi/world/asia-pacific/388795.stm>, dilayari pada 15 Februari 2003.
179. <http://www.cyberjaya-msc.com/news/index.shtml> <http://www.cyberjaya-msc.com/news/index.shtml>, dilayari pada 23 Disember 2002.
180. Mahathir Mohamad (1998), *Excerpts From the Speeches of Mahathir Mohamad on the Multimedia Super Corridor*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm. 32.
181. "Soft infrastructure" dirujuk kepada dasar, amalan, intensif kewangan dan undang-undang siber baru sebagai faktor penarik kepada industri multimedia.

182. *Op.cit.*
183. Ia merupakan kawasan seluas 4390 hektar yang terletak 25 km ke selatan Kuala Lumpur yang sebelum ini dikenali sebagai Prang Besar. Pada Jun 1993, kawasan ini dipilih sebagai pusat pentadbiran kerajaan yang baru dan dinamakan sebagai "Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya" sempena nama Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
184. Penerangan Luhmann diambil daripada Mueller, Claus (1975), *The Politics of Communication: A Study in the Political Sociology of Language, Socialization, and Legitimation*, London: Oxford University Press. Ini memandangkan analisis Luhmann dalam buku beliau Luhmann, Niklas (1969), *Legitimation durch Verfahren*, Neuwied: Luchterhand dalam bahasa Jerman.
185. Mahathir Mohamad (1998), *Excerpts From the Speeches of Mahathir Mohamad on the Multimedia Super Corridor*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.35.
186. Sebuah syarikat swasta dimiliki oleh agensi kerajaan termasuk Petroleum Nasional Bhd. (40 peratus), Khazanah Negara (40 peratus) dan Tabung Amanah Negara (20 peratus).
187. *Op.cit.* Editor berita *Daily Echo*, Andy Mahi pula menganggap Putrajaya sebagai menarik – "I haven't seen anything like it. It is clear that massive amount of investment and works have been put into the project, from the planning to the architecture. It goes to show that Malaysia is a fast moving nation", lihat "Visitors Find Putrajaya A Stunning Beauty", *The Star*, 24 Februari 2003. Sarawak merancang untuk membina Bintulu Industrial Park bernilai RM27 bilion manakala di Kedah, Kulim Hi-Tech Park bernilai RM30 bilion dibina untuk memantapkan visi Mahathir.
188. *Ibid*, hlm.36.
189. MAS telah menambah penerbangan ke beberapa destinasi termasuk China, Indonesia, Seoul, Hanoi, Yangon, Paris, Amsterdam, Perth, Auckland, Melbourne dan Bangkok serta beberapa penerbangan domestik, *The Star*, 14 Februari 2003.
190. *Ibid*.
191. Kementerian Pengangkutan membelanjakan hampir RM184 juta untuk membeli 4 sistem kawalan udara untuk kegunaan lapangan terbang di Malaysia.
192. Penggunaannya jelas penting terutama ketika Malaysia menjadi tuan rumah untuk acara sukan antarabangsa dan persidangan antrabangsa seperti NAM yang berlangsung pada bulan Februari 2003 dan Mesyuarat Negara-negara Islam pada bulan Oktober 2003.
193. "PM Puas Hati Operasi Kereta Api Laju KLIA Ekspres", *Mingguan Malaysia*, 13 Januari 2002.
194. Ahmad Tasir Lope Pihie (2002), "Smart Partnership: Riding the Wave of High Technology", dalam Michael Yeoh (2002) (ed.), *21st Century Malaysia: Challenges and Strategies In Attaining Vision 2020*, London: Asean Academic Press, hlm. 67.
195. *Ibid*.
196. *Ibid*.
197. *Business Times*, 17 Mac 1997.
198. *Ibid*.
199. Mahathir Mohamad (2000), Ucapan bertajuk "Countering Negative Aspects Of Globalisation Through Smart Partnership", yang disampaikan di persidangan Global 2000 International Smart Partnership di Maputo, Mozambique, 21 Ogos 2000.
200. LID telah menganjurkan beberapa siri dialog antaranya "Managing Economic Recovery for Shared Prosperity" dan "Global Trends and Emerging Economies" manakala NSPD pula melihat isu seperti "Economic Recovery Through Smart Partnership" dan "Development of Human Resources For the K-economy".
201. *Op.cit.*
202. "PM: Be Fair", *The Star*, 21 Ogos 2001.
203. "Dr. M Calls For Formation Of Surveillance Network", *The Star*, 20 November 2000.
204. Ditekankan oleh Ahli Forum Perunding Ekonomi Kebangsaan Zimbabwe, Dr. Ruth Labode dalam LID, "Delegate: Europeans Afraid", *The Star*, 20 November 2000. Beliau

- menyatakan di Zimbabwe ada iklan "Go to Malaysia and import on the Malaysian credit facility. There is a facility in foreign currency given by Malaysia".
205. Ahmad Tasir Lope Pihie (2002), "Smart Partnership: Riding The Wave Of High Technology", dalam Michael Yeoh (2002) (ed.), *21st Century Malaysia: Challenges and Strategies In Attaining Vision 2020*, London: Asean Academic Press, hlm.71.
 206. *Ibid*, hlm.72.
 207. Seorang yang meminati sukan menunggang kuda dan sering berjoging untuk menjaga badan beliau. Beliau tidak gemar bermain golf seperti kebanyakan pemimpin negara yang lain.
 208. Ini diakui oleh Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Perlumbaan Maraton Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIM) bahawa perlumbaan seperti ini dapat menarik ramai pengunjung untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan mereka. Ini memandangkan mereka akan turut bersama peserta negara mereka untuk memberi sokongan. Misalnya, untuk perlumbaan tahun 2003, antara negara yang menghantar peserta adalah Jepun, Perancis, Jerman, New Zealand, India, Belanda, Zambia, Pakistan, Ireland, Itali, Thailand, Singapura, Hong Kong, Hungary, Belgium, Sweden, Kanada, England, Australia, Amerika Syarikat, Bermuda dan Guatemala, *Mingguan Malaysia*, 16 Februari 2003.
 209. Boleh dijadikan sebahagian usaha Mahathir untuk menarik pelancong asing 1:1, satu penduduk Malaysia untuk satu pelancong, bermakna seramai 23 juta pelancong diharap akan melawat Malaysia.
 210. Malahan perlumbaan tahun 2002 telah disaksikan oleh hampir 800 juta penonton di lebih 200 negara. Anggaran pendapatan adalah RM1 bilion sebagai penganjur. Ini memerlukan industri pelancongan tempatan telah mendapat faedah dan manfaat yang diraih sebenarnya tidak dapat dihitung.
 211. "PM: Success Did Not Come Easy", *The Star*, 19 April 2002.
 212. Pelabur Amerika mengakui bahawa Malaysia merupakan negara yang aman dan makmur serta sebagai sebuah negara Islam yang demokratik, ia dijadikan model oleh negara yang lain termasuk Amerika sendiri sebagai pusat pelaburan mereka, lihat "Praise From American Investors", *The Star*, 17 Oktober 2001.
 213. Helen E.S Nesadurai (2000), "In Defence Of National Economic Autonomy? Malaysia's Response To The Financial Crisis", *Pacific Review*, Vol.13: 1, United Kingdom: University of Warwick, hlm.73-113.
 214. Pada tahun 1970 terdapat 40 akauntan, 79 doktor dan 33 jurutera bumiputera. Pada tahun 1997, bilangan ini telah meningkat kepada 1766, 4508 dan 11 481 berasaskan kepada pekerjaan di atas. Bilangan pelajar bumiputera di universiti kerajaan tempatan telah bertambah daripada 3084 pada tahun 1970 kepada 72 372 pada tahun 1998. Jika dilihat berasaskan kepada pecahan untuk ijazah pertama, hanya 5 orang yang melanjutkan pengajian mereka dalam bidang teknikal, 784 di bawah kursus sains dan 2 695 di bawah kursus sastera pada tahun 1970. Pada tahun 1998, bilangan tersebut adalah 12 608, 16 148 dan 43 616, *New Straits Times*, 21 Jun 1999.
 215. Mahathir Mohamad (1998), *The Way Forward*, London: Weidenfeld & Nicolson, hlm.20. Mereka juga lahir di bawah Urban Development Authority (UDA) dan subsidiarinya, Peremba yang terlibat secara meluas dalam urusan pembangunan hak milik. Golongan ini dianggap penting untuk tahap terakhir DEB pada tahun 1990-an dan tahap selepas itu.
 216. "Soros Sah Ancam Masyarakat Dunia", *Mingguan Malaysia*, 22 Disember 2002. Mahathir tidak menyenangi Soros sejak 1991 apabila serangan Soros ke atas pound sterling menyebabkan Bank Negara kehilangan hampir RM13 bilion. Label Soros sebagai "moron" boleh dilihat tidak keterlaluan pada tahun 1997, lihat "Mahathir's Troubleshooter", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Review Publishing Company, 14 Mac 2002.
 217. "PM: Nilai Ringgit Tidak Berubah", *Mingguan Malaysia*, 13 Januari 2002.
 218. "Malaysia Turns Around", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Review Publishing Company, 23 Mei 2002.

4 PERANAN ISLAM DALAM PENTADBIRAN

MUKADIMAH

Islam menjadi teras utama di bawah kepimpinan Mahathir sejak beliau mengambil alih kepimpinan negara. Dasar Islamisasi beliau boleh dianggap sebagai "Islam Mahathir". Proses Islamisasi Mahathir dilihat memainkan peranan dalam merangka dan melaksanakan sesuatu dasar dan seterusnya menjadi tonggak legitimasi politik yang sedia ada.¹ Analisis bab ini mengambil kira bahawa Islam adalah satu cabang legitimasi, sesuai dengan identiti agama rasmi apatah lagi Islam dihubungkan terus dengan identiti etnik politik parti dominan orang Melayu.² Islam dengan demikian dilihat sebagai alat untuk meluaskan sokongan dan bukan hanya sebagai faktor politik semata-mata.

Analisis ini juga akan melihat bagaimana proses Islamisasi bertujuan untuk membina legitimasi di persekitaran politik domestik dan tidak ketinggalan pengaruh di peringkat antarabangsa memandangkan pada hari ini, Islam lebih didominasi dengan tema yang bersandarkan kepada keganasan³ dan permasalahan dan tidak ketinggalan melalui ekonomi dan emosi dalam usaha membina dan memantapkan legitimasi tersebut—*legitimacy is also promoted through attention to emotional and material appetites and in the case of the former, these are usually fed by symbols, relevant to their time, in order to sustain the political system.*⁴



Sultan dan raja Melayu mendaulatkan kedudukan Islam di negara ini



Dr. Mahathir bersama Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja

Oleh yang demikian, bab ini dibahagikan kepada beberapa tema yang berteraskan kepada persoalan Islam dalam konteks legitimasi politik Mahathir.

KEBANGKITAN ISLAM DI MALAYSIA

Pada peringkat awal, Islam digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menunjukkan kesetiaan kepada raja yang dianggap memiliki autoriti serta kuasa keagamaan yang dirasionalkan melalui agama Islam.⁵ Agama telah menjadi alat sokongan kepada autoriti politik tradisi yang turut memberi legitimasi kepada pemerintahan sultan. Walaupun penjajah menakluk negara, namun peranan kuasa raja-raja dan Islam masih dikekalkan dalam upacara adat istiadat dan keagamaan.⁶ Malahan ketika kuasa mereka terjejas dengan penubuhan Malayan Union 1946 yang menyebabkan mereka menjadi raja berperlembagaan, kuasa dan kedudukan mereka turut diperkukuhkan dalam perkara keagamaan.⁷

Perkara 3 dalam Perlembagaan Malaysia menamakan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.⁸ Kedudukan Islam dalam Perlembagaan membolehkan kerajaan melakukan perkara-perkara bersifat Islam dan agama lain diberi kebebasan untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing. Dari sudut Islam, ia dianggap bukan Perlembagaan Islam kerana tidak memelihara kepentingan Islam secara mutlak dan lebih berbentuk sekular seperti mana yang diamalkan oleh Turki walaupun ada yang bertanggapan ia tetap berbentuk *ad-din* yang melibatkan elemen seperti pendidikan, kebudayaan, perekonomian dan perundangan iaitu merangkumi keseluruhan aspek kehidupan masyarakat.⁹

Perlembagaan turut mendefinisikan ia sebagai negara demokratik dengan Islam sebagai agama rasmi dan Mahathir menyatakan bahawa:

... Malaysia is an Islamic country based on the accepted interpretation that Islam is the official religion. The fact that ours is a multi-racial country with a Muslim majority, and the fact that many leaders of the country, including ministers, comprise non-Muslims, does not detract from that fact.¹⁰

Terdapat beberapa peringkat bagaimana Islam dipolitikkan dan menjadi salah satu elemen penting untuk memastikan legitimasi politik. Sesuatu kepimpinan terus utuh. Tahap pertama adalah pada tahun 1970-an yakni penglibatan golongan yang berpendidikan dari Barat, kedua lewat 1970-an apabila Islam dipolitikkan terutama dengan keaktifan ABIM dan PAS. Peringkat ketiga adalah 1980-an apabila program Islam menjadi salah satu agenda kerajaan Mahathir.¹¹ Tahap keempat ditambah oleh Camroux sebagai perhubungan Islam dengan pemodenan berdasarkan objektif sekularisme agar Malaysia menjadi negara industri pada tahun 2020.¹²

Mahathir melihat kebangkitan 1970-an sebagai satu ancaman jika ia ditafsir mengikut pandangan masing-masing.¹³ Ada yang bersetuju dengan beberapa konsep keadilan Islam dalam pentadbiran tetapi ada segelintir yang mahukan undang-undang syariah menggantikan Perlembagaan Malaysia.¹⁴ Mahathir menganggap jika Islam golongan radikal dipraktikkan sepenuhnya yang menolak amalan sekular, ini akan mewujudkan konflik dan taraf hidup orang Melayu tidak dapat diubah. Kesedaran inilah yang membawa kepada tafsiran Mahathir seperti mana yang boleh dilihat dalam buku *The Malay Dilemma* dan *The Challenge*.¹⁵ Beliau tidak pernah cuba menonjol sebagai "ahli agama" atau sebagai seorang yang mahir dalam perundangan Islam tetapi lebih sebagai pemimpin Muslim yang mahu membaiki kedudukan orang Melayu yang dilihat gagal selama ini.¹⁶

Kedudukan ini membolehkan Mahathir mengembangkan sayap Islam untuk membawa pembangunan tanpa mengabaikan kepentingan agama Islam dalam masyarakat.

PANDANGAN MAHATHIR KE ATAS ISLAM

Pandangan yang kritis mengenai Islam walaupun tidak pernah menganggap diri beliau sebagai antara golongan warak telah membolehkan Mahathir mendapati Islam wajar diguna untuk mengukuhkan kedudukan masyarakat Islam global¹⁷ dan bukan bertujuan menjadikan beliau sebagai pemimpin agung Islam di dunia.

Penulis mendapati antara elemen yang sangat penting untuk membincangkan legitimasi kepimpinan Mahathir adalah hubungan antara pencapaian ekonomi dan nilai sosiobudaya yang wujud dalam agama. Ini boleh ditemui dalam penulisan beliau terutama daripada *The Malay Dilemma* dan *The Challenge*. Idea yang dipaparkan daripada penulisan beliau dianggap sebagai berbentuk sekularisme kerana merasionalkan Islam dalam konteks ekonomi dan sosio-politik masyarakat Melayu.

Dalam *The Malay Dilemma*, beliau ada menyatakan untuk masyarakat Melayu maju, Islam harus dihalusi ketika wujudnya fatalisme Melayu, ketidaksungguhan menghadapi persaingan dan lebih mengutamakan aktiviti spirituil daripada mencari kebendaan, yang dianggap corak keislaman yang diamalkan oleh orang Melayu. Ia dihubungkan dengan interpretasi Islam yang salah dan kelemahan mereka memahami mesej sebenar yang tersirat dalam agama menyebabkan masyarakat Melayu dilihat terus mundur. Tafsiran yang salah dianggap menyebabkan kejatuhan tamadun Islam dan umatnya.

Beliau berpendapat nilai-nilai spirituil wajar diguna untuk berhadapan dengan tekanan dunia material dan berpegang bahawa mencari kekayaan tidak ditolak atau dilarang oleh Islam, malahan kepercayaan serta pegangan kepada agama Islam tidak akan musnah jika bidang sains dan teknologi juga dipelopori. Lebih daripada itu, nilai dan pemikiran berlandaskan kepada interpretasi Islam yang tersirat boleh membantu masyarakat Islam untuk bersaing dengan masyarakat lain dan melindungi kedudukan orang Islam. Organisasi, disiplin dan pendedahan kepada sistem agama akan membolehkan masyarakat Islam berkembang.

Penulisan ini juga telah membawa satu ikatan baru kepada psikologi orang Melayu kerana tafsiran beliau bertentangan dengan pendapat golongan ulama kerana budaya yang cuba disemai oleh beliau dilihat acuan Barat yang tidak sesuai dengan elemen Islam. Pemikiran beliau banyak dipengaruhi oleh persaingan dengan orang Cina dalam konteks perkembangan domestik Malaysia. Beliau tidak menolak kepentingan Islam dan hanya mencadangkan pembaharuan dalam amalan tertentu untuk pembangunan dan kesejahteraan masyarakatnya. Legitimasi politik Mahathir menjadi kukuh apabila dasar beliau adalah bertujuan untuk pencarian kekayaan, kuasa dan pengetahuan yang dilihat perlu untuk mempertahankan Islam.

Bersesuaian dengan imej sedemikian rupa, pada peringkat awal pentadbiran beliau, Mahathir menumpukan perhatian untuk mengembangkan Islam di bawah payung kesederhanaan baik secara domestik mahupun di peringkat antarabangsa. Di dalam negara, beliau cuba meyakinkan umum bahawa program dan tingkah laku PAS akan menjadi penghalang kepada modenisasi dan kemajuan. Di peringkat antarabangsa, pandangan yang berbentuk mengenal pasti masalah imej Islam ditonjolkan. Tindakan Mahathir lebih berbentuk menekankan nilai-nilai harmoni Islam bersesuaian dengan program modenisasi ekonomi negara.¹⁸ Di bawah pentadbiran Mahathir, Islam dilihat membentuk identiti pascakolonial, baik secara domestik mahupun di rantau antarabangsa yang memberi kekuatan kepada mempromosikan proses modenisasi yang bersesuaian dengan sekularisme. Ini kerana Islam sudah menjadi sebahagian komponen budaya politik Melayu yang menjadi simbol legitimasi UMNO sejajar dengan instrumen integrasi komuniti Melayu. Fungsi simbolik Islam di bawah Mahathir jelas sebagai memberi perlindungan dari UMNO kepada orang Melayu dan simbol ini penting ketika krisis timbul terutama permusuhan intra-Melayu dan juga ancaman isu Islam antarabangsa ke atas senario domestik Malaysia.¹⁹

Sehubungan dengan itu, Mahathir berhadapan dengan dua kumpulan, satu yang menyokong tindakan beliau dan satu lagi yang

secara terbuka menentang polisi beliau, terutama daripada kalangan pembangkang. Pertembungan intra-Melayu merupakan proses yang terpaksa dilalui bukan semata-mata untuk memenuhi objektif dasar sekular melalui penyesuaian amalan keagamaan, tetapi ia juga mencerminkan legitimasi kepimpinan seorang yang beragama Islam, berbangsa Melayu. Islamisasi diteruskan di bawah tanggungjawab keagamaan dan sebagai pemimpin. Rasional keagamaan diberi untuk membentuk masyarakat dinamik daripada kemajuan ekonomi. Tugasan harian dikatakan sebagai ibadah dan media turut memainkan peranan dengan mengembangkan program keagamaan yang disokong oleh golongan ulama dan intelektual Islam ke arah memperjelaskan nilai agama yang sederhana. Pada waktu yang sama, mereka diminta tidak menganggap semuanya takdir dan turut mementingkan aktiviti keduniaan dan bukan semata-mata bersedia untuk dunia akhirat.

Kebanyakan kritikan beliau sebenarnya membawa perubahan dalam menentukan hala tuju pentadbiran Islam di bawah kepimpinan beliau. Antaranya beliau tidak menganggap cara hidup Islam hanya dengan memenuhi amalan-amalan wajib dan berpengetahuan tentang agama Islam semata-mata.²⁰ Tema yang selama ini sering dijadikan agenda utama beliau iaitu nilai-nilai serta budaya dianggap kunci kemelut kedudukan masyarakat Islam. Politik Islam terutama di Asia Tengah dan permusuhan "intra-Islam" dianggap menyebabkan kedudukan Muslim tidak berubah.

... the last time the world ushered in a new millennium, the Islamic civilization was at its zenith. Today in the third millenium of the Christian era, sadly, Islamic civilization is at its lowest ebb. The centres of learning and knowledge at the beginning of the second millenium were Damsyik, Baghdad, Cordoba and Samarkand. It is known fact that Muslim countries control most of the world natural resources then and even today. Yet, Muslims countries are generally caught in their own quagmires of abject poverty and internal violence. There are more intra-Muslim conflicts within Muslim countries and between Muslim countries, than thee are between Muslims and their detractors.²¹

Beliau menganggap negara Islam jatuh ke tangan orang bukan Muslim kerana kelemahan orang Islam sendiri.²² Ini boleh dilihat pada insiden Palestin dan kejatuhan Afganistan ke tangan Sovjet Union manakala dalam peperangan Iran-Iraq dan Iraq-Kuwait, beliau mendapati orang Islam gemar berperang sesama mereka sehingga ramai orang Islam mati di tangan orang Islam.

... in a world dominated by the big powers where none is Islamic, where such injustice exists that Muslims without weapons are left slaughtered by their enemies, where an Islamic country can be isolated and its people made to die of starvation; and where Muslims are fighting each other, and who are confused by their own teachings; are backward, poor and weak; can they enjoy any benefit from the 21st century?²³

Melihat pada kedudukan hari ini, beliau mendapati masyarakat Islam tidak perlu bangga dengan fakta sejarah atau pencapaian orang Islam sebelum ini kerana masyarakat Islam bukan berada pada kedudukan tersebut lagi.²⁴

Ramai yang beranggapan bahawa kegemilangan Mahathir tergambar dengan membentuk Wawasan 2020 sebagai matlamat untuk mencapai status negara maju sebuah negara Islam. Ia dianggap landasan untuk membentuk masyarakat yang mampu bersaing dalam ekonomi dan teknologi setanding dengan negara maju yang lain tanpa mengabaikan kepentingan Islam. Ini bersesuaian dengan agenda Mahathir untuk mempromosi pembangunan ekonomi dan modenisasi untuk kesejahteraan rakyat bersesuaian dengan kehendak keagamaan. Ini boleh dianggap sebahagian daripada dasar Islamisasi untuk mengukuhkan kedudukan Islam di dalam dan luar negara. Konsep Islam berasaskan kepada model pembangunan kapitalis ini juga dijadikan strategi oleh Mahathir sebagai salah satu elemen legitimasi politik beliau.

Beberapa perkara telah dilakukan oleh Mahathir untuk mengekalkan legitimasi politik melalui Islam sejak awal lagi. Pada tahun 1984, beliau mengumumkan niat beliau untuk mengislamkan jentera kerajaan di seminar "The Concept Of Development In Islam" selari

dengan pembangunan kerana Islam dilihat sebagai agama yang progresif. Dasar pembangunan ekonomi di peringkat persekutuan diperluaskan, penerusan kepada sistem pemerintahan yang lama iaitu bergantung kepada ekonomi untuk pembangunan dan mengeksploitasi sumber di samping membentuk persekitaran berorientasikan perdagangan yang bergantung kepada pelaburan asing dan penukaran teknologi. Ini dilakukan dalam suasana mempertahankan peranan agama Islam dalam pembentukan dasar yang melihat bagaimana ia bergantung kepada pelaburan asing dan pada waktu yang sama meyakinkan masyarakat Islam bahawa mereka aktif dalam mempromosi Islam dalam pembangunan ekonomi Malaysia.

Apa yang jelas, dalam menghadapi kritikan daripada golongan yang melihat tindakan kerajaan sebagai bergantung pada dasar pembangunan sekular, kerajaan juga tidak ketinggalan menekankan autoriti ke atas interpretasi bahawa dasar yang diamalkan adalah berlandaskan kepada nilai-nilai keislaman dan ia dilegitimasikan berdasarkan kepada Islam sebenar tafsiran kerajaan. Pandangan ini disesuaikan dengan fakta sejarah yang membuktikan Islam pernah menerokai dan menguasai dunia dengan kejayaan dalam penghasilan barangan material, budaya, kemahiran pengetahuan serta dalam bidang sains yang turut meluaskan misi pengembangan agama Islam.²⁵ Mahathir lazimnya menggunakan sejarah kegemilangan Islam untuk mengukuhkan legitimasi beliau kerana agama dan bangsa dianggap saling lengkap-melengkapi.

Islam dilihat memainkan peranan yang besar dalam membentuk gaya hidup masyarakat tetapi interpretasi berbeza menyebabkan wujud kesan yang berlainan terutama di peringkat tempatan apabila wujud pertembungan antara kelompok tertentu misalnya ulama, golongan agama dan PAS sendiri.²⁶ Tindak balas kerajaan boleh dianggap sebagai proses Islamisasi kebangsaan dan di bawah kepimpinan Mahathir, banyak yang dilakukan sebagai respons kepada golongan ekstremis dan fanatik yang boleh menggugat ketenteraman serta pembangunan.²⁷

Berbanding Perdana Menteri sebelum ini, Mahathir jelas lantang untuk meletakkan Islam sebagai alat untuk mengubah masyarakat secara keseluruhannya.

... at the onset of his leadership, Mahathir attempted to distinguish the difference in the previous leadership patterns, particularly in the efforts to emphasise the role of Islam in the administration of the country. His approaches in various Islamic activities and involvement have successfully created a new environment for the role and significance of Islam in the country.²⁸

Interaksi Malaysia dengan Islam menunjukkan wujud satu perhubungan antara kepentingan politik domestik dan dasar luar negara ke atas negara Islam.²⁹ Walaupun Mahathir sensitif dengan pergerakan Islam di peringkat antarabangsa, sensitiviti beliau adalah sederhana bersesuaian dengan konteks masyarakat majmuk Malaysia. Personaliti dan kepercayaan Mahathir dalam menggerakkan dasar beliau ke atas nilai keagamaan dianggap menyumbang kepada penstrukturan semula sistem kerajaan termasuk rangka institusi dan prinsip yang membolehkan Malaysia dianggap antara negara Islam yang maju dan pada waktu yang sama, mengekalkan hubungan dan keharmonian masyarakat pelbagai bangsa.

Wujud tafsiran berbeza-beza sama ada dilema Melayu dirujuk sebagai dilema Muslim atau Islam. Malahan sesuatu yang kurang baik dianggap baik oleh orang Muslim apabila ketua mereka menyatakan sedemikian rupa walaupun ia keluar daripada norma sebenarnya.³⁰ Kepimpinan yang membawa pengikut ke jalan yang salah dilihat menyebabkan ia berlaku dan "kuasa" dianggap antara penyebab ia berlaku. Beliau juga menerangkan bagaimana Islam tidak menyekat kekayaan dunia dan mengukuhkan hujah beliau dengan ayat al-Quran. Beliau dengan lantang menyatakan keinginan material semata-mata tidak mencabar kedudukan spirituil.

... Islam been blamed by Muslims and non-Muslims alike for the backwardness of our countries. I happen to think that this is not true. Islam

had not only inspired the feuding primitive Arab tribes to unite and build the greatest empire in history but it has also enriched materially, spiritually and in terms of human knowledge all those who accepted the faith. If today's Muslims are backward it cannot be due to Islam. It is most likely due to erroneous interpretations of Islamic teachings.³¹

Mahathir mendapati orang Melayu berada pada kedudukan hari ini masih jauh terkebelakang bukanlah kerana doktrin agama kerana Islam menggalakkan pengikutnya progresif dan bebas tetapi kerana orang Muslim sendiri.³² Kegagalan mereka untuk menyesuaikan nilai-nilai agama dalam persekitaran semasa dianggap sebagai punca mereka masih mahu meneruskan amalan lama dan sering membuat keputusan yang hanya melemahkan kehendak majoriti.³³

Banyak masa yang diluang untuk membincangkan isu yang remeh dan membelakangkan kebajikan dan kedudukan orang Muslim. Masyarakat dianggap tidak begitu berkeinginan untuk melahirkan semula kegemilangan tamadun Islam dan membuat sumbangan positif kepada taraf hidup masyarakat bersesuaian dengan ungkapan Khoo bahawa Islam beliau merangkumi kesemuanya—*a concern with "immediate requirements of modern man", "our share of the bounties of Allah", "the welfare and well-being of Muslims", "the development of a capacity to defend Islam and the Muslims", "greatness in [many] fields [s]", et cetera.*³⁴

Materialisme dan aktiviti spirituil boleh dianggap membolehkan Mahathir menuntut legitimasi Islam untuk pentadbiran beliau.³⁵ Oleh kerana Islam tidak memisahkan daripada sekularisme, ia tidak terpisah sepenuhnya daripada kuasa politik dalam kerajaan. Tanpa kekayaan dan keberkesanan, orang Islam dianggap akan tertekan dan hilang nilai-nilai keagamaan. Ini konsisten dengan komitmen beliau ke atas modenisasi dan pencapaian Wawasan 2020 dan menganggap seorang Islam yang memiliki ciri-ciri dunia moden boleh memastikan serta mempertahankan nilai keagamaan.³⁶ Mahathir sering berpegang kepada logik—*invoking Islam for national endervours to achieve economic progress and development to raise race and nation.*³⁷ Pandangan Mahathir mengenai Islam dan

pembangunan juga jelas dari awal lagi, terutama dalam *The Malay Dilemma* yang menggambarkan pengaruh Islam ke atas orang Melayu adalah besar.

Di bawah Mahathir, Islam telah disesuaikan dengan matlamat agar ia tidak menjadi penghalang untuk kemajuan. Islam telah diperjelaskan kepada umum bahawa ia tidak menyekat pembangunan serta program yang bersandar kepada kapitalisme dan bagaimana disiplin Islam mengawal legitimasi politik.³⁸

... Islam has been appropriated for political legitimacy throughout the history of modern Malaysia and more often by political opposition than ruling party.³⁹

Beliau sering disalah tafsir dengan golongan keagamaan kerana mereka menganggap Islam diguna oleh Mahathir untuk mendapatkan legitimasi politik.⁴⁰ Ini kerana andaian beliau adalah berdasarkan kepada interpretasi dan pemahaman beliau sendiri berbanding golongan ulama yang menggunakan tafsiran tradisional.⁴¹ Beliau juga menganggap kebanyakan negara Muslim masih mundur kerana menolak pengetahuan selain daripada pengetahun agama. Ini turut dikaitkan dengan tidak mengembangkan pengetahuan sains dan matematik yang membawa kepada kelemahan perpaduan ummah—*neither the Quran nor the Hadith stated that science is unislamic*.⁴² Ini turut diakui oleh Sheikh Muhammad Hisham Kabbani, Pengerusi Majlis Tertinggi Islam di Amerika yang menyatakan:

... we used to be the creators of scientific ideology and medicine. We lost it because we lost our ethics. We have become egoistic ... We must cooperate among ourselves to regain the former glory of Islam. We brought many technological changes to the world before losing our creative talents to our egos. We were jealous of seeing others do better than us. We must keep up our competitive spirit to work towards enhancing our lives in line with the advancement of the world.⁴³

Malahan ada yang menganggap menggunakan sains untuk kemajuan dianggap mencabuli penciptaan Tuhan sedangkan ia bertuju-



Dr. Mahathir di Universiti Al-Azhar, Mesir bersama Sheikh Al-Azhar, Dr. Mohammad Sayed Tantawi



Pengerusi Majlis Tertinggi Islam Amarika, Sheikh Muhammad Hisham Kabbani

an untuk kehidupan sempurna—if there's no "this world", there's no world hereafter.⁴⁴ Oleh yang demikian, masyarakat Muslim diminta mendalami bahasa Inggeris kerana ia akan membantu menambahkan pengetahuan kerana hakikatnya bahasa Inggeris merupakan lingua franca dunia.⁴⁵

Dalam ucapan bertajuk "Muslim Unity in the Face of Challenges and Threats" di Universiti al-Azhar, Kaherah pada tahun 2003, beliau menyatakan bahawa:

... there has never been a time when Muslims are so looked down upon, so treated with disrespect, and so oppressed as they are today. Everywhere, Muslims are bullied, detained, bombed and massacred with impunity.... Will what we are doing today restore the greatness of our religion and the fitrah that it should be the mankind? Will it deliver us from oppression by our detractors? ... Frankly I don't think so. It is not because we are incapable of developing ourselves to the level, where others would be forced to respect us and our religion. It is simply because we refuse to adhere to the true teachings of Islam.... We do nothing beyond merely asking Allah to help us in this world and next. We ignore the Quranic injunction that Allah will not change our fate unless we strive to change it ourselves.⁴⁶

Ini penting untuk membolehkan kerajaan mempengaruhi dan bertindak secara efektif perdebatan berkenaan dengan projek pengetahuan Islamisasi, terutama penolakan golongan ekstremis ke atas proses sekularisasi. Beliau khawatir salah faham segolongan Islam yang menolak sepenuhnya pembelajaran Barat dan teknologi sekali gus menyebabkan orang Melayu terus mundur dan tidak mampu bersaing dengan masyarakat sekeliling. Beliau juga menganggap kekurangan orang Melayu yang mahir dalam bidang sains, teknologi dan matematik merupakan kempen yang menentang pengetahuan sekular berbanding dengan pengetahuan dunia akhirat.⁴⁷

Untuk mencantas pengaruh sedemikian, beliau juga telah mengkaji semula bidang pendidikan. Pada tahun 1980, 14 peratus daripada 3.5 juta pelajar terlibat dalam "Pengajian Islam". Beliau

menganggap golongan ini harus menukar bidang kepada bidang sains dan teknologi.⁴⁸

Mahathir berpendapat nasib orang Islam tidak akan berubah dengan secara automatik atau melalui kegiatan keagamaan semata-mata atau menyertai pergerakan menegakkan syiah Islam sedangkan apa yang perlu dilakukan oleh orang Islam adalah berusaha untuk menambahkan pengetahuan dalam semua bidang dan menegakkan pepatah biar menimba ilmu sehingga ke China—*seeking knowledge in China does not mean Islamic knowledge. During the Prophet's period, China was also known to have deep knowledge in such fields as medicine, literature and paper, explosives and many others.*⁴⁹ Beliau tidak percaya bahawa pencapaian sains dan teknologi akan menyebabkan orang Islam bergelar Barat dan tidak Islam. Malahan beliau tidak percaya bahawa kepercayaan dan amalan keagamaan semata-mata mampu mengubah kedudukan mereka.

... once upon a time, the Muslim civilization was highly respected. Muslims were economically wealthy and very learned in all fields, in the sciences and mathematics, in navigation and astronomy, in engineering and in construction. Muslim countries were united under one Caliph and were powerful. They never forsook Islam even when they were successful. In other words, they were as enjoined by the Quran to be equally attentive to their well-being in this world as they were to the next, to akhirah. But then came those who preached exclusive dedication to akhirah. They even condemned this world as being created by Allah s.w.t only for the infidels whom they said would enjoy life in this world but will be damned in the hereafter. As this teaching spread, Muslims began to lose interest in learning other than those subjects designated as religious. Over the centuries, Muslims began to lose skills and knowledge and eventually their strength. Today, they are totally weak, dependent upon and often subservient to the big powers. Gone are the glory days of the Muslim Empire, and with it the respect for Islam by the non-Muslims. Indeed some Muslims have also lost their faith in Islam.⁵⁰

Mahathir berpendapat hanya dengan berpelajaran dan meningkatkan kebolehan serta keupayaan, maka masyarakat Muslim dapat maju.⁵¹ Ia dianggap sebagai sebahagian daripada fardu kifayah.⁵²

Apa yang Mahathir cuba sampaikan adalah—*learning, knowledge, technology, skills and capabilities*.⁵³ Beliau berpendapat kemiskinan menyebabkan kehilangan keyakinan dan kemiskinan bukan dirujuk kepada tabungan semata-mata tetapi juga kemahiran, keupayaan intelektual serta skil. Ini merupakan satu keseimbangan antara “agama” dan nilai-nilai “sekular”.

... we have remained faithful and committed to Islam, to use it to guide us so that in our desire to make material progress we have not forsaken religion or relegated it to the background. Indeed, we believe that our material progress is in accordance with and in full support of the teachings of Islam, in particular the injunctions regarding the brotherhood of Muslims and the need for us to be strong so we may be able to defend ourselves and our faith against those who wish to separate us from our religion and destroy it.⁵⁴

Kegagalan negara Islam menggunakan kekayaan minyak untuk mengukuhkan kedudukan mereka yang juga mampu membebaskan mereka daripada belenggu Barat dilihat suatu yang perlu direnungi semula kerana apa yang berlaku adalah di sebaliknya. Kebanyakan negara Islam masih tidak membangun dan sering bertelingkah sesama mereka. Mereka juga gagal memanipulasi kedudukan mereka sewaktu harga minyak naik untuk kepentingan masa hadapan. Sistem kewangan Barat dikritik kerana mengambil kesempatan daripada kelemahan kedudukan negara Islam.

Malas dan tidak mahu bekerja di bawah matahari dan sikap terpaksa bergantung kepada golongan bukan Islam untuk membangunkan negara serta ketiadaan sikap produktif dianggap kunci kelemahan remaja Islam dan menganggap mereka perlu melatih dan memiliki disiplin untuk membaiki situasi domestik negara. Kerja kuat merupakan kunci kejayaan dan menganggap ia bukan nilai materialistik tetapi elemen Islam dan masyarakat Muslim.⁵⁵

Pemikiran Mahathir ini dilaksanakan dalam bentuk dasar yang tidak menyimpang daripada motif untuk membangunkan negara kerana agama dan pembangunan dilihat perlu bergerak seiring untuk kesejahteraan masyarakat umum. Dasar yang dilahirkan oleh beliau lazimnya membawa manfaat yang besar kepada masyarakat, terutamanya masyarakat Melayu dan sekali gus mengukuhkan legitimasi politik beliau.

Dalam merangka dasar pengislaman di Malaysia, Mahathir memahami bahawa beliau perlu mengambil kira beberapa perkara sebelum melaksanakannya. Kesemua tindakan beliau adalah berasaskan kepada tindak balas ke atas kehendak masyarakat umum yang mahu penekanan berterusan ke atas Islamisasi; strategi untuk berhadapan dengan usaha negara Islam PAS; dan usaha beberapa pemimpin dalam UMNO yang rapat dengan Anwar untuk membawa kesedaran keislaman.⁵⁶ Legitimasi politik cuba dibentuk oleh beliau dengan mengambil kira tiga aspek yakni kesesuaian di bawah perpaduan masyarakat pelbagai etnik, keteguhan yang diberikan oleh Perlembagaan dan pada waktu yang sama, memastikan satu macam perlindungan kepada masyarakat beragama Islam di bawah parti UMNO.

Penulis juga berpendapat disebabkan oleh tafsiran berdasarkan kepada tiga elemen di atas, maka ia memberi keunikan kepada Islam yang diamalkan secara sederhana berbanding dengan tafsiran golongan ekstremis atau radikal. Konflik golongan sederhana dan radikal boleh dilihat sebagai konflik intra-Melayu yang lebih berbahaya daripada pertembungan antara tamadun.⁵⁷ Ini kerana konflik intrakaum dalam sesebuah negara akan melemahkan perpaduan mereka dan sukar untuk berhadapan dengan konflik yang lain. Malahan, dalam konteks Malaysia, konflik intra-Melayu ini telah mengubah peranan Islam dalam masyarakat Malaysia serta strategi legitimasi politik Mahathir kerana krisis sesama orang Melayu akan menyebabkan legitimasi politik beliau merosot dan menjejaskan keupayaan mentadbir dengan berkesan.



Dr. Mahathir berucap di Persidangan Agung UMNO

Keprihatinan beliau ke atas isu ini dikemukakan seawal tahun 1982, dalam amanah pertama sebagai Presiden UMNO dalam Perhimpunan Agung UMNO merumuskan Malaysia adalah negara Islam.⁵⁸

... semenjak dekad 70-an hingga sekarang, dunia semakin sedar mengenai Islam dan penganut-penganutnya. Sebagai sebuah negara Islam, kita berbangga dengan perkembangan ini. Kita percaya bahawa dalam tiap-tiap perhitungan politik dan ekonomi dunia, kesan kebangkitan semula Islam tidak boleh diketepikan.⁵⁹

Kebanyakan ucapan beliau juga banyak menekankan kepada "perpaduan". Lazimnya, Barat dan PAS dianggap mereka yang menentang "perpaduan ummah".

... the most aggressive opposition party is the Pan Malaysian Islamic Party or PAS. We thought no one would be taken in by their claim that voting for their party ensures heaven in the afterlife; that they and Islam are one and the same thing, that we the other Muslims, the majority in the country are all infidels (kafirs). But they persisted. They carried out a hate campaign beginning in the kindergarten right through to the universities and managed to instil so much hate against the coalition that they made a lot of headway in the last election. Two of the states fell to them and already signs of regression are being seen.⁶⁰

Perpaduan dianggap kunci legitimasi politik kepimpinan Mahathir. Ini kerana mereka yang dapat menjuarai isu bangsa dan agama dianggap sebagai pejuang orang Islam. Secara ideologi politik, UMNO dianggap pejuang bangsa dan PAS sebagai pejuang agama Islam.⁶¹

Beberapa kenyataan Perdana Menteri dan ahli kabinet banyak menerangkan tentang perpaduan orang Islam untuk memastikan kemajuan di kalangan orang Melayu malahan ketuanan Melayu dan perpaduan orang Islam untuk memastikan kemajuan ekonomi.

... kebimbangan Dr Mahathir paling nyata ialah mengenai sikap orang

Melayu kepada kemajuan. Beliau jelas menentang kemiskinan dan kemunduran kerana menurut Dr. Mahathir, ramai orang Islam meninggalkan agama Islam kerana kemiskinan, kerana dijajah dan diperintah oleh orang, kerana kecewa dan lain-lain. Kemiskinan adalah hampir kepada kekufuran. Mereka yang hari ini kononnya dapat menumpukan semata-mata kepada akhirat cuma dapat berbuat demikian kerana perlindungan yang diberi oleh orang Islam yang mengimbangkan dunia dengan akhirat.⁶²

Mahathir juga memastikan beliau mempunyai kuasa sepenuhnya ke atas isu perpaduan orang Melayu agar pengaruh dan impak pergerakan Islam serta aktiviti mereka boleh dikawal terutama daripada pengaruh asing kerana sebarang campur tangan mampu membawa kesan yang besar apatah lagi ia berkaitan dengan ideologi. Kesan ini sebenarnya akan mengikat legitimasi menjadi semakin longgar atau sebaliknya. Perpaduan dapat memastikan kekuatan untuk menghadapi 'penjajahan semula dan tekanan kuasa besar dunia'.⁶³ Dengan menggunakan isu ini, maka ia dapat memastikan semua dapat bersatu dengan menggunakan Barat sebagai musuh utama Islam.

Kolonialisme dianggap akan menggugat perpaduan masyarakat. Pada Januari 2000 di London, beliau menyatakan kebebasan Barat akan membawa pengaruh dan memecah-belah perpaduan melalui tekanan politik dan ekonomi menyebabkan negara akan dijajah semula. Mesej beliau untuk Hari Raya Aidilfitri 2001 turut menekankan kepentingan orang Muslim mempertahankan keamanan supaya tidak menjadi mangsa dan lemah kepada bangsa lain. Agama dan bangsa dianggap senjata utama untuk membentuk legitimasi politik beliau.⁶⁴

Dalam ucapan Majlis Perhimpunan UMNO pada 11 Mei 2000, beliau menegaskan bagaimana Barat menganggap Malaysia akan musnah selepas 13 Mei tetapi perpaduan orang Melayu telah sekali gus membawa kepada kemajuan ekonomi.

... pada tahun 1969 berlaku rusuhan kaum yang telah lama diramalkan oleh pemerhati-pemerhati asing. Peramal-peramal ini gembira dengan

rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 kerana mereka percaya Malaysia akan hancur, tidak aman dan tidak selamat. Malaysia, kata mereka tidak mungkin dibangun atau dimajukan. Orang Melayu yang berkuasa melalui UMNO tetap akan mengadakan pemerintahan yang zalim yang akan merampas harta kepunyaan orang bukan Melayu. Menurut mereka tidak ada masa depan bagi Malaysia. Seperti juga dengan negara-negara lain yang mencapai kemerdekaan, *natives* atau penduduk asal, akan memusnahkan apa yang kononnya dibangun dan dimajukan oleh penjajah di zaman kolonial dahulu. Tetapi sekali lagi UMNO membuktikan kebijaksanaanannya. Tidak ada rampasan yang dilakukan tetapi dibentuknya Dasar Ekonomi Baru dan dengan membesarkan kek ekonomi, bumiputera memperoleh hak mereka tanpa merampas hak bukan bumiputera.⁶⁵

Perpaduan turut menjadi tema menyambut Maulud Nabi tahun 1999 apabila perpaduan dianggap kunci kejayaan negara. Sejarah penjajahan dianggap pengalaman yang harus dipelajari dan kelemahan orang Muslim yang boleh menggugat kejayaan yang dianggap jampi serampah kerajaan untuk program modenisasi untuk mencapai kemajuan dalam ekonomi dan pembangunan.


Ramai yang menerima kerationalan Mahathir ke atas Islam turut mencadangkan agar model Islam Malaysia harus dicontohi oleh negara lain kerana—*spread of Islam in Malaysia is a tandem with economic growth*.⁶⁶ Ini dianggap cuba membentuk tamadun baru Islam yang diberi suntikan baru. Beberapa pandangan berdasarkan kepada ucapan dan kenyataan yang dikeluarkan oleh beliau berkenaan dengan Islam dan pembangunan ekonomi boleh disimpulkan sebagai:

- Islam harus melalui modenisasi pada abad ke-21 agar masyarakat dapat membangun.
- Perpaduan di kalangan orang Melayu penting untuk mempertahankan ketuanan Melayu serta “Perpaduan Ummah”.
- Perpecahan di kalangan orang Melayu/Muslim akan menyebabkan mudah untuk bangsa lain mengambil kesempatan dan tidak ketinggalan penjajahan semula oleh Barat akibat pertembungan intra komuniti.

- Nilai Islam dan pembangunan serta kemajuan ekonomi dilihat sebagai tidak memiliki konflik sama sekali.

Bertunjalkan kepada ciri-ciri tersebut, beliau turut menerima "King Faisal International Prize" untuk "Service To Islam". Dalam ucapan majlis tersebut, beliau ada menyatakan bahawa prinsip yang diamalkan akan diteruskan walaupun dicelar oleh masyarakat Muslim sendiri kerana menurut beliau, perpaduan ummah hanya dapat dibentuk melalui kestabilan politik, pengetahuan sains dan teknologi dan kekayaan material. Itulah kekuatan ummah bersesuaian dengan usaha memartabatkan agama Islam, pandangan yang diterjemahkan dalam kepimpinan beliau sepanjang 22 tahun. Di bahagian berikutnya, bab ini akan menghubungkan Mahathir dengan strategi dan tindakan; keprihatinan dan pemantauan; pertembungan antara UMNO-PAS dan bagaimana beliau menghadapi golongan ulama dalam usaha membentuk kesederhanaan dalam perbincangan Islam beliau (lihat Rajah 4.1).

Rajah 4.1: Pembentukan Legitimasi Melalui Islam



STRATEGI DAN TINDAKAN

Terdapat beberapa strategi dan tindakan yang digunakan oleh Mahathir untuk memantapkan dasar Islamisasi beliau. Antara strategi beliau adalah membawa masuk Anwar Ibrahim ke dalam UMNO, menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Bank Islam dan Institusi Hal-Ehwal Keagamaan.

Kemasukan Anwar Ibrahim

Kemunculan Anwar dilihat sebagai faktor tarikan ke atas pembentukan imej pentadbiran Mahathir dan mengembangkan dasar Islamisasi Mahathir. Kemasukan beliau ke dalam UMNO dilihat pencapaian cemerlang peringkat awal Mahathir ketika menjadi Perdana Menteri. Sebagai seorang pemimpin pelajar dan Presiden ABIM, kemasukan beliau ke dalam UMNO membolehkan UMNO meraih sokongan yang lebih besar.⁶⁷ Ini kerana aktiviti ABIM yang sering bertujuan untuk menerapkan nilai Islam serta meningkatkan penghayatan dan penglibatan terhadap Islam melalui program seperti ceramah, penerbitan forum serta usrah dilihat banyak mempengaruhi akidah orang Islam.

Beliau dilihat "idola" generasi muda Islam termasuklah dalam UMNO sendiri sehingga dipilih sebagai Ketua Pemuda UMNO pada tahun 1982 walaupun baru 6 bulan menyertai UMNO.⁶⁸ Jawatan tersebut diguna untuk menerapkan nilai-nilai Islam yang boleh dianggap pengisian kepada dasar Mahathir sendiri serta pembentukan personaliti sebagai "wakil kerajaan" ke negara Islam dan forum antarabangsa Islam.⁶⁹ Program berteraskan Islam mula diberi keutamaan dan kemasukan Anwar ke dalam UMNO boleh dianggap antara faktor penyumbang kepada keutuhan UMNO dan Mahathir sendiri sehingga pemecatan beliau pada tahun 1998.⁷⁰

Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIA)

Pengumuman penubuhan universiti ini dilakukan ketika Mahathir


membuat lawatan ke negara-negara Arab pada Januari 1982.⁷¹ Ini merupakan kejayaan besar beliau kerana ura-ura penubuhan tersebut pernah dikemukakan dalam beberapa persidangan, antaranya dalam tahun 1965, 1966, 1968 dan 1971. Malahan pengumuman ia sebagai proses Islamisasi di Malaysia dalam ucapan pertama beliau sebagai Presiden UMNO menampakkan kematangan beliau untuk menggunakan ideologi Islam sebagai alat untuk mengukuhkan sokongan dan pengaruh untuk menguatkan legitimasi politik beliau.

... sebagai usaha ke arah kebahagiaan umat Islam di negara ini dan juga di dunia, kerajaan telah merancang tiga projek yang besar. Yang pertama ialah Universiti Islam Antarabangsa yang bertujuan, antara lain memberi tempat kepada sebahagian penuntut Islam yang sekarang ini terpaksa menuntut di luar negara Islam di mana mereka terdedah kepada nilai-nilai yang boleh meruntuh akhlak dan keperibadian Islam. Seperti amalanannya di institusi pengajian tinggi di Sepanyol di bawah pemerintah Islam dahulu dan Baghdad, universiti ini akan menerima sekumpulan penuntut bukan Islam supaya dunia bukan Islam dapat memahami falsafah dan peribadi Islam.⁷²

Walaupun universiti ini terletak di Malaysia tetapi ia bukan dimiliki sepenuhnya oleh negara. Ia dimiliki bersama oleh negara Islam yang lain di mana OIC menjadi penaja bersama yang melibatkan hampir semua negara Islam. Penubuhan universiti ini diumumkan pada 7 Mac 1982, beberapa minggu sebelum pilihan raya 1982 diumumkan untuk mengukuhkan kredibiliti Islam berbanding dengan PAS. Ia juga dilihat bertujuan mengukuhkan kedudukan sebagai pemimpin negara Islam. Secara rasmi, ia ditubuh pada 11 Mei 1983 dan pada 18 Julai 1983, ia mula beroperasi di Petaling Jaya. Mahathir telah membina *intellectual consensus* dengan menubuhkan institusi seperti ini supaya falsafah Islam dapat dikembangkan bersesuaian dengan peredaran masa. Penubuhan UIA juga membolehkan Malaysia berhubung terus dengan negara Islam yang lain di peringkat antarabangsa. Strategi beliau untuk menerapkan dasar



Datuk Sri Anwar Ibrahim sewaktu mula-mula menyertai Umno



Universiti Islam Antarabangsa

Islamisasi jelas mampu mengukuhkan legitimasi politiknya supaya terus bertambah kukuh.

Penubuhan Bank Islam

Selain daripada penubuhan UIA, strategi Mahathir untuk memantapkan legitimasi politik beliau adalah dengan menubuhkan institusi perbankan Islam supaya ia dapat membantu umat Islam meningkatkan taraf hidup apatah lagi ada perbankan konservatif yang tidak dapat membantu umat Islam serta kejanggalan konsep dan prinsip Islam.

... dengan penubuhan Bank Islam kita yakin bahawa ekonomi dan ketahanan orang Islam serta agama Islam sendiri akan menjadi lebih kukuh. Sistem kewangan Islam ini adalah satu alternatif kepada sistem kewangan yang wujud sekarang ini.⁷³

Desakan berterusan daripada pelbagai pihak menyebabkan kerajaan mengambil keputusan untuk mewujudkan satu "Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam" pada 30 Julai 1981 dengan dipengerusikan oleh YM Raja Tan Sri Mohar Raja Badiozaman, bekas Penasihat Ekonomi beliau yang juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pemandu penubuhan Bank Islam dengan diuruskan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH). Dengan penubuhan bank ini pada 1 Julai 1989, pada hari ini ia telah berkembang dengan pesat serta mampu menawarkan pelbagai urus niaga, antaranya institusi insurans seperti takaful, takaful keluarga, kebakaran dan kenderaan. Selain daripada itu, ia juga membawa kepada penubuhan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, pusat pengantar zakat yang lebih berkesan, skim pajak gadai yang boleh diperolehi melalui Bank Rakyat dan Bank Islam serta syarikat broker secara Islam.

Di peringkat global, Malaysia menjadi perintis kepada amalan perbankan Islam dan turut menjadi ahli penting beberapa jawatan-

kuasa kewangan Islam seperti Lembaga Perakaunan dan Pengaudit-an untuk institusi kewangan Islam dan Jawatankuasa untuk mengkaji nisbah Kecukupan Modal Dalam Institusi Kewangan Islam. Kedua-duanya berpusat di Bahrain. Pada Februari 1999, Bank Bumi-Muamalat Malaysia ditubuh selepas proses gabungan Bank Bumiputra dan Bank of Commerce sebagai bank Islam kedua negara.⁷⁴ Malahan ketua Perbankan Pelaburan di Bank Muamalat Malaysia Berhad, Abdul Rais Abdul Majid telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif pasaran kewangan antarabangsa Islam (IIFM) berpangkalan di Bahrain.⁷⁵ IIFM ditubuhkan pada November 2001 bermatlamat membangunkan perbankan dan kewangan Islam berte-raskan undang-undang dan prinsip syariah di arena antarabangsa.

Perkembangan sistem perbankan Islam dianggap semakin ketara pada 1990-an apabila kebanyakan organisasi menggunakan bon korporat jangka panjang berdasarkan prinsip Islam.⁷⁶ Malahan Private Debt Securities (PDS) Islam telah digunakan secara berkesan untuk pembiayaan projek swasta jangka panjang seperti mana yang dapat dilihat dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1: Jumlah PDS Islam dari Tahun 1999–2002

	1999	2000	2001	2002*
Nilai (RM Juta)				
Bon Islam	1,734	7,666	13,028	12,240
Bon Konvensional	20,399	14,884	17,289	9,475
Jumlah PDS	22,133	22,550	30,317	21,715
Nisbah (%)				
Bon Islam	8	34	43	56
Bon Konvensional	92	66	57	44

* Anggaran

Sumber: *The Star*, 8 Februari 2003

Usaha pembentukan bon Islam dipergiatkan dengan mengeluarkan bon global Islam yang dijangka boleh menjual antara US\$400 juta-US\$500 juta kepada pelabur antarabangsa dalam usaha meningkatkan pelaburan berdasarkan pengeluaran Islam.⁷⁷

Selain daripada itu, kerap timbul masalah berkenaan dengan keuntungan dalam perniagaan. Banyak institusi lain yang berorientasikan kepada Islam telah ditubuhkan antaranya agensi insurans, majlis penasihat syariah untuk Pesuruhjaya Sekuriti, Amanah Saham Islam dan Pasaran Modal Islam supaya perkhidmatan dan keuntungan yang diperoleh bersesuaian dengan kehendak al-Quran dan al-Sunah. Walaupun ada kritikan ke atas sistem tersebut, yang dikatakan disesuaikan dengan interpretasi Mahathir berkenaan dengan Islam dan materialisme, namun ia turut diterima oleh sebilangan besar rakyat yang mahu melihat pembangunan. Pada hari ini, sistem kewangan Islam dianggap paling maju di dunia dan telah mewujudkan pertumbuhan pesat antara tradisi ekonomi orang Melayu dan kewangan⁷⁸ walaupun ada kritikan yang menyifatkan bahawa penubuhan bank Islam dan pajak gadai Islam tidak memberi apa-apa makna kepada penduduk Islam kerana "perkara ini hanya sebagai kulit yang berlambangkan Islam sedangkan pemerintahan negara tidak dijalankan mengikut cara Islam".⁷⁹

Dalam perkembangan dunia Islam antarabangsa, Mahathir dengan lantang mencadangkan penggunaan dinar emas sebagai mata wang bagi urusan dagangan antarabangsa dan pemindahan dana sewaktu merasmikan Seminar Antarabangsa Pasaran Modal Islam pada 26 Mac 2002 walaupun beliau tahu pihak Barat akan mengkritik cubaan beliau itu. Usaha ini wajar dilihat sebagai melengkapkan sistem kewangan Islam yang dikembangkan sejak 1983. Malahan Malaysia dianggap paling menonjol dalam pelaksanaan sistem kewangan Islam. Ini sekali gus membolehkan Mahathir dilihat sebagai wira negara Islam yang mahu mengembangkan nilai-nilai keagamaan untuk kemajuan masyarakat Islam sejagat. Penubuhan bank Islam yang memperlihatkan sumbangan besar ke dalam dunia Islam membolehkan legitimasi Mahathir terus utuh.

Penubuhan Institusi Hal-Ehwal Keagamaan

Mahathir menganggap masyarakat Islam perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran baru bercirikan nilai-nilai yang disesuaikan dengan agama Islam. Pemodenan bukan semata-mata dilakukan dari aspek material tetapi juga pemikiran kaum Melayu. Pemodenan pemikiran masyarakat Islam telah diinstitusikan melalui strategi program tertentu. Antaranya adalah dengan penubuhan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang ditubuh pada 3 Julai 1992 bertujuan untuk membangunkan visi rasmi kerajaan serta *think-tank* kerajaan untuk mengemukakan kefahaman yang betul kepada masyarakat Muslim.

Institusi ini juga memiliki ramai intelektual Islam yang dilihat sebagai alternatif kepada intelektual Islam yang ekstremis. IKIM berusaha menekankan kepada nilai modenisasi dan pemodenan dalam rangka *world-view* Islam yang luas turut memberi perhatian ke atas isu kapitalisme dan pada waktu yang sama menekankan disiplin dan etika kerja. Apa yang cuba ditekankan oleh Mahathir adalah agar orang Islam menerima ajaran di luar sistem Islam sekiranya ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Beliau menganggap amalan sistem ekonomi Islam tidak harus diisolasi daripada ekonomi dunia, dominasi Barat. Kemuncak kepimpinan Mahathir adalah untuk mencapai status negara industri menerusi Wawasan 2020 dengan pelbagai rancangan untuk membentuk etika perniagaan, perpaduan kebangsaan, liberalisasi sains dan teknologi.

Untuk memperluaskan idea ini, IKIM telah menganjurkan pelbagai aktiviti untuk menekankan kaedah Islam untuk membentuk *world-view* Islam yang positif dan persepsi bukan Islam boleh diperbetulkan. Beliau berpendapat Islam yang membenarkan ummahnya untuk membuktikan kebolehan untuk maju dalam bidang ekonomi yang sering dibayangi oleh pencapaian Barat akan membolehkan masyarakat Muslim dihormati di pentas dunia. IKIM juga telah menghasilkan beberapa buku bagaimana Islam membentuk pembangunan dan kemajuan. Artikel mingguan IKIM dalam media

Malaysia turut mengetengahkan agenda modenisasi Islam. Ia juga dianggap untuk memberi penerangan lengkap kepada umum agar lebih memahami Islam daripada perspektif kepimpinan Mahathir yang sering menjadi kritikan pembangkang terutamanya PAS yang menganggap ia tidak berlandaskan kepada kehendak Islam.

Kepimpinan Mahathir juga menggalakkan perkembangan etika kerja *Malay-Islamic* yang boleh membantu semangat dan pertumbuhan kapitalisme dengan acuan sendiri Malaysia. Beberapa usaha dilakukan untuk menjadikan usaha ini berkembang. Antaranya pada tahun 1981, seminar kebangsaan ke atas konsep pembangunan di bawah Islam diadakan. Beberapa organisasi juga ditubuhkan, misalnya Badan Perunding Islam untuk mengkordinasi dasar melibatkan pembangunan ekonomi, sosial dan komuniti pada tahun 1983. Pada tahun 1984, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam pula diadakan semula untuk mengutip dan memproses semula derma kebajikan untuk ekonomi masyarakat Islam dan menggalakkan perniagaan kecil orang Islam.

Penubuhan institusi, badan perunding dan penganjuran seminar dianggap antara tindakan atau strategi Mahathir untuk terus berkuasa dalam membangunkan negara agar ada organisasi yang dapat membantu untuk membetulkan minda dan pemikiran masyarakat yang menganggap segala pelaksanaan dasar beliau adalah salah di sisi Islam.

KEPRIHATINAN DAN PEMANTAUAN

Banyak isu yang dipertikaikan serta menjadi kontroversi sepanjang pentadbiran Mahathir. Kesemuanya dilihat mampu mencabar kewibawaan kepimpinan beliau serta boleh menimbulkan krisis legitimasi.⁸⁰ Isu yang timbul dikaitkan dengan kumpulan pendakwah yang mahu menggulingkan kerajaan, penerbitan bahan-bahan bacaan yang bertentangan dengan akidah ajaran Islam dan kumpulan ekstremis yang bertindak keterlaluan sehingga mahu menubuhkan kerajaan

an sendiri berdasarkan kepada ajaran mereka. Buku ini melihat kepada dua kumpulan besar yang mendapat perhatian ramai kerana kekuatan jentera pergerakan mereka sehingga dianggap menggugat ketenteraman awam yang turut membolehkan populariti Mahathir meningkat dan ada waktunya legitimasi beliau sebagai pemimpin Islam dipersoalkan daripada tindakan yang diambil.⁸¹

Kumpulan Al-Arqam


Pada tahun 1995 dan 1996, banyak berita disiarkan berkenaan dengan pergerakan Darul Arqam yang memiliki hampir 10 000 ahli termasuk isteri dan anak-anak mereka.⁸² Pemimpinnya, Ustaz Ashaari Muhammad pernah menulis berkenaan *Aurad Muhammaad* yang kemudiannya diharamkan oleh kerajaan kerana dianggap menyalahi ajaran Islam. Buku tersebut mempamerkan bagaimana Ustaz Ashaari melihat dirinya sebagai bakal Imam Mahadi yang bertentangan dengan akidah agama Islam. Malahan dalam karya lain, beliau menyatakan pernah berdialog dengan Nabi Muhammad s.a.w yang menimbulkan kontroversi sehingga Ashaari dan beberapa pemimpin Al-Arqam yang lain ditahan di bawah ISA.⁸³ Arqam kemudiannya dibubarkan dan ahli-ahli diberi kursus pemulihan untuk kembali ke pangkal jalan.⁸⁴ Pada 10 Julai 1995, Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengumumkan akan mengadakan mesyuarat dengan ulama untuk memutuskan sama ada kumpulan ini membawa ajaran songsang dan fatwa akan dikeluarkan. Walau bagaimanapun pada 11 Julai 1995, sebilangan besar ahli kumpulan ini ditahan di bawah ISA kerana mengancam keselamatan negara.

Ia diharamkan berdasarkan kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bahagian Hal-Ehwal Agama Islam Malaysia pada 5 Ogos 1994. Ashaari dianggap berbahaya oleh kerajaan apatah beliau dikatakan mempunyai cita-cita menjadi Perdana Menteri dengan ribuan ahli dan penyokong di seluruh negara. Ini dilakukan melalui ceramah dan kempen yang diadakan melalui perkampungan Arqam di seluruh negara. Wujud

tanda-tanda kumpulan Al-Arqam cuba dipulihkan semula melalui perjumpaan secara rahsia di kawasan bandar⁸⁵ tetapi Pusat Islam mengawasi dengan ketat pergerakan mereka supaya ia tidak berfungsi sebagaimana pernah mereka lakukan sebelum ini.

Begitu juga dengan cubaan menghidupkan semula kepercayaan Aurad Muhammadiyah dengan mewujudkan kubur buatan sematamata bagi membolehkan umat Islam merasai pengalaman berada dalam kubur. Ini dianggap strategi baru kumpulan ini untuk memperkenalkan semula ajaran yang sudah diharamkan itu.⁸⁶ Yang menarik adalah apabila orang Melayu sudah mula ditransformasi menjadi lebih progresif dan berdaya saing, wujud kumpulan kelas menengah baru dan golongan intelektual yang berminat dalam kumpulan Al-Arqam ini walaupun Al-Arqam tidak mampu menjadi penayang dari segi ekonomi. Kecekapan Mahathir mengekang kegiatan kumpulan ini meraih sokongan tetapi pada waktu yang sama beliau kehilangan sokongan segelintir daripada mereka yang bersimpati dengan kumpulan ini. Kehadiran sebilangan besar rakyat Islam sebagai ahli kumpulan ini menjejaskan kedudukan Mahathir dan langkah awal beliau dengan menahan serta membenarkan proses pemulihan membolehkan Mahathir berjaya menstabilkan kedudukan beliau sebagai pemimpin negara.

Tindakan seterusnya yang diambil oleh Mahathir adalah dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM40 juta untuk membina dua pusat Pemulihan Keagamaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Ini adalah untuk memulihkan golongan yang terlibat dengan ajaran sesat. Melihat undang-undang syariah dari sudut yang berlainan, kewujudan kumpulan ini dilihat akan membawa kepada perpecahan dalam masyarakat dan kesan yang besar ke atas keseimbangan pembangunan dan kemajuan dalam ekonomi serta kestabilan politik. Perpaduan dianggap penting untuk memastikan penerusan legitimasi politik Mahathir yang juga akan membolehkan pembangunan ekonomi dapat diteruskan tanpa ada krisis lain yang perlu diberi tumpuan. Keprihatinan Mahathir ini mendapat reaksi yang baik dari masyarakat yang menyatakan sokongan mereka ke atas tindakan yang diambil oleh beliau.



Anggota kumpulan Al-Maunah



Ashaari Muhammad, pemimpin utama
kumpulan Al-Arqam

Kumpulan Al-Maunah

Amalan yang terpesong daripada ajaran sebenar Islam sering timbul akhir-akhir ini yang dianggap merupakan antara elemen yang turut diguna untuk meneruskan legitimasi yang diperoleh.⁸⁷ Al-Maunah merupakan kumpulan dengan ajaran songsang yang baru dalam sejarah Malaysia yang dianggap mengancam keselamatan negara. 15 ahli kumpulan ini telah merancang dan menyerang 2 kem tentera di Perak pada Julai 2000, mencuri lebih 100 senjata dan menahan 4 tebusan (2 dibunuh).

Peristiwa Bukit Jenalik merupakan peristiwa yang dapat digunakan untuk melihat bagaimana kumpulan yang mengamalkan ajaran songsang mahu mendirikan negara acuan sendiri kerana menganggap Mahathir bukan pemimpin bercirikan Islam. Peristiwa Bukit Jenalik merupakan kejadian di mana penjenayah tersebut mahu mendirikan kerajaan Islam di Malaysia melalui keganasan. Sebahagian besar penjenayah tersebut adalah ahli PAS atau bersimpati dengan PAS yang menggunakan Islam untuk meneruskan perjuangan kumpulan mereka.⁸⁸ Kumpulan ini telah mencuri senjata api dari kem tentera di Sauk, Grik dengan diketuai oleh Mohd. Amin Razali. Penjenayah Bukit Jenalik dan Memali dilihat mempunyai persamaan kerana matlamat perjuangan kedua-dua kumpulan adalah menubuhkan kerajaan Islam di Malaysia, inspirasi dari fatwa Hadi bahawa kematian melawan UMNO adalah syahid, berperang menggunakan slogan *Al-Jihad Sabiluna*—"Jihad jalan kami", dilakukan pertubuhan yang berdaftar menyebabkan di Memali hampir 114 orang rakyat terkorban pada tahun 1985 manakala di Jenalik, 3 nyawa terkorban.⁸⁹ Perbezaan antara kedua-duanya adalah peranan PAS di mana di dalam peristiwa Memali, PAS menganggap kematian Ibrahim Libya dan ahli PAS yang lain adalah mati syahid⁹⁰ tetapi dalam peristiwa Bukit Jenalik, mereka membisu. Penulis berpendapat jika PAS mengakui menyokong tindakan kumpulan ini, imej mereka akan terjejas kerana senario 1980-an dan hari ini sudah jauh berbeza kerana tindakan eksterim dan berbahaya akan dilihat memalukan agama Islam sendiri. Di kalangan ahli PAS, ia dilihat

sebagai sandiwara walaupun dua pegawai polis bukan Melayu dibunuh.⁹¹ Penggunaan ISA jelas memberi justifikasi atas penangkapan ahli kumpulan ini. PAS menganggap ia sandiwara UMNO sedangkan sebilangan besar ahli kumpulan ini adalah daripada parti PAS. Kesan daripada amanat Hadi turut dikaitkan dengan peristiwa Sauk kerana mereka yang berjiwa militan dalam PAS dilihat sanggup menjatuhkan kerajaan untuk mewujudkan kerajaan Islam.

Bagi Mahathir, pendirian kumpulan tersebut yang mendakwa kerajaan adalah tidak Islam menyebabkan kempen membenci kerajaan meningkat.⁹² Ia dilihat sandiwara supaya kerajaan dapat bertindak dengan lebih tegas ke atas PAS, terutama penggunaan Islam dalam nama parti. Kumpulan ini juga didakwa membawa senjata dan ada laporan menyatakan mereka menembak kuil Hindu dan kilang Carlsberg tetapi disebabkan ketidakcekapan menggunakan senjata tersebut, misi mereka gagal.⁹³ Tindakan segera Mahathir menahan penganas ini dianggap satu tindakan yang berbentuk bukan sahaja untuk memulihkan sokongan ke atas kepimpinan beliau tetapi juga untuk memastikan Islam tidak digunakan sebagai satu alat untuk menggulingkan kerajaan atau memberontak menentang kerajaan.

Secara keseluruhan konsep ajaran songsang dan amalan tertentu di luar ajaran sebenar Islam digunakan sebagai strategi oleh kepimpinan Mahathir untuk memastikan perpaduan dan menyatukan pelbagai kumpulan yang wujud dalam masyarakat Islam di Malaysia. Ini kerana tanpa kawalan dan disiplin untuk mengikat kumpulan songsang, ini akan membolehkan mereka memobilisasi sokongan dan membentuk kumpulan besar untuk memenuhi agenda, keperluan serta matlamat tertentu. Ini sekali gus boleh menggugat keselamatan negara serta mengancam kestabilan politik serta memesong sokongan masyarakat kepada kumpulan tersebut malahan mengancam legitimasi politik Mahathir. Tindakan dan pemantauan yang dilakukan oleh Mahathir adalah untuk kepentingan legitimasi politik beliau. Yang jelas, Islam dan legitimasi di bawah Mahathir diperkuatkan melalui dominasi ke atas isu tersebut dengan mengawal apa sahaja tentangan serta pemesonan untuk memastikan legitimasi

politik tidak terhakis dan tidak mengganggu agenda kebangsaan untuk mencapai modenisasi dan kekayaan ekonomi.

PERTEMBUNGAN UMNO — PAS

Perkembangan pada hari ini menunjukkan bahawa keupayaan untuk mendapat sokongan orang Melayu bergantung kepada pelbagai isu termasuklah isu keagamaan yang digunakan untuk memastikan sokongan berterusan ke atas politik kepartian.⁹⁴ Malahan DEB telah membawa perubahan ke atas strata masyarakat Melayu sehingga kedinamikan budaya dan sosial turut mempengaruhi sokongan ke atas parti PAS dan UMNO. Orang Melayu pasca-DEB melihat timbulnya masalah marginalisasi politik yang turut membawa kepada persoalan perpaduan orang Melayu untuk mempertahankan ketuanan Melayu.⁹⁵

Dalam konteks pertembungan kedua-duanya, UMNO dikritik kerana cuba bertindak tidak beretika ke atas PAS dan waktu yang sama PAS dikritik kerana menekankan hudud secara berterusan. Dalam konteks masyarakat multietnik, dogmatisme dan oportunis politik dengan menggunakan agama hanya akan memerangkap mereka.⁹⁶ Oleh yang demikian, bahagian ini akan melihat kepada pertembungan PAS-UMNO dalam beberapa isu yang dianggap memainkan peranan penting ke atas legitimasi politik Mahathir.

Hukum Hudud dan Isu Negara Islam

Isu negara Islam merupakan antara isu yang telah dijadikan bahan politik untuk menarik sokongan terutama daripada orang Melayu di negara ini. Bagi Mahathir, kerajaan tidak mungkin mengakui ia sebagai sebuah negara Islam tanpa berdasarkan kepada fakta dan elemen yang menjadi asas kepada pengertian tersebut. Ini termasuk sejauh manakah kerajaan Malaysia menggunakan terminologi Islam dan simbol untuk menjustifikasi kepada umum apa yang dilaksanakan oleh mereka dan lebih daripada itu, sejauh manakah dasar kerajaan merangkumi Islamisasi yang turut berfungsi untuk kepen-



Dr. Mahathir bersama salah seorang pemimpin utama negara Islam



Dr. Mahathir bersama Pope John Paul II di Vatican City

tingan politik domestik. Proses Islamisasi ini dianggap akan menjurus kepada kemuncak untuk melaksanakan hukum Islam dan setiap tindakan dilihat merupakan asas pembentukan negara Islam.

Pada Julai 1982, Mahathir ada menyatakan bahawa beliau tidak menolak Malaysia akan menggunakan undang-undang Islam⁹⁷ dan menjamin kebebasan beragama untuk etnik yang lain sebagaimana yang terkandung dalam Perlembagaan.⁹⁸ Pada hari ini, timbul persoalan sama ada dalam kehangatan berdebat mengenai isu Islam, apakah kesederhanaan kepimpinan UMNO akan kekal atau menjadi lebih radikal bersesuaian dengan kepentingan ummah. Label negara Islam jelas apabila usaha Mahathir adalah untuk membolehkan pembangunan Islam yang memperlihatkan kedudukan yang boleh disanjung sebagai negara Islam dan bukan Islam selesa dengan kedudukan tersebut, sementara PAS pula melihat segala tindakan kerajaan belum memenuhi matlamat atau objektif negara Islam.¹⁰⁰ Kenyataan yang disanggah oleh pembangkang adalah pengisytiharaan Mahathir bahawa Malaysia adalah negara Islam berasaskan pada pendapat ramai daripada ulama-ulama zaman dahulu.¹⁰¹ Di Dewan Rakyat, Mahathir menyatakan Malaysia bukan sahaja negara Islam tetapi adalah kerajaan Islam fundamental kerana dasar-dasar negara selari dengan ajaran fundamental Islam dan bukan sebuah kerajaan Islam sederhana.¹⁰²

Prinsip yang wajar diikuti oleh rakyat Islam dirujuk kepada prinsip agama dan bukan definisi yang diberi oleh ulama politik. Beliau menyatakan beliau dijemput ke Vatican City sebagai pemimpin Islam dari sebuah negara Islam.¹⁰³ Dunia mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam sebelum beliau mengumumkannya. Di seminar *Understanding Malaysia As An Islamic Country*, beliau menyatakan:

... When I say that Malaysia is an Islamic country, there is no reason for a controversy as I am merely stating a fact that has been accepted by all, including the non-Muslim citizens in the country. They (the non-Muslims) don't question this because there is no change in the Constitution and there is no plan to introduce new laws.¹⁰⁴

Isu negara Islam turut dianggap kontroversi oleh DAP yang menganggap ia akan menjadi isu kempen pilihan raya akan datang dan mengukuhkan legitimasi Mahathir kerana masyarakat dianggap berada di persimpangan sama ada memilih kontroversi tidak berakhir negara Islam atau terus bertoleransi dengan kesederhanaan pemimpin BN.¹⁰⁵ Ini supaya tidak lahir pendapat bahawa "satu undi barisan pembangkang, satu undi untuk negara Islam". Pengaruh keislaman PAS turut menarik minat Lee Kuan Yew yang menganggap ia akan memberi kesan besar ke atas rantau ini.¹⁰⁶

Penerangan Mahathir dilihat bertentangan dengan pendapat bekas Perdana Menteri yang menolak label tersebut memandangkan kedudukan negara sebagai negara pelbagai bangsa dan memadai dengan menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi. Kenyataan Mahathir mengenai isu ini dianggap sebagai menghantar mesej kepada penyokong UMNO mereka tidak perlu bersikap defensif ketika berhadapan dengan parti lawan berkaitan dengan isu "Negara Islam".¹⁰⁷ Ada pula yang beranggapan UMNO dan PAS menggunakan Islam untuk membentuk legitimasi ke atas perjuangan mereka.¹⁰⁸

Bagi Mahathir, dasar Islamisasi dan pengiktirafan negara-negara Islam sudah cukup untuk mengukuhkan legitimasi politik beliau walaupun kerajaan negeri Terengganu meluluskan usul untuk melaksanakan hukum hudud di negeri tersebut supaya penghayatan Islam parti tersebut boleh dilaksanakan kerana al-Quran dianggap merupakan undang-undang tertinggi dan bukannya Perlembagaan. Ada yang menganggap bentuk hukuman yang berkenaan ke atas bukan Islam dan Islam merupakan kezaliman ke atas manusia. Malahan Hadi juga menyatakan bahawa bukan Islam tidak boleh terlibat atau membuat polisi dalam negara Islam dan hanya orang Islam boleh membuat keputusan. Ini membantu Mahathir sekurang-kurangnya untuk terus mendapat sokongan rakyat bukan Islam memandangkan kepimpinan beliau tidak membuat kenyataan yang berbentuk diskriminasi seperti itu ke atas masyarakat bukan Islam di negara ini.

Legitimasi politik Mahathir dilihat banyak bergantung kepada proses Islamisasi ke atas negara bukan sahaja dari aspek simbolik

tetapi juga dalam mengimplementasi dasar Islam dalam pentadbiran negara. Ini kerana polemik politik negara sudah banyak berubah dan tanpa wujudnya penampilan Islam atau menjejaskan kedudukan bangsa lain, Mahathir dan kerajaan terutamanya UMNO boleh memulihkan sokongan yang ada pasang surutnya.

Isu Kafir-mengkafir

Isu ini menjadi hangat semula baru-baru ini ketika ideologi Islam diguna sebagai faktor tarikan untuk meningkatkan populariti parti politik.¹¹⁰ Pada 7 April 1981, Abdul Hadi Awang¹¹¹ didakwa mengkafirkan orang UMNO sewaktu berceramah di Banggol Pradong, Terengganu. Ini kerana dalam ucapan beliau, Hadi menyatakan bahawa perjuangan menentang UMNO dan BN adalah jihad dan mati dalam perjuangan tersebut adalah mati syahid. Penyampaian ceramah tersebut lebih popular sebagai "Amanat Haji Hadi".¹¹²

Apa yang jelas, ucapan tersebut diguna untuk kepentingan politik kepartian dengan agama sebagai landasan untuk membentuk legitimasi parti tersebut.¹¹³ Berikutan dengan itu, Mahathir dan UMNO menggunakan Amanat Hadi untuk memulihkan legitimasi kepimpinan Mahathir supaya penerangan songsang pihak pembangkang akan menyedarkan masyarakat akan kepentingan dasar sekular Mahathir walaupun Hadi menafikan pernah berkata orang UMNO itu kafir.¹¹⁴ Ini juga telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada pertengahan tahun 1980-an yang menganggap ia bercanggah dengan Islam. Perpecahan di kalangan orang Melayu dikatakan begitu ketara di Terengganu selepas amanat tersebut dikeluarkan. Malahan ada yang mengaitkan peristiwa pembunuhan Memali yang meragut banyak nyawa dengan amanat tersebut. Ini dikaitkan dengan penerangan Hadi dalam ceramahnya pada tahun 1985 yang menyatakan bahawa mati mereka adalah mati syahid dan perlu dikebumikan dalam keadaan tidak disemabayangkan dan dikapan.¹¹⁵ Isu ini membolehkan Mahathir menekankan kepentingan perpaduan di kalangan orang Melayu dan penentangan seperti ini

dilihat hanya akan menyebabkan orang Melayu bertelagah sesama sendiri. Ada yang menyokong pandangan Mahathir dan membolehkan legitimasi politik beliau terus kekal mantap.

Isu ini juga boleh dikaitkan dengan kenyataan bahawa mengundi PAS akan membolehkan umat Islam mendapat pahala. Ia telah dikemukakan oleh Nik Aziz tetapi beliau tidak menganggap ia menyeleweng.¹¹⁶ Ini kerana perjuangan PAS dikaitkan dengan al-Quran dan hadis yang dijadikan pegangan perjuangan politik. Ia juga dilihat sebagai berdakwah di kalangan masyarakat Islam untuk menentang kemungkaran. Isu yang sama penting adalah label Fadzil Noor bahawa UMNO adalah "Yahudi" dan "komunis" sewaktu berceramah di Kempas, Johor pada Mac 2002 yang turut menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan orang Islam. Mahathir menganggap—*the accusation was an act of a traitor just like those who labelled fellow Muslims as apostates without investigating*.¹¹⁷ Kenyataan yang dibuat oleh PAS dianggap hanya untuk kepentingan politik mereka dan bukan untuk kepentingan agama Islam.

Tidak dinafikan walaupun amanat ini dikeluarkan beberapa tahun yang lepas, kesannya masih lagi kedengaran dan lazimnya ia akan digunakan untuk mengkritik pihak pembangkang bertujuan untuk memulihkan semula sokongan pengundi umat Islam dan mengukuhkan kedudukan Mahathir di peringkat pusat.

Isu Wanita

Isu wanita menjadi hangat sejak PAS mengambil beberapa tindakan drastik untuk menyekat kebebasan kaum hawa ini. PAS dilihat lebih berbahaya dalam konteks penampilannya. Majlis Pertahanan Amerika di Washington telah memberi amaran bahaya yang dibawa oleh PAS ke atas demokrasi Malaysia. Majlis tersebut melihat Malaysia sebagai—*the most politically and democratically stable nation Asia*¹¹⁸ tetapi sudah ada bahaya atau ancaman dibawa oleh fundamentalis agama, militan dan ekstremis. Hadi dilihat sebagai—*ilfully blind and indenial of the reality of women's contribution to the socio-economic development of their family and the state*.¹¹⁹ Ini berikutan

beberapa isu berkaitan dengan wanita, antaranya cara berpakaian untuk pelancong dan memisahkan kolam renang antara jantina dianggap langkah Terengganu menghala ke feudalisme.¹²⁰ Ini ditentang sekeras-kerasnya oleh agensi pelancongan yang menganggap diskriminasi ke atas golongan wanita.¹²¹

Suara wanita sebagai aurat yang dikatakan hanya di tempat tertentu suara mereka boleh didengar.¹²² Begitu juga dengan isu poster wanita tidak bertudung yang dilarang di Kelantan termasuk poster wanita Barat dan bukan Islam.¹²³ Ia dikemukakan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) yang mana pada tahun 1996, telah memastikan pasar raya menyediakan kaunter berasingan untuk lelaki dan wanita. Kerajaan negeri juga melarang poster wayang dengan gambar wanita kecuali gambar rambut wanita diwarnakan seolah-olah seperti memakai tudung. Peraturan lain termasuk mewajibkan semua wanita Muslim bertudung, salun rambut berbeza untuk lelaki dan wanita¹²⁴ dan persembahan berbeza untuk lelaki dan wanita di tempat awam serta pengharaman persembahan artis wanita di persembahan terbuka.¹²⁵ Nik Aziz menganggap ia bertujuan untuk mengurangkan kegiatan kurang bermoral di kalangan masyarakat.¹²⁶ Malahan ada pemimpin wanita PAS sendiri yang mencadangkan agar wanita hanya dibenarkan bekerja pada waktu petang kecuali di hospital¹²⁷ manakala Nik Aziz berpendapat wanita cantik tidak akan diambil bekerja dalam perkhidmatan awam kerajaan negeri.

Dalam konteks politik hari ini, legitimasi seseorang pemimpin banyak bergantung kepada keupayaan memanipulasi isu golongan wanita, termasuklah Mahathir. Ini terbukti jika dilihat kepada artikel pertama yang ditulis oleh beliau dalam ruangan *The Straits Times* merupakan isu emansipasi wanita. Hari ini, isu wanita dieksploitasi oleh pemimpin mana-mana parti politik semata-mata untuk meraih undi mereka kerana mereka menjadi penentu dalam proses pilihan raya berbanding dengan pilihan raya yang lepas. Kritikan berterusan ke atas PAS kerana kenyataan seperti ini menyebabkan ia membantu legitimasi politik Mahathir terus stabil.

Sekolah Agama Rakyat (SAR)

Antara isu yang masih mendapat perhatian adalah isu Sekolah Agama Rakyat (SAR). Kerajaan telah mengambil langkah menghentikan bantuan kewangan kepada SAR untuk memastikan ajaran Islam dilakukan dengan cara yang betul.¹²⁸ Mahathir berpendapat tidak perlu diadakan kelas tambahan kerana ajaran agama boleh diserapkan di bawah sekolah kebangsaan. Penutupan SAR juga dilihat bertujuan supaya sikap etnosentrik dapat dikurangkan. Apabila 126 000 pelajar diserapkan ke dalam sekolah kebangsaan, maka kerajaan berpendapat mereka akan mendapat pendidikan berkualiti dan tidak membenci kerajaan semata-mata.¹²⁹ Guru-guru SAR juga turut diserapkan ke dalam sekolah kebangsaan. Beliau juga menganggap kadar jenayah meningkat di kalangan orang Islam kerana pendidikan agama tidak berfokus kepada ajaran Islam yang sebenar. Misalnya, SAR didakwa mengajar untuk membenci saudara Islam yang lain.¹³⁰ Isu ini turut membawa kepada debat antara Datuk Seri Nazri Abdul Aziz, Ketua UMNO Bahagian Cenderoh, bekas Menteri Usahawan dan Salahuddin Ayub, Timbalan Ketua Dewan Pemuda PAS.¹³¹ Mahathir menekankan kepentingan keseimbangan pengetahuan dan keagamaan untuk pembangunan. Malahan menghantar anak ke sekolah kebangsaan akan membolehkan mereka hidup harmoni dengan bangsa yang lain. Ini kerana sistem sekolah tersebut dikatakan melalui proses penguasaan golongan ekstremis yang memperkenalkan amalan keislaman sehingga meminggirkan pelajar bukan Islam.¹³² Sekolah agama ini dihentikan bantuan kewangan kerana sekolah tersebut dianggap tidak mengajar subjek keagamaan tetapi mengajar membenci kerajaan.

... the government decided to stop providing financial allocation to certain religious schools because such schools are not teaching their students Islamic related subjects, but instead taught them to hate the government.¹³³

YDPA turut mahu kekeliruan mengenai konsep jihad dan mati syahid diperbetulkan tafsirannya.¹³⁴ Ini kerana PAS berusaha untuk

menarik Majlis Raja-raja dalam usaha untuk memastikan SAR terus beroperasi.¹³⁵

Pendidikan boleh dilihat sebagai kunci untuk mengukuhkan status Malaysia sebagai negara Islam yang sederhana dan moden tetapi perubahan mendadak dilihat kontroversi apatah lagi UMNO terpaksa berhadapan dengan PAS. Perubahan kepada pendidikan Islam yang sudah wujud hampir 100 tahun boleh membawa kesan negatif walaupun ada yang berpendapat militan Islam turut bertapak sama. Ia juga wajar dilihat untuk mempelbagaikan pengetahuan dan bukan semata-mata menguasai bidang keagamaan. Dominasi Mahathir dalam politik Malaysia memperlihatkan hanya beliau mampu membawa perubahan termasuk dalam pengimplementasian program kebangsaan supaya perkembangan golongan ekstremis dapat dikawal.¹³⁶ Walaupun ada penganalisis berpendapat kesan penutupan SAR sangat besar terutamanya di negeri Pantai Timur, secara umumnya, kelas menengah masyarakat Melayu bandar dilihat menerima hakikat bahawa Islam sederhana akan membolehkan negara berkembang dengan pesat dan ini akan menjamin masa depan generasi yang akan datang. Pengaruh Mahathir ke atas golongan ini akan membolehkan dasar Islamisasi beliau berjaya dan turut memberi kesan ke atas legitimasi politik beliau.

Isu Allah Samseng

Isu "Allah Samseng" menjadi hangat dan mendapat perhatian umum saban hari terutama selepas ia disiarkan acap kali dalam media penyiaran RTM dan siaran Berita Perdana penyiaran tersebut. Ini merupakan susulan selepas gelaran "baru" untuk melabel ulama kerajaan dan dakwaan Allah mencarut dalam al-Quran.¹³⁷ Ini berikutan wujud percanggahan pendapat bahawa Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat telah menyamakan sifat Allah dengan sifat manusia dalam satu ciri ceramah di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (PUTIK) pada 15 Mac 2002.¹³⁸ Berikutan dengan itu, timbul beberapa pandangan termasuk daripada penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman agar Nik Aziz bertaubat

kerana menyamakan sifat Tuhan dan manusia. Kenyataan seperti ini menjadi alat politik untuk meraih sokongan masyarakat Islam yang memiliki pandangan berbeza-beza, begitu juga dengan kenyataan Nik Aziz bahawa Mahathir tidak tahu membaca al-Quran.¹³⁹ Motif pernyataan sebegini rupa mampu memberi kesan yang besar dalam pengisian legitimasi pemimpin mahupun sesuatu parti politik. Keraguan serta kecelaruan dalam pemikiran masyarakat akan membawa kesan ke atas sokongan seseorang pemimpin terutama melalui proses pengundian dalam pilihan raya, isu yang mampu menggugat legitimasi kepimpinan sesebuah parti. Walaupun isu seperti ini tidak dianggap penting, namun isu-isu kecil ini mampu menjadi dominan memandangkan ia dikait rapat dengan nilai-nilai serta institusi keagamaan.

MENGHADAPI GOLONGAN ULAMA

Golongan ulama memainkan peranan yang sangat penting dalam proses Islamisasi dan penerapan nilai-nilai Islam di bawah kepimpinan Mahathir. Masalah yang timbul adalah siapa yang layak untuk memberi tafsiran berasaskan kepada al-Quran ini walaupun ulama dianggap layak berasaskan kepada pengetahuan keagamaan mereka. Ini kerana ada golongan tertentu bertopengkan status ulama tidak mencerminkan penilaian sebenar atau bebas daripada sesuatu kepentingan.¹⁴⁰ Tafsiran berbeza serta hasil keputusan boleh mengelirukan dan mendatangkan bahaya. Ini berlaku di peringkat awal di mana masyarakat kampung takut untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran Inggeris dan penguasaan sains dan teknologi serta pendidikan untuk wanita dianggap tidak berlunaskan kepada kehendak agama. Apabila timbul keraguan, muncul pula tahap kedua di mana pengetahuan Islam diinstitusikan melalui monopoli golongan keagamaan tradisional sehingga abad ke-19. Pada abad ini, muncul golongan Islam sederhana yang mahu membebaskan pengetahuan agama daripada dogma ekstremisme supaya Islam dapat

disesuaikan dengan dunia moden.

Ini yang cuba dilakukan di bawah kepimpinan Mahathir yang mahu memperkenalkan Islam yang sederhana dengan tafsiran yang meyakinkan serta peranan ulama yang boleh diterima umum. Masalah yang perlu diatasi adalah apakah nilai Islam yang boleh dianggap bersesuaian dengan kesederhanaan, siapakah yang layak memberi tafsiran dan konflik antara golongan yang mengamalkan amalan tradisi dan kepentingannya kepada dunia budaya Melayu moden. Persoalan ini cuba diselesaikan oleh Mahathir melalui dasar Islamisasi dan corak pentadbiran yang bercirikan nilai-nilai agama Islam.

Secara tradisi, ulama telah memainkan peranan besar dalam masyarakat Melayu dan dilihat sebagai pelindung agama Islam. Di bawah zaman penjajahan, mereka adalah penterjemah rasmi doktrin Islam, ajaran dan prinsip perundangan. Walaupun perbezaan tafsiran di kalangan ulama adalah satu yang biasa di Malaysia, ia mampu menggugat legitimasi politik Mahathir. Oleh yang demikian, Mahathir telah meminta golongan ulama tidak terlibat dalam politik atau mengeksploitasi isu keagamaan. Mahathir percaya sokongan kepartian dalam dunia politik akan mempengaruhi strategi politik dan menyebabkan berlaku perpecahan di kalangan orang Islam sehingga menjejaskan jentera pentadbiran beliau. Isu ini menjadi hangat selepas Mahathir didakwa mempersendakan golongan ulama dalam ucapan di Forum Ekonomi Dunia 2002 sedangkan tumpuan beliau adalah ke atas golongan ulama yang memecah-belah rakyat Islam berdasarkan kepada tafsiran yang berasaskan kepada agenda politik mereka.¹⁴² Mahathir melihat mereka sebagai ulama songsang yang membuat tafsiran sendiri dan tidak mahu menerima teguran.

... ulama politik mudah mengkafirkan orang Islam bukan kerana agama tetapi kerana politik. Jika mereka ditegur, maka mereka akan melenting dan menuduh sesiapa yang menegur mereka sebagai antiulama, anti-Islam dan kafir. Sebaliknya mereka boleh menegur ulama lain yang tidak sependapat dengan mereka bahkan memanggil ulama lain "barua". Perbuatan mereka memperlekehkan ulama lain tidak pula dianggap sebagai

bersikap antiulama, anti-Islam dan kafir. Mereka hendak supaya mereka dianggap ulama pewaris Nabi yang tidak boleh ditegur walaupun mereka mengutuk ulama lain. Mereka tidak menerima bahawa mereka antiulama apabila mereka mengecam dan memaki ulama lain. Perpecahan yang terdapat dalam Islam adalah disebabkan oleh ulama songsang seperti ini.¹⁴³

Isu ulama ini membolehkan Mahathir membina semula legiti-masi politik beliau kerana kesangsian di kalangan orang Melayu mula timbul ke atas peranan golongan ini. Malahan, isu ulama turut menjadi teras ucapan pembukaan Muktamar PAS ke-48 yang menganggap ulama perlu berhadapan dengan cabaran ummah dengan melihat kepada ajaran Islam yang sebenar untuk menyelesaikan masalah ummah.¹⁴⁴ Delegasi juga telah mempersoal peranan ulama termasuk Hadi yang dikatakan kehilangan sentuhan bersama rakyat.¹⁴⁵ Ini memperlihatkan strategi Mahathir untuk melemahkan kedudukan beberapa pemimpin dalam PAS berjaya.

Peranan ulama sebenarnya dominan dalam isu keagamaan. Mahathir jelas tidak mengabaikan sumbangan golongan ini untuk mengekalkan legitimasinya. Sebenarnya golongan ulama diberi peranan yang lebih jelas di bawah pentadbiran beliau. Pada tahun 1982, hampir 100 orang ulama ditempatkan di bawah JPM dan 715 di bawah Kementerian Pendidikan. Pusat Islam juga ditubuhkan atau Bahagian Hal-ehwal Agama Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertujuan memusatkan fungsi dan autoriti ulama di peringkat nasional. Walau bagaimanapun usaha tersebut tidak konsisten menyebabkan UMNO menggunakan semula tenaga ulama untuk menghadapi PAS pada hari ini. Strategi ini dilihat oleh PAS bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan parti tersebut. Malahan PAS menganggap UMNO berbuat demikian kerana terhakisnya pengaruh di kalangan orang Melayu dan kelunturan kuasa politik untuk terus memimpin¹⁴⁶ Bagi Mahathir, tujuan kerajaan berbuat demikian adalah untuk menangani krisis kepimpinan Melayu kerana PAS memperalatkan Islam untuk mencari pengaruh.¹⁴⁷ Ulama dalam UMNO dilihat gagal memainkan peranan berkesan untuk berhadapan dengan pembang-

kang. Kelebihan PAS adalah kerana kelemahan UMNO yang terikut-ikut dengan rentak ulama PAS. Biro agama UMNO yang sepatutnya memperjelaskan isu-isu politik gagal melaksanakan tanggungjawab mereka dan membiarkan pemimpin politik menjelajah dan memberi penjelasan yang sewajarnya datang daripada golongan ulama. Konsep pemimpin, masyarakat, budaya, sosial, ekonomi, pendidikan, sains dan teknologi yang ada dalam al-Quran dan hadis tidak diperjelaskan oleh pemimpin politik ini.¹⁴⁸

Isu agama merupakan isu yang perlu dihadapi oleh Mahathir dengan strategi yang berkesan memandangkan kerajaan negeri mempunyai hak ke atas hal-ehwal Islam di mana sebarang tindakan kerajaan pusat banyak bergantung kepada kerjasama kerajaan negeri. Ia merupakan satu kesinambungan daripada kepimpinan sebelum ini. Pada tahun 1996, Timbalan Ketua Pemuda, Datuk Nazri Aziz mencadangkan agar hal-ehwal Islam dipusatkan di bawah perundangan persekutuan untuk memantapkan imej Islam dengan memastikan hanya graduan dengan kelulusan berkaitan diterima memegang jawatan pegawai keagamaan.

Idea Islam sebenar tafsiran Mahathir turut diperkembangkan melalui interpretasi dan sokongan antarabangsa. Rundingan dan nasihat intelektual islam antarabangsa digunakan sepenuhnya untuk memberi legitimasi politik kepada Mahathir, membolehkan kerajaan memusatkan serta mengawal pandangan berkenaan dengan agama. Ismail Ibrahim melihat bahawa semua mufti dan ulama dilihat tidak memihak kepada mana-mana pihak apabila timbul isu yang dikatakan isu politik.¹⁴⁹

Legitimasi politik Mahathir juga diperluaskan melalui penganjuran seminar dan persidangan antarabangsa. Sejak 1981, pelbagai seminar dan forum serta persidangan antarabangsa berkenaan masalah negara Islam telah dianjurkan. Antaranya, *"Islamic Approach Towards Technological Development"* (1983), *"Islamic Civilization"* (1984), *"Islamic Thought"* (1984), *"International Islamic Symposium"* (1986), *"Islamic Management for the Asia-*

Pacific Region" (1987), *"Islamic Economics"* (1987), *"Islam and the Philosophy of Science"* (1989) dan "Persidangan Intelektual Islam Antarabangsa" (2002). Secara simboliknya, ia membawa kepada konsensus daripada golongan intelektual yang dihormati dalam pelbagai bidang, membolehkan dunia Islam mengiktiraf Malaysia sebagai sebahagian daripada tradisi intelektual agung dan terlibat dalam mempromosi hal-ehwal keagamaan.

Dalam persekitaran yang memperlihatkan pertembungan antara dua golongan yang mempunyai pandangan yang berbeza, Mahathir berhadapan dengan golongan ulama yang dilihat tidak sependapat dengan tindakan beliau. Misalnya, dalam isu pelaksanaan undang-undang jenayah syariah (hukum hudud dan kisas) kerajaan Terengganu dan Persatuan Ulama Malaysia (PUM) menyokong sepenuhnya pelaksanaan hukum tersebut walaupun di peringkat pusat, Mahathir menentanginya.¹⁵⁰ Begitu juga dengan isu penulisan yang dianggap menghina Islam oleh beberapa penulis seperti penulisan Zainah Anwar¹⁵¹, Farish Noor¹⁵² dan Akbar Ali.¹⁵³ Di samping itu, PUM juga dilihat mempertahankan Nik Aziz dalam isu "Allah Samseng" dan telah menyeru pemimpin UMNO supaya menghormati pandangan alim ulama seperti Nik Aziz kerana beliau lebih arif mengenai bidang keagamaan yang telah dipelajari di Universiti Al-Azhar.¹⁵⁴ Kesemua ini merupakan penampilan yang berterusan kerana terdapat beberapa insiden yang mana sebelum ini turut menjejaskan kredibiliti golongan ulama. Antaranya, isu penangkapan tiga gadis Melayu yang menyertai pertandingan Ratu Cantik Selangor pada Ogos dan September 1997. Begitu juga dengan penguatkuasaan fatwa mengharamkan lelaki Melayu melibatkan diri dalam pertandingan bina badan di Sarawak. Bagi Mahathir, golongan ulama wajar mengetepikan isu remeh seperti ini dan menumpukan kepada isu yang boleh membawa kemajuan di kalangan umat Islam sehingga bekas Mufti Selangor mendakwa Mahathir sebagai murtad.¹⁵⁵ Ia menggugat legitimasi politik Mahathir tetapi secara keseluruhannya Mahathir dapat terus mempertahankan tindakan beliau.

Pelbagai cara dicadangkan untuk mengelakkan konflik pendapat antara dua golongan ulama yang berbeza ini. Antaranya, di "Seminar Antarabangsa Ulama Pewaris Anbia" yang diadakan di Perlis pada 17 sehingga 19 Mac 2003, pihak IKIM mencadangkan diwujudkan jawatan Mufti Negara yang menyelaras ketidakseragaman fatwa di Malaysia sekali gus dapat memutuskan segala masalah berkaitan dengan agama. Ini boleh dianggap susulan daripada cadangan untuk memulihkan keyakinan ke atas ulama, antaranya mengubah kedudukan jawatan Ketua Pengarah JAKIM supaya ia menjadi jawatan tertinggi agama di Malaysia atau dipanggil sebagai Yang Dipertua Agama Islam di Malaysia, Syeikhul Islam Malaysia supaya memegang kuasa mempunyai kuasa dan sebagai pemimpin spirituil. Jawatan Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan pula dikatakan sesuai dipanggil Mufti Besar yang mempunyai kuasa agama kedua selepas JAKIM.¹⁵⁶

Selain daripada itu, kerajaan juga menubuhkan Majlis Perundingan Ulama Negara bertujuan untuk memisahkan golongan ulama dan politik.¹⁵⁷ Pada 24 Februari 2002, ia dicadangkan penubuhannya untuk menasihati kerajaan mengenai isu agama dan dianggotai oleh ulama bergantung kepada kepakaran dalam bidang masing-masing dan tidak terikat dengan fahaman politik tertentu. Ini bermakna ia terbuka kepada pakar yang mahir dalam bidang tertentu.¹⁵⁸ Malahan Majlis tersebut akan membolehkan golongan ulama menyumbang kepada pembangunan negara.¹⁵⁹ Penulis berpendapat penubuhan Majlis Perunding Ulama Negara adalah alternatif kepada PUM yang dilihat sebagai boneka PAS walaupun disangkal oleh persatuan tersebut.¹⁶⁰ Cadangan penubuhan Majlis Ulama ini bukanlah baru kerana pada tahun 1991, ia telah dicadangkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) iaitu sebagai Majlis Tertinggi Ulama walaupun ada yang menganggap Islam terperangkap dalam politik kebebasan bersuara.¹⁶¹ Ini merupakan antara usaha Mahathir untuk memantapkan legitimasi politik beliau dan pada waktu yang sama memastikan kedudukan Islam terus utuh dalam negara yang terus membangun.

Legitimasi Mahathir sebagai pemimpin yang sederhana bersesuaian dengan dasar-dasar yang dilaksanakan menyebabkan pandangan beliau diterima ramai tanpa menyangkal bahawa wujud kumpulan atau puak penentang ke atas pemikiran sederhana beliau. Legitimasi kepimpinan beliau terjamin memandangkan banyak perubahan yang dilakukan dan banyak cemuhan dilempar ke atas beliau jika dilihat berdasarkan kepada penerangan yang diberikan di atas, namun beliau tetap bertahan sehingga 22 tahun.

PENUTUP

Legitimasi politik Mahathir melalui pemikiran Islam Mahathir dapat dilihat daripada pembentukan ciri-ciri kesederhanaan antara nilai-nilai yang wujud dalam agama untuk memenuhi keperluan domestik dan antarabangsa. Apa yang dilakukan oleh Mahathir adalah untuk keluar daripada tendensi tradisionalis yang melihat Islam sebagai statik dan hanya berbentuk spirituil. Dalam konteks Malaysia, dinamik dalam politik dan masyarakat Melayu turut memberi kesan ke atas kedudukan dan peranan komuniti yang lain dan menyebabkan keraguan ke atas sistem Islam di Malaysia berterusan kerana hubungan dengan politik etnik tidak dapat dielakkan. Penggunaan "Islam" serta kemampuan ia untuk menggugat legitimasi diakui oleh UMNO yang kemudiannya mencadangkan ia dilarang penggunaan dalam parti politik. Pada Mac 2001, Majlis Raja-raja dengan cadangan Majlis Fatwa Kebangsaan yang kemudiannya menolak cadangan tersebut membolehkan PAS terus kekal dengan penggunaan tersebut.

Selama 22 tahun Mahathir berjaya membentuk kesedaran baru mengenai nilai-nilai agama Islam. Beliau juga menghubungkan Islam dan pembangunan ekonomi. Matlamat ini membolehkan pendidikan, pendapatan dan pekerjaan dapat dipertingkatkan di kalangan orang Melayu terutama di bawah DEB. Walau bagaimanapun, kejayaan tersebut juga memperlihatkan kelas menengah

mempersoalkan identiti dan hak untuk orang Islam. Persoalan hak dan identiti sering menjadi isu apabila timbul sesuatu krisis. Islam perlu diguna untuk mengemukakan legitimasi walaupun masyarakat bukan Melayu khuatir ia akan menimbulkan pertembungan intra-komuniti yang akan mendebatkan persoalan siapa yang lebih Islam dan mendekatkan golongan sekular dengan ajaran Islam radikal semata-mata untuk memulihkan legitimasi mereka.

Mahathir mahu Malaysia menjadi negara moden Islam. Pembinaan sekolah agama termasuk universiti Islam, membentuk sistem perbankan Islam membolehkan nilai Islam disemat dan pada waktu yang sama membenarkan pelaburan asing ke negara ini. Kritikan ke atas dasar beliau menyebabkan Mahathir bimbang sama ada dasar Islamisasi ini dapat membawa perubahan ke atas pembangunan masyarakat pada masa depan.¹⁶² Walau apa pun, Mahathir berjaya membuktikan sehingga hari ini bahawa tanpa pengubahsuaian dalam penerimaan ke atas amalan tertentu, negara tidak mungkin akan dapat dibangunkan serta dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

NOTA Hujung

1. "PM To Record Experiences", *The Star*, 20 Ogos 2003.
2. Shanti Nair (1997), *Islam in Malaysian Foreign Policy*, New York: Routledge, hlm.3.
3. Huntington, Samuel (1997), *The Clash of Civilizations: Remaking of World Order*, USA: Simon & Schuster, hlm. 209-218, 254-265. Andaian Huntington adalah bahawa ia mengancam asas order masyarakat antarabangsa kerana melibatkan kepercayaan dan nilai yang berbeza dengan prinsip Barat dalam sistem antarabangsa.
4. Shanti Nair (1997), *Islam in Malaysian Foreign Policy*, New York: Routledge, hlm.8.
5. Ahmad Kamar A.Rahman (1977), "The Leadership Of The Parti Islam SeMalaysia With Special Reference To The District Of Kubang Pasu In The State Of Kedah", Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Jabatan Pengajian Politik, Fakulti Sains Sosial, Universiti Hull, hlm.1-130.
6. Suhaimi Mokhtar, *Warisan Pimpinan UMNO*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd, hlm.15.
7. Perlembagaan Malaysia. Juga lihat Fernando, Joseph M (2002), *The Making Of The Malaysian Constitution*, Kuala Lumpur: MBRAS.
8. Perlembagaan Malaysia.
9. Ismail Ibrahim (17 Ogos 2000), Islam dalam Perlembagaan, http://www.ikim.gov.my/-archive-um_44.html, dilayari pada 2 Oktober 2002. Berlandaskan kepada kedudukan dalam perlembagaan, UMNO menggunakan peruntukan tersebut untuk melindungi masa depan orang Melayu. Ini jelas tertera dalam perlembagaan UMNO sendiri yang meletakkan tanggungjawab tersebut antara matlamat perjuangan mereka iaitu—"menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebebasan beragama", lihat <http://http://www.UMNO.org.my/>

mengenai.html, dilayari pada 2 Oktober 2002. Islam dianggap sebahagian daripada unsur bangsa yang diperjuangkan oleh UMNO bersesuaian dengan perlembagaan Malaysia. Prinsip yang diperjuangkan oleh UMNO ini disalurkan melalui Presidennya yang juga Perdana Menteri yang cuba melakukan penyesuaian ke atas dasar untuk memastikan kekuatannya bukan kepada ideologi tetapi kepuyaan mengubahsui untuk kepentingan Melayu, Islam dan negara, lihat Wan Hashim Wan Teh, *UMNO Dalam Arus Perubahan Politik Kebangsaan*, Kuala Lumpur: MAHIR, hlm.91.

10. "Malaysia Recognised As An Islamic State, says PM", *The Star*, 18 September 2002.
11. Jomo, K.S.; Ahmed Shabery Cheek (1988), "The Politics Of Malaysia's Islamic Resurgence", *Third World Quarterly*, 10:2, London: University Of London, hlm.843.
12. Camroux, David (1996), "State Responses To Islamic Resurgence In Malaysia: Accommodation, Co-Option, and Confrontation", *Asian Survey*, Vol:XXXVI: 9, California: University Of California, hlm.855. Lewat 1970-an memaparkan satu perubahan apabila Islam menjadi asas untuk mengukuhkan kedudukan politik baik parti pemerintah mahupun pembangkang. DEB boleh dianggap turut memainkan peranan kerana pada ketika ini, persoalan bangsa memuncak yakni selepas peristiwa 13 Mei 1969. Islam sebagai agama orang Melayu dianggap penting untuk membentuk identiti orang Melayu berdasarkan kepada sistem nilai yang disediakan di bawah sistem ini. Ini secara langsung akan membolehkan agama menjadi asas kepada sistem dan identiti masyarakat Melayu, lihat Husin Mutalib (1993), *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*, Singapore: National University Press, hlm.17-47. Konsep Islam dianggap antara elemen yang boleh diguna untuk memulihkan kedudukan orang Melayu supaya ketidakadilan selama ini boleh diatasi. Fenomena kehadiran beberapa kumpulan pendakwah seperti Tabligh dan di bawah payung PERKIM juga memperlihatkan kepelbagaian dalam idea dan cara sebaran agama Islam berbanding dengan sebelum ini, lihat Fred R.Von der Mehden (1980), "Islamic Resurgence In Malaysia", dalam John L.esposito (ed.), *Islam And Development: Religion And Sociopolitical Change*, New York: Syracuse University Press, hlm.163-180.
13. PAS juga dilihat antara penyumbang kepada kebangkitan Islam pada tahun 1970-an yang sering memperlihatkan parti mereka sebagai parti Islam pembangkang, lihat Fred R.Von der Mehden (1980), "Islamic Resurgence In Malaysia", dalam John L.esposito (ed.), *Islam And Development: Religion And Sociopolitical Change*, New York: Syracuse University Press, hlm.177-178. Fahaman fanatik mereka sebelum 1969 berubah ketika berada dalam Barisan Nasional dari 1973 sehingga 1978 sebelum kepimpinan parti tersebut mengambil keputusan untuk keluar dari parti kerajaan. Konflik fahaman antara golongan sederhana dan fanatik yang turut melahirkan permusuhan "intra-Melayu" menjadi ketara pada awal 1980-an kerana PAS yang menjadi rakan UMNO dalam Barisan Nasional ketika itu tidak begitu agresif dalam tindakan mereka dan kedua, golongan yang berbeza pendapat terutama golongan ulama dan cendekiawan Islam berada di bawah satu bumbung, maka perbezaan diketepikan untuk kepentingan bersama, terutama melalui persaudaraan "ummah". PAS kembali menjadi parti radikal sejajar dengan perkembangan pada ketika itu apabila ramai bekas pemimpin ABIM yang menyertai PAS bersedia menggunakan Islam untuk mengatasi sokongan ke atas UMNO. Sewaktu PAS menyertai BN, *vakuum* perjuangan Islam diambil-alih oleh ABIM, pergerakan yang menekankan Islamisasi dan demokrasi yang turut menekankan "Islam Dahulu, Melayu Kemudian" sejak 1969, lihat Husin Mutalib (1993), *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*, Singapore: National University Press.
14. Golongan yang mahu Malaysia menjadi "negara Islam" menganggap ungkapan tertentu dalam Perlembagaan hanya berbentuk simbolik. Lebih daripada itu, mereka mempertahankan hukum syariah dan hukum hudud, Husin Mutalib, (1993), *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*, Singapore: National University Press, hlm.78-126. Terjemahan seperti ini menyebabkan ada penganalisis yang melihat ia akan menyebabkan masyarakat Melayu terus mundur kerana pada ketika kemunculan mereka, kerajaan juga membentuk beberapa dasar untuk membangunkan masyarakat Melayu,

- lihat Milne, R.S; Mauzy, Diane (1999), *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge, hlm.80-102.
15. Ulasan buku ini boleh ditemui dalam Lampiran 1.
 16. *Op.cit*, hlm.84.
 17. "Dr M Clarifies Views On Islam", *The Star*, 18 April 2002.
 18. *Ibid*.
 19. Hambali Abdul Latiff (2001), *Dr. Mahathir—Amanah & Visi*, Selangor: Penerbitan Wadah Karya, hlm.31-38.
 20. Ia banyak dibincangkan terutama dalam penulisan "The Challenge" malahan banyak ucapan beliau turut menjurus kepada persoalan ini. Untuk penelitian terperinci ucapan terpilih berkenaan dengan isu Islam, lihat Hashim Makaruddin (2001), *Islam & The Muslim Ummah*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
 21. Mahathir Mohamad (2000), "Muslim Honour and Dignity Under Assault", ucapan yang disampaikan di 9th Islamic Summit Conference di Doha, Qatar, 12 November 2000.
 22. Mahathir Mohamad (1997), "Learning From The Lessons Of History", ucapan beliau di Persidangan Serantau "Towards the 21st Century: Reformation and Challenges for Muslims in the Region", di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 22 Ogos 1997.
 23. *Ibid*.
 24. Ucapan bertajuk "The Future Of Muslims In The 21 st Century", disampaikan di pertemuan dengan golongan intelektual dan profesional Muslim di London, 3 Oktober 2000.
 25. Mahathir Mohamad (1997), "Learning From The Lessons Of History", ucapan beliau di Persidangan Serantau "Towards the 21st Century: Reformation and Challenges for Muslims in the Region," di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 22 Ogos 1997. Ini selari dengan pandangan Bernard Lewis bahawa dunia Islam satu ketika mendahului ketamadunan manusia serta pencapaian yang menakjubkan tetapi ia terpinggir dalam era moden ini. Beliau menganggap Islam pada hari ini sudah menjadi "intolerant, insular, and obsessed with its own victimisation", lihat "Islamic Studies" Young Turks", *New Sunday Times*, 16 Februari 2003.
 26. Milne, R.S; Mauzy, Diane (1999), *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge, hlm.84.
 27. *Ibid*.
 28. Axiz Zariza Ahmad (1990), *Mahathir: Triumph and Trials*, Kuala Lumpur: S.Abdul Majeed & Co, hlm.123.
 29. Ismail Ibrahim (2002), *Pemikiran Dr. Mahathir Tentang Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Bab 5 menyentuh hubungan tersebut dengan lebih mendalam.
 30. Mahathir Mohamad (1976), *The Challenge*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.105. Mahathir menyatakan bahawa—*something bad can be interpreted as being good by Muslims when they have a leader who deviates from the norm. And such are the consequences. The fault is not in Islam but in Islamic leaders who are not above making mistakes and yielding to base impulses. If all Muslim leaders shared a common interpretation of Islamic teachings, Muslims would not be divided.*
 31. Ucapan bertajuk "Cooperation For Growth", disampaikan di 1st Summit of the Group of Eight Islamic Developing Countries (D8) di Istanbul, Turki 15 Jun 1997. Beliau menyatakan bahawa—*where are the Muslim greats of our age? We seem incapable of producing them. Yes, we have a few political leaders but they have not built great nations, much less, great civilizations. They are known mainly for the controversies they attract and it is unlikely that they will be remembered as the great Muslim scholars of the past are remembered and revered by.*
 32. *Ibid*.

33. *Ibid.*
34. Khoo Boo Teik (1995), *Paradoxes of Mahathirism*, Singapore: Oxford University Press, hlm.166.
35. Milne, R.S; Mauzy, Diane (1999), *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge; Mahathir Mohamad (1976), *The Challenge*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
36. Mahathir Mohamad, *A New Deal For Asia*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm.41-43; Jurij Hj Jalaludin (1991), *Wawasan 2020: Aspek Politik dan Sosial*, Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd, hlm.47-68.
37. *Ibid.*, hlm. 220.
38. Martinez, Patricia (2001), "Mahathir, Islam And The New Malay Dilemma", dalam Ho Khai Leong dan James Chin (eds.) (2001), *Mahathir's Administration: Performance and Crisis in Governance*, Singapore: Times Books International, hlm. 216.
39. *Ibid.*
40. Annual Bakri Hj Haron & Kamarul Zaman Hj.Yusoff (2001), *Mendekuti Pemikiran Islam Dr. Mahathir*, Kelantan: Pustaka Qamar dan *Negara Islam* (2002), Kelantan: Pustaka Qamar.
41. Apa yang jelas adalah artikulasi Islam Mahathir berasaskan kepada *reason, logic* dan *sound argument* yakni dengan merujuk kepada al-Quran dan sunnah.
42. "Dr M Clarifies Views on Islam", *The Star*, 28 April 2002. Ucapan beliau di pertemuan dengan 200 intelektual, *think tank* dan Ahli Parlimen Maghribi.
43. "Progress Through Path of Peace", *The Star*, 24 Februari 2002.
44. *Ibid.*
45. *Ibid.*
46. Ucapan ini dibuat ketika melawat Universiti Al-Azhar pada 27 Januari 2003. Kelantangan ini disuarakan di hadapan pemimpin Universiti al-Azhar, Grand Sheikh Al-Azhar, Dr. Mohammad Sayed Tantawi. Penampilan Mahathir dengan isu Islam telah mendapat pengiktirafan universiti tersebut dan merupakan satu-satunya pemimpin asing yang diberi penghormatan untuk berucap dalam tempoh masa 50 tahun. Juga rujuk "PM Mendapat Penghormatan di Al-Azhar", *Utusan Malaysia*, 22 Januari 2003.
47. Mahathir Mohamad (1976), *The Challenge*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
48. Salah satu elemen yang turut mempengaruhi legitimasi politik Mahathir adalah kemajuan bidang sains dan teknokratik. Ulasan yang lebih lanjut dapat dilihat dalam bab 3.
49. Mahathir Mohamad (1997), "Learning From The Lessons Of History", ucapan beliau di Persidangan Serantau "Towards the 21st Century: Reformation and Challenges for Muslims in the Region", di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 22 Ogos 1997.
50. Ucapan bertajuk "Islam is Not an Obstacle to Progress", disampaikan di Riseap 9 th. Assembly—15 th Anniversary Celebration di Kuala Lumpur pada 6 September 1996.
51. *Ibid.*
52. "Dr M: No Funds Even For UMNO Run SARs", *The Star*, 14 Februari 2003. Beliau menambah jika kesemua masyarakat Islam hanya mempelajari berkenaan dengan agama Islam, maka tidak ada doktor, peguam, arkitek, jurutera atau ketua tentera beragama Islam.
53. Khoo Boo Teik (1995), *Paradoxes Of Mahathirism*, Singapura: Oxford University Press, hlm.169.
54. Ucapan bertajuk "*Islam and the Muslim Ummah*", disampaikan di Conferment of the King Faisal International Prize di Riyadh, Arab Saudi pada 22 Mac 1997.
55. *Ibid.* Juga wawancara bersama "Talk Asia", CNN. Manuskrip yang dicetak oleh akhbar, "Interview With CNN", *The Star*, 13 Oktober 2002.
56. Syed Azman Syed Ahmad (1999), "Contemporary Islamic Revivalists Movement In Malaysian Politics—Some Implications To Malaysia—Japan Relations", Kertas Kerja

- yang dibentangkan di Japan Institute of International Affairs, Tokyo. Khoo Boo Teik pula menganggap Mahathir menggunakan institusi pendidikan, kualiti kekayaan dan sikap bekerja sebagai kunci untuk mengukuhkan kedudukan agama Islam, lihat Khoo Boo Teik (1995), *Paradoxes Of Mahathirism*, Singapura: Oxford University Press, hlm.175.
59. Huntington, Samuel (1997), *The Clash of Civilizations: Remaking of World Order*, USA: Simon & Schuster.
 58. Disuarakan oleh Mahathir di Persidangan Perwakilan ke-30 Parti Gerakan Rakyat Malaysia di Menara Parti Gerakan Rakyat Malaysia, Kuala Lumpur pada 29 September 2001— "UMNO ingin menyatakan secara terang-terang bahawa Malaysia adalah negara Islam. Pendapat ini berasas kepada pendapat ramai daripada ulama pada zaman dahulu yang telah menjelaskan apa dia negara Islam. Untuk pengetahuan umum seorang ulama telah menulis buku yag bertajuk *Malaysia Adalah Sebuah Negara Islam*.
 59. "Negara Yang Bermaruah", ucapan pertama sebagai Presiden UMNO di Perhimpunan Agung UMNO, Hotel Hilton Kuala Lumpur, 10 September 1982.
 60. Ucapan bertajuk "The Future Of Muslims In The 21 st century", disampaikan dalam pertemuan dengan golongan intelektual dan profesional di London, 3 Oktober 2000. Mahathir sering mengutamakan *unity of Muslim* dan membandingkan dengan kelemahan orang Muslim yang masih bertelagah berbanding zaman sebelumnya.
 61. Mohamad Abu Bakar (2002), *Polemik Negara Islam dan Pembudayaan Politik Malaysia*, Selangor: Institut Perkembangan Minda.
 62. Hambali Abdul Latiff (2001), *Dr. Mahathir —Amanah & Visi*, Selangor: Penerbitan Wadah Karya, hlm. 42.
 63. Martinez, Patricia (2001), "Mahathir, Islam and the New Malay Dilemma", dalam Ho Khai Leong dan James Chin (eds.) (2001), *Mahathir's Administration: Performance and Crisis in Governance*, Singapore: Times Books International.
 64. Pernyataan "bangsa" dan "agama" sering diguna bersama dengan pernyataan kekayaan material untuk program pembangunan. Kemelayaan dan Islam merupakan konsep yang diguna untuk membina dasar-dasar kemajuan masyarakat dan kadang-kadang dilihat sebagai strategi untuk membangunkan masyarakat dan membina legitimasi.
 65. Mahathir Mohamad (2000), Ucapan bertajuk "Melayu Perlu Semai Budaya Baru", disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada 11 Mei 2000.
 66. *New Straits Times*, 25 Februari 1997.
 67. Ramai penganalisis telah melihat aspek Anwarisme termasuklah, Husin Mutalib (1993), *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*, Singapore: National University Press; Nagata, Judith (1984), *The Reflowering of Malaysian Islam*, Kanada: University Of British Columbia Press; Syed Ahmad Hussein (2002), "Muslim Politics And The Discourse On Democracy", dalam Francis Loh Kok Wah dan Khoo Boo Teik (eds.) (2002), *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices*, Britain: Curzon.
 68. Beliau mengalahkan Dato' Suhaimi Kamaruddin dengan kelebihan 10 undi (183-173 undi).
 69. Bruce Gale (1986), *Readings In Mplaysian Politics*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm. 91-93.
 70. Beliau dipecat kerana salah laku peribadi sebagaimana yang diterangkan di Bab 6.
 71. Katalog UIA.
 72. Ucapan bertajuk "Negara yang Bermaruah", ucapan pertama beliau sebagai Presiden UMNO, 10 September 1982.
 73. *Ibid*.
 74. "Bank Islam Kedua", *Utusan Malaysia*, 22 Mac 1999.
 75. "Rakyat Malaysia Ketuai IIFM", *Berita Harian*, 14 Mac 2002.
 76. "Islamic Papers Much Sought After", *The Star*, 8 Februari 2003.
 77. "First Islamic Global Bonds Set To Take Off", *The Star*, 13 Januari 2002.
 78. "Sistem Kewangan Islam Malaysia Paling Maju", *Berita Harian*, 2 Oktober 2002.

PERANAN ISLAM DALAM PENTADBIRAN

- Kertas kerja bertajuk "Perbankan Islam dan Titik Pertemuannya Dengan Tradisi Ekonomi Melayu", yang dibentangkan oleh Pengerusi Eksekutif BIMB Sekuriti Sdn.Bhd, Datuk Dr. Abdul Halim Ismail dalam Persidangan Tamadun Melayu Pertama.
79. *Harakah*, 26 Januari 1983.
 80. Selepas pilihan raya tahun 1999, UMNO berusaha untuk mengembangkan sayap Islamisasinya melalui misi dakwah mereka. Antaranya undang-undang syariah negeri diminta membuat pindaan untuk melarang orang Muslim daripada amalan songsang daripada ajaran Islam sebenar. Johor memperkenalkan hukuman sebat dan penjara untuk hubungan sejenis termasuk pelacuran. Perlis pula memperkenalkan undang-undang murtad untuk mereka yang masuk Islam di bawah Perlindungan Qidah Islamiah di bawah Pusat Islam JPM. Beberapa kenyataan jelas diguna untuk mengembalikan legitimasi melalui dasar Islamisasi. Antaranya memantau khutbah yang seragam serta aktiviti di masjid, menyeragamkan kurikulum di sekolah agama yang kebanyakannya di bawah orientasi negeri dan swasta. Selain daripada itu, kerajaan bertindak untuk mengadakan kelas mingguan untuk pekerja JPA beragama Islam tetapi masih belum dimulakan lagi.
 81. Hampir 195 buku telah diharam pada tahun 1999 dan JAKIM turut mendapati kewujudan hampir 94 jenis ajaran sesat yang didapati wujud sejak 1994. *Deviant* juga turut dirujuk kepada parti politik pembangkang malahan pada Jun 1999 ada kenyataan yang dikeluarkan oleh UMNO menganggap PAS memiliki ciri-ciri asas yang sama dengan kumpulan *deviant*. Walaupun *deviant* ini tidak dinyatakan dengan jelas, tetapi ia lazimnya mendapat publisiti media, terutama jika ada kaitan dengan pembangkang. Malahan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk hal-ehwal Islam, Abdul Hamid Zainal Abidin menganggap kehadiran 17 pertubuhan ajaran sesat Islam adalah ancaman kepada keselamatan negara, lihat *Straits Times* (Singapore), 9 Jun 2001.
 82. Pertubuhan Islam lanjutan daripada Tarekat Muhammadiyah yang diasaskan oleh Syeikh Suhaimi dan kemudian diperkembangkan oleh Hj.Ashaari Mohammad. Ditubuhkan pada tahun 1968, Darul Arqam berusaha menjadikan Islam sebagai 'the way of life'. Ahli kumpulan merupakan mereka yang seolah-olah *devotion to their leader* yang dianggap karismatik.
 83. "Mengapa Karya Arqam Diharam, Amanat Hadi Tidak?", *Bebas*, keluaran 16-31 Ogos 2000.
 84. Ada yang dihantar ke Pulau Labuan untuk memulakan kehidupan baru.
 85. "Signs Of Al-Arqam Revival", *The Sun*, 7 Oktober 2001.
 86. "Bekas Ahli Al-Arqam Bina Kubur Buatan", *Berita Harian*, 21 Ogos 2002.
 87. Amalan terpesong tidak dirujuk kepada individu sahaja malahan skopnya luas termasuk buku, pergerakan dan parti politik yang fahamannya bertentangan dengan Islam atau Islam yang diamalkan oleh pemerintah. Apa sahaja tindakan di luar batas nilai-nilai keagamaan dianggap sebagai terpesong dan sering dihubung kait dengan beberapa elemen institusi kemasyarakatan.
 88. PAS Terengganu mengakui salah seorang anggota Al-Maunah adalah Ketua Pemuda Bahagian. Begitu juga di cawangan Kg.Batu 28, Johor; Cawangan Pagoh mengakui ia diketuai oleh pemimpin kumpulan Al-Maunah. Kumpulan Al-Maunah ini pernah menggunakan *Harakah* untuk mengiklankan kegiatan mereka di dalam usaha mencari ahli baru, lihat "Mengapa PAS Membisu", *Bebas*, keluaran 16 - 31 Julai 2000. Mereka menggunakan ruang iklan *Harakah* bertujuan memperkenalkan ia sebagai persatuan silat yang menekankan perjuangan Islam untuk menubuhkan kerajaan Islam, lihat "Fadzil Noor Cuba Berhelah", *Bebas*, 16 Ogos 31 Ogos 2000. Ada yang beranggapan Al-Maunah telah meranapkan hubungan DAP-PAS. Ini kerana DAP dikatakan tidak boleh bekerjasama dengan PAS kerana sifat militan yang mencetuskan peristiwa Sauk, "DAP Terperangkap Dalam Jubah PAS", *Bebas*, keluaran 16 - 31 Ogos 2000.
 89. "Antara Penderhaka Memali dan Jenalik", *Mingguan Malaysia*, 4 Ogos 2000. Peristiwa

Memali adalah peristiwa di mana Ibrahim Libya dan pengikutnya cuba menentang kerajaan.

90. Majlis Fatwa Kebangsaan dan Majlis Fatwa Negeri Kedah sudah membuat keputusan bahawa kematian Ibrahim Libya dan pengikutnya bukan mati syahid walaupun Fadzil Noor berkeras mempertahankan pendirian PAS ke atas isu tersebut, "PAS Usah Berfatwa Sendiri", *Mingguan Malaysia*, 3 Mac 2002.
91. 3 daripada 19 ahli kumpulan ini dihukum gantung sampai mati manakala 16 lagi dipenjarakan seumur hidup, "Three To Hang", *The Star*, 29 Disember 2001.
92. "PM: It Began With False Accusations", *The Star*, 20 Julai 2000.
93. "Reject Extermism and Politics of Hatred", *The Star*, 23 Julai 2000.
94. Antaranya adalah strategi yang berbentuk offensif iaitu langkah RTM menyiarkan beberapa insiden Memali di Kedah untuk selama hampir 2 bulan dalam bentuk tiga bahagian, lihat "Programme of Memali To Continue Over RTM", *The Star*, 22 Februari 2002. Ini diikuti dengan Amanat Hadi yang dianggap mengkafirkan UMNO. Begitu juga dengan ucapan tertentu pemimpin pembangkang yang mengkritik kerajaan, termasuklah ucapan Ahmad Bustamin yang menyatakan "Mahathir menonton video lucu bersama cucu" dan label "baru" oleh Nik Aziz ke atas penyokong BN. Malahan klip video Fadzil Noor menyamakan Badwi membela unta dan babi turut dipertontonkan. Ia dianggap taktik kotor pembangkang yang disiarkan oleh RTM selama satu atau dua minit supaya masyarakat dapat membuat penilaian siapakah sebenarnya ulama serta kemungkaran golongan yang bergelar radikal agama, lihat "RTM To Air Incidents From Black Pages", *The Star*, 11 Mac 2002. Penulis menganggap penyiaran sedutan ucapan pembangkang memberi kesan besar ke atas psikologi masyarakat moden memandangkan lazimnya isu-isu ini dilabel sebagai sandiwara kerajaan. Usaha Kementerian Penerangan ini dilihat adalah untuk memulihkan kepercayaan rakyat ke atas kepimpinan Mahathir dan menghapuskan kekeliruan yang timbul sama ada kenyataan yang dibuat adalah benar atau rekaan sesuatu pihak. Kejayaan PAS pada masa hadapan bergantung kepada pengubahsuaian yang berani parti tersebut lakukan untuk kepentingan kesemua kaum memandangkan ada beberapa dasar yang dianggap keterlaluan, misalnya kerajaan PAS Terengganu yang mahu mengenakan kharaj (cukai) atau 5-10% daripada pendapatan tetap setiap tahun masyarakat bukan Islam di negeri tersebut. Tindakan tersebut mendatangkan kritikan terutama di kalangan masyarakat bukan Islam yang menganggap ia bertentangan dengan sensitiviti hidup pelbagai masyarakat, lihat "Kadar Kharaj Diumum", *Utusan Malaysia*, 6 Disember 1999. Begitu juga dengan kenyataan ADUN PAS Semanta Palung, Idris Omar yang menyatakan adalah tanggungjawab orang Muslim untuk meruntuhkan *statues of worship*. Di Terengganu, kedai-kedai judi ditutup oleh Hadi yang turut meruntuhkan replika kura-kura di bandar tersebut. Arak juga diharam di restoran bukan Islam dan beliau mahu Bursa Saham di Kuala Lumpur ditutup. Lawatan Mahathir ke China turut dipolitikkan oleh PAS apabila Timbalan Pesuruhjaya PAS Perlis, Aziz Hanafi mengkritik lawatan tersebut kerana boleh membawa masuk "pengundi hantu" kerana wajah mereka yang sama dengan masyarakat Cina Malaysia, lihat "PAS Continues With Inconsilencies", *The Star*, 8 Mei 2001. Pada tahun yang sama, PAS memboikot sambutan Hari Kebangsaan di Kedah kerana sikap memadam lampu beberapa saat sebelum tengah malam yang dianggap cara orang Kristian menyambut Tahun Baru, lihat "Another of PAS Separate Moves" *The Star*, 27 Ogos 1999. Ahli Parlimen Parit Buntar Datuk Dr. Hassan Ali pula mengkritik sikap peninju lelaki dan wanita dan mahu lebih banyak tapisan bagi adegan dari siri drama Jepun. Di bawah Mahathir, sistem perundangan Islam telah mendapat perhatian yang besar. Ini termasuklah perubahan status Mahkamah Syariah yang diberi bidang kuasa yang lebih besar walaupun ia bukan berdasar undang-undang jenayah Islam. Mahkamah Syariah juga diberi kuasa seperti Majistret di bawah Undang-undang Sivil. Ini termasuklah berfungsi tanpa campur tangan mana-mana Mahkamah Awam. Majlis Hal-Ehwal

Islam kebangsaan juga telah bertemu untuk membincangkan keseragaman undang-undang syariah memandangkan apabila kerajaan negeri membuat keputusan, banyak masalah timbul. Antaranya, poligami yang dibawa oleh kerajaan Perlis supaya rakyat Malaysia tidak pergi ke Thailand untuk berkahwin, lihat "PM To Chair Meeting On Syariah", *The Star*, 14 Januari 2003. Undang-undang telah diminta untuk diwartakan dengan segera supaya kontroversi isu poligami dapat dihentikan, lihat "PM: Gazette Law", *The Star*, 15 Januari 2003.

95. Maznah Mohamad (2001), "PAS vs UMNO", *Aliran Monthly*, 21:4, Pulau Pinang: Aliran. Perkembangan dasar dan program serta politik baru sejak pemecatan Anwar membawa kepada dilema baru Mahathir. Anwar juga dikaitkan dengan kumpulan radikal dan menjejaskan perhubungan antarabangsa untuk menafikan kestabilan kerajaan. Kenyataan ini dibuat oleh Amy Ridenous, Presiden National Centre for Public Research, *Washington Times*, 15 Ogos 2001. Dalam ruangan komen akhbar tersebut, beliau menambah lawatan Wan Azizah adalah usaha menagih simpati melalui belas kasihan luaran. Anwar dikatakan pernah bertemu Ayatollah Khomeini ketika menjadi Presiden ABIM yang aktif sebagai pergerakan Islam, lihat "Don't Be Fooled Into Backing Anwar, US Warned", *The Star*, 17 Ogos 2001. Legitimasi politik UMNO dikatakan jatuh selepas krisis Anwar Ibrahim mengambil tempat yang membawa kepada lahirnya pergerakan reformasi. PAS mengambil peluang ini untuk mencanangkan konsep masyarakat madani sebagai alternatif kepada UMNO. UMNO dilihat mengguna dua cara untuk memulihkan legitimasinya, iaitu dengan mengumpun undi bukan Melayu dan kedua melambatkan proses dengan mereka yang bertentangan pendapat, lihat Maznah Mohamad (2001), "The Challenge Of Islam Within And Beyond Democracy", *Aliran Monthly*, 21:9, Pulau Pinang: Aliran. Ini telah menjadi pola pengundian dalam pilihan raya ke-10, 29 November 1999. Wujud dua jenis corak pengundian di kalangan orang Melayu dan bukan Melayu. Selepas kejayaan pilihan raya 1999, PAS sudah mula berura-ura untuk mengambil ahli bukan Melayu walaupun ia dianggap berbentuk *associate* di dalam Mukhtar PAS 2000, lihat "Non-Muslims Membership: All Must Agree", *New Straits Times*, 2 Jun 2000. Di kalangan orang Melayu, ia dilihat protes ke atas UMNO yang dianggap pejuang ketidakadilan dan kronisme manakala bagi bukan Melayu, ia sebagai medan pembentukan negara Islam terutama agenda PAS. Kempen pilihan raya juga melihat jentera BN, media dimaksimumkan pergerakannya dengan pelbagai taktik untuk meraih undi. Corak yang lama yang bergantung kepada ancaman masalah perkauman serta pengantungan kepada pembangunan ekonomi tidak lagi menjadi keutamaan berbanding isu agama dan keadilan. Ini membawa kepada pilihan baru dalam corak kempen pilihan raya.
96. Mustafa Anwar (2002), "The Mousedeer, The 'Taliban' and A Sorry State", *Aliran Monthly*, 22:7, Pulau Pinang: Aliran.
97. *The Star*, 16 Julai 1982. Pada waktu yang sama menganggap bahawa Malaysia sememangnya sebuah negara Islam dan persoalan yang timbul adalah—*whether you are or are not Islamic*, lihat *The Star*, 5 Mac 1982.
98. Ucapan bertajuk "Negara yang Bermaruah", ucapan pertama beliau sebagai Presiden UMNO, 10 September 1982.
99. Ini timbul selepas pilihan raya tahun 1999 apabila PAS berjaya menguasai Terengganu dan kekal memerintah di Kelantan. Pilihan raya itu juga melihat jatuhnya sokongan ke atas UMNO dan peningkatan undi PAS. Antara strategi yang boleh digunakan oleh UMNO untuk memulihkan sokongan adalah dengan mengukuhkan dasar Islamisasinya.
100. Muhammad Abu Bakar (2002), *Polemik Negara Islam*, Selangor: Institut Perkembangan MINDA (INMIND), hlm.1-2.
101. Ucapan di Perhimpunan Agung Parti GERAKAN tahun 2001. Pendirian Malaysia adalah negara Islam diulangi dalam ucapan beliau ketika jamuan makan malam anjuran Majlis Perniagaan US-Asean sewaktu melawat Amerika, lihat "AS Assured of

- Malaysia's Support", *New Straits Times*, 16 Mei 2002. Begitu juga ketika majlis pertabalan YDPA Tuanku Sirajuddin Syed Putra, beliau menyatakan bahawa kerajaan akan terus mempertahankan Islam sebagai agama rasmi dan memastikan kebebasan beragama masyarakat lain, lihat "Govt Will Continue To Uphold Islam's Status", *The Star*, 26 April 2002.
102. "We're Islamic Fundamentalist State, says PM", *The Star*, 18 Jun 2002. Ini merupakan jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Datuk Ahmad Zahid Hamidi (BN-Bagan Dato) di Dewan Rakyat. Beliau menyatakan 15 tahun yang lepas, beliau dilabel oleh media Barat sebagai fundamentalis dan hari ini beliau tidak berasa malu untuk menganggap diri beliau sebagai fundamentalis Islam.
 103. *Ibid*.
 104. "Malaysia Recognised As An Islamic State, says PM", *The Star*, 18 September 2002.
 105. "Lim: Danger In Islamic State Plan", *The Star*, 19 Ogos 2001. Yang menariknya DAP bersedia untuk bekerjasama dengan PAS dalam pilihan raya 1999 walaupun bertentangan ideologi, lihat "Pakatan Pembangkang", *Utusan Malaysia*, 29 April 1999. Satu ketika, Karpal Singh ada membuat kenyataan "langkah mayat saya dulu sebelum tegak negara Islam" tetapi memohon maaf kemudiannya walaupun terus menentang pembentukan tersebut, lihat "DAP Tetap Menentang", *Mingguan Malaysia*, 7 Februari 1999. PAS pula sebaliknya terus menekankan bahawa jika ia berkuasa, kerajaan Islam pasti ditubuhkan di Malaysia, lihat "Hadi: PAS Sure About Setting Up An Islamic State", *The Star*, 28 Jun 2001. Abdullah Badawi berpendapat PAS membuat helah dengan meminta Perdana Menteri mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam supaya mereka tidak perlu membuat penerangan bentuk negara Islam yang hendak ditubuhkan, lihat "Isytihar Malaysia Negara Islam Hanya Helah PAS—Abdullah", *Mingguan Malaysia*, 9 September 2001. Penyebaran berita DAP menolak negara Islam juga tidak penting bagi PAS tetapi UMNO yang sebenarnya dilihat oleh mereka menolak negara Islam, lihat "UMNO Tolak Negara Islam—Nik Aziz", *Harakah*, 12 Februari 1999. Ini turut membawa kepada DAP keluar dari pakatan pembangkang selepas kesemua rundingan mengenai penubuhan negara Islam menemui jalan buntu, lihat "Keluar Pakatan", *Mingguan Malaysia*, 23 September 2001.
 106. "Kuan Yew Concerned Over PAS Influence", *The Star*, 17 Ogos 2001.
 107. Muhamad Abu Bakar (2002), *Polemik Negara Islam*, Selangor: Institut Perkembangan MINDA, hlm. 5. Bagi PAS deklarasi tersebut lebih berbentuk sandiwara, lihat *Harakah*, 16-31 Oktober 2001. Bagi Subky Latif, ia baru mencapai peringkat berkhatan, lihat *Harakah*, 1-15 November 2001. Mahathir dilihat tidak mampu membuat perubahan drastik ke atas dasar Islam kerana di bawah Artikel 95B (1) A Perlembagaan, Islam merupakan jurisdiksi setiap negeri dan sultan negeri tersebut. Hanya negeri-negeri tersebut boleh membuat perubahan ke atas undang-undang Islam.
 108. Patricia, Martinez (2002), "The Islamic State or The State of Islam in Malaysia", *Contemporary Southeast Asia*, Vol:23:3, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, hlm.474-503.
 109. Dibawa ke Dewan Undangan Negeri pada 7 Julai 2002, "Hadi: Hudud Bill Will Be Tabled", *The Star*, 17 Jun 2002. Hukum hudud dikatakan mendiskriminasi kaum wanita, misalnya, seorang yang dirogol jika tiada bukti yang nyata maka mangsa dianggap melakukan zina dan boleh membawa hukuman 80 kali sebatan, lihat "Hukum Hudud Menindas Wanita", *Mingguan Malaysia*, 2 Jun 2002. Undang-undang ini diluluskan oleh kerajaan Terengganu pada 8 Julai 2002, lihat "Terengganu Passes Hudud Bill", *New Straits Times*, 9 Julai 2002. Undang-undang yang sama diluluskan oleh Kelantan pada tahun 1993 tetapi belum dilaksanakan dan mendakwa halangan luaran, lihat "Hukuman Jenayah Syariah PAS Cemar Kesucian Islam", *Berita Harian*, 10 Julai 2002. Undang-undang yang cuba dikemukakan oleh PAS dikatakan diambil daripada undang-undang Islam Wilayah Persekutuan yang diluluskan di Parlimen pada tahun 1993 dan 1998, lihat

PERANAN ISLAM DALAM PENTADBIRAN

- "PAS Rapped For 'Pirating' Laws", *The Star*, 27 Ogos 2001.
110. Ini bukan isu yang baru kerana sudah wujud sejak tahun 1960-an lagi.
 111. Bekas Menteri Besar Terengganu dan Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat. Beliau dilantik menjadi Presiden parti PAS berikutan kematian Fadzil Noor, bekas Presiden dan Ketua Pembangkang.
 112. Ini merupakan label yang diberikan ke atas ucapan beliau pada 7 April 1981 di Banggol Pradong, Terengganu.
 113. Isu PAS mengkafirkan UMNO bukan satu perkara baru dalam politik intra-Melayu. Pada tahun 1959, Allahyarham Haji Omar, Tok Guru PAS telah mengkafirkan ahli UMNO dan ditahan di bawah ISA akibat perbuatan tersebut. Ogos 1963, Dewan Ulama PAS Kelantan mengeluarkan fatwa menghukum orang Islam yang bekerjasama dengan orang bukan Islam sebagai kafir. Selepas PAS keluar dari BN pada tahun 1978, Dewan Ulama PAS Kelantan menuduh orang UMNO sebagai kafir kerana tidak melaksanakan hukum Allah. Pada tahun 1981, Tok Wali Pak Cu Hassan mengeluarkan fatwa menghukum penyokong BN sebagai kafir sehingga menganggap mereka sebagai murtad tidak sah dijadikan imam sembahyang, tidak halal makan sembelihan dan tidak sah perkahwinannya, untuk keterangan lebih terperinci sila rujuk halaman <http://www.Geocities.com/eureka9082/page13.html> dilayari pada 2 Oktober 2002. Isu ini juga menyebabkan lahirnya pusat sembahyang Jumaat berasingan di kariah yang sama, mengambil tindakan sembahyang jemaah berasingan di dalam masjid seperti di Gong Pasir, Besut dan Alor Limbat, Marang. Berlaku juga perceraian kerana berlainan parti dan kubur juga berasingan seperti di Gong Medang, Tembila, Besut dan di Kg.Cik Long, Setiu. Sila rujuk <http://fantrealika.tripod.com/seleweng3.htm> dilayari pada 2 Oktober 2002. Isu dua imam juga berlaku di Masjid Ar-Rahman Universiti Malaya yang mendapat perhatian akhbar sepanjang Ogos 2001.
 114. "Bukan Saya Kafirkan UMNO", *Mingguan Malaysia*, 13 Ogos 2000.
 115. "Hadi Awang Telah Terlanjur", *Mingguan Malaysia*, 13 Ogos 2000.
 116. "Undi PAS Dapat Pahala, Tak Salah, Kata Nik Aziz", *Bebas*, keluaran 16-28 Februari 2002.
 117. "PAS Accusation Malicious, says Mahathir", *The Star*, 9 Mac 2002.
 118. "Danger Posed By PAS True", *New Sunday Times*, 9 September 2001.
 119. *Ibid*.
 120. "DAP: Terengganu Move Feudalistic", *The Star*, 21 April 2002.
 121. "Dress Code Comes Under Heavy Fire", *The Star*, 24 Oktober 2002.
 122. "Bukan Saya Kafirkan UMNO", *Mingguan Malaysia*, 13 Ogos 2000.
 123. "Ban On Posters Of Women With No Tudung", *The Star*, 23 Januari 2003.
 124. Di Terengganu, ia diimplementasi pada Julai 2000.
 125. "ZAM: PAS Policies Repressive", *The Star*, 21 September 2002.
 126. "We Want to Curb Immorality", *The Star*, 26 Januari 2003.
 127. Senator Jamilah Ibrahim mencadangkan perkara ini ketika berdebat mengenai Pindaan Bil 2001 *Penal Code* di Dewan Negara pada 16 Ogos 2001.
 128. "Dr M: No Funds Even For UMNO-Run SAR", *The Star*, 14 Februari 2003. Beliau menganggap ia tidak ditutup tetapi menghentikan bantuan kewangan memandangkan kerajaan tidak pernah menubuhkannya. Beliau menyatakan ia terpaksa dihentikan kerana sekolah tersebut mula mengajar politik membenci kerajaan atau sekolah politik. Contoh yang diberikan oleh Mahathir adalah anak kepada ahli UMNO kembali dari sekolah tersebut telah meminta ayahnya menurunkan gambar firaun, lihat "No Aid For Religious Schools", *The Star*, 26 Oktober 2003. Pembangkang seringkali memanggil Mahathir sebagai firaun. Pengumuman penarikan bantuan kepada SAR dibuat selepas Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 25 Oktober 2002. SAR menerima RM60 untuk setiap pelajar setiap tahun. Terdapat hampir 66 000 pelajar sekolah menengah dan 8 000 di peringkat sekolah rendah SAR di hampir 260 buah sekolah seluruh negara. Hanya 3.5 peratus pelajar SAR mendapat Gred A dalam subjek Matematik, 2.2 peratus dalam

- subjek Sains. Di dalam mata pelajaran bahasa Inggeris, 44 peratus mendapat Gred E. Kajian UUM dan USM mendapati pelajar SAR sukar mendapat pekerjaan kerana pengajian yang berfokus kepada pendidikan agama, lihat "Making Education An Issue For Political Gains", *The Star*, 19 Januari 2003. Maka tidak hairan jika ada pemimpin PAS seperti Ahli Parlimen Rantau Panjang Abdul Fatah Harun dan Ahli Dewan Undangan Negeri Limbungan, Zainuddin Awang menghantar anak mereka ke sekolah kerajaan dan bukannya SAR seperti anak-anak pemimpin lain seperti Fadzil Noor, Datuk Mustaffa Ali dan Azizan Abdul Razak. Bilangan pelajar yang gagal dalam pengajian mereka di Asia Barat juga tinggi memandangkan aspek pemikiran yang lemah dan mengambil masa antara 8 hingga 11 tahun untuk lulus, lihat "SAR: Ibu Bapa Perlu Pandang Masa Depan", *Berita Harian*, 13 Februari 2003.
129. "A Plan To End Extremism", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 26 Disember 2002 – 2 Januari 2003.
 130. "PM: Wrong Religious Teachings To Blame For Rising Crime Rate", *The Star*, 17 Julai 2003. Beliau menyatakan 90 peratus kesalahn seksual dan seks luar tabii adalah orang Melayu.
 131. Debat berlaku di Pentas Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka pada 16 Februari 2003. Debat tersebut berjudul "Sekolah Agama Rakyat: Cabaran, Masa Depan dan Harapan". Huraian lengkap debat tersebut ada dibuat oleh Profesor Firdaus Abdullah, "Isu Lama dan Pernyataan Bersama", *Mingguan Malaysia*, 23 Februari 2003. Pada tahun 1980-an, wujud cadangan untuk berdebat berkenaan isu kafir-mengafir antara kedua-dua parti tetapi tidak mengambil tempat kerana Majlis Raja-raja mengangap ia akan meninggalkan kesan besar dalam masyarakat Muslim. Pada tahun 2001, sekali lagi debat antara UMNO-PAS digembar-gembur melibatkan kedua-dua Ketua Pemuda, Datuk Hishamuddin dan Mahfuz Omar mengenai hak orang Melayu tetapi dibatalkan. Walaupun begitu, secara tidak rasmi, debat antara UMNO-PAS mengambil tempat di Manchester pada tahun 2001 antara Annuar Musa dan Mahfuz Omar.
 132. Misalnya penggunaan seluar pendek di beberapa sekolah tidak dibenar untuk bersukan, malahan sukan juga tidak digalakkan, lihat "School System 'hijacked'", *New Straits Times*, 26 Disember 2002.
 133. "PM: Acquire Both Spiritual and Academic Knowledge", *The Star*, 28 November 2002.
 134. Ucapan pembukaan Penggal Ke-4 Majlis Parlimen ke-10, Dewan Rakyat, lihat "Seri Paduka Minta Perbetul Konsep Jihad, Mati Syahid", *Berita Harian*, 12 Mac 2002.
 135. "Don't Drag Palace Into SAR Issue, Abdullah Urges PAS", *The Star*, 17 Mac 2003.
 136. *Ibid*.
 137. "Tuhan Didakwa Samseng", *Mingguan Malaysia*, 24 Mac 2002.
 138. "Pejabat Menteri Besar Pertahan Kenyataan 'samseng' Nik Aziz", *Berita Harian*, 24 September 2002. Ungkapan kontroversi beliau adalah, "Al-Jabbar maknanya 'gagah kuasa' ataupun kita (orang Kelantan) panggil 'samseng', Al-Mutakabbir (ertinya) sombong, angkuh. Akulah yang sombong, tak dengar kata orang lain. Itu satu daripada sifat Allah Taala. Samseng pun ada pada Aku. Kalau mu samseng, Aku lebih samseng. Kalau mu jahat, Aku lebih jahat. Kalau mu sombong, Aku lebih sombong".
 139. Beliau memohon maaf tetapi menyatakan bahawa niat beliau adalah untuk menyatakan Mahathir tidak tahu berbahasa Arab.
 140. Hanya dengan kebolehan bertutur bahasa Arab, lulusan dari universiti Asia Tengah tidak menjadikan seseorang sebagai *ready-made* ulama, lihat ucapan oleh Ghafar Baba di Perhimpunan Agung UMNO 1990. Ini kerana ulama yang sebenar mengikut tafsiran kerajaan adalah mereka yang berpengetahuan dan berkebolehan menggunakan pengetahuan untuk memimpin dan meningkatkan taraf hidup bukan sahaja di dunia tetapi juga akhirat. Harakah turut mempersoalkan siapa sebenarnya bergelak ulama berikutan tersiarnya rencana bertajuk "Kepimpinan Ulama – Tetapi Siapakah Ulama?" yang seolah-olah mempertikai tindakan Persatuan Ulama Malaysia (PUM) yang menganggap tulisan beberapa penulis sebagai menghina akidah umat Islam. Nik Aziz berpendapat

PERANAN ISLAM DALAM PENTADBIRAN

- ulama boleh ditegur tetapi tidak boleh dicaci, lihat "Ulama Boleh Ditegur Tak Boleh Dicaci – Nik Aziz", *Mingguan Malaysia*, 24 Februari 2002. Tetapi Najib berpandangan bahawa ini adalah pendekatan PAS untuk mendekati kumpulan sasaran, lihat "Kritik Ulama Taktik PAS", *Mingguan Malaysia*, 24 Februari 2002.
141. Mahathir Mohamad, "Malays and High Education: Summing Up", *Straits Times*, 17 Oktober 1948.
 142. "PM; Criticism Of Ulama Not Insult To Islamic States", *New Straits Times*, 3 April 2002. Isu ini turut dimuat di bawah tajuk "PAS Kecam PM Hina Ulama Depan Ariel Sharon", *Harakah*, edisi 16 – 28 Februari 2002.
 143. "Ulamak Songsang Punca Umat Islam Berpecah: PM", *Berita Harian*, 3 April 2002. Jawapan yang diberikan oleh Mahathir ketika menjawab soalan Datuk Fadzil Noor di Dewan Rakyat.
 144. Ucapan pembukaan Fadzil Noor di Muktamar PAS yang ke-48.
 145. "A Wake-Up Call For Fading PAS Scholars", *The Star*, 4 Jun 2002.
 146. "PAS Tak Gentar Ulama UMNO", *Bebas*, 1– 5 November 2000.
 147. *Ibid*.
 148. "Ulamak UMNO Gagal Bersaing Dimedannya", *Utusan Malaysia*, 8 Disember 1999.
 149. "Majlis Fatwa Kebangsaan Bebas Pengaruh Politik", *Berita Harian*, 13 Februari 2003.
 150. <http://www.e-ulama.org/Berita/Default.asp?mode=&ID=64>, dilayari pada 2 Oktober 2002.
 151. Zainah Anwar merupakan Pengarah Eksekutif Sisters in Islam. Antara kritikan yang dilemparkan ke atas beliau adalah kerana kenyataan bahawa Islam bukanlah milik individu atau mana-mana golongan yang mendakwa mereka sebagai ulama. Oleh itu sebarang penafsiran terhadap sumber-sumber Islam seperti al-Quran bukanlah milik para ulama semata-mata, *Utusan Malaysia*, 26 September 2000.
 152. Farish Noor merupakan salah seorang penganalisis politik bebas dan pada waktu yang sama sedang melakukan kajian ke atas kedudukan Islam di Asia Tenggara. Antara artikel yang menjadi kritikan adalah kenyataan bahawa "Islam is a discourse and all discourses are open, contested and plastic", satu temubual dengan Amir Muhammad di dalam *"The Edge"* pada 3 Disember 2001. Begitu juga dengan artikel dalam *New Straits Times* bertajuk "Let Islam lead way with its progressive view on sexuality" pada 4 November 2000 dengan kenyataan bahawa "the Prophet known to have had sexual relations with 15 women, which included the concubine Rayhana who remained non-Muslim all her life". Ia dianggap menghina Nabi Muhammad s.a.w.
 153. Akbar Ali pula merupakan wartawan dengan akhbar *the Sun*. Antara yang menimbulkan kontroversi adalah kenyataan bahawa "perhaps the turbans of the mufti are too tight and therefore not enough oxygen is getting into their brains. They are not thinking straight"... 'from time to time the ulama do not fail to come out their totally ridiculous and foolish pronouncements', *The Sun*, 21 Februari 2001. Terdapat banyak lagi kenyataan beliau yang dilihat salah tafsir dan kesemuanya telah disenaraikan oleh Persatuan Ulama Malaysia. Keterangan terperinci penulis yang menghina Islam ini boleh didapati di laman web <http://mari209.tripod.com/2002mac/2002-0340.htm>, dilayari pada 21 Disember 2001.
 154. <http://www.e-ulama.org/Berita/Default.asp?mode=O&ID=74>, dilayari pada 2 Oktober 2002.
 155. James Chin (1998), "Malaysia In 1997: Mahathir's Annus Horribilis", *Asian Survey*, Vol:XXXVIII: 2.
 156. "Strategi Pulihkan Keyakinan Ulama", *Mingguan Malaysia*, 24 Februari 2002.
 157. "Govt To Set Up Council of Ulamas, says Abdullah", *The Star*, 25 Februari 2002. Nik Aziz menyatakan adalah mustahil untuk mengelakkan golongan ulama berpolitik manakala bagi Fadzil Noor, tidak perlu ada majlis lain memandangkan kerajaan sudah ada Majlis Fatwa Kebangsaan, IKIM, JAKIM dan UMNO dengan biro agamanya, lihat "Study Before Critizing, PAS Urged", *The Star*, 28 Februari 2002.

158. "Pakar Bidang Tertentu Anggotai Majlis Ulama", *Mingguan Malaysia*, 10 Mac 2002.
159. "Proposed Council To Give Ulama A Role In Nation Building", *New Straits Times*, 27 Februari 2002.
160. "Kami Bukan Boneka PAS", *Mingguan Malaysia*, 17 Mac 2002.
161. Maznah Mohamad (2002), "Islam and The Politics of Free Speech", *Aliran Monthly*, Vol:22:2, Pulau Pinang: Aliran.
162. "The Politics of Islam", *Time*, Tokyo: John Marcom, 10 Mac 2003.

5 PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA DAN DASAR LUAR

MUKADIMAH

Pengukenan legitimasi politik di peringkat antarabangsa penting bagi membolehkan Mahathir meneruskan kepimpinan beliau sebagai Perdana Menteri. Pengiktirafan ke atas legitimasi politik ini boleh diperoleh melalui dasar luar negara yang berkesan. Penglibatan aktif di peringkat antarabangsa membolehkan identiti dan institusi kebangsaan berkembang dan sekali gus mengiktiraf kepimpinan Mahathir.¹ Hubungan antarabangsa di bawah Mahathir telah menghasilkan satu era baru dalam dasar luar Malaysia. Pelbagai analisis oleh pakar perhubungan antarabangsa telah menekankan beberapa dimensi ke atas pembentukan dasar luar Malaysia dan ramai di kalangan mereka berpendapat dasar luar negara menjadi semakin kukuh selepas Mahathir menjadi Perdana Menteri kerana ada dasar yang diteruskan dan diubahsuai daripada bekas pemimpin negara, ada pula yang diterokai serta ada organisasi yang disertai oleh Malaysia secara aktif bersesuaian dengan keperluan semasa.

Sehubungan dengan itu, bab ini akan mendedahkan beberapa tema dasar luar yang ada kaitan rapat dengan persoalan legitimasi politik Mahathir.

FAKTOR PENDORONG MAHATHIR MENDAPAT PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA DAN LEGITIMASI POLITIK

Keutamaan terhadap faktor antarabangsa atau faktor luaran oleh Mahathir adalah berdasarkan kepada hakikat politik semasa yang memperlihatkan bahawa persoalan legitimasi tidak hanya bergantung kepada situasi dalaman semata-mata.² Ramai tokoh yang seolah-olah membelakangkan faktor tersebut, termasuk Weber.³ Pada hari ini, penglibatan di peringkat politik antarabangsa banyak mempengaruhi perkembangan politik domestik dan berupaya pula menentukan kedudukan politik seseorang pemimpin, termasuklah Mahathir sendiri. Hakikat ini telah diperihalkan oleh Muthiah Alagappa seperti berikut:

... international actors can affect the power resources of domestic contestants in a number of ways. Acceptance by the international community or by superpowers like the United States and the former Soviet Union – as well as access to the resources of international organizations like the United Nations, International Monetary Fund, International Bank for Reconstruction and Development, General Agreement on Tariffs and Trade, and regional organizations – confers prestige with the potential to increase state capacity, enabling leaders and their governments to consolidate their domestic base. Nonrecognition not only reduces the standing of the incumbent government and its capacity; it also enhances the status of rival claimants to power. The net effect of the denial of international recognition is to intensify domestic conflict, making it difficult for the incumbent government to convert power into authority.⁴

Pengiktirafan yang diterima oleh Mahathir menggambarkan bahawa peranan beliau di peringkat antarabangsa turut membolehkan legitimasi dibentuk di peringkat domestik. Faktor dalaman dan luar memainkan peranan resiprokal yang mempengaruhi keberkesanan sesuatu dasar serta sokongan pihak antarabangsa. Personaliti

Mahathir berserta dengan kebolehan retorik beliau dianggap membolehkan beliau melaksanakan dasar yang efektif. Terdapat beberapa pecahan yang boleh dijadikan asas perbincangan untuk melihat hubungan isu tersebut dengan organisasi atau pertubuhan yang akan dibincangkan. Pecahan ini dilakukan berdasarkan kepada tiga dimensi tingkah laku yang boleh dihubungkan dengan pencapaian Mahathir.

Tiga dimensi ini adalah sebagai *catalysts* (iaitu sebagai pendorong menyediakan keperluan intelektual dan politik untuk membentuk inisiatif); *facilitator* (merangka agenda dan membina gabungan atau persatuan) atau sebagai *manager* (membina institusi atau membangunkan konvensyen dan norma).⁵ Kemampuan memainkan peranan semacam ini akan membolehkan Malaysia memenuhi keperluan sebagai aktor hubungan antarabangsa yang aktif⁶ yang boleh dirujuk dengan "menjadi pemimpin negara Islam yang baik", "Jaguh dunia ketiga" atau "jurucakap negara Asia".⁷ Kemampuan untuk bertindak dengan aktif dan baik perlu untuk meningkatkan kualiti perhubungan antarabangsa memandangkan pada hari ini ekonomi lebih dominan sebagai alat pembentukan *nation-state* dan bukan faktor keselamatan atau penjajahan semula.⁸

Penulis mendapati terdapat empat elemen utama yang boleh dijadikan asas untuk melihat bagaimana Mahathir telah berjaya mempengaruhi dunia antarabangsa untuk meraih sokongan masyarakat tempatan berdasarkan kepada tiga dimensi tingkah laku yang dinyatakan di atas.

1. Gaya kepimpinan mengubah ekonomi Malaysia serta kedudukan negara yang stabil tanpa hutang yang membebankan.
2. Keupayaan mempertahankan kestabilan politik negara.
3. Keberanian dan ketegasan menggunakan isu atau dilema Dunia Ketiga untuk berhadapan dengan Dunia Pertama.
4. Personaliti berkarisma dan kepetahan berbahasa Inggeris sebagai alat artikulasi dengan kepimpinan luar membolehkan hubungan yang lebih yakin dan berjaya diwujudkan.

Terdapat beberapa faktor dalaman yang boleh dihubungkan dengan pembentukan imej di pentas antarabangsa seperti yang dinyatakan di atas. Antaranya, tindak balas ke atas ancaman keselamatan dalam lingkaran politik domestik yang boleh dikaitkan dengan berakhirnya ancaman komunis, yakni Parti Komunis Malaya (PKM) yang meletakkan senjata mereka pada tahun 1989 serta kesan Perang Dingin.⁹ Berakhirnya Perang Dingin membolehkan Mahathir membentuk dasar luar yang berasaskan kepada aspirasi sendiri tanpa perlu risau berkenaan ancaman komunis, ancaman luar dan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Dengan dasar luar yang bebas dan aktif, ia tidak perlu lagi gusar dengan keselamatan atau takut kepada Barat. Selain daripada itu, keperluan ekonomi domestik juga perlu diambil kira dan bagaimana Mahathir mahu menjadikan Malaysia sebahagian daripada negara dagangan dan industri baru.¹⁰ Tidak ketinggalan persoalan nasionalisme sewaktu merangka dasar luar dan kepentingan Islam kerana sebagai sebuah negara Islam, elemen tersebut tidak dapat dipisahkan. Penampilan di arena antarabangsa juga membolehkan beliau menggunakan ia sebagai senjata untuk mengatasi krisis kepimpinan di dalam negara.¹¹

Kejayaan beliau di peringkat antarabangsa banyak bergantung kepada keempat-empat elemen di atas terutama dengan kuasa Perdana Menteri berpusat di bawah Jabatan Perdana Menteri membolehkan beliau merangka serta membentuk formula untuk melancarkan dasar luar yang aktif berasaskan kepada kepentingan organisasi antarabangsa. Terdapat empat organisasi yang disusun mengikut keutamaan mereka iaitu The Association Of Southeast Asian Nations (ASEAN), Organization Of Islamic Countries (OIC), Non-Alignment Movement (NAM) dan Pertubuhan Negara-negara Komanwel seperti yang dinyatakan oleh Nathan:


... ASEAN ranks as the first priority in view of its influential role and direct impact on national and regional security. The Islamic countries are ranked second for their obvious role in forging an Islamic identity of which Malay/Muslim-led Malaysia desires to be an integral part. The Nonaligned Movement ranks third for its potential power in restructuring

PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA DAN DASAR LUAR

international relations in future. The Commonwealth is ranked fourth and all other countries not included in the first four categories occupy the fifth rank.¹²

Oleh yang demikian, penulis melihat kepada empat organisasi tersebut yang memperlihatkan perkembangan yang jelas serta menampakkan pengiktirafan yang diperoleh oleh Mahathir sekali gus menjadi indikator penentu sokongan serta legitimasi di dalam negara (lihat Rajah 5.1).

Rajah 5.1: Dasar Luar dan Pengiktirafan Antarabangsa



HUBUNGAN DENGAN NEGARA ANGGOTA ASEAN

ASEAN menjadi salah satu landasan utama serta agenda luar untuk pengukuhan legitimasi kepimpinan Mahathir. Malaysia merupakan

salah sebuah negara pengasas ASEAN di mana ASEAN hari ini merupakan gabungan 10 buah negara yang dianggap sebagai *regional coalition building* yang paling berjaya.¹³ Mahathir berpendapat ASEAN memainkan peranan yang sangat penting dalam konteks hubungan luar Malaysia kerana ia dilihat sebagai pusat kepada strategi dasar luar Malaysia.¹⁴ Antaranya:

1. Mewujudkan persekitaran diplomasi atau rundingan akibat konfrontasi Indonesia-Malaysia.
2. Membolehkan kerjasama dengan Thailand berkenaan masalah sempadan.
3. Mewujudkan forum untuk membincangkan pertindihan hak milik wilayah dengan Filipina ke atas isu Sabah.
4. Mewujudkan platform untuk berbincang dengan Singapura.
5. Mewujudkan keseimbangan dengan kedudukan Amerika di rantau ini.

Pada peringkat awal, kelima-lima faktor di atas dianggap sesuai untuk mengeratkan hubungan intraahli ASEAN tetapi perkembangan semasa dengan tumpuan ke atas perdagangan antarabangsa menyebabkan peranan setiap ahli sudah berubah dan tidak terikat dengan ASEAN semata-mata. Kerjasama ekonomi telah menjadi teras hubungan dengan negara ASEAN di bawah Mahathir berbanding sebelum ini dengan tumpuan lebih diberi kepada faktor keselamatan. Era baru ini dilihat sebagai *soft imperialism*.

... we have already moved into a period of 'soft-imperialism' where the foundations of a nation's power are more likely to rest on brains rather than brawn, on the creativity, energy and talent of its people rather than on the size of its population and the extent of its territory ... National prosperity and political power will hinge not on the lands that an army can conquer and the number of people that a nation can subjugate but on the degree of penetration of markets, the extent to which other peoples are reliant on one's financial flows, technology and domestic markets, the

extent to which they are dependent on the products that one can provide and the services that one can render. Much of the virtue of this soft imperialism lies in the fact that the so-called target may aid and abet and certainly welcome one's political extension.¹⁵

Sewaktu Mahathir mengambil alih kepimpinan negara, pengalaman beliau ke atas isu antarabangsa mahupun penulisan ke atas isu tersebut adalah terhad.¹⁶ Walaupun begitu karismatik kepimpinan Mahathir yang semakin matang pada tahap ini dianggap memainkan peranan yang penting ke arah perangkaan dasar malahan Jabatan Perdana Menteri sebelum ini sememangnya memainkan peranan serta mempunyai signifikansi yang penting dalam mempengaruhi proses dasar luar. Ada yang menganggap perhubungan luar negara menjadi semakin kukuh selepas pelantikan beliau termasuklah dalam ASEAN.¹⁷ Penulis berpendapat tanpa dasar luar negara yang kukuh, tidak mungkin Mahathir dapat membentuk pengiktirafan antarabangsa ke atas kepimpinan beliau. Pengiktirafan antarabangsa penting untuk menjadi tarikan masyarakat global sekali gus mengukuhkan populariti beliau di dalam negara.

Pemikiran atau tingkah laku dan tindakan pemimpin ke atas faktor domestik tidak mampu berubah tanpa mengambil kira persekitaran antarabangsa kerana dasar yang akan dibentuk bergantung kepada sistem politik antarabangsa. Malahan sistem ini juga memastikan apa yang boleh dilakukan dan bukan kerana mempengaruhi sebarang tindakan secara resiprokal. Antaranya, Malaysia bersungguh-sungguh membantu penubuhan kerajaan campuran Demokratik Kemboja di bawah Putera Sihanouk dan perjanjian penubuhan kerajaan tersebut diadakan di Kuala Lumpur pada Jun 1982.¹⁸ Malaysia juga terbabit dalam peralihan kuasa di Kemboja dengan penghantaran tentera pada Mac 1992. Di peringkat serantau, beliau sering menyuarakan harapan untuk meluaskan atau menambahkan lagi ahli ASEAN termasuk Myanmar. Perhubungan perdagangan sesama negara ASEAN (intra-ASEAN) juga disuarakan secara vokal. Begitu juga dengan usaha untuk mewujudkan satu komuniti Asia yang teguh di rantau ini.

Dialog Keselamatan serantau juga menjadi agenda beliau membawa kepada kelahiran ASEAN Regional Forum (ARF) pada tahun 1994.¹⁹ Malahan, walaupun beliau gagal membentuk EAEC, langkah terdekat ke atas organisasi seperti itu boleh dikatakan berjaya apabila ASEAN + 3 ditubuhkan.²⁰ Mahathir juga cuba meyakinkan pentingnya Sekretariat ASEAN + 3 ditubuhkan dan mahu ia diadakan di Kuala Lumpur.²¹ Ini kerana sekretariat tersebut akan menggambarkan penerimaan ASEAN ke atas pentadbiran Mahathir di rantau ini serta keupayaan mengimbangkan kedudukan Amerika.

Idea EAEG pada awalnya dikemukakan oleh Mahathir pada 13 Disember 1990 sewaktu Majlis Makan Malam meraikan bekas Perdana Menteri China, Li Peng. Pembentukan ASEAN + 3 akan membolehkan ASEAN berhadapan dengan China dan kejayaan ASEAN + 3 boleh dilihat sebagai kejayaan Mahathir selepas 11 tahun berusaha ke arah pembentukannya pada 6 November 2001.

... eleven years is not a long time in world politics. Malaysia conceded defeat in the initial battle for the EAEG, but we kept the idea alive through Asean plus three because we believe no superpower could forever deny what's inevitable for this region. We lost the battle but won the war in the end. The realisation of the EAEG is a tribute to our patience and quiet diplomacy, but most of all, it is a tribute to the visionaries of East Asian regional co-operation.²²

ASEAN + 3 dilihat *de facto* EAEG melalui nama lain dan kesedaran wujud kerana merasakan bahawa mereka terlalu bergantung kepada Amerika. Ia juga dilihat penting untuk memberi suara Asia Timur di forum antarabangsa. Melalui panggilan EAEC dari EAEG, ia dibuat supaya tidak dilihat sebagai penampilan blok ekonomi baru.²³ Pembentukan EAEG dilihat akan membentuk komuniti serantau berdasarkan konsep negara dagangan bersama.²⁴ Kecenderungan serta usaha Mahathir ini telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dan sekali gus populariti beliau di arena antarabangsa meningkat.

Pada tahun 1999, ASEAN dikenali sebagai ASEAN 10 selepas Vietnam, Kambodia, Laos dan Myanmar diterima sebagai ahli baru dan melengkapi keseluruhan keanggotaan ASEAN. Mahathir sendiri dilihat memainkan peranan signifikan dalam meyakinkan ahli-ahli lain akan pentingnya perubahan keahlian dalam ASEAN—*he was one of the primary moving forces in bringing in Cambodia, Laos, Myanmar and Vietnam*.²⁵ Mahathir memainkan peranan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap masalah politik di Myanmar kerana menganggap kerajaan tentera Myanmar, State Peace and Order Development Council (SPDC) wajar diberi peluang menyelesaikan masalah dalaman negara mereka.²⁶ Malahan, Malaysia dilihat sebagai instrumen utama yang membawa kepada pembebasan Aung San Suu Kyi, ketua Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD).²⁷ Mahathir juga dilihat penyumbang besar ke atas pembebasan Aung San Suu Kyi—*most certainly, Dr Mahathir has contributed to this happy event today and he continues to be very much involved. This is what I mean by constructive engagement, without the fanfare, lights and headlines, quietly advising the people. That's what Dr Mahathir has done*.²⁸

Syed Hamid pula berpendapat Mahathir memainkan peranan *a catalytic role* dalam proses meyakinkan pemimpin Myanmar supaya mengatasi konflik melalui dialog dan komunikasi.²⁹ Kestabilan politik Myanmar penting kerana ia juga merupakan rakan dagang tradisi dan penting berdasarkan kadar import dan eksport yang tinggi.³⁰ Mahathir telah melakukan beberapa lawatan, pertama kali pada Mac 1988 diikuti pada Mac 1998, Januari 2001 dan Ogos 2002. Beberapa perjanjian misalnya, kredit minyak sawit pada tahun 1994, pengecualian cukai dua kali (1998) dan perdagangan dua hala pada tahun 1998 telah ditandatangani. Begitu juga dalam bidang pelancongan dan terbaru adalah kontrak cari gali gas dan minyak dan pembinaan mini hidro.³¹

Begitu juga dengan Vietnam yang menjadi anggota ASEAN ke-7 pada 28 Julai 1995.³² Kemasukan Vietnam dianggap cukup strategik bertujuan meningkatkan tahap keselamatan dan kekuatan

kerjasama serantau. Lebih daripada itu, bagi Mahathir, kemasukan Vietnam boleh menarik pelaburan asing menerusi kerjasama ekonomi sesama negara anggota ASEAN. Pada tahun 1999, perdagangan antara kedua-dua negara ini meningkat kepada US\$638 juta dan juga merupakan antara rakan dagang aktif Vietnam.³³

Laos menyertai ASEAN pada tahun 1997³⁴ dan kemasukan ini telah membolehkan jentera kerajaan Mahathir membawa masuk pelabur swasta untuk turut sama berusaha memulihkan ekonomi Laos terutama dalam bidang pembinaan dan khidmat runding.³⁵ Ini juga telah membawa kepada peningkatan dalam dagangan misalnya pada tahun 2000 dengan US\$0.66 juta. Negara terakhir yang diterima masuk adalah Kemboja pada 30 April 1999, melengkapkan keahlian ASEAN 10 itu.³⁶ Sebelum ini, Kemboja sering dijemput sebagai tetamu khas persidangan berdasarkan pada dasar keterbukaan serantau. Maka, Kemboja sudah mengambil langkah memenuhi kriteria ASEAN. Malaysia merupakan satu-satunya pelabur terbesar di Kemboja dengan 31 peratus daripada seluruh pelaburan langsung asing.³⁷ Ini memperlihatkan cara baru untuk membentuk legitimasi di peringkat antarabangsa memandangkan cabaran baru untuk legitimasi adalah fenomena ekonomi transnasional.

.... new challenges to nation-state legitimacy created by modernization, growth, and development – as manifested by transnational economic phenomena such as the growth triangles – provide additional impetus for the reassertion of that legitimacy through state attempts to control the pace and scope of economic regionalism in Southeast Asia.³⁸

Tradisi konsensus dalam parti Barisan Nasional juga boleh dilihat mempengaruhi gaya kepimpinan Mahathir di peringkat ASEAN.³⁹ Gaya ini mempengaruhi keputusan penerimaan kesemua negara serantau sebagai ahli ASEAN.⁴⁰ Personaliti Mahathir telah digunakan sepenuhnya untuk membentuk rantau ASEAN yang efektif dan peranan Malaysia dalam membentuk usaha sama antara negara anggota dalam organisasi ini adalah besar. Malahan Setiausaha Agung ASEAN, Rodolfo Severino menganggap Mahathir

merupakan penjana dalam ASEAN.

... describing him as the driving force in Asean, Severino said he had known Dr Mahathir for a long time and had great respect for the Prime Minister. He has a very clear idea of what is good for his country and the necessary backbone to carry out the policies that are good for his country. He has shown the capacity to exercise leadership in a country which has much potential.⁴¹

Begitu juga dengan isu pertikaian wilayah Sipadan dan Ligitan yang akhirnya memihak kepada Malaysia.⁴² Semangat ASEAN dilihat memaparkan penerimaan kedua-dua negara Malaysia dan Indonesia keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dengan hati terbuka. Walaupun begitu, isu pertikaian Pulau Seputeh dengan Singapura yang menjadi perdebatan hangat pada hari ini masih berasaskan kepada semangat kejiranan ASEAN walaupun masing-masing menyatakan bahawa mereka mempunyai hak mutlak ke atas pulau tersebut. Tindakan berdasarkan semangat nasionalisme dan sikap berkompromi memperlihatkan kematangan Mahathir dalam menangani atau menguruskan isu tersebut di peringkat antarabangsa memandangkan hubungan dengan Singapura sememangnya satu hubungan yang bersifat emosi tetapi berakhir dengan pendirian hubungan bilateral yang resiprokal. Populariti yang dibina oleh beliau melalui pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan bukannya kritikan membolehkan sokongan di dalam negara turut diperkukuhkan.

Atas semangat ASEAN, Malaysia dan Indonesia berjaya mengatasi masalah pendatang tanpa izin. Seramai hampir 300 000 orang pendatang tanpa izin telah pulang menerusi "dasar pengampunan" yang berakhir pada 31 Julai 2002. Cara ia diatasi turut menerima sambutan daripada orang ramai yang melihat kematangan Mahathir dalam mengatasi masalah sesuatu krisis dalam negara. Seterusnya, Mahathir dan Megawati juga melancarkan saluran paip tambahan untuk *dry gas field* dari Pulau Natuna di Kalimantan ke Kompleks Petronas di Terengganu. Ia juga membuka ruang kepada Majlis

Perniagaan Indonesia-Malaysia. Kestabilan melalui kerjasama ekonomi membolehkan mandat rakyat ke atas kepimpinan Mahathir berterusan.

Mahathir juga telah menandatangani perjanjian dengan Thailand untuk meneruskan projek penyaluran gas yang tertangguh sejak 1997.⁴³ Malahan, Malaysia, Thailand dan Indonesia telah menandatangani perjanjian trilateral ke atas harga getah. Malaysia dan Thailand juga telah mengadakan mesyuarat Kabinet bersama yang dilihat satu sejarah baru untuk meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara. Pemilihan Selatan Thailand mempunyai signifikasinya kerana majoriti masyarakat di sini adalah orang Islam sekali gus meningkatkan martabat Mahathir sebagai pemimpin negara Islam serta sokongan dalam negara. Thaksin, Perdana Menteri Thailand melihat mesyuarat ini sebagai salah satu langkah untuk mengeratkan hubungan negara ASEAN.⁴⁴ Malahan, Thailand juga mencadangkan penggunaan mata wang ringgit dan baht untuk dagangan mereka dan tidak bergantung kepada dollar Amerika.⁴⁵

Hubungan dengan Filipina pula telah berkembang dengan baik terutama dalam isu penangkapan Nur Misuari yang dikehendaki oleh kerajaan Filipina di perairan Sabah.⁴⁶ Malaysia menganggap tidak terikat dengan Misuari, pemimpin *Moro National Liberation Front (MNLF)* kerana beliau gagal melaksanakan tanggungjawab pemimpin dan gagal memperbaiki kehidupan masyarakat Islam di selatan Filipina walaupun pada 3 Ogos 2001, *Moro Islamic Liberation Front (MILF)* dan *Moro National Liberation Front (MNLF)* menandatangani dokumen bersatu diikuti pada 7 Ogos 2001, Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo menandatangani perjanjian dengan MILF di Malaysia, pengiktirafan ke atas gaya kepimpinan Mahathir yang telah memainkan peranan mengerat perpaduan ummah di rantau Asia.⁴⁷ Malaysia juga bersedia membantu masyarakat Islam Mindanao dengan menyediakan latihan di pelbagai institusi di Malaysia untuk mengurangkan kemiskinan mereka.⁴⁸

Mahathir juga sering dilihat sebagai pemimpin yang menjadi

penghubung antara orang Kristian dan Muslim di Filipina. Melalui beliau, Malaysia sering dijadikan model untuk mencari jalan penyelesaian.⁴⁹ Peranan ini menunjukkan Mahathir merupakan pemimpin yang tidak bergantung kepada kedudukan beliau dalam negara semata-mata untuk mengukuhkan legitimasi politik beliau.

Selain daripada itu, Mahathir juga telah menggalakkan industri pelancongan intra-ASEAN untuk mempromosi keamanan dan keharmonian di rantau ini dan di peringkat antarabangsa. Ini akan membolehkan masyarakat ASEAN memahami dan mempelajari budaya masyarakat lain.⁵⁰ Di bawah pentadbiran Mahathir, usaha juga dipergiatkan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN. Terdapat hampir 200 juta penduduk di ASEAN yang boleh berkomunikasi dengan bahasa Melayu. Oleh yang demikian, tidak mustahil bahasa Melayu boleh menjadi bahasa rasmi selari dengan penekanan ke atas bahasa Inggeris.⁵¹

Secara keseluruhannya, jelas ASEAN 10 dengan kesemua negara di rantau ini menjadi anggota pertubuhan tersebut pada hari ini penting sebagai alat pembentukan kerjasama ekonomi, keselamatan dan lebih daripada itu, sebagai instrumen untuk melahirkan rundingan atau penyelesaian secara berkompromi ke atas sesuatu isu memandangkan dunia globalisasi menunjukkan bahawa peperangan bukan merupakan kaedah terbaik untuk mengatasi sebarang permasalahan.⁵² Malahan Mahathir sendiri menyatakan bahawa "*today our trade with Asean is very big*"⁵³ dan kesan peperangan ke atas Iraq tidak begitu dirasakan oleh Malaysia.

Negara-negara ASEAN juga telah sepakat dalam usaha memerangi keganasan serantau. Mesyuarat Menteri Ekonomi ASEAN di Hanoi telah merumuskan pentingnya hubungan sesama negara anggota dipertingkatkan selepas serangan 11 September, antaranya membentuk Kawasan Perdagangan Bebas dengan China memandangkan China menjadi destinasi untuk pelaburan dan perdagangan akhir-akhir ini.⁵⁴ Malaysia dan Indonesia juga telah sepakat untuk membentuk kerjasama serantau untuk mengatasi masalah tersebut.⁵⁵ Malahan ada cadangan ditubuhkan polis ASEAN untuk mengatasi



Beberapa Pemimpin Utama Negara-negara Anggota ASEAN

masalah di rantau ini.⁵⁶ Sebelum ini, Kuala Lumpur, Manila dan Jakarta telah menandatangani perjanjian untuk meningkatkan kerjasama insiden pencerobohan sempadan dan jenayah transnasional. Perjanjian yang dikenali sebagai Agreement on Exchange of Information and Establishment of Communication Procedures bertujuan memastikan keselamatan negara serantau. Ia dianggap langkah terbaik untuk membolehkan negara ASEAN bekerjasama menangani isu keganasan di peringkat serantau.⁵⁷ Ini disusuli dengan mesyuarat khas Menteri negara ASEAN untuk berbincang mengenai keganasan di Kuala Lumpur yang menghasilkan undang-undang bersama ASEAN untuk membanteras keganasan.⁵⁸ Legitimasi politik beliau jelas kerana segala usaha beliau di peringkat ASEAN adalah bertujuan untuk mengimbangi kuasa Amerika di rantau ini.

Pencapaian Malaysia di peringkat ASEAN membolehkan Mahathir dianugerahkan *Asean Achievement Millennium Award* kerana telah menjadikan Malaysia sebagai negara dinamik dan contoh kepada yang lain.⁵⁹ Penampilan Mahathir di rantau ASEAN serta sokongan negara anggota turut menyebabkan rakyat tempatan merasakan pencapaian Mahathir itu adalah kebanggaan negara.

HUBUNGAN DENGAN NEGARA ANGGOTA OIC

Keunikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai etnik menyebabkan Malaysia perlu mendapat sokongan masyarakat atau negara Islam di arena antarabangsa walaupun tidak ada model negara Islam yang sesuai boleh digunakan untuk Malaysia. Oleh yang demikian, kerajaan perlu menggabungkan beberapa institusi dengan nilai keislaman supaya kedudukan Malaysia sebagai negara Islam tidak dipersoalkan. Lebih daripada itu, pengiktirafan negara Islam yang lain juga perlu supaya ia jelas sebagai "negara Islam". Projek Islamisasi dilaksanakan supaya struktur yang mirip sekular ini boleh dijadikan sebagai contoh kepada negara lain. Malahan keaktifan Malaysia dalam OIC berkaitan dengan isu ekonomi, sosial dan politik serta penerimaan OIC sendiri ke atas Malaysia

sebagai ahli jelas menunjukkan ia adalah negara Islam.⁶⁰ Ini merupakan antara langkah yang diambil oleh Mahathir untuk mengukuhkan legitimasi politik beliau.

Legitimasi menerusi fahaman Islam penting untuk Mahathir bertahan kerana sokongan majoriti datangnya daripada masyarakat Islam. Sewaktu beliau mengambil alih kepimpinan negara, PAS sudah pun berada di luar BN dan dengan barisan kepimpinan baru, parti PAS dianggap cuba mengetengahkan isu keagamaan untuk meningkatkan pengaruhnya.⁶¹ Dasar yang dibentuk oleh Mahathir dengan negara Islam penting untuk memastikan legitimasi yang berpanjangan.

... Mahathir's foreign policy towards Muslim states has been a particularly important and effective tool in advancing his domestic interests in the sense that it legitimized his government as one which championed the cause of the ummah.⁶²

Penglibatan dalam pergerakan Islam antarabangsa penting untuk mengukuhkan kedudukan domestik negara kerana legitimasi UMNO dan Mahathir bergantung kepada keupayaan membentuk keyakinan dalam masyarakat Islam bahawa kepimpinan Mahathir merupakan kepimpinan bercirikan bukan sahaja kepentingan bangsa tetapi agama.⁶³ Ia juga harus dilakukan tanpa membentuk perasaan kebimbangan di kalangan etnik lain di dalam negara.⁶⁴

Antara cara yang digunakan untuk mengukuhkan legitimasi beliau adalah dengan menghulurkan bantuan kemanusiaan, misalnya kepada Afganistan, Iraq, selatan Filipina, Kemboja, Palestin dan Bosnia.⁶⁵ Di Kosovo dan Chechnya pula, Malaysia menyumbang sebanyak RM760,000 (AS 200,000) bagi tabung kemanusiaan di kedua-dua negara tersebut di bawah UNHCR.⁶⁶ Begitu juga dengan tabung kemanusiaan untuk mangsa peperangan di Iraq baru-baru ini. Kesemua ini dilihat sebagai bantuan untuk memulihkan perpaduan ummah sejagat dalam konteks persaudaraan Islam yang turut memperlihatkan keprihatinan Mahathir ke atas permasalahan yang melanda mereka.

Langkah lain pula adalah melalui penggunaan sentimen anti-Zionisme. Pada April 1986, beliau menggantung pengedaran *Wall Street Journal* (AWSJ) selama tiga bulan termasuk menghalau keluar negara dua wartawan kerana membuat laporan kronisme beliau dan Daim.⁶⁷ Beliau menganggap akhbar tersebut dikawal oleh orang Yahudi. Selain daripada itu, persembahan Boston Symphon Orchestra juga dibatalkan kerana penolakan hasil Ernest Bloc sebagai sebahagian daripada persembahan tersebut.⁶⁸ Ini diikuti dengan pengharaman tayangan *Schindlers List* kerana penglibatan etnik Yahudi⁶⁹, malahan kerajaan Malaysia telah mengkritik Singapura apabila Presiden Israel Chaim Herzog melawat negara tersebut pada tahun 1986.⁷⁰

Cara diplomasi untuk negara-negara Islam begitu jelas ke atas isu Palestin.⁷¹ Isu Palestin sentiasa mendapat perhatian beliau dan dikemukakan hampir dalam semua forum atau perjumpaan dengan pemimpin negara asing.

... Palestine has remained an enduring concern in Malaysia's foreign policy and the anti-Zionist posture of the government is constantly highlighted at the UN. Every year since he made his maiden speech at the UN, Mahathir has not failed to raise the Palestine question.⁷²

Palestin juga diberi status diplomatik penuh pada awal kepimpinan beliau. Satu persidangan berkenaan Palestin juga diadakan di Kuala Lumpur dengan ditaja oleh PBB yang mengkritik penindasan dan keganasan Israel.⁷³ Ini disusuli dengan menganjurkan "*Palestine Week*" dan "Tabung Rakyat Palestin" pada tahun 1987⁷⁴ dan 2002.⁷⁵ Malahan, satu sesi khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) mengenai keganasan yang diadakan di Kuala Lumpur pada April 2002 juga menyokong perjuangan Palestin sebagai perjuangan kemerdekaan dan bukan satu bentuk keganasan.⁷⁶ Yang terbaru, Tenaga Nasional Berhad (TNB) merancang untuk menyediakan bantuan kewangan supaya pelajar Palestin dapat menyambung pengajian mereka di Universiti Tenaga Nasional (Uniten).⁷⁷ Dengan cara ini, Mahathir dilihat sebagai pemimpin yang



Dr. Mahathir bersama pemimpin Palestin Yassier Arafat

sering menanggapi penderitaan masyarakat Islam yang lain. Bantuan ini secara tidak langsung mempengaruhi sokongan masyarakat tempatan ke atas legitimasi kepimpinan beliau.

Di samping itu, Arafat juga dijemput dan telah melawat Malaysia atas jemputan Perdana Menteri.⁷⁸ Legitimasi kepimpinan Mahathir digunakan oleh Arafat bagi meminta Mahathir untuk berbincang dengan Amerika supaya Israel menghentikan keganasan mereka dan ini dilakukan oleh Mahathir sewaktu bertemu dengan Bush di mesyuarat APEC di Shanghai pada Oktober 2001⁷⁹ dan Mei 2002 di Rumah Putih, Washington.⁸⁰

Kelantangan Mahathir menggunakan isu ini membezakan beliau dengan bekas-bekas Perdana Menteri tetapi ini bersesuaian dengan situasi semasa memandangkan PAS mula menandingi UMNO sebagai parti yang memperjuangkan kehendak agama Islam. Pada hari ini, PAS dan UMNO boleh memperjuangkan isu yang sama dan hal ini terbukti dengan penampilan Mahathir dan Fadzil Noor di pentas yang sama di Dewan Bahasa dan Pustaka untuk membincangkan isu Palestin.⁸¹ Kekuatan suara beliau jelas apabila menyatakan dunia boleh menghentikan keganasan Israel seperti mana dilakukan ke atas Bosnia.⁸²

Kesungguhan Malaysia untuk menghulur bantuan kepada Palestin telah mendapat pengiktirafan malahan Arafat sendiri menyatakan "*Malaysia is even closer to us than some of the Arab nations*"⁸³ dan menyatakan "*Malaysia have supported us since 1988*".⁸⁴ Ini bersesuaian dengan kenyataan Mahathir di mana beliau menyatakan "*Malaysia will recognize Palestine as a sovereign state and send an envoy there once it declares its independence*".⁸⁵ Apatah lagi status pejabat PLO di Kuala Lumpur ditukar kepada kedutaan selepas itu. Pengiktirafan ini sekali gus mengukuhkan legitimasi kepimpinan beliau yang sebelum ini tidak begitu digemari oleh masyarakat yang masih was was pada peringkat tersebut akan gaya kepimpinan yang akan beliau amalkan. Kelantangan Mahathir memperjuangkan isu Palestin mendapat perhatian bukan sahaja warga Muslim tetapi juga paderi Palestin yang menganggap pemimpin Arab sendiri tidak berani berbuat demikian.⁸⁶

Berdasarkan kepada lokasi serta budaya politik serantau apatah lagi berdekatan dengan negara-negara Islam seperti Indonesia, Brunei dan Mindanao di selatan Filipina, isu agama sangat penting untuk beliau seterusnya mencorakkan kepimpinan beliau di peringkat antarabangsa. Beliau bagaimanapun dilihat keseorangan dalam mengetengahkan isu Islam kerana ada negara Islam seperti Indonesia dan Brunei tidak memainkan peranan “penyokong” kepada kritikan beliau.

Politik domestik dan dasar luar mempunyai hubungan yang resiprokal terutama ketika menghadapi sesuatu krisis negara. Pengiktirafan antarabangsa boleh dianggap sebagai penentu atau pemangkin untuk Mahathir mempertahankan kedudukan beliau berdasarkan kepada pencapaian beliau. Ia boleh dianggap sebagai alat untuk mengembalikan kestabilan negara. Oleh yang demikian, hubungan dengan negara Islam sangat penting untuk memastikan legitimasi dan kemantapan kepimpinan Mahathir—*Malaysia's foreign policy towards Islamic states has been a key feature of regime legitimacy throughout Malaysian history.*⁸⁷

Ini penting untuk mendapatkan sokongan rakyat tempatan untuk menjustifikasi bahawa dasar kerajaan mendapat sokongan masyarakat Muslim di luar Malaysia.⁸⁸ Berpusatkan kepada politik Islam secara global, pentadbiran Mahathir sekurang-kurangnya dapat menarik perhatian golongan tersebut di dalam negara untuk melemahkan kedudukan musuh politik, PAS. Jelas—*within the framework of Malaysia's domestic politics then, maintaining a clear Islam-oriented foreign policy was an important buffer for regime legitimacy.*⁸⁹

Mahathir berusaha memainkan pelbagai peranan di peringkat antarabangsa. Antaranya untuk mencari jalan penyelesaian peperangan Iran-Iraq⁹⁰ dan peranan yang sama ketika permusuhan antara Pakistan dan India atas undangan Zia al-Haq, Presiden Pakistan. Hubungan dengan Pakistan adalah kukuh sehingga Mahathir diberi gelaran *Great Leader* pada tahun 1983 dan pada tahun 1994, diberi gelaran *Highest Civil Award*.

Peranan Mahathir penting kerana secara simboliknya ia memberi legitimasi kepada kepimpinan beliau kerana pada waktu yang sama beliau sedang berhadapan dengan permusuhan intra-Melayu dan berpuak-puak di dalam UMNO yang semakin ketara. Peranan dan pengiktirafan sebegini di peringkat antarabangsa terutama dari negara Islam apatah lagi kesungguhan untuk membangunkan Islam di Malaysia membolehkan legitimasi yang dilihat merosot ketika krisis dalaman mula pulih kembali.

Persekitaran banyak membantu Mahathir untuk terus unggul di arena politik tanah air. Ini termasuklah sewaktu Perang Teluk di antara Iraq dan Kuwait. Walaupun serangan tersebut dikritik hebat oleh beliau, Mahathir tidak bercadang menghantar tentera ke Asia Tengah dan menyatakan akan berbuat demikian jika Makkah dan Madinah diserang.⁹¹

Sokongan Mahathir ke atas negara Islam bukan sekadar berbenut moral semata-mata tetapi usaha juga dilakukan untuk mengadakan kerjasama ekonomi dan pertukaran dengan negara-negara Islam membuktikan usaha simbolik Mahathir untuk meningkatkan legitimasi beliau dengan membina solidariti negara Islam. Pada tahun 1981, misi perdagangan besar-besaran dihantar ke Arab Saudi dan negara Arab lain untuk mempromosi Malaysia serta menjadi salah satu senjata kempen pilihan raya tahun 1982 yang juga melibatkan lawatan ketat Perdana Menteri ke negara-negara Asia Tengah. Mahathir juga telah mengadakan lawatan ke Maghribi, Libya dan Bahrain pada April 2002 untuk meningkatkan hubungan dengan ketiga-tiga negara tersebut.

Pada bulan Januari 2003, beliau melawat Lebanon dan Mesir dan membuka peluang kepada pelabur Malaysia untuk meningkatkan perniagaan mereka.⁹² Dalam pertemuan dengan ahli perniagaan Libya pula, beliau menyatakan bahawa Malaysia merupakan model negara Muslim yang progresif dan baik untuk pelabur asing. Legitimasi beliau ternyata kukuh dengan kestabilan politik, keharmonian pelbagai bangsa dan pemikiran yang progresif di kalangan masyarakat yang turut mengukuhkan ekonomi negara.⁹³ Usaha

beliau adalah supaya Libya akan menggunakan Malaysia untuk menembusi pasaran negara ASEAN.⁹⁴ Maghribi pula dilihat boleh menjadi *springboard* bagi Malaysia untuk menembusi pasaran Afrika dan Kesatuan Eropah dan pada waktu yang sama, Maghribi boleh menggunakan Malaysia untuk menembusi dan menakluki pasaran ASEAN dan Asia Timur.⁹⁵ Usaha untuk meningkatkan daya saing ekonomi ini boleh dilihat sebagai cara Mahathir untuk terus menstabilkan ekonomi negara sekali gus mendapatkan mandat rakyat ke atas pentadbiran beliau.

Lawatan-lawatan yang diadakan juga bertujuan untuk memastikan hubungan ekonomi dan kewangan berserta hubungan keagamaan dapat ditingkatkan dengan negara Arab. Misalnya tawaran RM1.14 bilion (AS\$300 juta) bantuan kepada pembangunan semula Lebanon. Ia dianggap sebagai bantuan sesama ummah.⁹⁶ Ini kerana ia disusuli dengan laporan media yang melaporkan pengiktirafan negara-negara Islam ke atas kepimpinan Mahathir sekali gus mengukuhkan legitimasi beliau.

Ahli perniagaan Malaysia turut digalakkan untuk meningkatkan aktiviti perdagangan di Asia Barat malahan Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI) telah menubuhkan pejabat MIDA dan pejabat Tourism Development Corporation di Asia Tengah untuk menarik pelaburan ke Malaysia. Melalui keutamaan yang diberikan ini, kerjasama perdagangan telah membawa kepada pemasaran barangan Malaysia serta meningkatkan taraf perdagangan negara. Walau bagaimanapun, kadar perdagangan Malaysia dengan negara-negara Muslim ini tidak menepati anggaran dalam realiti sebenar dan masih bersandar jumlah kecil daripada kadar perdagangan Malaysia yang sebenar secara keseluruhannya.⁹⁷ Selain daripada itu, Malaysia juga membina Pusat Perdagangan dan Pengedaran Malaysia (MTDC) di Manama, Bahrain untuk menjadi pemangkin kegiatan ekonomi dan perniagaan utama Malaysia di Bahrain. Pelancaran projek tersebut pada April 2002 turut menempatkan operasi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MA – TRADE) dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.⁹⁸

Walaupun kadar perdagangan dilihat hanya sejumlah kecil, tetapi keteguhan legitimasi banyak bergantung kepada kemampuan Mahathir untuk mengukuhkan hubungan dengan negara-negara tersebut walaupun dalam bentuk kerjasama sederhana.⁹⁹ Ia dilihat bukan kelemahan Mahathir tetapi kelembapan organisasi OIC untuk menyatukan negara Muslim sedunia. Ini berbeza dengan perdagangan dengan negara Islam bukan Arab, misalnya Pakistan pada tahun 1984 menampakkan satu peratus daripada perdagangan luaran Malaysia, 0.5 peratus adalah Turki, Indonesia dan Brunei dengan 0.4 peratus. Jadual 5.1 menunjukkan dagangan Malaysia secara keseluruhan dengan negara-negara anggota OIC.

Jadual 5.1: Nilai Perdagangan Malaysia dengan Negara-negara OIC

	2001 (Jan-Okt)	2000	1999	1998
	Nilai (RM Juta)	Nilai (RM Juta)	Nilai (RM Juta)	Nilai (RM Juta)
Eksport	15,833.5	18,485.6	16,695.6	17,281.6
Import	13,648.2	15,540.3	10,105.5	8,392.3
Jumlah Dagangan	29,481.7	34,025.9	26,801.1	25,673.8

Sumber: Kementerian Perdagangan dan Industri (<http://www.miti.gov.my/oic-background.html>)

Legitimasi Mahathir dan UMNO banyak bergantung kepada keakraban hubungan dengan negara-negara Islam di serata dunia. Alasan lain adalah kerajaan memerlukan pelaburan asing yang berterusan dari apa sahaja sumber dan pembaharuan keyakinan pelabur asing terutama ketika krisis ekonomi melanda negara sebagaimana yang berlaku pada tahun 1987 dan 1998 kerana ia penting untuk kestabilan politik domestik.¹⁰⁰ Kesempatan tersebut diambil melalui Persidangan Pelaburan Perdagangan Malaysia-Arab pada November 1987 membolehkan Majlis Pelaburan Perdagangan

Malaysia-Arab (MATIC) ditubuh pada Januari 1988 dan JAMI, sebuah syarikat pelaburan bersama untuk kepentingan Arab dan Malaysia disenarai di Malaysia pada modal berbayar RM100 juta.¹⁰¹ Pada tahun 2002 pula, Croatia telah diberi RM38 juta kredit untuk membeli kelapa sawit malahan Perdana Menteri Croatia mahu kerjasama kedua-dua negara diperkembang ke industri farmasi, sektor pemprosesan dan industri lain selain daripada pertanian.¹⁰² Kyrgyztan pula menganggap Malaysia di bawah Mahathir sebagai model negara membangun yang boleh mereka guna untuk membaiki kedudukan domestiknya. Malahan beliau meminta untuk memformula apa yang dilihat oleh Presidennya Askar Askayer sebagai *Mahathir Development Plan*, satu perancangan ekonomi jangka panjang untuk membangunkan ekonomi negaranya.¹⁰³

Begitu juga dengan lawatan Presiden Iran, Sayed Mohammad Khatami menunjukkan hubungan bilateral kedua-dua negara Islam telah meningkat.¹⁰⁴ Beliau juga mencadangkan diwujudkan "Ikatan Keamanan" untuk menghapuskan keganasan dan perang.¹⁰⁵ Pengiktirafan sebegini membolehkan politik tempatan stabil kerana apabila pemimpin asing mengakui kebolehan Mahathir, maka secara langsung ia memberi kesan ke atas legitimasi politik beliau.

Walaupun tujuan dasar luar ke atas negara-negara ini adalah untuk meningkatkan pelaburan tetapi yang lebih nyata adalah pencarian bantuan kewangan daripada pelbagai sumber. Fahaman keagamaan yang sama dianggap mudah menjadi faktor penarik pelaburan untuk membentuk asas hubungan antara negara Islam. Ini kerana negara-negara Asia Barat juga tidak menampakkan usaha bersungguh-sungguh untuk menarik pelaburan asing secara langsung menyebabkan cara lain diguna untuk mengaut keuntungan ekonomi melangkaui amalan keagamaan.

Ini termasuklah melalui usaha sama membangunkan projek dan pelaburan yang merupakan antara elemen yang paling dominan dan penting untuk kerjasama antara negara Islam dengan Malaysia. Misalnya, Kuwait pernah melabur melalui badan swasta untuk pelaburan menerusi Perjanjian Jaminan Antarabangsa tetapi ia tidak

memadai untuk mengembangkan pelaburan negara Islam walaupun kerajaan pernah melonggarkan syarat-syarat pelaburan ke atas pelabur asing pada tahun 1986. Selepas melalui kegawatan ekonomi 1997-1998, Mahathir telah mencadangkan penubuhan Sekretariat untuk mempromosi idea mengguna dinar emas di kalangan bank pusat negara-negara Islam. Iran telah pun menyatakan persetujuan mereka dan satu sekretariat akan membolehkan Malaysia berhubung dengan negara-negara Islam yang lain untuk melihat kepada undang-undang yang membenar penggunaan dinar emas.¹⁰⁶ Ini sekali gus akan mengukuhkan legitimasi politik Mahathir kerana penubuhan tersebut akan mengiktiraf Mahathir sebagai pemimpin negara Islam dan Malaysia sebagai negara Islam.

Walaupun memainkan peranan penting dalam OIC, beliau tidak terlepas daripada mengkritik organisasi ini yang dilihat bermusuhan sesama mereka terutama antara negara Arab yang dilihat satu penerusan dari Liga Arab, sehingga pada tahun 1987 beliau menyuarakan rasa tidak puas hati dan meminta OIC distruktur semula menjadi alat Islam yang lebih berkuasa dan efektif. OIC juga dianggap lemah dan tidak berdaya.¹⁰⁷

... as long as the Islamic countries are fragmented, they do not have the combined strength to counter the arrogance shown by Israel. Even when we called for a meeting to discuss this issue, not all Islamic countries will attend. When we make a decision or come out with any effective method to tackle this issue, there are bound to be some Islamic countries that will work against it to ensure that the action will fail.¹⁰⁸

Ini jelas dalam mengemukakan tentangan serangan ke atas Iraq, pandangan mereka tidak dihirau oleh Amerika. Beliau menganggap semua negara Islam lemah dan tidak mempunyai pengaruh untuk menentukan nasib mereka sendiri. Ini juga dikaitkan dengan pendirian beberapa buah negara yang menyokong Amerika dan menjadi sekutu mereka.¹⁰⁹ Malahan negara Islam juga dilihat tidak bersatu untuk membantu Palestin. Ada juga kritikan bahawa tanpa ada tindakan kolektif, minyak tidak dapat digunakan sebagai senjata

untuk menentang musuh negara Islam.¹¹⁰ Mahathir menganggap Arab Saudi, negara yang kaya dengan minyak mampu menjadi kuasa dunia yang berpengaruh untuk melindungi negara-negara Islam yang ditindas.¹¹¹

Di samping itu, Mahathir mempunyai visi awal agar OIC memainkan peranan aktif untuk negara-negara Islam termasuk Malaysia.¹¹² Bagi beliau, penubuhan OIC bukan sahaja untuk perpaduan orang Islam tetapi lebih daripada itu, negara-negara Islam wajar melibatkan kerjasama ekonomi dan mengharapkan promosi perdagangan dan pelaburan, pendidikan, latihan untuk penyaluran tabung IDB yang tidak digunakan di kalangan negara Islam.¹¹³ Maka, tidak salah Algeria melihat Mahathir sebagai "*Man of Vision*" dalam semua bidang.¹¹⁴

Penglibatan Malaysia dalam sistem ini membawa kepada keuntungan ekonomi Malaysia yang membolehkan Malaysia turut mendapat bantuan untuk projek keagamaan dan projek pembangunan negara. Selain daripada itu, keazaman Malaysia untuk meningkatkan hubungan melalui ekonomi telah berkembang jika dilihat menerusi laporan ekonomi rasmi.¹¹⁵ Penyertaan Malaysia dalam OIC bukan sekadar untuk mendapatkan keuntungan satu pihak melalui aspirasi ekonomi tetapi melalui OIC, ia mahu negara-negara Islam yang mundur dibantu termasuk melalui pelaburan dan kerjasama teknikal berpandukan kepada kedudukan sebagai masyarakat Islam dan agama Islam.

Selain daripada ekonomi, industri pelancongan antara negara Islam turut menjadi agenda utama OIC untuk meningkatkan pasaran negara-negara Islam. Ini dibincangkan oleh mesyuarat pegawai atasan (SOM) OIC yang diadakan di Kuala Lumpur pada 10 Oktober 2001. Mahathir menganggap melawat negara-negara Islam sesama orang Islam akan menyatukan orang Islam yang boleh membentuk *brotherly relations, enhance our knowledge of Islam and achieve greater solidarity*.¹¹⁶ Susulan daripada itu, promosi bertemakan "*Malaysia, Truly Asia*" dilancar di Dubai dan Abu Dhabi pada 13 dan 14 Mac 2003 untuk menarik minat pelancong Asia Tengah.¹¹⁷

Selain daripada menjadi anggota negara OIC, Malaysia juga aktif dalam Kumpulan 8 atau lebih dikenali sebagai *Group of Eight Islamic Developing Countries D-8*. Ia telah ditubuhkan pada tahun 1997 di Turki sebagai usaha untuk membangunkan ekonomi antara negara Islam yang sedang membangun, antaranya Turki, Pakistan, Nigeria, Iran, Indonesia, Mesir, Bangladesh dan Malaysia sendiri.¹¹⁸ Di Summit Ke-2, D-8 di Bangladesh, Mahathir menekankan perlunya negara-negara Islam mengukuhkan dan maksimumkan aset serta kesepaduan intrinsik untuk kepentingan bersama dan membangunkan negara masing-masing.¹¹⁹ Ini sekali gus membantu Malaysia meningkatkan kadar pelaburan asing serta pertukaran jualan dan belian dengan negara-negara Islam D-8 sebagaimana yang dapat dilihat dalam Jadual 5.2.

Jadual 5.2: Nilai Perdagangan Malaysia Dengan Negara-negara D-8

	2001 (Jan-Okt)	2000	1999	1998
	Nilai (RM Juta)	Nilai (RM Juta)	Nilai (RM Juta)	Nilai (RM Juta)
Eksport	9,252.8	10,869.0	9,966.5	10,356.1
Import	7,976.3	9,519.6	7,327.2	6,328.9
Jumlah Dagangan	17,229.1	20,388.6	17,293.7	16,685.0

Sumber: Kementerian Perdagangan dan Industri (<http://www.miti.gov.my/D-8-background.html>)

Yang jelas perhubungan dengan negara Islam lain penting untuk kepimpinan Mahathir untuk melegitimasi sifat-sifat Islam yang diimplementasi oleh pentadbiran beliau untuk berhadapan dengan musuh Islam di dalam negara dan sekali gus mempromosi apa yang dilihat sebagai ajaran Islam yang sebenar bersesuaian dengan perhubungan antara agama dan pembangunan.

Apa yang mahu dilakukan oleh Mahathir adalah supaya umat Islam di Malaysia mengimbangi kehendak dunia moden dengan memenuhi tuntutan agama dan mempunyai ekonomi mapan serta mampu menjadi jurucakap negara Islam lain.¹²⁰ Hubungan dengan negara-negara Islam dapat dieratkan supaya pengiktirafan di peringkat antarabangsa dapat memulihkan keyakinan masyarakat Islam ke atas kerajaan kepimpinan beliau. Kelemahan hubungan dengan negara Islam akan turut menjejaskan sokongan daripada masyarakat Islam tempatan kerana ikatan fahaman Islam dan pentadbiran tidak dapat dipisahkan sama sekali.

Usaha beliau mendapat mandat negara-negara Islam sehingga dianugerah *King Faisal International Prize* pada Mac 1997.¹²¹ Ini berdasarkan sumbangan beliau kepada pembentukan Universiti Islam, Bank Islam dan *Islamic Economic Development Foundation of Malaysia*. Pada April 1997 pula, Mahathir dikurniakan anugerah "Mubarak al-Kabir" di Istana Bayang oleh pemimpin kerajaan Kuwait Emir Sheikh Jaber al-Ahmed al-Sabah sebagai menghargai sumbangan beliau dalam dunia Islam. Beliau merupakan pemimpin Asia yang pertama menerima anugerah tersebut.

Yang nyata, Mahathir digambar bukan sahaja sebagai *a true stateman* dunia tetapi juga seorang yang telah membawa Malaysia ke persada dunia. Lebih daripada itu, beliau dilihat sebagai pemimpin sebenar Islam yang membuktikan kepada pemimpin negara-negara Islam yang lain pencapaian agama Islam. Legitimasi Mahathir banyak berpusat kepada kesungguhan untuk melihat orang Islam bersatu dan kembali membina empayar Islam yang pernah dikuasai satu ketika dahulu. Ini ditekankan dalam kebanyakan ucapan beliau termasuk di Universiti Al-Azhar bertajuk "*Muslim Unity In The Face Of Challenges And Threats*"¹²², mengiktiraf Mahathir sebagai pemimpin negara Islam.

Beliau dikagumi kerana dianggap—*very well known, with a vision, moderate, strong. He is a great leader of the moderate Muslim world. Malaysia and Dr Mahathir, represent the real Islam in the Muslim world.*¹²³ Mahathir turut diberi penghormatan oleh



Dr. Mahathir bersama Presiden Libya, Col. Muammar M. Gaddafi



Dr. Mahathir bersama Perdana Menteri Bahrin, Sheikh Khalifa Salman Al Khalifa



Dr. Mahathir bersama
Perdana Menteri Mesir,
Dr. Atef Absid

Sistem Penyiaran Televisyen Al-Jazeera yang menggunakan bahasa Arab untuk saluran berita global di mana beliau turut menekankan perlunya negara-negara Islam berpadu untuk membaiki imej Islam di mata dunia.¹²⁴ Kesemua pengiktirafan berdasarkan kepada sumbangan beliau kepada dunia Islam menyebabkan pengumuman pesaraan beliau dari dunia politik turut mendapat reaksi dunia Islam sehingga ada yang menganggap ketiadaan beliau akan meninggalkan "kekosongan besar" kepada umat Islam dalam politik antara-bangsa.¹²⁵

Kemampuan Mahathir untuk memainkan peranan yang aktif dalam lingkaran dunia Islam menyebabkan ramai pemimpin Islam berasa dunia Islam akan kabur selepas persaraan beliau. Ini kerana Mahathir telah membentuk reputasi sebagai pemimpin Islam dengan integriti dan kredibiliti yang luar biasa dan sentiasa mendapat sokongan pemimpin negara Islam yang turut mempengaruhi legitimasi politik beliau selama ini. Ini diakui oleh Perdana Menteri Lebanon, Rafic Hariri dan Presiden Sudan, Omar Hassan al-Bashir serta beberapa pemimpin yang lain.¹²⁶

HUBUNGAN DENGAN NEGARA DUNIA KETIGA, G-15 DAN NAM

Lewat 1980-an memperlihatkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Dunia Ketiga yang telah maju dengan pesat. Perdana Menteri sebelum ini turut merangka dasar luar yang memberi perhatian yang besar ke atas ASEAN, dunia Islam dan negara Dunia Ketiga tetapi di bawah Mahathir, kemunculan Malaysia sebagai salah satu gergasi Dunia Ketiga membolehkan Malaysia bertindak untuk menjadi jurucakap negara Dunia Ketiga, terutama melalui Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).¹²⁷ Karisma Mahathir sendiri jika dirujuk kepada gaya kepimpinan dan kepetahan retorik bahasa Inggeris serta infrastruktur diplomasi yang matang membolehkan Malaysia unggul di mata dunia.

Berdasarkan kepada tindakan beliau pada tahun 1980-an, jelas bahawa kewibawaan kepimpinannya terbukti mempunyai reputasi sebagai pemimpin berkarisma juga selari dengan penampilan beliau.¹²⁸ Sejak awal 1990-an, beliau sudah mula dianggap berani menyuarakan pandangan untuk kebaikan serta norma perhubungan antarabangsa dan sering dianggap sebagai Jurucakap Dunia Ketiga. Prestasi beliau sebagai pemimpin Malaysia yang ulung juga jelas dengan keberanian retorik beliau sehingga rakyat dilaung bersama irama "Malaysia Boleh", mengacu semangat nasionalisme baru.

Di bawah Mahathir, dialog "Selatan-Selatan" yakni kerjasama antara negara-negara membangun telah menjadi agenda utama yang turut melahirkan pembentukan G-15 pada tahun 1989¹²⁹ dengan mesyuarat pertama diadakan di Kuala Lumpur. Berikutan dengan mesyuarat kedua di Kuala Lumpur pada tahun 1990¹³⁰, satu jaringan komersial telah diwujudkan di antara negara-negara selatan. Berikutan dengan mesyuarat ke-3 Senegal pada tahun 1992, Mahathir berharap jaringan dagangan bersama untuk pembangunan dapat dilaksanakan. Pada hari ini, dagangan antara negara anggota telah meningkat dengan pesat seperti yang boleh dilihat dalam Jadual 5.3

Jadual 5.3: Nilai Perdagangan Malaysia dengan Negara-negara G-15

	2001 (Jan-Okt)	2000	1999	1998
	Nilai (RM Juta)	Nilai (RM Juta)	Nilai (RM Juta)	Nilai (RM Juta)
Eksport	15,447.2	20,769.7	16,373.4	15,374.1
Import	12,576.4	14,181.2	10,759.4	9,564.7
Jumlah Dagangan	28,023.6	34,950.9	27,132.8	24,938.8

Sumber: Kementerian Perdagangan dan Industri (<http://www.miti.gov.my/G-15-background.html>)

Walaupun begitu, Mahathir menganggap negara-negara NAM boleh membuat rundingan multilateral di WTO untuk meningkatkan kepentingan mereka serta memastikan kepentingan mereka terpelihara sejajar dengan tuntutan globalisasi serta liberalisasi dagangan oleh WTO.¹³¹ Beliau juga berharap peranan sektor swasta perlu ditingkatkan melalui hubungan ekonomi untuk mengeratkan hubungan antara negara-negara anggota. Ini kerana pada tahun 2001, dagangan mereka adalah US\$880.5 bilion (RM3.35 trilion) atau 14.3 peratus eksport dunia dan US\$736.9 bilion atau 11.4 peratus import dunia.¹³² Beliau mencadangkan perlu ada perubahan atau mekanisme baru kepada cara hubungan ekonomi dilakukan.

.... hence to accelerate the pace of growth in trade, member countries must intensify efforts to identify and develop new areas of economic co-operation. But the private sector, must be innovative in capitalising on the opportunities. Apart from using conventional tools to establish trade links, it must be creative in exploring alternative arrangements like counter trade, contract manufacturing and joint venture investments to exploit the business potential within NAM member countries.¹³³

Walaupun bagaimanapun, kemampuan Malaysia dilihat membebangsakan kerana nilai dagangan telah meningkat daripada RM61 bilion pada tahun 1992 kepada RM194.7 bilion pada tahun 2002 dengan nilai eksport dan import adalah RM115.4 bilion dan RM79.3 bilion untuk tahun tersebut.¹³⁴

NAM menampakkan keberkesanannya sebagai satu organisasi antarabangsa kerana ia merupakan platform yang boleh menghasilkan suara bersama Dunia Ketiga. Pada peringkat awal penubuhannya, ia lebih menekankan dasar berkecuali tanpa memihak kepada mana-mana kuasa besar, baik Amerika mahupun Rusia. Walaupun begitu, perubahan geopolitik hari ini menimbulkan persoalan sama ada ia masih relevan kerana selepas kejatuhan Rusia kerana kepentingannya sudah dianggap tidak ada dalam proses hubungan antarabangsa. Ini ditolak oleh Mahathir yang menganggap NAM mempunyai agenda penting untuk menghasilkan tekanan secara kolektif

dari Negara Selatan terutama akibat proses globalisasi yang lebih mendatangkan impak negatif ke atas negara-negara Selatan. Ada yang berpendapat NAM kekurangan sumber untuk membentuk tindakan konkrit. Apa yang nyata, NAM wajar menggunakan kekuatan Mahathir dan ruang pasca-11 September untuk membina senario politik baru berbentuk inovatif termasuk kerjasama dengan OIC.

Selain daripada itu, agenda Mahathir untuk pertubuhan NAM merupakan inisiatif Malaysia berkaitan dengan *United Nation Earth Summit* di Rio de Janeiro pada Jun 1992.¹³⁵ Sebelum persidangan ini bermula, Malaysia menjadi tuan rumah di peringkat Menteri untuk membentuk satu keputusan bersama di kalangan 50 negara membangun apabila hadir di Summit Rio. Di persidangan tersebut, Malaysia dengan lantang mencabar kewibawaan negara-negara Dunia Pertama berhubung dengan isu pembangunan dan persekitaran.

Pembangunan ekonomi yang dicapai membolehkan Malaysia memainkan peranan penting sebagai pelabur di Dunia Ketiga. Di bawah beliau, Malaysia menjadi penyumbang utama untuk *developmental aid* Dunia Ketiga terutama untuk negara seperti Mali, Fiji, Papua New Guinea, Tonga, Maldives, Ghana dan Senegal.¹³⁶

Kritikan ke atas Dunia Pertama merupakan usaha Malaysia untuk menjadi jurucakap untuk menegakkan kedudukan Dunia Ketiga dan Mahathir merupakan satu-satunya yang konsisten dengan isu dunia ketiga—*In Asia, only Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad has been consistent champion of the Third World.*¹³⁷ Pencapaian ini membolehkan Mahathir mendapat pengiktirafan Dunia Ketiga serta menjadi pengantara dunia Barat dan dunia Islam. Ini jelas dalam Pesidangan NAM di Jakarta pada September 1992, beliau menyuarakan isu hak masyarakat Bosnia dan penindasan tentera Serbia. Beliau mampu mengetengahkan isu semacam ini kerana kekuatan daya diplomatik dan keberkesanan jentera diplomatik. Tanpa kepimpinan yang utuh, tidak mungkin jentera tersebut mampu bergerak dengan efektif. Usaha beliau menjadi jurucakap Dunia Ketiga menimbulkan reaksi berbeza-beza, seolah-olah wujud

konflik autoriti antara beberapa pemimpin seperti Suharto dan Lee Kuan Yew—*status-maximizing actors evaluate their own performance in relationship to the performance of others, and they strive to attain the highest possible rank in the hierarchy of members of the international community*.¹³⁸ Ini bersesuaian dengan kelantangan Mahathir sendiri seperti mana yang dinyatakan oleh Dr Scholte:

... if the leadership of NAM would prompt Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad to give more attention to wider Southern and global interests, his contribution to globalisation debates would be greater and he might indeed help to resuscitate the movement.¹³⁹

Kelantangan Mahathir dikagumi oleh ramai pemimpin kerana tiada pemimpin yang berani bersuara seperti beliau. Kritikan bukan sahaja dilempar ke atas kuasa besar seperti Amerika tetapi juga ke atas negara-negara membangun. Misalnya, di *NAM Business Forum On South-South Co-operation*, beliau mengkritik bagaimana negara-negara Selatan harus berhadapan dengan kelemahan mereka sendiri seperti perbezaan etnik, puak dan agama menyebabkan kerajaan mereka jatuh.¹⁴⁰ Forum perniagaan ini dilihat sebagai kunci kepada langkah awal Mahathir untuk menjadikan NAM sebagai relevan. Ekonomi dan kerjasama dagangan akan melihat kepada penampilan NAM di mata dunia memandangkan pada hari ini eksport dunia negara anggota NAM adalah US\$880.5 bilion atau 14.3 peratus eksport dunia dan US\$736.9 bilion atau 11.4 peratus import dunia.¹⁴²

Penulis berpendapat lebih daripada menjadi pemimpin yang mengetuai satu-satu pertubuhan, usaha beliau adalah untuk membentuk *power blocs* dan memperkenalkan agenda baru dalam tata-ekonomi antarabangsa baru. Ini turut dilakukan dalam Mesyuarat NAM di Kuala Lumpur tahun 2003. Mahathir mempunyai sejarah peribadi dengan pertubuhan ini kerana pernah mengetuai delegasi tidak rasmi Malaysia di Ghana pada tahun 1965 untuk melobi menjadi anggota NAM. Pada hari ini, beliau berjaya menjadikan Malaysia sebagai—*the most developed of developing countries*¹⁴³ berdasarkan kepada prinsip NAM sendiri yakni—as an instrument,

non-alignment has always been vital for member countries to remain steadfast in their own development path, free from under pressure or influence from any superpower.

Walaupun ramai mengkritik bahawa NAM tidak relevan lagi tetapi beliau berpendapat NAM lebih relevan hari ini untuk melindungi dan mempromosi kepentingan Negara-negara Selatan. Bersesuaian dengan keadaan semasa, beliau menganggap keutamaan NAM hari ini adalah untuk menyelesaikan isu Palestin dan Iraq.¹⁴⁴ Mahathir dilihat mampu memimpin NAM menghadapi cabaran order baru sehingga bekas Pengerusi NAM, Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki menyatakan—*the challenges we are facing in the NAM require the leadership that PM Mahathir can provide.*¹⁴⁵ Kelantangan beliau kedengaran di seluruh pelosok dunia sehingga ada yang khuatir keselamatan beliau selepas beliau secara terbuka mengkritik Amerika dalam ucapan pembukaan mesyuarat NAM di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pengiktirafan antarabangsa penting untuk keperluan domestik negara dan hubungan dengan dunia lain selain NAM. Penulis melihat keupayaan Mahathir untuk mengetengahkan Malaysia di mata dunia adalah untuk membangunkan ekonomi serta kedudukan orang Melayu. Model Malaysia atau model Mahathir dianggap antara acuan untuk membawa masuk pelabur asing ke negara dan pencapaian sebagai wira Dunia Ketiga adalah untuk kepentingan politik domestik dan legitimasi kepimpinan Mahathir sendiri.

... Altaf Gauhar, Secretary General of the Third World Foundation, acknowledged Malaysia as the Third World leader in a recent statement. Malaysia was chosen as the venue for the Third World award presentation ceremony in 1985. The sponsor's reason for choosing Malaysia as the venue is Mahathir's earnest and genuine involvement in problems faced by Third World countries, and his practical strategies of overcoming them.¹⁴⁶

Anjakan juga berlaku dalam dasar luar Malaysia yang mula berfokus ke atas negara Dunia Ketiga. Penglibatan aktif Malaysia di bawah organisasi antarabangsa dan mengambil inisiatif untuk memulih hubungan baik dengan negara membangun dan membawa perubahan yang besar. Sehingga 1980-an, banyak tindakan merupakan susulan atau kesinambungan daripada corak Perdana Menteri sebelum ini tetapi pada pertengahan 1980-an, banyak menampakkan tindakan yang lebih komprehensif. Antara yang dominan adalah fokus ke atas perdagangan dan ekonomi dengan negara Dunia Ketiga. Ini dimanifestasi dengan peningkatan kerjasama Negara Selatan-Selatan kerana DPT pada peringkat ini seolah-olah berada pada tahap yang tidak begitu memberangsangkan. NAM, G15, G77 dan kedudukan Malaysia sebagai Presiden Majlis Perhimpunan PBB ke-41 pada tahun 1986 diguna sepenuhnya untuk mengubah sistem perdagangan antara negara membangun dan negara yang telah membangun.¹⁴⁷

Yang jelas, dalam mesyuarat NAM di Kuala Lumpur, isu Palestin dan Iraq telah menjadi agenda utama beliau. Dalam isu Palestin, satu kenyataan berasingan dikeluarkan untuk menekan PBB supaya kehadiran pihak antarabangsa di kawasan yang diduduki diluluskan untuk membantu masyarakat Palestin.¹⁴⁸ Malahan satu perhimpunan raksasa bertemakan "Malaysians For Peace" diadakan di Stadium Bukit Jalil yang memperlihatkan hampir 200 000 orang hadir untuk menyatakan sokongan mereka supaya Iraq tidak diserang dan Palestin diberi kemerdekaan. Dalam perhimpunan tersebut, Mahathir dengan tegas menyatakan bahawa sikap Barat masih tidak bertamadun—*the Westerners claim to have a great civilization but they behave like Stone-Age people whenever they are confronted with problems. They kill and overthrow governments to achieve their goals.*¹⁴⁹

Mahathir juga disanjung kerana usaha mempromosi idea *smart partnership* di kalangan negara membangun. Sir Ketumile Masire, bekas Presiden Botswana melihat Mahathir sebagai arkitek yang telah membolehkan konsep *smart partnership* berjaya. Langkah

Mahathir dilihat menyumbang kepada visi 2016 Botswana untuk memperbaiki ekonomi dan berdaya saing berkembang dengan pesat.¹⁵⁰ Begitu juga dengan Uganda yang kagum dengan pencapaian Malaysia memandangkan pada tahun 1962, per kapita kedua-dua negara adalah sama tetapi hari ini, Malaysia telah 50 kali lebih baik daripada mereka.

Beliau dilihat tokoh yang luar biasa yang sanggup berkongsi pemikiran dan kejayaan Malaysia dengan pemimpin negara membangun yang lain untuk kemajuan bersama. Malahan, Mahathir menekankan bahawa sudah tiba masanya perubahan dibawa ke atas ekonomi dan teknologi kerana hari ini, ekonomi lebih berbentuk pengetahuan dan persaingan daya tinggi. Beliau menggariskan tiga elemen iaitu perubahan corak dagangan dan persaingan; inovasi teknologi dan globalisasi informasi yang boleh dianggap sebagai pendorong kepada persekitaran ekonomi baru.¹⁵¹ Dialog *Smart Partnership* yang diadakan sejak tahun 1995 diharap akan terus membawa kerajaan, pemimpin perniagaan dan ahli akademik untuk bekerjasama mencari jalan penyelesaian untuk memimpin di samping mengukuhkan ekonomi ketika krisis melanda.¹⁵²

Dalam *Global 2002—International Smart Partnership Dialogue*, beliau meminta kesemua negara membangun bersatu menentang amalan pelaburan kurang sihat yang dilihat sebagai *economic terrorism*.¹⁵³

... the rich nations, lived in fear of terrorists, the poor nations too were living in fear. They live in fear of the predatory rich bent on taking over their economies and their countries. They fear ultimate recolonisation. What I say is not exaggeration or alarming. Globalisation and free trade along with democracy are been touted as saviours of the world, in particular the poor.¹⁵⁴

Ramai di kalangan ahli anggota mahu Mahathir terus menjadi penjana utama dalam dialog yang akan datang walaupun sudah bersara. Presiden Ghana, John A. Kufuor menyatakan—*He can't. We won't let him go. He will not continue to be the Prime Minister but*



Dr. Mahathir dan pemimpin utama negara yang terlibat dalam Mesyuarat Langkawi International Dialogue



Dr. Mahathir bersama Nelson Mandela, Bekas Presiden Afrika Selatan

*definitely, as a great human being, he will support the dialogue for the good of humanity.*¹⁵⁵ Presiden Sudan, Omer Hassan Ahmed Al-Bashir menganggap—*Dr Mahathir has shown a true sense of leadership*¹⁵⁶ manakala Perdana Menteri Mauritius Sir Aneerood Jugnauth menyatakan—*Dr Mahathir is our financial guru.*¹⁵⁷ Naib Presiden Seychelles, James Alix Michael menyatakan—*Dr Mahathir's wisdom will continue to be important for the future development of the movement.*¹⁵⁸ Dialog antarabangsa Langkawi jelas mengutuhkannya kedudukan Mahathir sendiri di peringkat antarabangsa yang turut mendapat sokongan di dalam negara.

Satu perubahan yang mengambil tempat dengan jelas adalah tindakan bijak Mahathir mengguna ekonomi sebagai alat untuk *protest diplomacy*. Ini termasuk dengan perubahan hubungan dengan negara komunis. Lawatan ke Peking dan Moscow pada tahun 1985 dan 1987 disusuli pada tahun 2002 menggambarkan kesungguhan beliau untuk membawa perubahan ke atas hubungan dengan blok komunis.¹⁵⁹ Sebagai permulaan, perdagangan dan ekonomi dianggap boleh memulihkan kedudukan masing-masing. Seterusnya, adalah peranan aktif beliau untuk meraih sokongan untuk negara dunia ketiga. Di organisasi antarabangsa, beliau cuba mengetengahkan diskriminasi yang dihadapi oleh negara-negara Dunia Ketiga. Usaha ini dianggap sebagai tanda protes beliau secara diplomasi dan sekali gus memaparkan semangat nasionalis Malaysia. Ia sangat penting untuk mengukuhkan legitimasi yang semakin rapuh pada akhir tahun 1980-an dan diulangi semula pada akhir tahun 1990-an.

HUBUNGAN DENGAN NEGARA ANGGOTA KOMANWEL

Komanwel merupakan gabungan negara-negara bekas jajahan Britain.¹⁶⁰ Ia merupakan organisasi yang mampu menguatkan kedudukan keselamatan serantau dan juga untuk pembangunan ekonomi.

Ini bersesuaian dengan kedudukan pada ketika itu di mana komunis dan konfrontasi dengan Indonesia menyebabkan Tunku tidak ada pilihan melainkan melibatkan kerjasama ketenteraan dengan beberapa buah negara anggota Komanwel.¹⁶¹ Apabila Mahathir mengambil alih tampuk kepimpinan negara, Komanwel bukan merupakan agenda utama beliau kerana menganggap organisasi tersebut lebih banyak membuat perancangan daripada pengimplementasian dasar atau menghasilkan sebarang keputusan.

Kelantangan Mahathir memberi pandangan peribadi dianggap melangkaui dimensi keselamatan mahupun politik kerana ia turut melibatkan elemen ekonomi. *Buy British Last* dan Dasar Pandang ke Timur (DPT) dianggap sebagai asas kukuh untuk membentuk legitimasi awal beliau.

... *Buy British Last* and *Look East Policy* have come to be seen as the symbol of the Mahathir legacy in Malaysian foreign policy.¹⁶²

Amalan tradisi di bawah diplomasi antarabangsa dengan kempen membeli barangan British sebagai alternatif terakhir bermula September 1981 dan berakhir pada April 1983 dianggap membuktikan semangat nasionalisme beliau dan tindak balas ke atas bekas penjajah tanah air. Ini berikutan dengan pembelian syarikat Malaysia ke atas syarikat Britain dan kenaikan yuran pengajian pelajar Malaysia di London.¹⁶³ Malahan hubungan Britain – Malaysia juga menjadi keruh sehingga Mahathir tidak hadir untuk dua mesyuarat CHOGM pada tahun 1981¹⁶⁴ dan 1983.¹⁶⁵ Tindakan ini dianggap sebagai permulaan corak atau gaya kepimpinan beliau dan menjadi *trademark* cara beliau berdiplomasi atau lebih sesuai dilabel sebagai *protest diplomacy*.¹⁶⁶

Walaupun di peringkat antarabangsa retorik politik beliau sukar diterima, tetapi di dalam negara, secara domestik beliau dianggap pemimpin berjiwa nasionalisme yang mengutamakan kepentingan nasional daripada antarabangsa sekalipun membina populariti beliau melalui liku kontroversi.

... Mahathir's policies were effective long term plans. However, it is undeniable that certain policies were controversial in nature, thus evoking criticisms and scepticism in their acceptance by the people. These and other policies which failed to appeal to the people emerged as political issues throughout his leadership. The irony of the execution of the policies, which stems from his own leadership philosophy, is that it is sometimes in conflict with his expectations of the policies.¹⁶⁷

Penjajah tidak dijadikan sasaran untuk membentuk imej di mata antarabangsa tetapi beliau lebih suka melemparkan kritikan ke atas mereka kerana menganggap mereka terus cuba campur tangan ke dalam urusan dalaman kerajaan. Kritikan semacam ini membolehkan beliau dijulung sebagai wira bersemangat patriotik serta wira Dunia Ketiga.

Imej sebagai pengkritik tidak berterusan malahan beliau telah menghadiri mesyuarat Komanwel tahun 1985¹⁶⁸ dan 1987.¹⁶⁹ Pada tahun 1987 beliau turut menawarkan Malaysia sebagai tuan rumah untuk menganjurkan mesyuarat tersebut ketika bersidang di Vancouver.¹⁷⁰ Pada peringkat ini, beliau dilihat cuba memperbaiki imej akibat masalah domestik UMNO supaya dapat menggunakan pentas global untuk memulihkan legitimasi beliau.¹⁷¹ Ada juga beranggapan beliau sudah tidak melihat Komanwel sebagai institusi British semata-mata tetapi sebagai satu forum perjumpaan yang penting yang membolehkan beliau, melonjak sebagai pemimpin yang mempertahankan kepentingan Dunia Ketiga. Kamil Jaafar, bekas pegawai khas Perdana Menteri melihat ia sebagai—*a bridge towards Afrika, towards the African countries that are, members of the Commonwealth*.¹⁷² Ini boleh dikaitkan dengan kejayaan mesyuarat di Kuala Lumpur pada tahun 1989 dengan merangka "Deklarasi Langkawi" untuk isu alam sekitar dan kenyataan bertajuk "*Southern Africa: The Way Ahead*" yang menekankan kritikan ke atas rejim Pretoria dan meluluskan resolusi untuk membawa kedamaian dan demokrasi di Afrika Selatan sebagaimana yang dibuat pada tahun 1986.¹⁷³ Malaysia merupakan antara negara pertama yang mengambil keputusan supaya Afrika Selatan dilucutkan keahlian sebagai ahli

Komanwel kerana dasar apartheid mereka.¹⁷⁴

... the Secretary General of the Commonwealth, Sir Shridath, has said that the forcefulness with which Mahathir voiced his views and opinions in international forums against apartheid sent tremors throughout the world.¹⁷⁵

Susulan daripada mesyuarat di Kuala Lumpur, deklarasi Harare dibuat pada Oktober 1991 yang menekankan semula nilai asas yang dirancang pada 1971 di bawah *Declaration of Commonwealth Principles*. Di bawah Deklarasi Harare, negara-negara anggota memperlihatkan pentingnya mempertahankan hak-hak asasi kemanusiaan serta demokrasi.¹⁷⁶

Hanya selepas beberapa perubahan akibat desakan berterusan terutama daripada Mahathir sendiri, maka Komanwel telah dilihat semakin membawa perubahan ke atas negara-negara membangun terutama dengan program yang boleh membantu meningkatkan taraf ekonomi dan pentadbiran negara masing-masing. Antaranya, Malaysia dengan inisiatif Mahathir telah menubuhkan *Commonwealth Consultative Group on Technology Management (CCGTM)*¹⁷⁷ untuk melatih kerajaan ke arah teknologi moden untuk memperbaiki sistem pentadbiran mereka. Satu tabung khas telah ditubuh untuk kepentingan jangka panjang operasi CCGTM. Pada peringkat awal ia akan memiliki RM29.5 juta yang disumbang oleh semua negara anggota bergantung kepada kemampuan masing-masing. Ia akan diguna untuk membeli pemilikan komersial atau yang akan dimiliki oleh CCGTM dan sebahagiannya pula akan disewa supaya bayaran sama dapat mengurangkan sumbangan ahli anggota dan persyarikatan.¹⁷⁸

Ia dilihat sebagai interaksi utama negara maju dan mundur dan Malaysia begitu aktif memberi bantuan, misalnya bekas *Gabenor Central Bank of Namibia* yang telah berkhidmat selama empat tahun di sana merupakan seorang berbangsa Melayu.¹⁷⁹ Malahan Malaysia sendiri telah mempertingkatkan kadar dagangan mereka dengan rakan anggota Komanwel terutama dengan Singapura,

United Kingdom, Australia, India dan Kanada.¹⁸⁰ Jadual 5.4 menunjukkan kadar import-eksport Malaysia secara keseluruhan dengan negara-negara Komanwel.

Jadual 5.4: Nilai Perdagangan Malaysia dengan negara-negara Komanwel

	2001 (Jan-Okt)	2000	1999	1998
	Nilai (RM Juta)	Nilai (RM Juta)	Nilai (RM Juta)	Nilai (RM Juta)
Eksport	74,616.5	107,212.0	90,474.91	83,146.1
Import	46,127.2	63,806.0	52,070.42	46,580.8
Jumlah Dagangan	120,743.7	171,018.0	142,545.33	129,726.9

Sumber: Kementerian Perdagangan dan Industri (<http://www.miti.gov.my/komanwel-background.html>)

Walaupun pada peringkat awal kepimpinan Mahathir begitu agresif dengan mengkritik organisasi ini, namun pada hari ini Komanwel telah turut menjadi rakan dagangan yang aktif bagi Malaysia. Malahan di pertemuan di Brisbane tahun lepas, Malaysia memainkan peranan penting meminta negara-negara Komanwel untuk melihat kepada punca keganasan dan cuba mencari jalan penyelesaian dengan melihat kepada elemen ekonomi-politik, etnik atau agama.¹⁸¹ Bagi Mahathir, beliau tidak pernah mengabaikan hubungan dengan Barat walaupun Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan. Beliau menyatakan—*when we adopted the Look East Policy, people said that we are forgetting about the West. Actually, that is not the case then and it is not the case now.*¹⁸²

Kedudukan Malaysia di pentas Komanwel dan keupayaan mengetengahkan isu-isu tertentu bergantung kepada teras kepimpinan Mahathir. Ini menyebabkan masyarakat luar memandang tinggi ke atas kredibiliti beliau dan bagi masyarakat Malaysia, beliau memi-



Dr. Mahathir
ketika berucap di
Mesyuarat
Ketua-ketua
Negara
Komenwel



Dr. Mahathir
bersama Ratu
Eltezabeth
England



Dr. Mahathir
bersama Perdana
Menteri Britain,
Tony Blair

liki ciri-ciri seorang pemimpin berwibawa yang kepimpinannya wajar diteruskan.

REAKSI TERHADAP KRISIS MATA WANG 1997-1998 DAN TRAGEDI 11 SEPTEMBER 2001

Mahathir sering memainkan peranan yang penting untuk memastikan pengiktirafan antarabangsa yang konkrit membantu beliau terus berkuasa serta untuk menguatkan kedudukan domestik beliau. Aspek ini penting kerana kepincangan legitimasi Mahathir akan membawa ketidakstabilan secara keseluruhannya.

... Mahathir's authoritative control over the state and regime meant that a crisis in his legitimacy was a crisis for the legitimacy of entire regime.¹⁸³

Lewat 1990-an Mahathir menghadapi satu krisis yang besar, lebih besar daripada yang dilalui pada lewat 1980-an.¹⁸⁴ Mahu tidak mahu, secara rasionalnya, dasar luar perlu untuk memastikan legitimasi beliau tidak tergugat. Peranan sebagai pemimpin Islam dan nasionalis beliau perlu dikukuhkan agar agenda domestik tidak begitu tertekan atau sekurang-kurangnya tidak terikut-ikut dengan tindakan seperti di negara serantau.¹⁸⁵ Dimensi luaran sebenarnya turut mempengaruhi persekitaran domestik Malaysia. Ini bermula dengan kemerosotan nilai ringgit dan melemahkan pasaran saham pada tahun 1997. Ia berlarutan untuk satu jangka masa yang panjang seperti mana yang pernah dilalui pada tahun 1980-an.

Dimensi luar yang dirujuk oleh Mahathir adalah—*it as the work of alien forces*.¹⁸⁶ Beliau berpegang teguh bahawa ia adalah tindakan orang asing dan bukannya berasas kepada masalah struktur sektor kewangan dan korporat tempatan. Beliau tidak pernah menolak malahan tetap menyatakan bahawa—*Malaysia's plight was essentially the result of unbridled activities of foreign hedge fund traders, and was aggravated by Western governments' inability or reluctance to rein them in*.¹⁸⁷

Selain kegawatan ekonomi, politik tempatan juga menampakkan ketidaktentuan selepas pemecatan Anwar Ibrahim yang menjadi tema utama akhbar serta media Barat, terutamanya. Ini sekali gus memperlihatkan campur tangan tidak diundang dan menyebabkan Mahathir menganggap ini sebagai cara neokolonialisme dan sering mengingatkan rakyat supaya berwaspada dengan campur tangan asing demi mempertahankan kedaulatan negara. Kelantangan beliau menyebabkan hubungan dengan beberapa buah negara Barat menjadi keruh, antaranya Amerika, Kanada dan Australia.¹⁸⁸

Kelantangan beliau berterusan dengan mengecam aktiviti kerajaan luar, media dan pedagang mata wang asing. Beliau juga mengkritik institusi seperti IMF dan Bank Dunia yang dianggap boneka Barat yang digunakan sebagai alat untuk memeras serta menekan negara-negara membangun Asia.¹⁸⁹

Nasionalisme Mahathir menjadi lebih kukuh apabila bekas Naib Presiden Amerika Al Gore menyokong pergerakan pembangkang dan menyokong mereka yang melakukan reformasi di suatu majlis makan malam Persidangan APEC di Kuala Lumpur.¹⁹⁰ Ini dianggap menjadikan elemen neokolonialisme Mahathir menjadi nyata serta cubaan campur tangan asing di Malaysia. Beliau juga turut mengecam kedutaan Amerika, Britain, Kanada dan Australia kerana menyokong pembangkang serta menghulurkan bantuan kewangan kepada mereka. Dasar luar juga secara langsung menjadi tema pilihan raya serta papan tanda di seluruh negara yang memaparkan bagaimana—*foreign interference can undermine a nation's sovereignty* dan *foreign interference is a threat to national stability*. Ini seolah-olah menunjukkan bahawa Barat cemburu dengan kejayaan Malaysia dan secara peribadi tidak secocok dengan pendirian Mahathir apabila membincangkan isu perhubungan dengan negara-negara Barat.

Walaupun beliau menentang keras serta mengkritik campur tangan Barat, mengecam bekas Naib Presiden Amerika dan mendakwa kerajaan asing menghulur bantuan kepada pembangkang, ia tidak mendatangkan kesan ke atas dasar luar negara. Dasar ke atas negara

Barat tetap kekal seperti biasa, tidak dihentikan serta-merta malahan Mahathir meneruskan lawatan ke Amerika dan Britain walaupun bukan atas jemputan rasmi kerajaan tersebut. Diplomasi protes beliau dikurangkan apabila berada di luar negara kerana jelas kepentingan nasional yang banyak bergantung kepada perniagaan Barat malahan Eropah dan Amerika merupakan antara rakan dagangan utama untuk Malaysia.

... the disjuncture between Mahathir's rhetoric and policy verifies the fact that his rhetoric towards the West was constructed for political purposes, namely to bolster his legitimacy as a nationalist, was not a guide for policy.¹⁹¹

Walaupun begitu, kritikan Barat ke atas beliau nyata berubah selepas peristiwa serangan 11 September 2001 atau lebih dikenali sebagai peristiwa 9/11 yang turut mengubah sejarah kepimpinan Mahathir yang dilihat pada tahap ini sebagai berada dalam krisis. Serangan ini merupakan peristiwa yang telah mengorbankan beribu-ribu nyawa akibat serangan ke atas *World Trade Centre* dan Pentagon yang dihubungkan dengan Osama bin Laden.¹⁹² Kejadian ini turut membawa kepada serangan ke atas Afghanistan oleh Amerika. Bagi Taliban, rakyat harus berjihad apabila mereka diserang oleh Amerika.¹⁹³ Bagi Mahathir, ia bukan jihad seperti yang ditekankan oleh PAS.¹⁹⁴ Pengerusi Majlis Tertinggi Islam Amerika Syeikh Muhammad Hisham Kabbani menganggap "jihad harus dilakukan dengan mendidik yang lain." Malahan beliau menyatakan bahawa—*Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad is a leader of Islamic countries and said that other leaders could learn from him if they were to observe his actions and listen to the rationale behind his decisions.*¹⁹⁵ Bagi Mahathir, masyarakat Islam harus belajar membuat senjata moden dan peralatan untuk melindungi negara daripada keganasan. Ini diakui oleh Dr. Ismail Ibrahim yang menganggap jihad sebenar adalah untuk meningkatkan ekonomi, teknologi dan kemajuan ilmu pengetahuan umat Islam bukan jihad bersenjata dan berperang ke atas kerajaan kuasa besar dunia.¹⁹⁶ Konflik Amerika-Osama turut dilihat telah menjadi konflik Islam-Kristian.¹⁹⁷


Yang nyata selepas serangan tersebut, ia dikaitkan dengan pergerakan Al-Qaeda, jaringan pergerakan pengganas yang berselindung di sebalik identiti mereka untuk merancang, melaksana serta mendapatkan bantuan kewangan secukupnya terutama daripada simpanan Osama sendiri. Perancangan Al-Qaeda turut dikaitkan dengan jaringan bersama pergerakan Muslim di Asia iaitu Jemaah Islamiah (JI) yang turut menular di Malaysia. Tulang belakang kepada pergerakan serantau dikatakan diketuai oleh Abu Bakar Ba'asyir yang mahu membentuk negara Islam serantau.¹⁹⁸ Beliau didakwa turut terlibat dalam pembunuhan ADUN Kedah, Dr Joe Fernandez.¹⁹⁹ Kehadiran kumpulan ekstremis ini menyebabkan Mahathir terpaksa mengambil beberapa langkah keselamatan malahan Mahathir dilihat mendapat pengiktirafan bukan sahaja Amerika tetapi juga masyarakat dunia apabila menggunakan beberapa kaedah untuk membantut proses penawanan secara militan oleh kumpulan JI ini. Ini termasuklah menangkap beberapa ahli Kumpulan Militan Malaysia (KMM) termasuklah Zulkifli Hir²⁰⁰ dan Nik Adli Nik Aziz²⁰¹ yang didakwa terlibat dengan perbincangan yang telah mengambil tempat termasuklah dengan kehadiran Abu Bakar Ba'asyir di Gombak di antara tahun 1997 dan 1998²⁰² dan Ahmed Ibrahim yang menuntut di UIA.²⁰³

Ramai yang ditangkap merupakan ahli PAS, parti pembangkang yang dilihat radikal dalam mengetengahkan objektif parti tersebut²⁰⁴. Malahan Presiden PAS, Haji Hadi telah menghadiri kongres Islam di Makasar pada Oktober 2000. Ini secara langsung dikaitkan dengan kumpulan radikal Islam di Indonesia, Abu Bakar Ba'asyir.²⁰⁵ Ahmad Badawi pula menganggap bahawa Malaysia dilabel sebagai menyokong keganasan atau mempunyai hubungan dengan organisasi radikal Islam di Amerika kerana hubungan bekas pemimpin negara dengan organisasi tersebut. Ini dilakukan dengan memberi bantuan kewangan. Pengerusi *Islamic Supreme Council of America*, Syeikh Muhammad Hisham Kabbani menyatakan bahawa salah satu organisasi tersebut menerima US\$10 juta (RM38 juta) dari bekas Menteri tersebut.²⁰⁶

Penggunaan akta ISA dilihat begitu efektif untuk memerangi kegiatan kumpulan militan dan ini dianggap antara pencapaian terbaik Mahathir untuk mengatasi masalah dengan kumpulan penganas domestik, sekali gus memulihkan legitimasi politik beliau.²⁰⁷ Kemampuan Malaysia menangani aktiviti militan dan keganasan sebelum 11 September memperlihatkan bagaimana keberkesanan kepimpinan Mahathir untuk memastikan kestabilan dikekalkan walaupun sebelum ini, penggunaan akta ini dikritik oleh Barat. Bermula dengan penangkapan kumpulan Al-Maunah pada tahun 2000 yang mencuri senjata di Perak diikuti dengan penangkapan ahli Kumpulan Militan Malaysia (KMM) di mana ahli-ahlinya mendapat latihan untuk mengguling kerajaan di Afghanistan, Mahathir berjaya mengekang operasi kumpulan militan ini melalui akta tersebut dan keberkesanan kepimpinan dan organisasi keselamatan negara.

Susulan daripada itu, satu persidangan dengan negara-negara Islam diadakan untuk membincangkan isu keganasan di Kuala Lumpur dan melonjak populariti Mahathir sendiri.²⁰⁸ Ini menyebabkan beliau dilihat oleh Amerika sebagai pemimpin negara Islam yang mampu membawa perubahan ke atas isu ini dan dijemput oleh Presiden Amerika semata-mata sebagai tanda penghargaan ke atas tindakan Mahathir memerangi kegiatan keganasan kerana Kuala Lumpur turut dianggap ruang perancangan ahli JI dan KMM yang secara langsung merupakan ahli organisasi induk mereka, Al-Qaeda.²⁰⁹ Walaupun begitu, Mahathir menganggap peperangan menentang keganasan belum berakhir. Ramai Muslim yang marah dan benci berbanding sebelum peristiwa 9/11.²¹⁰ Penulis berpendapat ia bersesuaian dengan konteks peperangan bahawa jika Osama yang bertanggungjawab melancarkan serangan tersebut, agama Islam dan orang Islam tidak wajar dikaitkan dengan keganasan kerana keganasan adalah antara perkara yang ditegah oleh agama Islam. Mahathir menyatakan bahawa:

... I am of the view that the world should discuss the problem seriously without taking sides. Muslim nations should not support only their



Peristiwa 11 September 2001, serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia di New York



Osama Bin Ladin yang dikaitkan dengan Jaringan Al-Qaeda

Muslim brothers, and non-Muslims countries should not support only non-Muslims countries. The position taken by countries should not be based on who are friends and who are foes. We must view terrorism as a crime against humanity which must be tackled by the world as one without any nation taking sides.²¹¹

Apa yang jelas Malaysia wajar dilihat sebagai negara yang lebih tegas dalam membanteras keganasan terutama dengan penggunaan akta ISA. Ini merupakan senjata utama legitimasi politik Mahathir untuk memerangi kumpulan penganas ini. Ia turut dipuji oleh Setiausaha Pertahanan Amerika, Donald Rumsfeld yang menyatakan —*it is impressive the extent to which Malaysia is co-operating in the war on terror.*²¹² Malahan Malaysia dicadangkan menjadi pusat aktiviti menentang keganasan di rantau ini dan ini dikemukakan oleh Setiausaha kerajaan Amerika, Collin Powell ketika melawat Malaysia.²¹³ Pengumuman persetujuan Malaysia menjadi *regional training centre for terrorism* dibuat oleh Presiden Bush di pertemuan dengan pemimpin ASEAN di Mesyuarat ketua kerajaan APEC ke-10 di Mexico.²¹⁴ Ia akan dikenali sebagai *South-East Asia Centre for Counter-Terrorism* dan dijangka beroperasi sebelum akhir tahun 2002.²¹⁵

Jelas, keupayaan Mahathir menyelesaikan masalah keganasan melalui beberapa instrumen berjaya memulihkan sokongan ke atas kepimpinan beliau terutama keprihatinan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang selamat. Ia diakui oleh masyarakat asing dan juga masyarakat tempatan yang kagum dengan kebolehan beliau untuk menangani isu antarabangsa itu.

KEPERLUAN DASAR LUAR DALAM PENGUKUHAN LEGITIMASI POLITIK

Bab ini melihat bagaimana tiga faktor yakni peranan keperibadian Mahathir, keperluan domestik dan kepentingan antarabangsa saling mempunyai hubungan resiprokal untuk memastikan ketiga-tiganya

saling memainkan peranan menyebabkan legitimasi rejim Mahathir terus kekal.


Pada tahap pertama, pengaruh utama dasar adalah faktor luar seperti Perang Dingin dan ancaman komunis. Ini menyebabkan penggantungan kepada Barat masih perlu walaupun dasar *Buy British Last* dan DPT diperkenalkan. Walaupun DPT dibentuk, dasar luar juga masih melihat Barat sebagai rakan ekonomi negara.

Pada tahap kedua, Perang Dingin masih memainkan peranan dalam rangka luar, tetapi Mahathir sudah mula memainkan peranan yang lebih definitif dalam proses pelaksanaan dasar. Ini jelas berikutan berkurangnya peranan isu keselamatan tradisi dan pada waktu yang sama tumpuan diberi ke atas kepentingan ekonomi dan perdagangan. Tumpuan juga diberi ke atas kestabilan domestik tanpa mengabaikan peranan sebagai pemimpin Islam dan nasionalis Malaysia yang berterusan. Ini jelas dengan peranan protes diplomasi untuk kepentingan isu Islam dan Dunia Ketiga.

Di peringkat ketiga, tumpuan diberi pada gaya kepimpinan beliau sebagai penentu dasar luar negara sekali gus meraih sokongan antarabangsa. Pada ketika ini, perang dingin sudah berakhir, agenda baru ke atas ekonomi dan perdagangan juga berjaya digubal berbanding dengan penggantungan kepada elemen keselamatan tradisi semata-mata. Tahap ini lebih merujuk kepada status sebagai pemimpin dunia.

Lebih daripada itu—*from the vantage point of Mahathir's own aspirations and legitimacy, the construction of an assertive, independent and activist foreign policy plotted against the hegemonic Western world, conducted through protest diplomacy, and bound to the scripting of a new Malaysian national identity under the auspices of Vision 2020, meant that foreign policy was in fact being used as an outlet for Malaysian nationalism.*²¹⁶

Retorik anti-Barat dan nasionalis beliau jelas dan diguna sebagai senjata dalam arena politik domestik, terutama ketika ancaman ke atas legitimasi seperti lewat 1980-an dan lewat 1990-an. Tema penting untuk Dunia Ketiga daripada proses dasar luar Mahathir



Dr. Mahathir bersama Presiden Amerika Syarikat, Presiden George W. Bush

adalah bagaimana *protest diplomacy* dengan prinsip tertentu bertunjak kepada keperluan untuk memenuhi objektif nasionalis. Walaupun beliau mengkritik Barat tetapi pada waktu yang sama bergantung kepada mereka untuk pembangunan.

Hubungan antarabangsa juga telah mengalami anjakan paradigma berikutan kemunculan pemimpin dengan aspirasi yang berbeza sehingga ada yang mengetepikan amalan tradisi. Misalnya, dalam ASEAN ada kalanya tidak berasaskan kepada pemahaman sesama mereka. Ini berikutan kemunculan pemimpin generasi kedua selepas era Lee Kuan Yew, Marcos dan Suharto. Misalnya, Abdurrahman Wahid, bekas Presiden Indonesia pernah membuat kenyataan bahawa Malaysia pernah meminta bantuan beliau untuk memulihkan hubungan dengan Israel sedangkan Mahathir tidak pernah meminta bantuan semacam itu.²¹⁷

Walaupun Mahathir melalui pasang surut dalam kepimpinan beliau terutama selepas peristiwa 1998, peristiwa 911 berjaya memulihkan semula legitimasi beliau sehingga Presiden Bush menyatakan bahawa—*I've been looking forward to this visit to publicly thank the Prime Minister for his strong support in the war against terror.*²¹⁸ Selanjutnya beliau menyatakan—*I want to thank you for your friendship and thank you for your leadership.*²¹⁹ Ini berdasarkan keyakinan beliau ke atas kepimpinan Mahathir yang berjaya menggerak Malaysia sebagai negara Islam yang sederhana dan moden serta berkembang pesat di rantau Asia Tenggara.

Selepas peristiwa 911, kedudukan PAS juga telah berubah. Ini juga didukung oleh kedudukan kumpulan militan dengan kemungkinan mereka terikat dengan jaringan Al-Qaeda.²²⁰ Ini membawa kepada anjakan baru dalam senario politik Malaysia. Malahan faktor Anwar dilihat tidak relevan lagi untuk mempengaruhi perkembangan politik tanah air.²²¹ Golongan ekstremis Islam mempunyai satu jalan yang panjang untuk direntasi dalam pola geografi masyarakat pelbagai kaum.

Sejak peristiwa 911, Mahathir telah berjaya memaparkan bahaya kewujudan kumpulan ini kepada pembangunan negara. PAS dengan

slogan "Islam Untuk Semua" sukar untuk memperkembangkan objektif mereka kepada keseluruhan masyarakat Malaysia.²²² Walaupun isu agama lazimnya dibincangkan oleh golongan ulama tetapi disebabkan golongan ulama ini lazimnya condong ke arah PAS, maka ia turut menyebabkan keradikalan mereka dipersoalkan sama ada ia bertujuan untuk kepentingan politik semata-mata.²²³ PAS telah dihubungkan secara langsung dengan Taliban Afghanistan kerana perjuangan Taliban dianggap jihad oleh PAS. Walaupun sejak 1998 Washington telah melabel Malaysia sebagai hubungan negatif, kini ia telah menjadi neutral atau positif²²⁴ apatah lagi PAS tidak menonjol sifat kesederhanaan dalam hal ini sehingga *Harakah* menerbitkan artikel bertajuk "Perang Sebagai Percubaan Menentang Islam".²²⁵ Ini dianggap faktor pendorong kepada Mahathir untuk memulihkan imej beliau di persada antarabangsa.

... Mahathir and his ruling National Front coalition are riding high and the opposition is in disarray. The United States blaming the attacks on Islamic extremism has cast a long shadow over Malaysia's Islamic opposition, which Mahathir had long sought to portray as as extreme. Secular parties are suddenly worried by ruling party members asking questions about whether the opposition has links to militant groups in Southeast Asia. Their concern is compounded by the expectation that militants will strike back against any U.S reprisals.²²⁶

Projek nasional yang menjadi teras keaktifan dasar luar memainkan peranan yang penting kerana tanpa pembangunan dan sokongan persekitaran, legitimasi yang semata-mata bergantung kepada dasar tanpa dipraktikkan tidak mungkin akan membolehkan Mahathir bertahan selama 22 tahun. Pengiktirafan Mahathir sebagai pemimpin agung wajar dilihat sebagai kejayaan Malaysia di bawah seorang pemimpin yang berwawasan semata-mata untuk memakmurkan negara.

PENUTUP

Dasar Luar merupakan antara unsur penting legasi Mahathir. Persekitaran antarabangsa yang sering berubah membolehkan Mahathir memanipulasi isu yang timbul untuk sama ada mengukuhkan ataupun memulihkan kedudukan beliau. Karisma kepimpinan beliau berdasarkan kepada pengalaman memimpin dan kelantangan dalam mempertahankan kedaulatan negara dan jurucakap Dunia Ketiga merupakan pendorong kejayaan beliau. Isu-isu antarabangsa saling lengkap-melengkapi kedudukan politik tanah air terutama ketika krisis melanda apatah lagi dagangan dan nasionalisme Malaysia digunakan sebagai landasan pemulihan legitimasi kepimpinan. Ini memenuhi ketiga-tiga ciri yang menjadi pendorong pengiktirafan ke atas kepimpinan Mahathir iaitu sebagai *catalysts* (iaitu sebagai pendorong menyediakan keperluan intelektual dan politik untuk membentuk inisiatif); *facilitator* (merangka agenda dan membina gabungan atau persatuan) atau sebagai *manager* (membina institusi atau membangunkan konvensyen dan norma) sebagaimana yang sudah diterangkan dalam bab ini.

NOTA Hujung

1. Pentingnya faktor hubungan antarabangsa telah bermula sejak Tunku yang cenderung untuk bersama British terutama sewaktu berhadapan dengan komunis sehingga negara berada di bawah kuasa darurat, lihat Abdullah Ahmad (1985), *Tengku Abdul Rahman And Malaysia's Foreign Policy 1963-1970*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, hlm.1. Beliau juga gemar mengatakan bahawa "we sink or swim with the West", lihat Kamil Jaafar (1998), "The Foreign Policy", *Asian Affairs*, Spring No 1: 3, Hong Kong: Larkincil International Ltd., hlm.35. Beliau merupakan *special envoy* Perdana Menteri. Hubungan dengan China dan Soviet Union tidak begitu baik waktu itu tetapi hubungan dengan negara jiran yang lain di sekitar Asia Tenggara telah dipertingkatkan, lihat Milne, R.S; Diane Mauzy (1999), *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge, hlm.122. Ini membawa kepada penubuhan Association Southeast Asian (ASA) bersama Thailand dan Filipina dan kemudian Maphilindo dengan Filipina dan Indonesia. Hubungan diplomatik yang telah diterokai oleh Tunku itu telah diteruskan oleh Tun Razak yang lebih berminat menjadikan rantau ini sebagai rantau yang berkecuali dan membawa kepada penubuhan "Zone of Peace, Freedom and Neutrality" (ZOPFAN), lihat Leifer, M (1989), *ASEAN And The Security Of South-East Asia*, London: Routledge, hlm.7. Di bawah Tun Hussein, dua perjanjian multilateral yang diterima oleh negara-negara

PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA DAN DASAR LUAR

- anggota adalah "Deklarasi Concord Asean" dan "Asean Treaty of Amity and Cooperation".
2. *Malaysian Digest*, November 1985, ASEAN, OIC, NAM dan Komanwel disusun mengikut urutan kepentingan.
 3. Muthiah Alagappa (1995), *Political Legitimacy In Southeast Asia: The Quest For Moral Authority*, USA: Stanford University Press, hlm.48. Weber menumpukan hanya kepada kedudukan di dalam negara untuk membincangkan indikator legitimasi secara keseluruhannya.
 4. *Ibid*, hlm.49.
 5. Oran Young (1989), *International Cooperation: Building Regimes For Natural Resources And The Environment*, Ithaca: Cornell University Press. Beliau turut menghu-bung kait pemimpin di arena antarabangsa sebagai *status maximizers*, *self-interested utility maximizers* dan *occupants of more or less well-defined roles whose actions are heavily constrained by the requirements of the role they occupy*, hlm. 209-212.
 6. Camroux, David (1994), *Look East And Inwards: Internal Factors In Malaysian Foreign Relations During The Mahathir Era, 1981-1994*, Australia: Centre for the Study of Australia-Asia relations, hlm.3. Ia dilabel sebagai *good international citizenship*.
 7. *Ibid*.
 8. Ada penganalisis yang melihat penjajahan semula dilakukan melalui hubungan dagangan atau bantuan kewangan kepada sesebuah negara yang memerlukan.
 9. Selepas Perang Dingin, dasar luar Malaysia lebih tertumpu pada industrialisasi dan pembangunan ekonomi antarabangsa dan globalisasi dan bagaimana ia turut menjadi pemangkin kepada *economic drive* domestik Mahathir.
 10. Faktor ekonomi juga telah memainkan peranan yang dominan di bawah kepimpinan beliau. Perkembangan ekonomi domestik turut dilihat memberi kesan ke atas dasar yang mahu dibentuk oleh kerajaan. Pada tahun 1981, ekonomi Malaysia masih bergantung kepada *dependent economy* terutama kelapa sawit, timah dan getah. Kesemuanya dianggap bergantung pada turun-naik harga dan boleh menjejaskan kestabilan ekonomi negara secara langsung jika negara terus bergantung sepenuhnya kepada pengeluaran aktiviti tersebut. Ini kerana kejatuhan harga barangan tersebut dieksploitasi oleh kumpulan tertentu untuk meraih sokongan. Seterusnya ekonomi negara pada awal 1980-an terlalu bergantung kepada negara membangun seperti negara Barat, Jepun dan Amerika untuk mengeksport hasil negara. Oleh yang demikian, beliau mengambil keputusan untuk merancang semula ekonomi negara dan merasakan negara perlu melalui proses transformasi untuk membentuk strategi baru dasar ekonomi dengan matlamat memodenkan dan mengindustralisasikan ekonomi negara yang banyak bergantung kepada getah dan kelapa sawit di bawah sektor pertanian. Pasaran baru cuba dicari dan pada waktu yang sama melalui forum multilateral, beliau cuba menentang isu ketelusan pasaran. Beliau juga cuba mengalih kerjasama dengan negara Selatan-Selatan supaya tidak terlalu bergantung kepada negara utara atau negara dunia pertama. Dari sini maka wujud gambaran bahawa Malaysia cuba dijadikan sebagai *fifth Asian tiger* dengan menggunakan pentas antarabangsa untuk menentang kejayaan ekonominya. Mahathir juga merancang modenisasi dengan cuba membawa masuk pelabur asing untuk menggiatkan lagi aktiviti ekonomi negara, untuk keterangan lanjut, sila rujuk Joseph Liow (2001), "Personality, Exigencies And Contingencies: Determinants Of Malaysia's Foreign Policy In The Mahathir Administration", dalam Ho Khai Leong; James Chin (2001) (eds.), *Mahathir's Administration: Performance and Crisis in Governance*, Singapore: Times Books International, hlm.120-160.
 11. Pengiktirafan antarabangsa juga mampu memulihkan sokongan ke atas beliau sewaktu beliau berhadapan dengan krisis, misalnya krisis legitimasi dari dalam parti UMNO pada tahun 1987 dan pilihan raya 1990 serta pemecatan Anwar Ibrahim pada tahun 1998 dan pilihan raya tahun 1999. Ancaman ke atas legitimasi pada tahap ini cuba dipulihkan melalui pengiktirafan antarabangsa supaya pemikiran masyarakat tidak terpesong dengan kemelut politik dalaman semata-mata. Bab 6 membincangkan krisis yang pernah

- dihadapi oleh Mahathir dan bagaimana beliau mengukuhkan legitimasi melalui krisis tersebut.
12. Nathan, K.S. (1998), "Malaysia: Reinventing the Nation", dalam Muthiah Alagappa (1998) (ed.), *Asian Security Practice: Material and Ideational Influences*, Stanford: Stanford University Press, hlm.533. Urutan kepentingan ini ada ditekankan oleh Camroux, David (1994), *Look East And Inwards: Internal Factors In Malaysian Foreign Relations During The Mahathir Era, 1981-1994*, Australia: Centre for the Study of Australia-Asia Relations, hlm.3; dan Khoo Boo Teik (1995), *Paradoxes Of Mahathirism*, Singapura: Oxford University Press, hlm.74-75.
 13. Camroux, David (1994), *Look East And Inwards: Internal Factors In Malaysian Foreign Relations During The Mahathir Era, 1981-1994*, Australia: Centre for the Study of Australia-Asia Relations, hlm.14. ASEAN ditubuhkan pada tahun 1967 selepas 2 pertubuhan awal iaitu Association of Southeast Asia (ASA) pada tahun 1959 yang melibatkan Filipina, Thailand dan Malaysia serta Maphilindo pada tahun 1963 yang melibatkan Malaya, Filipina dan Indonesia. Kedua-duanya gagal selepas konfrontasi Sukarno ke atas Malaysia.
 14. Milne, R.S; Diane, Maury (1999), *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge, hlm.125-128.
 15. Mahathir Mohamad (1989), *The Challenge of Peace In The Pacific*, ucapan yang disampaikan di Third Asia Pacific Roundtable, 16 Jun 1989.
 16. Yang jelas adalah penglibatan secara aktif konflik dengan Lee Kuan Yew berkenaan politik Malaysia - Singapura pada tahun 1960-an. Kedua, sebagai Pengerusi Afro-Asian People's Solidarity Organization pada tahun 1964. Pada tahun 1979, beliau ada membuat kenyataan kontroversi berkenaan dengan pelarian Vietnam. Walaupun begitu, kritikan secara berterusan ke atas penajahan Barat sudah memperlihatkan sikap beliau ke atas masyarakat Barat. Segala tindakan beliau wajar dilihat daripada skop kehidupan beliau di Singapura yang boleh dianggapi dibanjiri dengan masyarakat asing berbanding dengan tempat beliau dibesarkan iaitu Kedah.
 17. Camroux, David (1994), *Look East And Inwards: Internal Factors In Malaysian Foreign Relations During The Mahathir Era, 1981-1994*, Australia: Centre for the Study of Australia-Asia Relations, hlm 11-12.
 18. Mohd. Azhari Karim (1990), *Malaysia Foreign Policy*, hlm.127.
 19. ARF ditubuh untuk kerjasama bersama antara negara-negara anggota terutama dalam sektor ekonomi.
 20. 10 negara ASEAN dan 3 negara Asia iaitu Jepun, China dan Korea. Ia berfungsi sebagai organisasi kerjasama serantau terutama dalam bidang ekonomi, lihat Tsutomu Kikuchi (2002), "East Asia Regionalism: A Look At The 'ASEAN plus Three' Framework", *Japan Review Of International Affairs Journal*, Tokyo: JIIA. Selepas 11 tahun, idea EAEG diterima di mesyuarat ke-7 Pemimpin ASEAN di Brunei dalam bentuk ASEAN + 3. ASEAN + 3 boleh dilihat kejayaan di sebalik kegagalan kerana sebelum ini pada tahun 1990, beliau pernah mencadangkan untuk menubuhkan EAEG melibatkan 10 negara Asean, Jepun, Korea Selatan dan China tetapi gagal kerana mendapat tentangan Amerika. Walaupun begitu ASEAN + 3 dianggap mirip kepada idea awal beliau kerana dialog tahunan diadakan antara kesemua anggota tersebut, lihat "Engaging China", *The Star*, 22 Mei 2002. Idea pengurusan Asia Timur dan Pasifik ini dilihat oleh Richard Solomon, Penolong Setiausaha Negara Amerika sebagai tidak realistik. Tentangan pada awalnya datang begitu hebat dari bekas Setiausaha Negara Amerika, James Baker yang menganggap Malaysia cuba memecah-belah rantau Pasifik. Dalam memoir beliau, Baker menyatakan bagaimana beliau menentang habis-habisan idea tersebut kerana kemunculan Jepun. Bagi Mahathir, EAEG menjadi realiti dengan tertubuhnya Asean + 3, lihat "Dr. M: EAEG Is A Reality", *New Straits Times*, 5 Ogos 2003.
 21. "Malaysia Keen To Attract More South Korea Investment", *The Star*, 24 Mei 2002. Dalam pertemuan dengan Presiden Kim Dae Jung, Mahathir berjaya meyakinkan beliau

PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA DAN DASAR LUAR

- dan mendapat sokongan agar sekretariat ASEAN + 3 ditubuhkan di Kuala Lumpur. Begitu juga dengan pertemuan bersama Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi, lihat "Japanese Nod To KL—based Secretariat", *The Star*, 22 Mei 2002.
22. "How We Lost the Battle but Won the War Over EAEG", *New Sunday Times*, 25 November 2001.
 23. "Renewed Interest in EAEG Vindicates Dr Mahathir's Proposal", *New Sunday Times*, 26 Mei 2002.
 24. "Building An East Asian Community", *The Star*, 11 Mac 2002.
 25. Kenyataan Setiausaha Agung Asean, Rodolfo Severino, "Asean Sec-gec In Glowing Tribute to Dr M" *The Star*, 3 November 2002.
 26. Kerajaan tentera yang mengambil alih kepimpinan pada tahun 1988 selepas demonstrasi pelajar prodemokrasi membawa kepada ketidaktenteraman dalam negara.
 27. Razali Ismail merupakan wakil PBB yang pernah berkhidmat di PBB melaksanakan tugas dengan baik sehingga membolehkan pemimpin tersebut dibebaskan. Walaupun begitu, *International Herald Tribune* menyatakan bahawa Iris Technologies di bawah Razali Ismail telah mendapat kontrak untuk membentuk sistem pasport elektronik 'smart card' di Myanmar, "Razali Plays Down Role In Release Of Suu Kyi", *The Star*, 7 Mei 2002.
 28. *Ibid.*
 29. *The Star*, 19 Ogos 2002.
 30. Pada tahun 1999, import dari Myanmar adalah RM220 juta manakala eksport adalah RM890 juta, rujuk "http://www.emedia.com.my/z/rencana/Rencana" khas/rencana /Min-da/2001 ... /speciale_artb, dilayari pada 12 Disember 2002.
 31. "Lawatan PM ke Burma Tingkat Aktiviti Perdagangan Dua Hala", *Mingguan Malaysia*, 18 Ogos 2002.
 32. Ia berlaku di alam ASEAN Ministerial Meeting ke-28 di Brunei, rujuk Thayer, Carlyle A & Aner, Ramses (1999), *Vietnamese Foreign Policy In Transition*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, hlm.5.
 33. *Ibid.*
 34. 23 Julai 1997, Laos People's Democratic Republic (LPDR) menyertai ASEAN selepas menyatakan keinginan mereka pada tahun 1996.
 35. Terdapat hampir 18 syarikat Malaysia yang beroperasi di Laos dengan pelaburan hampir US\$276.9 juta.
 36. Kraft, Herman Joseph (2000), "ASEAN and Intra-ASEAN Relations: Weathering The Storm?", *The Pacific Review*, Vol:73:3, London: University Of Warwick, hlm.454.
 37. "Lawatan Hun Sen ke Malaysia Berjaya", *Mingguan Malaysia*, 7 Februari 1999.
 38. Nathan, K.S. (1998), "Malaysia: Reinventing The Nation", dalam Muthiah Alagappa (ed.), *Asian Security Practice: Material and Ideational Influences*, Stanford: Stanford University Press, hlm.533.
 39. Milne, R.S; Diane, Mauzy (1999), *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge, hlm 125-128.
 40. Begitu juga dengan penerangan yang diberikan oleh Menteri Pengangkutan, Datuk Dr Ling Liong Sik bahawa Malaysia akan bekerjasama dengan negara ASEAN untuk mengetengahkan *regional approach* sebagai merancang pengurusan efektif pemuangan di pelabuhan, "Asean Approach To Port Waste", *The Star*, 18 Februari 2003.
 41. "Asean Sec-gen In Glowing Tribute To Dr M", *The Star*, 3 November 2002.
 42. "Our Islands", *The Star*, 18 Disember 2002.
 43. "Dr M Gets Pledge Gas Project Will Go Ahead", *The Star*, 8 Julai 2002.
 44. "Thaksin: Cabinet Retreats Can Strengthen Asean", *The Star*, 23 Disember 2002.
 45. "Thaksin Seeks Earlier Use of Baht-Ringgit For Trade", *New Sunday Times*, 9 September 2001.
 46. "Nur Misuari Arrested", *New Sunday Times*, 25 November 2001. Malaysia juga berpegang kepada prinsip tidak campur tangan negara-negara anggota Asean dan meng-

- anggap peristiwa Nur Misuari sebagai masalah dalam Filipina walaupun MNLF menandatangani perjanjian damai pada tahun 1996 di Malaysia dengan kerajaan Filipina membolehkan Misuari dilantik sebagai Gabenor di Mindanao. Mahathir telah memainkan peranan yang dominan untuk menyatukan orang Muslim Mindanao sejak perjanjian kedamaian 1996.
47. Malaysia menjadi *peacekeeper* antara MILF dan kerajaan Filipina untuk mencapai kestabilan di Filipina. Peranan ini dominan antara kedua-dua pihak apabila perjanjian *Implementing Guidelines on the Humanitarian, Rehabilitation and Development Aspects of the Philippine Government and the Moro Islamic Liberation Front (MILF) Tripoli Agreement on Peace 2001* ditandatangani.
 48. "Ministry Ready To Help Muslim Mindanao", *New Straits Times*, 11 September 2002.
 49. "Dr M Praised For Role In Manila-MILF Peace Pact", *The Star*, 9 Ogos 2001. Ini diakui oleh Presiden Gloria Macapagal Arroyo bahawa—*your country is a melting pot of the East, and a pot of gold by virtue of the harmony and solidarity of its populace. Malahan beliau menyatakan —we will always remember Prime Minister Mahathir as a broker of peace and as a brother who helped bridge the Christians and Muslims in the Philippines. He has always been a staunch supporter of efforts to reach a just settlement in Mindanao.*
 50. "Focus On Intra-Asean Tourism", *The Star*, 16 Mac 2002.
 51. Ahli linguistik Indonesia, Malaysia dan Brunei telah bertemu di Sulawesi Selatan dan kata sepakat telah dicapai di sana untuk membawa perancangan mereka kepada pemimpin kerajaan supaya dapat dibincang mengenai penampilan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN di forum ASEAN, lihat "Drive To Make Malay Official Asean Language", *The Star*, 13 Mac 2002.
 52. Mahathir menganggap negara lemah harus melindungi diri mereka dari *economic predators* dengan bersatu bersama. Dalam konteks ASEAN, negara-negara anggota telah mengurangkan konfrontasi dan mengukuhkan ekonomi masing-masing melalui dagangan intra-Asean, lihat "Unite, Dr M Tells Weak Nations", *The Star*, 20 Ogos 2002.
 53. Intervju dengan *New Straits Times* dan *Berita Harian* di Kementerian Kewangan, Putrajaya. Lihat "Economic Fallout of Second Gulf War Will be Felt Less: PM," *New Straits Times*, 26 Disember 2002. 10 negara Asean mengharapkan pertumbuhan 3.5- 4% setiap tahun, lihat "Still Relevant", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 15 Ogos 2002.
 54. "Asean Firm, Look Forward", *New Straits Times*, 17 September 2001.
 55. "Regional Way To Fight Terror", *The Star*, 25 September 2002.
 56. "KL and Jakarta Want To Form Asean Police Task Force", *The Star*, 21 Januari 2003.
 57. "Pact to Fight Terrorism Signed", *The Star*, 8 Mei 2002.
 58. "Common Terror Laws For Asean", *The Star*, 22 Mei 2002.
 59. Anugerah ini diberi oleh Asean Business Forum dalam satu majlis pada 10 September 2001 di Singapura. Seorang lagi penerima anugerah ini adalah Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew, "Push For Fairer Distribution of Wealth, says PM", *The Star*, 11 September 2001.
 60. OIC ditubuhkan pada 25 September 1965 yang melibatkan kesemua negara Islam. Malaysia merupakan antara negara pertama merangka piagam OIC malahan Setiausaha pertamanya juga datangnya dari Malaysia iaitu bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, Kamal Jaafar (1998), "The Foreign Policy", *Asian Affairs*, Spring No 1: 3, Hong Kong: Larkincil International Ltd, hlm.38.
 61. Keluar BN pada 16 Disember 1977, Mauzy, Diane (1983), *Barisan Nasional: Coalition Government In Malaysia*, Kuala Lumpur: Marican Sons, hlm.116.
 62. Joseph Liow (2001), "Personality, Exigencies And Contingencies: Determinants Of Malaysia's Foreign Policy In The Mahathir Administration", dalam Ho Khai Leong; James Chin (2001) (eds.), *Mahathir's Administration: Performance and Crisis in Governance*, Singapore: Times Books International, hlm. 136.
 63. PAS dikaitkan dengan isu agama manakala UMNO pula dengan persoalan bangsa, rujuk

- Funston, John (1980), *Malay Politics In Malaysia*, Singapura: Heinemann Educational Books.
64. Mahathir pada awalnya dilihat sebagai pemimpin *racist* kerana sering membandingkan dengan bangsa Cina. Banyak tulisan beliau turut mengkritik kedudukan tersebut.
65. Joseph Liow (2001), "Personality, Exigencies And Contingencies: Determinants Of Malaysia's Foreign Policy In The Mahathir Administration" dalam Ho Khai Leong; James Chin (2001) (eds.), *Mahathir's Administration: Performance and Crisis in Governance*, Singapore: Times Books International, hlm.136. Begitu juga dengan bantuan kepada golongan Mujahideen Afghanistan bersama negara lain memberi bantuan ekonomi dan ketenteraan, Malahan Malaysia membentuk Perikatan Islam untuk Mujahideen Afghanistan di Kuala Lumpur untuk memberi sokongan secara berinstitusi.
66. "Malaysia Harap OIC Bantu Masalah Palestin", *Utusan Malaysia*, 16 Ogos 2000. Malaysia juga aktif dalam memberi bantuan kewangan untuk pelarian Afganistan termasuk satu yang dikelolakan oleh kerajaan manakala satu lagi di bawah sekumpulan doktor yang pernah berkhidmat di Palestin, kedua-duanya berjaya mencapai hampir RM2 juta, lihat "Terrorism's Tithe", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 15 November 2001.
67. Sodhy, Pamela (1991), *The US-Malaysia Nexus: Themes In Superpower-Small State Relations*, Kuala Lumpur: Institute of Southeast Asia and International Studies.
68. Camroux, David (1994), *Look East And Inwards: Internal Factors In Malaysian Foreign Relations During The Mahathir Era, 1981-1994*, Australia: Centre for the Study of Australia-Asia Relations, hlm.21.
69. *Ibid.*
70. Joseph Liow (2001), "Personality, Exigencies And Contingencies: Determinants Of Malaysia's Foreign Policy In The Mahathir Administration", dalam Ho Khai Leong; James Chin (2001) (eds.), *Mahathir's Administration: Performance and Crisis in Governance*, Singapura: Times Books International hlm.145.
71. Turut disokong oleh salah seorang peserta forum "After September 11: Is Malaysia A Target", anjuran JUST WORLD di Hotel Singgahsana, 25 Februari 2002.
72. Johan Sarawanamuthu (1996), "Malaysia's Foreign Policy in the Mahathir Period, 1981-1995: An Iconoclast Come to Rule", *Asian Journal of Political Science*, Vol.4:1, Singapura: Times Academic Press, hlm.6.
73. Diadakan pada Mei 1983.
74. Joseph Liow (2001), "Personality, Exigencies And Contingencies: Determinants Of Malaysia's Foreign Policy In The Mahathir Administration", dalam Ho Khai Leong; James Chin (2001) (eds.), *Mahathir's Administration: Performance and Crisis in Governance*, Singapore: Times Books International, hlm.145.
75. "To The U.N", *The Star*, 4 April 2002. Tabung Kemanusiaan Palestin yang dilancar pada April 2002 ini adalah dengan kerjasama *New Straits Times*, Majlis Belia Malaysia, Kelab di bawah MAYC dan Persatuan Pengguna Muslim Malaysia. Begitu juga dengan perhimpunan besar-besaran yang dianjurkan pada 5 April 2002 oleh Pemuda UMNO dan BN bertemakan *Save Palestine* untuk menunjukkan sokongan menentang keganasan rejim Israel, lihat "Assembly To Protest Against Israelis", *The Star*, 5 April 2002.
76. "Keganasan Tidak Kaitan Perjuangan Kemerdekaan", *Berita Harian*, 3 April 2002.
77. "Tenaga Plans To Fund Palestinian Students", *The Star*, 20 Februari 2003.
78. Lawatan pada Julai 1984 yang melihat bagaimana orang ramai membanjiri Stadium negara untuk menyatakan sokongan mereka ke atas perjuangan Arafat ke atas kemerdekaan Palestin sebagai sebuah negara berdaulat. Lawatan beliau pada Ogos 2000 juga mendapat sambutan hangat, "PM: Malaysia To Recognize Independent Palestine", *The Star*, 16 Ogos 2000. Arafat sekali lagi melawat Mahathir pada Ogos 2001, yang kedua dalam masa setahun untuk memberi gambaran sebenar kedudukan di Palestin kerana Mahathir merupakan rakan akrab masyarakat Palestin, "Arafat Wants Observers Deployed", *New Sunday Times*, 26 Ogos 2001.

79. Mahathir menekankan perlunya punca keganasan dikenal pasti dengan meletakkan masalah Palestin sebagai agenda utama beliau dalam pertemuan tersebut, "Malaysia—US Ties Are Warming Up", *New Sunday Times*, 21 Oktober 2001.
80. "Palestin Minta Dr. M Guna Pengaruh Henti Keganasan", *Berita Harian*, 3 April 2002; "PM To Raise Middleeast Conflict At Meeting With Bush", *The Star*, 8 April 2002. Ini diulangi ketika Mahathir dijemput melakukan lawatan rasmi bertemu dengan Bush pada Mei 2002. Mahathir juga telah menulis kepada Presiden Bush, Presiden Perancis Jacques Chirac dan Chancellor Jerman Gerhard Schroeder berkenaan isu Palestin tetapi keadilan tidak diberi kepada Palestin dan demokrasi dianggap tidak wujud lagi di dunia, "It's A Mean World", *The Star*, 30 September 2002.
81. Ramai penyokong PAS tidak bersetuju Fadzil Noor berucap di pentas yang sama dengan Mahathir tetapi penyokong UMNO sebaliknya menganggap ia sebagai membuktikan ada isu yang boleh disuarakan walaupun ideologi parti masing-masing berbeza.
82. "PM: World Can Stop Israel", *The Star*, 5 April 2002. Pertemuan dengan 20 wartawan antarabangsa yang membuat liputan ke atas Persidangan Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM).
83. Hussin, Mutalib (1993), *Islam in Malaysia: From revivalism to Islamic State*, Singapura: Singapore University Press, hlm.13. Malahan Arafat menganggap Mahathir sebagai rakan akrab beliau sehingga Arafat pernah menelefon meminta bantuan kecemasan supaya Mahathir menghubungi pemimpin utama kuasa besar yang lain menekan Israel menghentikan keganasan serta serangan ke atas ibu pejabat pemimpin dan masyarakat Palestin, "Arafat's SOS", *The Star*, 23 September 2002.
84. "PM: Malaysia To Recognize Independent Palestine", *The Star*, 16 Ogos 2000.
85. *Ibid.*
86. Paderi Constantin Basil Salameh dari Baitulmuqaddis berkata demikian ketika pertemuan rombongan 11 rakyat Palestin dengan Perdana Menteri dan isteri di Kompleks Seri Perdana, "Paderi Palestin Kagum Perjuangan Mahathir", *Mingguan Malaysia*, 16 Februari 2003.
87. Joseph Liow (2001), "Personality, Exigencies And Contingencies: Determinants Of Malaysia's Foreign Policy In The Mahathir Administration", dalam Ho Khai Leong; James Chin (2001) (eds.), *Mahathir's Administration: Performance and Crisis in Governance*, Singapura: Times Books International, hlm.144.
88. Milne, R.S; Diane, Mauzy (1999), *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge, hlm.143.
89. *Op.cit.*
90. Peperangan ini meletus dari tahun 1980 sehingga 1988, akibat perbezaan pandangan agama, politik serta pertelingkahan persempadanan.
91. *Ibid.*
92. "Lebanon Invites Malaysia Investors" *The Star*, 22 Januari 2003.
93. "PM: Malaysia Ideal For Investors", *The Star*, 20 April 2002. Malaysia juga sanggup berkongsi pengalaman dan mengambil bahagian dalam pelaburan di Libya menerusi kerjasama antara kedua-dua kerajaan.
94. "Libya Mahu Beli Produk Malaysia", *Mingguan Malaysia*, 21 April 2002. Hasil pertemuan dengan Gaddafi, Libya menyatakan minat untuk membeli terus barangan buatan Malaysia dan juga menawarkan kontrak kepada syarikat Malaysia. Melalui hasil usaha gigih Mahathir, beliau berjaya meyakinkan pemimpin Libya itu untuk menghantar delegasi untuk mempelajari rahsia kejayaan mentadbir negara. Gaddafi amat berminat untuk mempelajari kejayaan Malaysia membangunkan negara khususnya dasar yang tidak bergantung kepada agensi asing. Gaddafi telah mengatur tiga pertemuan, satu berbentuk rasmi dan dua kali Mahathir dipanggil ke kediaman beliau secara tiba-tiba kerana beliau amat berminat mempelajari dasar Malaysia di bawah Mahathir, lihat "Libya Ingin Pelajari Rahsia Kejayaan Kita", *Mingguan Malaysia*, 21 April 2002; "PM: Gaddafi Grilled Me", *The Star*, 21 April 2002.

95. "PM: Use Morocco To Access Africa, EU Markets", *The Star*, 18 April 2002.
96. "Lebanon: Malaysia Sumbang RM1.14b", *Mingguan Malaysia*, 24 November 2002.
97. Pada 1981, perdagangan komoditi dengan Asia Barat (Iran, UAE, Mesir, Kuwait, Iraq, Bahrain dan Arab Saudi) hanya 2 peratus daripada jumlah eksport Malaysia dan 8 peratus jumlah import Malaysia. Pada tahun 2001, dagangan dengan Bahrain adalah 0.05 peratus, Magrib-ve 0.01 peratus dan Libya-ve 0.003 peratus, lihat "Dr M Plans Trip To Boost Ties", *The Star*, 10 April 2002.
98. "PM Lancar Projek MTDC", *Mingguan Malaysia*, 22 April 2002.
99. Malaysia juga mengadakan perjanjian suruhanjaya ekonomi dengan beberapa negara Muslim seperti Pakistan, Bangladesh, UAE, Iraq, Turki dan Mali tetapi perdagangan dengan negara Islam kekal sedikit walaupun ada indikasi positif untuk berkembang. Namun, Malaysia mempunyai signifikansi tersendiri daripada hubungan dengan negara Islam kerana masih bergantung untuk mendapatkan bantuan terutama sumber pinjaman luar untuk pelan pembangunan. Pada waktu yang sama, Malaysia cuba mengeratkan hubungan ekonomi dengan negara seperti Gabon, Guinea, Ghana supaya dapat membantu mereka. Di Mali dan Somalia, Malaysia juga turut memberi bantuan, Kamil Jaafar (1998), "The Foreign Policy", *Asian Affairs*, Spring No 1: 3, Hong Kong: Larkincil International Ltd, hlm.39.
100. Misalnya, kerajaan Arab sudi memberi hampir RM390 juta untuk projek kesihatan dan pendidikan. Kuwait pula memberi RM121.6 juta untuk projek Pusat Islam dan Yayasan Dakwah Islamiah.
101. *Malaysian Digest*, Mei 1987.
102. "Malaysia, Croatia Sign Double Taxation Agreement", *The Star*, 19 Februari 2002. Selepas 1987 perubahan yang ketara dari segi pentadbiran Mahathir ke atas dasar luar jelas dengan penekanan kepada fungsi diplomatik yang lebih efektif. Perhubungan Malaysia dengan beberapa buah negara Muslim juga meningkat. Antaranya dengan negara Mesir, Arab Saudi, Turki dan Yemen yang menjadi rakan perdagangan lebih efektif manakala Pakistan kekal sebagai rakan perdagangan yang paling berpengaruh. Begitu juga dengan negara Asia Tengah seperti Uzbekistan, Croatia dan Kyrgyzstan.
103. "Host Europe—OIC Talks, Kyrgyz Urges Malaysia", *The Star*, 6 Ogos 2002.
104. Lawatan ini diadakan dari 21 Julai 2002 untuk selama empat hari. Beliau mengetuai 91 delegasi termasuk lima Menteri dan Timbalan Menteri, pegawai utama kerajaan dan wakil media. Lawatan Presiden Iran yang pertama adalah pada tahun 1994 iaitu Presiden Ali Akbar Rafsanjani. Iran menunjukkan minat untuk berdagang dengan Malaysia pada tahun 1982 ketika perang Iran-Iraq masih berterusan. Selepas kematian Ayatollah Khomeini dan berakhirnya perang Iran-Iraq, dasar Iran juga berubah dengan pembentukan dasar yang lebih sederhana. Kerjasama jangka panjang ditandatangani di antara kedua-dua negara pada Januari 1987 dengan menarik balik seketan ke atas penjualan minyak kelapa sawit kepada Iran dan Malaysia turut diundang untuk mengambil bahagian dalam pembinaan semula program ekonomi Iran pada tahun 1989.
105. Sayed Mohammad Khatami, ucapan bertajuk "Dialogue Among Civilizations and Its Challenges" di Hotel Mandarin Oriental, 23 Julai 2002, *The Star*, 24 Julai 2002.
106. "Dr M: Secretariat For Gold Dinar A Good Idea", *The Star*, 24 Oktober 2002.
107. "OIC Tidak Berdaya: PM", *Berita Harian*, 13 Februari 2003.
108. "PM: UM Powerless Against Israel", *The Star*, 4 Mei 2002.
109. Antaranya Qatar yang pada awalnya menentang OIC mengadakan mesyuarat khas ketika NAM berlangsung pada 20–25 Februari 2003.
110. "Using Oil As An Effective Weapon", *New Straits Times*, 3 April 2002.
111. Ucapan di seminar Wawasan Ekonomi Arab Saudi di Hotel Riyadh Inter-Continental, lihat "Arab Saudi Mampu Kuasai Dunia", *Mingguan Malaysia*, 20 Oktober 2002.
112. "Active Role", *The Star*, 27 September 2003.
113. *New Straits Times*, 28 Januari 1981.
114. "Algerian Leader: Dr Mahathir A Man Of Vision", *New Straits Times*, 3 April 2002.

115. *Economic Report 1981/82*, Vol.11, 1988/89, 1990/91.
116. Ucapan beliau di majlis pembukaan 2nd Islamic Conference of Tourism Ministers 'bertemakan' Tourism—A Smart Partnership for Solidarity and Prosperity, 12 Oktober 2001.
117. "Promoting Malaysia in Dubai and Abu Dhabi", *The Star*, 7 Februari 2003.
118. Halaman Kementerian Perdagangan dan Industri.
119. "Dr M: Use Strengths For Mutual Benefit", *The Sun*, 2 Mac 1999. Ini kerana walaupun kebanyakan negara Islam kaya dan berpotensi mengembangkannya, tetapi ia tidak diguna untuk membantu negara Islam yang lain.
120. "Membangunkan Umat Islam Maju, Bertamadun", *Mingguan Malaysia*, 5 Februari 2002. Ini kerana Islam dianggap lemah kerana ada puak yang wujud dalam negara untuk menjatuhkan kerajaan yang sekular, akibatnya kerajaan tidak dapat mentadbir dengan berkesan, lihat "Punca Negara Islam Lemah", *Mingguan Malaysia*, 16 Disember 2001.
121. "PM Pays Tribute to Tolerance of Malaysians", *The Sun*, 23 Mac 1997. Beliau menerima anugerah tersebut daripada Putera Sultan di Pusat Al-Khozama. Ia merupakan pengiktirafan sumbangan Mahathir kepada Islam, sesuatu yang hampir sama dengan Nobel Prize for Peace versi Arab Saudi.
122. Ucapan beliau bertajuk "Muslim Unity In The Face Of Challenges", lihat "PM Accorded Rare Honour At Al-Azhar", *The Star*, 25 Januari 2003. Ketika berucap di hadapan 300 intelektual, pemikir dan Ahli Parlimen Magribi, beliau menyatakan negara Islam harus kuat untuk mempertahankan kemerdekaan mereka, lihat "Muslim Countries Must Be Strong", *The Star*, 17 April 2002. Untuk itu, kesemua bidang tidak mengira semata-mata agama harus dikuasai, lihat Ucapan "Enhancing The Image Of Islam", disampaikan di Magribi pada 16 April 2002.
123. "Hariri: Dr M A True Statesman", *The Star*, 22 Januari 2003.
124. Interviu bersama Ahmed Mansour di siaran televisyen Al-Jazeera, *Malay Mail*, 28 Februari 2002.
125. "Musharaaf Sifatkan Persaraan Dr.M Kekosongan Besar Kepada Politik Antarabangsa", *Mingguan Malaysia*, 20 Oktober 2002.
126. "Islamic Nations Still Want Dr M", *The Sun*, 29 Jun 2002.
127. Persidangan pertama NAM berlangsung di Belgrade, Yugoslavia pada tahun 1961 yang dianjurkan oleh Marshal Tito tetapi pembentukan NAM sebenarnya telah disetujui di Bandung enam tahun sebelumnya. Hampir 30 pemimpin bertemu di Bandung pada April 1955 yakni "Bandung Conference of Afro-Asian Nations" dengan Sukarno sebagai tuan rumah yang mahukan kedamaian sebagai pembentukan kedaulatan negara dan memberi amaran kepada pihak kolonialisme, Bunn Nagara (2003), "A Neutral and Dynamic Alliance", *The Star*, 27 Januari 2003, hlm.18.
128. Tunku Abdul Rahman tidak menyertai NAM kerana politik berhaluan kiri dilihat mendo-minasi pertubuhan tersebut. Hanya apabila Tun Razak mengambil alih kepimpinan negara, dasar berkecuali menjadi rasmi pada tahun 1970, lihat Abdullah Ahmad (2003), "NAM Rises To Changing Role", *New Straits Times*, 19 Februari 2003.
129. Ditubuhkan bertujuan untuk mempromosi kerjasama Selatan-Selatan dan dialog Utara-Utara dalam perdagangan, pelaburan dan teknologi. Hampir 19 negara menjadi ahli, antaranya Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela, Zimbabwe, Columbia, Iran dan Malaysia sendiri, <http://www.miti.gov.my/g15-background.html>, dilayari pada 31 Januari 2003.
130. Malaysia turut menjadi tuan rumah pada tahun 1997, untuk persidangan kali ke-7.
131. "PM: United NAM Can Have Big Say In WTO", *New Straits Times*, 19 Februari 2003.
132. *Ibid.*
133. *Ibid.*
134. *Ibid.*
135. Deklarasi Rio merupakan penyatuan 27 prinsip yang dipersetujui oleh negara-negara yang terlibat berkenaan dengan isu alam sekitar dan pembangunan, rujuk "<http://www:>

- ecouncil.ac.cr/rio/earthsummit.htm", dilayari pada 13 Januari 2003.
136. Hubungan dagangan dengan Senegal misalnya adalah RM9.51 juta pada tahun 2002. Ia meningkat secara mendadak memandangkan pada tahun 2000, ia hanyalah RM6.74 juta. Ghana pula sebaliknya, dagangannya pada tahun 2000 adalah RM104.4 juta tetapi jatuh kepada RM91.1 juta pada tahun 2001. Lawatan Presiden Ghana baru-baru ini Presiden John Agyekum Kufuor cuba memulihkan semula ekonomi dua hala dan mahu mempelajari bagaimana Mahathir mengurus ekonomi negara, lihat *The Star*, 31 Julai 2002.
137. Abdullah Ahmad (2003), "NAM Rises To Changing Role", *New Straits Times*, 19 Februari 2003.
138. Oran Young (1989), *International Cooperation: Building Regimes For Natural Resources And The Environment*, Ithaca: Cornell University Press, hlm.210.
139. Pensyarah di Warwick University, Dr Jan Aarte Scholte telah diinterview oleh Wani Muthiah untuk artikel, "Need To Rework The Framework", *The Star*, 20 Februari 2003.
140. "Face Our Weaknesses, South Countries Told", *The Star*, 24 Februari 2003.
141. Ucapan beliau bertajuk "Building A New World Order— Sustaining Peace, Sharing Global Prosperity" dalam Business Forum di Kuala Lumpur sempena mesyuarat NAM.
142. "NAM Must Draw Up Road Map To Strengthen Indigenous Abilities", *New Sunday Times*, 23 Februari 2003
143. Bunn Nagara (2003), "A Neutral And Dynamic Alliance", *The Star*, 27 Januari 2003.
144. "Palestine and Iraq The Priority Now", *New Straits Times*, 26 Februari 2003.
145. "NAM Needs Dr M's Leadership", *New Sunday Times*, 16 Februari 2003.
146. Aziz Zariza Ahmad (1997), *Mahathir Triumph After Trials*, Kuala Lumpur: S.Abdul Majeed & Co, hlm.64.
147. *Op.cit*
148. "Ministers Endorse Palestine Statement", *The Star*, 24 Februari 2003.
149. "Dr M: Give Peace A Chance", *The Star*, 24 Februari 2003. Perhimpunan ini turut dihadiri oleh warga Iraq dan Palestin.
150. "Founders Hail KL's Contribution", *New Sunday Times*, 19 November 2000.
151. Kata aluan dalam buku penghargaan *Global Smart Partnership Dialogue*, 19-22 November 2000, Langkawi.
152. *Op.cit*.
153. "Dr M: Rich Nations Unfair", *New Sunday Times*, 4 Ogos 2002.
154. "Participants Happy With LID", *The Star*, 5 Ogos 2002.
155. "Calls For Dr M To Support Dialogue After His Retirements", *New Sunday Times*, 4 Ogos 2002.
156. *Ibid*.
157. *Ibid*.
158. *Ibid*.
159. "Power Balance", *The Star*, 17 Mac 2002. Mahathir yakin Rusia mampu membentuk keseimbangan kuasa di dunia. Ini merupakan kenyataan yang dibuat oleh beliau ekoran daripada lawatan kali kedua selepas tahun 1987.
160. Ini melibatkan hampir 54 buah negara dengan 50 buah negara merupakan negara yang masih membangun. Ia juga merupakan komposisi 30 peratus penduduk dunia atau 1.7 bilion orang. Sejak 1944 sehingga 1969, ia dikenali sebagai Mesyuarat Perdana Menteri negara Komanwel. Pertama kali, mesyuarat CHOGM diadakan pada tahun 1971 di Singapura, diikuti 1973—Ottawa, 1975—Kingston, 1977—London, 1979—Lusaka, 1981—Melbourne, 1983—New Delhi, 1985—Nassau, 1987—Vancouver, 1989—Kuala Lumpur, 1991—Harare, 1993—Limmasol, 1995— Auckland, 1997—Edinburgh, 1999— Durban dan 2002 di Brisbane. Sila rujuk "<http://www.chogm2002.org/whatis/-record.html>", dilayari pada 30 Januari 2003.
161. Ini melibatkan Australia, New Zealand dan British.

162. Aziz Zariza Ahmad (1997), *Mahathir Triumph After Trials*, Kuala Lumpur: S.Abdul Majeed & Co, hlm.130.
163. Chamil, Wariya, *Dasar Luar Mahathir*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, hlm.57.
164. CHOGM 1981 di Melbourne, Australia.
165. CHOGM 1989 di Kuala Lumpur.
166. *Protest Diplomacy* tidak bermaksud memboikot kerana lazimnya Timbalan Perdana Menteri atau Menteri Luar akan mewakili Perdana Menteri ke mesyuarat ini.
167. Aziz Zariza Ahmad (1997), *Mahathir Triumph After Trials*, Kuala Lumpur: S.Abdul Majeed & Co, hlm.36.
168. Mesyuarat 1985 diadakan di Nassau.
169. Mesyuarat 1987 diadakan di Vancouver, Kanada.
170. *Ibid.*
171. Krisis dalaman UMNO sedang memuncak ketika ini iaitu pertembungan antara dua factionalisme untuk merebut jawatan tertinggi parti.
172. Kamil Jaafar (1998), "The Foreign Policy", *Asian Affairs*, Spring No 1: 3, Hong Kong: Larkincil International Ltd, hlm.37. Beliau merupakan *special envoy* kepada Perdana Menteri.
173. <http://www.chogm97.org/htm/what/chogmhst.htm>, dilayari pada 30 Janurai 2003.
174. *Op.cit.*, hlm.39.
175. Aziz Zariza Ahmad (1997), *Mahathir Triumph After Trials*, Kuala Lumpur: S.Abdul Majeed & Co, hlm.64.
176. *Ibid.* Secara keseluruhan, Deklarasi Hahare adalah—*committed all member countries to work with renewed vigour, especially in the following areas: protecting and promoting democracy, just and honest government, the rule of law and fundamental human rights; equality for women; universal access to education; sustainable development, poverty alleviation and environmental protection; combating drug trafficking and abuse and communicable diseases; helping small states; and supporting the UN and other international institutions in the search for peace. The Harare Declaration also pledged continuing action towards ending apartheid and establishing a free, democratic, non-racial and prosperous South Africa. Annexed to the Harare Communique was the Ottawa Declaration on Women and Structural Adjustment, which included a seven-point action programme.*
177. CCGTM ditubuh pada tahun 1989. Pada tahun 1996, ia menjadi kerjasama unik antara kerajaan negara Komanwel, syarikat sektor swasta dan pembina rangkaian serta menjadi badan bukan berkeuntungan yang dinamakan sebagai Commonwealth Partnership for Technology Management (CPTM) Ltd. Ia menyediakan khidmat nasihat dan perkhidmatan teknikal untuk menaik taraf teknologi dan urusan pentadbiran, Kamil Jaafar (1998), "The Foreign Policy", *Asian Affairs*, Spring No 1: 3, Hong Kong: Larkincil International Ltd, hlm.43.
178. "Special Fund To Sustain CPTM Operations", *The Star*, 5 Ogos 2002.
179. *Ibid.*
180. "<http://www.miti.gov.my/cwealth-background.html>", dilayari pada 31 Januari 2003.
181. "Leaders: Need To Understand Root Causes Of Terrorism", *The Star*, 6 Mac 2002. Dialog antara etnik dicadangkan di kalangan 54 ahli anggota supaya dapat melahirkan pemahaman dan persekitaran yang lebih harmoni. Malahan Komanwel juga mengambil tiga cadangan untuk menangani keganasan iaitu, undang-undang jenayah terhadap pengganas yang berada di mana-mana negara Komanwel; pertukaran maklumat dan pembekuan akaun mana-mana pengganas di negara Komanwel; dan ketiga dialog ketamadunan memandangkan Komanwel mempunyai kepelbagaian dari segi budaya, agama dan kaum, lihat "Pemimpin Komanwel Beri Tiga Cadangan Tangani Keganasan", *Berita Harian*, 4 Mac 2002.
182. "PM: Politicking Hampering Us", *The Star*, 14 Jun 2002. Soalan ini dikemukakan berikutan lawatan beliau ke Eropah termasuk Luxembourg.

183. Joseph Liow (2001), "Personality, Exigencies And Contingencies: Determinants Of Malaysia's Foreign Policy In The Mahathir Administration" dalam Ho Khai Leong; James Chin (2001) (eds.), *Mahathir's Administration: Performance and Crisis in Governance*, Singapore: Times Books International, hlm 152.
184. Krisis legitimasi dibincangkan secara terperinci dalam bab 6.
185. Seperti yang berlaku di Indonesia, Filipina dan Korea Selatan serta Thailand, pemimpin diguling atau bertukar kerajaan.
186. *Op.cit.*
187. *Ibid.*
188. Time, Tokyo: John Marcom, edisi Oktober 1998 dan 16 November 1998.
189. Perjumpaan di Hong Kong pada tahun 1997.
190. Ucapan bekas Naib Presiden Amerika Al Gore sewaktu makan malam Summit Perniagaan APEC pada November 1998. Beliau dengan terbuka menyatakan sokongan ke atas kumpulan pembangkang di Malaysia terutama kumpulan reformasi KeAdilan. Antara lain beliau menyatakan bahawa—*among nations suffering economic crisis, we continue to hear calls for democracy in many languages, people power, Doi Moi, Reformasi. We hear them today, right here, right now, among the brave people of Malaysia.*
191. Joseph Liow (2001), "Personality, Exigencies And Contingencies: Determinants Of Malaysia's Foreign Policy In The Mahathir Administration", dalam Ho Khai Leong; James Chin (2001) (eds.), *Mahathir's Administration: Performance and Crisis in Governance*, Singapura: Times Books International, hlm.155.
192. Ini diikuti dengan pengirisan surat yang mengandungi bakteria *anthrax* menyebabkan keadaan menjadi kelam-kabut buat seketika. Serangan menghempas pesawat yang dinaiki oleh pengganas ini dianggap bertujuan untuk melaksanakan tanggungjawab yang dipikul. Mengikut siasatan susulan, ia menunjukkan para pengganas ini telah mendapat latihan serta bantuan kewangan yang turut mengaburi mata para intellegensi agensi Amerika. Ada juga yang menganggap beliau kecewa dengan tindakan Amerika di Palestin, sokongan ke atas Israel dan penguasaan ketenteraan Amerika di Kuwait pada tahun 1991 menentang Iraq. Malahan beliau juga kecewa dengan sikap kerajaan Arab yang sederhana ke atas isu-isu tersebut.
193. "Taliban Gesa Rakyat Berjihad", *Mingguan Malaysia*, 16 September 2001.
194. "Govt To Ignore PAS call For Holy War", *The Star*, 13 Oktober 2001. Bekas Presiden PAS, Fadzil Noor telah meminta kerajaan untuk membantu mereka memberi sokongan senjata dan kewangan. Ketua Pemuda PAS, Mahfuz Omar pula mahu Malaysia menyedaiakan bantuan tentera ke Afghanistan dan menghentikan hubungan diplomatik dan ekonomi dengan Amerika. Ia berbeza dengan pendirian Pemuda UMNO yang menganggap jihad mereka adalah dengan menubuhkan Tabung Pelarian Afganistan yang telah mengumpul RM600,000 sehingga akhir Oktober 2001, lihat "PAS Call To Join Jihad Foolish, Pointless, says Hishamuddin", *New Sunday Times*, 21 Oktober 2001.
195. "Progress Through Path of Peace", *The Star*, 24 Februari 2002.
196. "Jihad Untuk Ketinggian Ummah", *Mingguan Malaysia*, 23 Februari 2002.
197. Huntington, Samuel (1997), *The Clash of Civilizations: Remaking of World Order*, USA: Simon & Schuster. Beliau pernah menganalisis dunia akan berada di kancah konflik disebabkan oleh pertembungan ideologi. Ini tidak disetujui oleh Chandra Muzaffar yang menganggap hampir semua pemimpin Islam termasuk Sheikh Yusuf Qardhawi mengutuk serangan itu walaupun mengakui bahawa wujud perasaan kurang senang daripada interaksi peradaban Islam dan Barat, "Polemik Pertembungan Tamadun", *Mingguan Malaysia*, 14 Oktober 2001.
198. "Ba'asyir A Preacher Or Terrorist", *The Star*, 14 Julai 2002.
199. Sel KMM dilihat mempunyai hubungan terus dengan pembunuhan ini, begitu juga dengan serangan ke atas Balai Polis Guar Chempedak, lihat "Osama Link In Fernandez Killing", *New Straits Times*, 12 Januari 2001. Beliau melarikan diri ke Malaysia pada tahun 1980-an sementara menunggu rayuan hukuman penjara 12 tahun untuk menukar Pancasila dan

- mahu membentuk negara Islam di Indonesia. Di Malaysia, beliau bertemu, Hambali, salah seorang penggerak Al-Qaeda. Beliau kembali ke Indonesia pada tahun 1999 selepas kejatuhan Suharto dan kini di penjara sementara proses pembicaraan.
200. Abang ipar kepada pengebom Plaza Atrium Jakarta, Taufik Abdul Halim.
201. Anak Menteri Besar Kelantan dan penasihat Spirituil parti PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat yang kini ditahan dibawah Akta ISA. "Anak Nik Aziz Ketua Mujahidin Malaysia", *Utusan Malaysia*, 9 Ogos 2001. Mengikut laporan, beliau dilantik sebagai ketua melalui satu mesyuarat di Kg. Sri Aman, Puchong pada tahun 1999.
202. Begitu juga dengan tertangkapnya Taufik Abdul Halim anak Dani kerana memasang bom di Plaza Atrium Jakarta pada Ogos 2001. Taufik merupakan bekas graduan Institut Teknologi Mara (UiTM). Wujud juga kumpulan HAMAS atau Himpunan Mahasiswa Islam Selangor yang menghasut pelajar Melayu membenci kerajaan menjelang pilihan raya tahun 2004. Mereka mengadakan aktiviti seperti usrah dan tamrin untuk bergiat aktif dan menular di UIA. Ia dikatakan ditaja oleh parti pembangkang berdasarkan dokumen yang ditemui, lihat "Hamis Bergerak di UiTM", *Mingguan Malaysia*, 9 September 2001.
203. "American Held", *The Star*, 8 Oktober 2002.
204. "PM Exposes Militant Links", *New Sunday Times*, 5 Ogos 2001. Antara yang terlibat adalah Ketua Pemuda PAS yang terbabit dalam latihan ketenteraan di Afghanistan ketika menuntut di Pakistan. Begitu juga dengan pensyarah UTM yang mengaku menjadi ahli Ji dan pernah mengangkat senjata bersama kumpulan pembebasan Islam di selatan Filipina. Ketua Pemuda PAS Bahagian Lumut, Muhamad Zulkifli Mohamad Zakaria dan Abdullah Daud, pensyarah UTM, membuat pengakuan tersebut di hadapan Naib Pengerusi Suhakam, Tan Sri Harun Hashim, lihat "Pengikut KMM Mengaku Dilatih di Afghanistan", *Berita Harian*, 19 Jun 2002.
205. "Hadi Was At The Meeting Of Islamic Radicals", *The Star*, 7 Februari 2003. Penglibatan Malaysia turut boleh dihubungkan dengan penerangan yang diberi oleh peserta dalam tulisan "Jihad Anak Melayu Di Afghanistan", yang antara lain menggambarkan penglibatan menentang Rusia di Afghanistan. Ini turut membawa kepada tertangkapnya Zainin Ismail yang terlibat dengan KMM, lihat, Path of 'marityrs' Taking Wrong Turn", *The Star*, 8 Ogos 2001. Lingkaran kegiatan militeri di Malaysia bukan keseorangan kerana Malaysia dikelilingi oleh negara-negara yang bertendensi ke arah kegiatan radikal ini. Di Thailand, ia boleh dikaitkan dengan amalan di selatan Thailand seperti di Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun yang sama seperti di Kelantan menyebabkan Kelantan dan Terengganu mempunyai perasaan simpati ke atas perjuangan Muslim di selatan Thai. Begitu juga perjuangan kumpulan Aceh dan Jawa yang mendapat ihsan dari kumpulan Aceh dan Jawa di Malaysia. Ini diikuti dengan Laskar Jihad berbentuk *self-styled Mujahidden* yang berjaya mempengaruhi ramai warga Malaysia termasuk Taufik Abdul Halim yang ditangkap di Jakarta akibat kegiatan pemboman. Begitu juga dengan ketua kumpulan Al-Maunah yang mendapat *diving calling* di Gunung Jati, Indonesia. Di Filipina, kumpulan Abu Sayyaf aktif sebagai pemberontak yang turut terlibat dengan tindakan menculik di Kepulauan Sabah baru-baru ini. Individu yang turut terlibat di dalam lingkaran militan bukan sahaja dari Indonesia, Thailand dan Filipina tetapi juga mereka yang berpendidikan agama dari Asia Tengah, Pakistan dan India, lihat Shamsul Akmar (2001), "Factors Behind SE Asia Militancy", *New Sunday Times*, 16 September 2001.
206. "Paying The Price", *The Star*, 14 Februari 2002.
207. "No Need For Govt To Apologise To Anyone For Using ISA, Says PM", *The Star*, 17 Julai 2001; "ISA A Vanguard Against Terrorism, Says DPM", *New Sunday Times*, 16 September 2001.
208. Ia juga membuktikan bahawa Malaysia bukan tapak pengganasan seperti yang dinamakan oleh *New York Times* bahawa Malaysia, Indonesia dan Filipina adalah tapak pengganasan yang terikat dengan Osama dan organisasi Al-Qaeda, *The Star*, 11 Oktober 2001.
209. Selepas bertemu, Bush menelefon Mahathir pada 1 Oktober 2001 untuk mengucapkan terima kasih atas sokongan menentang keganasan dan menyatakan beliau akan berkongsi

- idea untuk menentang keganasan tersebut, "Dr M And Bush To Hold Talks During APEC Meeting", *The Star*, 3 Oktober 2001. Ini diikuti dengan pertemuan di mesyuarat APEC di Shanghai pada 20 Oktober 2001. Ini dianggap sebagai rangsangan kepada pemulihan hubungan Malaysia-Amerika yang suram sekian lama, lihat "Malaysi-US Ties Are Warming Up", *New Sunday Times*, 21 Oktober 2001.
210. Ucapan beliau di Persidangan Pacific Basin Economic Council (PBEC) pada 7 Mei 2002. Wujud juga amaran bahawa Malaysia merupakan tempat mesyuarat golongan penganas Al-Qaeda dan cuba mewujudkan semangat jihad, lihat "Inside Malaysia's Terror Network", *Time*, Tokyo: John Marcom, 11 Februari 2002. Ini walau bagaimanapun disangkal oleh kerajaan Malaysia malahan *Far Eastern Economic Review* memohon maaf kerana melibatkan Malaysia sebagai tempat berlakunya kejadian pengeboman oleh JI, lihat "FEER Mohon Maaf Kepada M'sia", *Mingguan Malaysia*, 20 Oktober 2002. Begitu juga dengan kenyataan pengarah FBI, Robert S. Mueller III ketika bertemu Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai sebagai tindak balas atas kenyataan *Newsweek* keluaran Februari 2002 yang menganggap Malaysia sebagai markas penganas sebagaimana kenyataan majalah *Time* keluaran 11 Februari 2002, lihat "Launch Pad Report Inaccurate, says FBI", *The Star*, 15 Mac 2002.
211. "PM: Don't Take Sides In Fighting Terrorism", *The Star*, 15 September 2001.
212. "Rumsfeld Praises M'sia's Efforts", *The Star*, 4 Mei 2002.
213. "M'sia AS Anti-terror Centre", *The Star*, 31 Julai 2002.
214. "KL Chosen", *The Star*, 28 Oktober 2002.
215. "Centre To Counter Terrorism By 2003", *The Star*, 21 November 2002.
216. *Ibid.*
217. *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 9 Disember 1999 tetapi kenyataan ini ditolak oleh Malaysia, "Malaysia Takes Strong Exception", *New Straits Times*, 8 Disember 1999.
218. "Ties With US Much Better", *New Straits Times*, 16 Mei 2002.
219. *Ibid.*
220. "Cost Ground", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 21 Mac 2002.
221. *Ibid.*
222. "The Politics of Islam," *Time*, Tokyo: John Marcom, 10 Mac 2003.
223. "A Malaysian Duel Order Islam", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 22 Ogos 2002.
224. "Profiting From Fear", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 11 Oktober 2001.
225. *Ibid.*
226. *Ibid.*

6 MENANGANI KRISIS LEGITIMASI

MUKADIMAH

Krisis legitimasi berlaku apabila kepimpinan yang sedia ada dicabar atau penerimaan ke atas pemerintahan tersebut merosot. Walaupun beberapa elemen digunakan untuk mengukuhkan kedudukan sebagaimana yang sudah diterangkan dalam hampir kesemua bab, namun seseorang pemimpin tidak dapat lari daripada krisis apatah lagi jika kepimpinan tersebut merupakan satu pemerintahan untuk jangka masa yang panjang. Namun, krisis tidak semestinya membawa kemerosotan sokongan tetapi ada kalanya ia memantapkan lagi autoriti seseorang pemimpin. Kadang-kadang, krisis timbul kerana ia dibentuk oleh pemimpin itu sendiri.

Kepimpinan Mahathir juga tidak lesu dengan krisis sejak mula memerintah sehinggalah pada hari ini. Oleh yang demikian bab ini akan melihat kepada beberapa krisis yang berlaku sepanjang pemerintahan beliau dan implikasinya ke atas kedudukan beliau sehingga ada kalanya ia mengukuhkan legitimasi kepimpinan beliau pada hari ini.

KRISIS DAN MAHATHIR

Krisis lazimnya berlaku apabila wujud cabaran atau penentangan ke atas kepimpinan kerana rasa tidak puas hati ataupun akibat pengu-

bahsuaian, pindaan atau pelaksanaan sesuatu dasar mahupun undang-undang. Ia juga boleh dikaitkan dengan prestasi kepimpinan. Faktor lain yang boleh membawa krisis adalah pertembungan politik perkauman, fahaman agama yang berbeza serta pemimpin yang tidak berkarisma.

Mengikut Karl Marx, krisis dalam lingkaran ekonomi sistem kapitalis akan membawa tindak balas daripada masyarakat yang boleh menyebabkan penukaran kepimpinan ataupun berakhirnya satu rejim.¹ Habermas tidak bersetuju dengan Marx kerana menganggap faktor budaya mampu membawa krisis yang lebih besar berbanding dengan ekonomi memandangkan ia melibatkan integrasi sosial yang kemudiannya akan membawa kepada masalah pengurusan ekonomi.² Bagi Weber pula, kerasionalan undang-undang boleh membawa penyelesaian ke atas krisis yang berlaku.³ Manipulasi sistem perundangan untuk kepentingan pemegang kuasa merupakan satu amalan biasa yang bertujuan untuk menguatkan kedudukan mereka tetapi pada waktu yang sama ia mampu membawa kejatuhan rejim tersebut.

Kesemua elemen ini boleh dikaitkan dengan dua strategi penting iaitu *depoliticization* dan *departicipation*. *Depoliticization* merupakan langkah untuk memastikan isu sensitif tidak digunakan untuk menjejaskan kedudukan pentadbir kerajaan manakala *departicipation* bertujuan menghukum mereka yang dilihat sebagai ancaman kepada kepimpinan yang efektif. Ini merupakan penelitian yang dibuat oleh Nordlinger yang mendapati tingkah laku sedemikian rupa wujud sama ada untuk mengekalkan kuasa pemerintah, untuk mengukuhkan elemen ekonomi atau mengelak daripada berlakunya pertumpahan berdarah di kalangan pemimpin.⁴

Perbincangan di atas jelas menunjukkan terdapat tiga elemen yang boleh dijadikan sebagai pendorong kewujudan krisis di bawah Mahathir iaitu permasalahan ekonomi, sosiobudaya dan perundangan yang ada ketikanya mempunyai hubungan saling lengkap melengkapi dan ada ketikanya melahirkan krisis secara berasingan.

Ini kerana di bawah kepimpinan Mahathir, beberapa krisis telah berlaku sehingga ada yang menganggap insiden-insiden tersebut mampu membawa kepada kejatuhan beliau ataupun mengurangkan populariti beliau di kalangan ahli parti dan rakyat umumnya.

... during his rule, he has moved from one battle to another, from extremism in race, language and religion to changing the constitution to control excesses of Sultans.⁵

Beberapa insiden atau isu yang telah berlaku di bawah Mahathir akan dibincangkan dalam bab ini untuk memperlihatkan krisis tersebut digunakan untuk menggerakkan dan menjana sokongan yang boleh membawa pengiktirafan ke atas kepimpinan beliau tetapi ada kalanya ia membawa kemerosotan sokongan (lihat Rajah 6.1).

Rajah 6.1: Krisis Legitimasi

Krisis Legitimasi

- Krisis perlembagaan
- Operasi Lalang 1987
- Pemecatan Anwar Ibrahim

- Perebutan Jawatan Dalam UMNO & Pembatalan UMNO
- Krisis Kehakiman
- Skandal BMF/ Bumiputra & Krisis 1997

KRISIS PINDAAN PERLEMBAGAAN DAN RAJA-RAJA

Mahathir dianggap muncul sebagai pemimpin berwibawa bukan sahaja daripada sokongan disebabkan oleh kepimpinan yang berkharisma tetapi juga kerana keupayaan menangani konflik atau krisis yang melanda. Ini termasuklah krisis dengan raja-raja yang dilihat sebagai simbol tradisi dan perpaduan masyarakat Melayu. Sebagai seorang pemimpin yang dinamik dan tidak mepedulikan pandangan lain, beliau menampakkan kematangan dalam mengatasi dilema dengan kerendah istana. Bagi Mahathir, penglibatan istana akan menyebabkan kewibawaan beliau tercabar walaupun pada waktu yang sama ia boleh menjejaskan imej istana.

Perdana Menteri sebelum ini turut menghadapi masalah dengan raja-raja terutama dalam penetapan tarikh tertentu seperti tarikh Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Aidil Adha⁶, pemilihan dan tugas-tugas Ketua Menteri dan Menteri Besar sebagaimana yang berlaku di Perak, Johor dan Pahang serta penganugerahan gelaran raja-raja.⁷ Parlimen pula perlu mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) sebelumewartakan sebarang keputusan yang diputuskan dalam Dewan Parlimen. Penulis berpendapat cadangan Mahathir untuk meminda Perlembagaan adalah supaya kerajaan yang dipilih oleh rakyat mempunyai kedudukan yang lebih kukuh berbanding monarki diraja dan tidak wujud campur tangan institusi raja-raja dalam urusan badan eksekutif.⁸ Krisis ini boleh dianggap sebagai ciptaan Mahathir sendiri kerana mahu menguji sokongan ke atas kepimpinan beliau sama ada usaha ini dapat memastikan pentadbiran beliau berjalan dengan lancar. Ini juga boleh dikaitkan dengan kedudukan raja-raja tahun 1950-an sewaktu raja-raja berseutu dengan pembentukan Malayan Union di mana Mahathir pernah mengkritik mereka dengan menyatakan bahawa—*"should the Rulers adhere to their previous decision, there is no doubt that they will lose, perhaps for ever, the confidence and loyalty of their subjects."*⁹

Banyak pihak yang mempertikai tindakan serta cara Perdana

Menteri berurusan dengan isu ini sehingga Tunku membuat perbandingan dengan penggubalan rang undang-undang Perlembagaan Persekutuan di mana pada ketika itu, mereka telah mendapatkan pandangan semua pihak termasuk raja-raja tetapi dalam pindaan ini, langkah sedemikian rupa diketepikan sama sekali.¹⁰ Tunku dalam ruang *As I See It* akhbar *The Star*¹¹ menganggap jika pindaan ini berjaya maka ia mungkin akan menjurus kepada pembentukan sebuah kerajaan republik. Sebenarnya Tunku memainkan peranan secara tidak langsung untuk memantapkan kedudukan Mahathir dengan memberikan kritikan sedemikian rupa.

Jika surat kepada Tunku dalam tahun 1969 boleh dikatakan akhirnya membolehkan Mahathir menjadi Perdana Menteri, maka sekali lagi kritikan Tunku membolehkan Mahathir menjadi popular dan perhatian ramai kerana Mahathir telah mengeluarkan arahan kepada akhbar-akhbar supaya tidak memberi liputan yang meluas ke atas isu ini menerusi Akta Rahsia Rasmi (OSA) yang bertujuan untuk mengelak daripada berlakunya kejadian yang tidak diingini serta rasa tidak puas hati secara keterlaluan daripada beberapa pihak dan mungkin untuk mengelakkan raja-raja daripada menjadi bahan tohmahan dan cacian masyarakat. Ini memudahkan kempen Mahathir untuk memenangi sokongan rakyat. Ini diikuti dengan insiden 5 Oktober 1983 apabila Dato' Senu Abdul Rahman¹² mengambil keputusan untuk mengadakan sidang akhbar mengenai surat terbuka beliau kepada Perdana Menteri berkenaan dengan isu pindaan ini.

Isu ini mendapat perhatian selepas dibawa ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan diluluskan pada Ogos 1983 tetapi tidak ditandatangani oleh YDPA sewaktu dikemukakan untuk mendapat perkenan kelulusan baginda. Walau bagaimanapun selepas ia mendapat perhatian ramai akibat tindakan Tunku dan surat terbuka Dato' Senu, Mahathir telah mengadakan perang terbuka dengan menganjurkan kempen besar-besaran yang dihadiri ribuan rakyat seolah-olah membuktikan bahawa kerajaan yang diterajui oleh beliau adalah kerajaan yang sah sementara raja-raja dianggap sebagai

pemimpin simbolik sahaja. Anwar Ibrahim ketika itu Ketua Pemuda UMNO pula mencadangkan agar pindaan tersebut diwartakan tanpa persetujuan YDPA, satu tindakan yang dianggap ekstrem.

Kritikan ke atas Mahathir ditumpu kepada personaliti beliau sedangkan apa yang tidak diterangkan adalah sebenarnya Mahathir telah mengadakan perbincangan tidak rasmi dengan YDPA waktu itu iaitu Sultan Ahmad Shah, Sultan Pahang dan telah mendapat restu untuk meneruskan pindaan ini. Pindaan ini¹³ melibatkan sebahagian besar rang undang-undang 38 (4), 66 (1), (5) dan 150 (1). Ini termasuk perkara berhubung dengan perkenan oleh YDPA ke atas rang undang-undang, berhubung dengan pengisytiharan darurat dan perkara mengenai perkenan oleh raja-raja dan Yang di-Pertuan Negeri ke atas undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.¹⁴ Jika sebelum ini rang undang-undang akan dikuatkuasakan selepas YDPA menandatangani tetapi mengikut pindaan baru ini, jika sekiranya rang undang-undang ini tidak ditandatangani dalam tempoh 15 hari selepas ia dipersembahkan kepada YDPA, rang undang-undang tersebut akan berkuatkuasa dengan serta-merta sebagai undang-undang.

Oleh yang demikian, semua rang undang-undang Parlimen akan diwartakan sebagai undang-undang walaupun gagal mendapat perkenaan YDPA. Selain daripada itu, pindaan ini turut memberikan kuasa untuk mengumumkan darurat kepada Perdana Menteri tanpa perlu terlebih dahulu merujuk kepada Kabinet mahupun Parlimen.

Perbincangan awal pindaan ini dilakukan di Kota Kinabalu dan pertemuan seterusnya dibuat pada 20 November.¹⁵ Banyak yang telah berlaku sepanjang isu ini diperdebatkan. Malahan kepimpinan Mahathir yang cenderung untuk melihat bahawa rakyat bersama mereka telah mengadakan sesi penerangan rapat umum secara bertepatan yang dilihat sebagai usaha mewujudkan rasa benci di kalangan rakyat ke atas institusi raja-raja.¹⁶ Apa yang tidak dilihat adalah ia sebenarnya merupakan pemaparan legitimasi atau strategi Mahathir untuk menunjukkan pengiktirafan yang diperoleh oleh kepimpinan beliau untuk meminda Perlembagaan negara.

Sokongan rakyat daripada siri perhimpunan sebenarnya memberikan kekuatan kepada kepimpinan tersebut bahawa apa yang dilakukan oleh mereka adalah sah dan diterima oleh rakyat. Perdana Menteri merasakan beliau merupakan pemimpin sebenar bangsa Melayu dan bukannya raja-raja walaupun raja-raja turut berpendapat bahawa benteng pertahanan hak orang Melayu adalah di bawah kuasa mereka.¹⁷

Apa yang jelas, kepentingan orang Melayu sebagaimana yang diperlihatkan dalam hak istimewa dan kedudukan raja-raja Melayu melalui pindaan Perlembagaan tahun 1971 dianggap untuk mempertahankan kedudukan raja-raja sebagai pelindung mereka.

... all these amendments were done in the pious hope that we would have rulers who could live up to what was expected of them. They were to be guardians of the rights of all communities, protectors of civil order and stability and in addition they were to play a positive role as enlightened monarchs.¹⁸

Isu ini hanya dapat diselesaikan selepas pertemuan di belakang tabir yang melibatkan kedua-dua pihak yang terlibat dan bersetuju untuk berkompromi dengan masing-masing mahukan *win-win situation* dan pada 15 Disember Timbalan YDPA telah berkenan menandatangani pindaan tersebut dan dibawa ke Parlimen pada 9 Januari 1984. Kuasa mutlak Perdana Menteri untuk mengumumkan darurat telah digugurkan dan masih di bawah kuatkuasa YDPA. Berkaitan dengan bil belanjawan pula, ia akan diwartakan selepas 30 hari dengan atau tanpa persetujuan YDPA manakala untuk bil bukan belanjawan pula, YDPA akan diberi 30 hari sama ada untuk mengembalikan kepada Parlimen untuk dipinda semula dengan alasan atau bersetuju dengan rang undang-undang tersebut. Jika ia kembali ke Parlimen dan dipinda, maka selepas 30 hari ia secara automatik menjadi undang-undang.

Krisis ini dilihat sedikit sebanyak telah mengurangkan kuasa mutlak raja-raja manakala bagi kerajaan yang diterajui oleh Mahathir, ia dianggap sebagai mengukuhkan kedudukan UMNO

untuk terus menjadi kerajaan yang memiliki legitimasi daripada rakyat. Bagi raja-raja, misalnya Sultan Johor pula menganggap UMNO telah menjadi alat untuk dilagakan dengan raja-raja dalam isu ini.¹⁹ Sokongan daripada siri perhimpunan apabila krisis ini memuncak sebenarnya menguji kekuatan legitimasi yang diperoleh daripada pilihan raya sebelum ini. Bagi Mahathir, ia merupakan sokongan moral rakyat yang mengiktiraf apa sahaja tindakan yang dibuat oleh beliau, sekali gus ia turut menguatkan lagi legitimasi kepimpinan beliau. Dalam pertemuan dengan hampir 50 000 rakyat di Alor Setar pada 26 November 1983, beliau menyatakan:

... bukan saya yang memilih diri saya ini untuk menduduki kerusi Perdana Menteri tetapi rakyat yang memilihnya. Saya tidak berhak untuk meletakkan jawatan saya ini kecuali rakyat yang menjatuhkannya. Saya akan mengundurkan diri dengan rela hati sekiranya rakyat berfikir yang saya sudah tidak layak menjadi pemimpin. Dengan itu tidak ada golongan atau pihak yang berhak untuk menyuruh saya meletakkan jawatan saya selain daripada rakyat.²⁰

Walaupun gagal mendapat kuasa mengisytiharkan darurat, namun Mahathir dilihat sebagai pihak yang menang. Ini kerana YDPA berikutnya Sultan Mahmood Iskandar, Sultan Johor telah menyatakan dalam temu bual dengan Tan Chee Koon bahawa baginda akan menurut apa sahaja nasihat yang diberikan oleh Perdana Menteri.²¹

Krisis Perlembagaan 1983 itu menunjukkan bahawa dominasi tradisi yang diikuti selama ini telah berjaya diubahsuai oleh Mahathir. Faktor sosiobudaya yang lazimnya menyokong golongan istana telah berubah mengukuhkan kedudukan Mahathir. Ini jelas dalam konflik dengan raja-raja sekali lagi pada tahun 1990-an. Terdapat empat peristiwa yang boleh dihubungkan dengan tindakan Mahathir untuk meminda Perlembagaan kali ini. Pertama adalah penglibatan istana dalam kempen pilihan raya 1990 di Kelantan kerana kedudukan Razaleigh, bapa saudara kepada Sultan Kelantan. Razaleigh terkeluar daripada UMNO akibat pengharaman UMNO 1988 dan menubuhkan Parti Melayu Semangat 46 serta membentuk kerjasama

dengan PAS melahirkan ikatan Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Istana Kelantan dikatakan turut terbabit dalam kempen menentang UMNO dan ini dianggap telah melanggar tradisi yang menyebabkan baginda dikritik umum kerana menyebelahi kelompok tersebut. Istana tidak lagi berkecuali dalam urusan politik kepartian.²²

Kedua, penglibatan istana dalam perniagaan yang terpaksa bersaing dengan kontraktor kerajaan. Ini berkaitan dengan isu hubungan Kapitan Cina dengan istana di Selangor pada tahun 1991 yang merebut peluang perniagaan dengan didalangi oleh Kapitan Cina. Ada juga yang berpendapat sikap buruk raja-raja timbul daripada kemunculan golongan ahli perniagaan yang mendapat keistimewaan di bawah DEB.

... if the Sultans started to behave badly, this was partly due to the rising group of young, brash and arrogant Malay businessmen who were cultured by the government under the NEP. The rise of this group and their indecent flouting of their wealth and influence made the sultans feel insecure and somewhat envious.²³

Ketiga, kemunculan isu cukai kereta Lamborgini pada awal tahun 1992 apabila Sultan Kelantan dituduh menggunakan keistimewaan yang dinikmati selama ini untuk pengecualian pembayaran cukai pembelian kereta tersebut sehingga melarikannya daripada kastam.²⁴

Keempat, peristiwa memukul jurulatih pasukan hoki Johor, Gomez oleh Sultan Johor apabila putera baginda digugur daripada pasukan hoki sekolah. Laporan polis yang dibuat oleh Gomez membolehkan Mahathir meneruskan tindakan untuk meminda Perlembagaan agar raja-raja tidak lagi memiliki kekebalan daripada dihukum akibat kesalahan jenayah.

Sebagaimana langkah yang diambil pada tahun 1983, sekali lagi kempen besar-besaran melalui perjumpaan dan media digunakan untuk mengkritik golongan diraja. Malahan media telah menggunakan kebebasan yang diberi untuk mengumumkan tingkah laku golongan diraja menyebabkan golongan istana kehilangan sokongan

walaupun ada yang melihat tindakan Mahathir terlanjur dari segi tradisi dan sosiobudaya masyarakat Melayu. Perlembagaan berjaya dipinda dan raja-raja bersetuju untuk kehilangan kekebalan mereka dengan syarat didakwa di Mahkamah Diraja.

Apa yang jelas, faktor sosiobudaya telah mencetuskan krisis dalam masyarakat Melayu khasnya. Walaupun begitu, faktor budaya itu tidak digunakan oleh Mahathir untuk kepentingan beliau sepenuhnya di mana tidak pernah mencadangkan struktur monarki digugurkan daripada institusi kenegaraan Malaysia.²⁵ Ini merupakan krisis yang dicipta oleh Mahathir dan bukan krisis yang datang dengan sendirinya. Bagi Mahathir, apa yang dilakukan bukan bertujuan untuk menghapuskan institusi raja-raja tetapi supaya institusi raja-raja dapat terus bertahan dan institusi tersebut tidak terlibat dalam isu-isu awam sehingga boleh menjejaskan kedudukan mereka sendiri. Perhimpunan Agung UMNO tahun 1990 dan 1991 telah diselubungi dengan isu kedudukan raja berperlembagaan walaupun ia dilihat sebagai sebahagian daripada perkara sensitif. Strategi pembaharuan undang-undang Mahathir jelas bertujuan membentuk sistem pentadbiran yang efektif tanpa ada gangguan daripada mana-mana pihak serta menguji sejauh mana rakyat menyokong kepimpinan beliau pada waktu itu. Semuanya bertujuan untuk mengatasi beberapa kerenah pihak istana sebagaimana yang dilalui oleh Mahathir sebelum menjadi Perdana Menteri dan semasa menjadi Perdana Menteri.²⁶

PEREBUTAN JAWATAN TERTINGGI UMNO 1987

Krisis kepimpinan dalam UMNO yang berlaku pada tahun 1987 turut menjejaskan legitimasi politik kepimpinan Mahathir. Ini berikutan pertandingan bagi merebut jawatan tertinggi dalam parti antara penyandang jawatan iaitu Mahathir dan pencabar beliau Razaleigh pada 24 April 1987.²⁷ Penulis menganggap ia merupakan titik tolak kepada krisis legitimasi kepimpinan memandangkan parti

tersebut juga merupakan jentera pentadbir kerajaan pusat mahupun kerajaan negeri. Sehingga hari ini, Perdana Menteri yang dilantik adalah daripada parti UMNO yang juga merupakan parti dominan di bawah payung Barisan Nasional.

Demokrasi lazimnya dikatakan tidak wujud di bawah Mahathir tetapi pertandingan dalam UMNO berlaku di bawah sistem demokrasi pada tahun 1981, 1984 dan 1987.²⁸ Keterbukaan ini juga membawa kepada pertembungan yang hebat pada tahun 1987. Wujud tiga bentuk gaya kepimpinan Mahathir iaitu secara *check and balance* sehingga 1987; manipulasi dari 1987 sehingga 1990 dan selepas 1990 bersifat kurang dominasi sehingga membolehkan pertandingan pada tahun 1993 sehinggalah peristiwa kemelut politik 1997 menjejaskan rentak politik arus perdana negara.

Krisis dalam UMNO boleh dilihat sebagai berpunca daripada sikap Mahathir yang mahukan demokrasi dan pertandingan untuk merebut sesuatu jawatan. Ia dilakukan pada tahun 1981 sejurus selepas dilantik sebagai Perdana Menteri dengan membenarkan para delegasi memilih Timbalan Presiden parti walaupun sebelum ini Presiden lazimnya membuat pilihan tersebut. Walaupun demokrasi bersifat amalan bebas masih baru dalam UMNO, ia telah membawa kesan yang besar kerana dasar keterbukaan ini menyebabkan lahirnya *factionalism* dengan "politiking berpuak". Bekas Timbalan Perdana Menteri, Musa berjaya dalam pemilihan tahun 1981 dan kemudiannya sekali lagi pada tahun 1984 dengan mengalahkan Razaleigh tetapi parti terpisah dua kepada kelompok besar yang menjadi pengikut setia pemimpin dan membelakangkan perpaduan parti. Walau bagaimanapun, peletakan jawatan oleh Musa sebagai Timbalan Perdana Menteri telah mengancam legitimasi politik Mahathir walaupun Ghafar dilantik sebagai pengganti Musa.²⁹

Strategi politik Mahathir lebih matang dalam menangani krisis Musa memperlihatkan bahawa beliau sendiri merupakan seorang strategis. Beliau memiliki penerangan secara bertulis surat bertarikh 5 Julai 1984 yang dihantar oleh Musa yang menentang perantikan Razaleigh sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian kerana ia

akan melumpuhkan hasrat Musa untuk menjadi Perdana Menteri memandangkan pengaruh politik Razaleigh boleh berkembang melalui pemberian lesen, saham dan permit di bawah Kementerian-nya. Mahathir juga telah melantik Daim sebagai Menteri Kewangan untuk mengimbangkan perebutan kuasa memandangkan Daim tidak memiliki cita-cita politik.

Razaleigh boleh dianggap sebagai punca keretakan hubungan antara Mahathir dan Musa dan bukannya sebab-sebab yang dinyatakan oleh Musa dalam surat bertarikh 26 Februari 1986, susulan daripada surat kedua bertarikh 31 Julai 1984 yakni notis setahun untuk bersara. Percaturan Mahathir untuk mengekalkan Razaleigh adalah supaya menampakkan beliau tidak berdendam dengan Razaleigh walaupun Razaleigh tidak menghormati beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri di bawah Kabinet Tun Hussein Onn. Ahli-ahli sendiri melihat Mahathir memiliki ciri-ciri budaya dan nilai orang Melayu sedemikian rupa yang lebih mementingkan perpaduan dalam parti daripada kepentingan sendiri.

Walaupun ada yang berpendapat ia mengakui ketokohan Razaleigh penting dalam UMNO tetapi penulis berpendapat ia bertujuan menjadikan Razaleigh sebagai musuh politik berterusan kepada Musa dan sekali gus mengimbangi kedudukan Musa dalam parti. Pada waktu yang sama, Razaleigh tidak diberi apa-apa jawatan dalam parti supaya kedudukan Musa terpelihara. Mahathir tersepit dalam strategi Musa yang seolah-olah mahukan laluan mudah tanpa saingan daripada Razaleigh sedangkan penyingkiran Razaleigh akan menyebabkan Mahathir dilihat tidak demokratik.

Strategi politik Mahathir untuk mengatasi krisis ini lebih menyeluruh berbanding dengan pendekatan Musa mahupun Razaleigh. Ini termasuklah kemasukan Anwar yang dilihat berkarisma dan mudah menyesuaikan diri dengan gaya kepimpinan beliau. Kekuatan peribadi dan ketrampilan dari segi keagamaan boleh dilihat faktor penarik Anwar untuk berada di kem Mahathir.³⁰ Kemenangan besar Barisan Nasional dan UMNO khususnya dalam pilihan raya tahun 1986 menunjukkan legitimasi Mahathir tidak tergugat walaupun

berhadapan dengan krisis dalaman UMNO lantas isu peletakan Musa tidak menjadi isu dalam Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1986.

Krisis Mahathir-Musa telah mencetuskan pertembungan antara dua puak dalam pertandingan dalam UMNO pada tahun berikutnya.³¹ Pada hari penamaan calon 11 April 1987, kedua-dua jawatan tertinggi dipertandingkan dengan timbulnya dua calon untuk setiap jawatan. Razaleigh mencabar Mahathir manakala Musa pula berhadapan dengan Ghafar Baba. Pertandingan seolah-olah memang tidak dapat dielakkan walaupun ada pihak mahukan tradisi dihormati. *Factionalism* dalam UMNO telah melangkaui struktur parti kerana pemecahan juga jelas dalam struktur kerajaan pusat dan negeri serta birokrasi dan tidak terkecuali institusi raja-raja, masing-masing mempunyai tujuan tertentu dan kejayaan UMNO dalam mengimplementasi DEB telah mengetengahkan anjakan dalam kelas menengah dan mereka juga mahukan perubahan berasaskan kepada kepentingan mereka.³²

Kempen kedua-dua pihak lebih berbentuk peribadi dengan masing-masing memaparkan keburukan pihak yang terlibat. Mahathir terpaksa berhadapan dengan kritikan ke atas dasar ekonomi yang sedang melalui krisis pada waktu itu dan tidak ketinggalan krisis personaliti Ghafar yang dianggap tidak berkarismatik. Mahathir juga dikaitkan dengan gaya kepimpinan yang mengutamakan pemodenan dengan membelakangkan masyarakat Melayu luar bandar. Serangan *Team B* tertumpu kepada corak kepimpinan Mahathir kerana beliau dilihat gagal berbincang dengan Majlis Tertinggi UMNO mahupun BN sewaktu merangka sesuatu dasar dan lebih bertindak bersendirian seperti seorang diktator. *Team A* pula mempertahankan segala pencapaian dan berjanji untuk membawa lebih banyak perubahan.³³

Corak kempen negatif turut digunakan untuk mendapatkan sokongan. Antaranya dengan menggunakan surat layang, membockan dokumen rasmi kerajaan serta buku-buku dan kaset yang memburukkan para pemimpin baik dari kumpulan A mahupun B.³⁴

Walau apa pun, Mahathir berjaya mengekalkan kedudukan beliau dengan undi sebanyak 761 berbanding 718 yang diterima oleh Razaleigh. Bagi jawatan Timbalan Presiden pula, Ghafar menjadi Timbalan Presiden yang baru dengan kemenangan sebanyak 40 undi majoriti. Ghafar Baba menerima undi sebanyak 739 berbanding 699 oleh Musa. Dua daripada Naib Presiden turut dimenangi oleh calon *Team A* iaitu Datuk Seri Amar Wan Mokhtar Wan Ahmad dan Anwar dan begitu juga untuk kerusi Majlis Teringgi, 16 daripada 25 kerusi yang dipertandingkan dimenangi oleh calon *Team A*.³⁵

Apa yang jelas, dominasi UMNO menjadi penting selepas peristiwa ini.

... Dr Mahathir Mohamad more than any other UMNO leader in the past —has consciously or unconsciously bestowed the party with a role which has dwarfed all the other Barisan Nasional parties.³⁶

Amalan tidak bertanding yang dianggap membawa keutuhan parti selama ini telah berubah diguna untuk memenuhi cita-cita politik pemimpin tertentu. Perbuatan Razaleigh bertanding menentang Mahathir dianggap menjadi teras kepada krisis legitimasi politik Mahathir dan perpecahan perpaduan bangsa Melayu.³⁷ Tradisi merupakan salah satu unsur yang memberi legitimasi kepada UMNO serta kekuatan kepada kepimpinan Mahathir. Apabila ini sudah tidak dihiraukan lagi, maka atas prinsip demokrasi, ia boleh membawa krisis legitimasi kepimpinan. Ia bukan dicipta oleh Mahathir sehingga mengorbankan parti UMNO sendiri. Pada 26 Jun 1987, seramai 11 orang penyokong telah mengemukakan saman di Mahkamah Tinggi meminta Perhimpunan UMNO pada 24 April 1987 diisytiharkan tidak sah kerana wujudnya 30 cawangan tidak berdaftar.³⁸ Hakim Harun Hashim tidak mempunyai pilihan melainkan mengisytiharkan UMNO sebagai parti tidak sah pada 4 Februari 1988 berpandukan Seksyen 12(3) Akta Pertubuhan 1966 akibat permainan politik golongan yang tamak kuasa.³⁹

Ini menyebabkan UMNO dengan nama UMNO (baru) telah mengemukakan permohonan mereka pada 12 Februari dan dilulus-

kan permohonan pada 15 Februari 1989 di bawah kepimpinan Mahathir.⁴⁰ Tidak salah untuk menyatakan bahawa Mahathir adalah pencipta UMNO yang wujud hari ini. Peristiwa 1987 disebut berkali-kali bukan kerana Mahathir mahu terus memimpin tetapi kesannya terlalu mendalam dan pelaksanaan peraturan agar jawatan penting parti tidak lagi ditandingi dibuat.⁴¹ Bagi Mahathir pelapis ketiga atau jawatan Naib Presiden wajar dijadikan barisan pemimpin yang boleh mengambilalih parti kemudian hari.

Peristiwa pembubaran UMNO boleh dianggap krisis legitimasi yang paling besar dihadapi oleh Mahathir. Sejak 1957, orang Melayu hanya bernaung di bawah satu kuasa politik yang kukuh yakni UMNO dan kemudiannya timbul PAS, Berjasa dan Hamim diikuti dengan S46. Kelahiran S46 boleh dianggap menjadikan perpecahan di kalangan orang Melayu menjadi serius yang sekali gus menggugat legitimasi BN di bawah Mahathir. Walau bagaimanapun, Mahathir dapat terus mempertahankan legitimasi politik beliau kerana gaya kepimpinan yang menampilkan kebijaksanaan menangani sesuatu krisis.

Perpecahan dalaman UMNO pada tahun 1988 bukan sahaja merupakan perebutan kuasa tetapi lebih daripada itu, ia juga menggambarkan legitimasi kepimpinan tersebut. Ketidakpuasan hati timbul daripada tekanan tradisi dan konservatif dalam UMNO—*the disaffection stemmed from 'traditional' or 'conservative' forces within UMNO. Its most decisive feature involved the failed challenge at the April 1987 UMNO election by former Finance Minister Tengku Razaleigh Hamzah for the post of UMNO president, and Musa Hitam for the post deputy; positions providing effective accession to the prime ministership and deputy prime ministership.*⁴²

UMNO (baru) adalah pembentukan parti berasaskan kepada acuan Mahathir yang juga boleh dianggap sebagai—*a newly purified political force with a revitalized modern vision.*⁴³ Penubuhan UMNO (baru) dengan Perlembagaan dan lambang hampir serupa mempertontonkan Mahathir sebagai penyelamat UMNO.⁴⁴ Ini membolehkan beliau memulihkan legitimasi politik dan mandat ke atas

kepimpinan beliau sehingga mampu mengeluarkan kenyataan tidak akan menerima Razaleigh dan bekas ahli yang pernah menentang UMNO sebagai ahli parti baru ini. Penstrukturan semula organisasi politik kepartian ini melihat pembentukan Mahathir sebagai *manipulator* memenuhi teori Machiavelli dalam *The Prince* sebagai *dominator*.⁴⁵

Walaupun begitu, dalam Perhimpunan Agung UMNO 1988, Mahathir membuat kejutan dengan meminta ahli UMNO membenarkan keahlian parti kepada mereka serta menawarkan jawatan Menteri Tak Berportfolio kepada Razaleigh dan Musa. Ia berjaya memerangkap emosi dan secara psikologi perwakilan berasa terharu dan menganggap Mahathir sebagai pemimpin unggul. Ia menjerat kedua-dua pemimpin tersebut. Musa menolak tawaran tersebut tetapi kemudiannya menjadi ahli UMNO pada tahun 1989. Beliau turut menerima jawatan Duta Khas Malaysia di Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Razaleigh pula menubuhkan parti Semangat 46 (S46) dan mengetuai barisan pembangkang menentang UMNO dan BN dalam pilihan raya tahun 1990. Razaleigh gagal mengguling kerajaan BN walaupun berjaya memujuk Parti Bersatu Sabah (PBS) menikam BN dari belakang dengan keluar daripada BN tiga hari sebelum hari mengundi.

Krisis 1987 sebenarnya banyak menentukan hala tuju politik negara. Mahathir menuju ke arah gaya kepimpinan yang lebih berbentuk dominasi selepas itu kerana kepimpinan yang rapuh akan menyebabkan tumpuan hanya akan diberi untuk menstabilkan kedudukan politik dan bukan ke atas negara secara keseluruhan, memenuhi teori Machiavelli dalam *Discourses* iaitu:

... the best thing a leader can do in order to retain his influence, if the foundations of his power are weak, is to recognize everything in the state from scratch.⁴⁶

Corak kepimpinan baru ini membolehkan beliau mengukuhkan legitimasi politik beliau. Ia dikatakan bertukar daripada—*modified democratic system* kepada *modified authoritarian system*.⁴⁷ Apa

yang jelas adalah usaha memantapkan kedudukan beliau dilakukan dengan memusatkan tindakan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan meneruskan agenda pembangunan walaupun krisis berterusan sebagaimana yang akan diterangkan di bahagian berikutnya.

OPERASI LALANG 1987

Pembatalan UMNO sebagai parti yang sah dan konflik yang berterusan dengan *Team B* merupakan isu yang menyebabkan krisis berpanjangan dalam negara. Lanjutan daripada krisis ini, krisis di peringkat makro seolah-olah tidak dapat dielakkan oleh Mahathir kerana ia turut membawa kepada krisis intraparti komponen BN. Ini kerana parti MCA cuba membelakangkan semangat berkompromi parti BN dan menggunakan kesempatan daripada kemerosotan sokongan ke atas Mahathir untuk memaksa kerajaan agar memenuhi tuntutan daripada pilihan raya 1986.

Terdapat tiga isu yang dibawa oleh MCA. Pertama, penampilan strategi untuk meningkatkan pelaburan dengan memperkenalkan Deposit Taking Co-operative (DTCs) untuk membolehkan orang Cina menyimpan wang mereka di bawah Multi Purpose Holdings Berhad.⁴⁸ Walau bagaimanapun disebabkan oleh krisis ekonomi, kebanyakan wang yang dilaburkan hilang begitu sahaja. MCA meminta kerajaan membantu masyarakat Cina seperti mana yang dilakukan ke atas Bank Bumiputra dan Perwira Habib Bank serta Bank Rakyat. Apabila MCA mencadangkan kepada Kabinet perkara ini, ia telah mendapat tentangan terutama daripada Pemuda UMNO sehingga MCA diminta keluar daripada BN.⁴⁹ Perhubungan UMNO dan MCA menjadi keruh menyebabkan krisis legitimasi politik Mahathir berterusan walaupun Kabinet akhirnya meluluskan pakej bantuan pada Februari 1988.

Kedua, adalah isu sekolah-sekolah aliran bahasa Cina. Ketika kempen pilihan raya 1986, kerajaan berjanji untuk memansuhkan kuasa mutlak Menteri Pendidikan untuk menukar sekolah-sekolah

aliran bahasa Cina dan Tamil kepada aliran bahasa Melayu yang termaktub di bawah Seksyen 21(2) Akta Pendidikan 1961.⁵⁰ Dalam persekitaran yang tegang ini, Mahathir terpaksa berhadapan dengan golongan yang meragui kepimpinan beliau kerana seolah-olah berlembut dengan golongan bukan Melayu.

Lanjutan daripada isu ini membawa kepada isu ketiga iaitu ketegasan Menteri Pendidikan ketika itu, Anwar yang mengarahkan Jabatan Pendidikan untuk menaikkan pangkat kepada hampir 100 orang guru yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan Mandarin untuk menjadi guru besar dan pentadbir sekolah Cina kerana kekurangan guru-guru berlatarbelakangkan Mandarin. Ramai di kalangan orang Cina berasa pertama, tertipu dengan tindakan kerajaan yang dianggap tidak prihatin serta menabur janji palsu dan kedua, ia dianggap langkah pertama untuk menghapuskan sekolah-sekolah aliran bahasa ibunda masing-masing.⁵¹ Perhubungan kedua-dua parti menjadi bertambah tegang apabila bekas Timbalan Presiden MCA, Lee Kim Sai mengancam bahawa UMNO akan kehilangan sokongan MCA ke atas pelaksanaan sesuatu dasar kerajaan jika tidak ada rundingan terlebih dahulu. Ini telah menyebabkan Ketua Pemuda UMNO, Najib Razak menganggap UMNO tidak akan berkompromi ke atas isu yang melibatkan dominasi bangsa Melayu.⁵²

Selepas isu ini menemui jalan buntu, MCA, Gerakan dan parti pembangkang DAP telah membentuk kerjasama bersama dengan organisasi lain membentuk *National Joint Action Committee On Chinese Schools* serta meminta orang ramai menyertai rapat umum mereka untuk menunjukkan bahawa mereka juga mendapat sokongan majoriti sehingga Lee Kim Sai menyatakan bahawa MCA tidak akan menjual hak orang Cina.⁵³

Kesan percakaran dalaman ini memuncak dengan kempen oleh UMNO untuk bertindak balas ke atas rapat umum MCA. Pada 17 Oktober 1987, hampir 15 000 orang Melayu memenuhi Stadium Jalan Raja Muda dengan diorganisasi oleh Pemuda UMNO untuk membuktikan bahawa mereka juga kuat dan gagah. Antara lain,

mereka turut mendesak Lee Kim Sai meletak jawatan dalam Kabinet serta MCA keluar daripada BN. Semasa perjumpaan tersebut, Najib telah memegang pedang secara simbolik dan patung Lee Kim Sai serta MCA dibakar.⁵⁴

Ada juga melihat ini sebagai tanda protes ke atas kepimpinan Mahathir yang seolah-olah berlembut ke atas permintaan orang bukan Melayu. Ancaman semacam ini menyebabkan Mahathir terpaksa menggunakan kuasa darurat untuk menghukum dan mengimbangkan kedudukan politik supaya tidak ada rusuhan perkauman berlaku. Mahathir dilihat tidak menghukum golongan militan daripada UMNO semata-mata tetapi juga ke atas pihak pembangkang.⁵⁵ Pada 27 Oktober 1987 kuasa tersebut digunakan untuk menangkap 63 orang di bawah Akta ISA demi memastikan keselamatan negara terpelihara.⁵⁶ Kerajaan juga menggantung permit penerbitan tiga akhbar iaitu *The Star*, *Watan* dan *Sin Chew Jit Poh*.

Mahathir berjaya menganjak pertikaian politik dan memastikan kestabilan dengan menjadi satu-satunya jurucakap kepada keseluruhan isu. Beliau bukan sahaja berjaya mengatasi musuh dari dalam parti yang mengeksploitasi isu tersebut untuk menjatuhkan kepimpinannya malahan ancaman pembangkang terutama dari PAS dan DAP juga berjaya diatasi. Walaupun ada yang mengkritik penggunaan kuasa ISA, ia telah digunakan untuk mengelak daripada peristiwa 13 Mei 1969 berulang lagi pada 1 November 1987. Legitimasi kepimpinan beliau dianggap utuh selepas peristiwa ini dan dianggap:

... the decisive action was taken by Dr Mahathir, but in such a way as to enhance his political position and powers, and at the expense of many who were only peripherally invoked.⁵⁷

Secara tidak langsung, persaingan ke atas kepimpinan dan perebutan kuasa dari dalam UMNO dapat dielakkan. Tindakan segera Mahathir mengatasi masalah ini membolehkan legitimasi politik beliau meningkat. Langkah yang telah diambil oleh Mahathir juga bertujuan untuk mengelak beliau dijadikan kritikan utama kerana

berlembut dengan masyarakat bukan Melayu. Namun, krisis masih berterusan iaitu selepas pertembungan dengan institusi raja-raja dan krisis dalam parti UMNO dan BN, beliau berhadapan dengan badan kehakiman pula.

EKSEKUTIF DAN BADAN KEHAKIMAN

Kes "UMNO 12" yang membawa UMNO ke mahkamah telah menyebabkan ramai meragui kemenangan *Team A* dalam pemilihan tersebut. Cabaran ke atas legitimasi Mahathir dan UMNO turut menyebabkan tumpuan dialih kepada keputusan yang bakal dibuat oleh badan kehakiman. Ini disebabkan tindakan kerajaan yang kerap dicabar oleh keputusan mahkamah terutama yang melibatkan kes sensitif politik yang melibatkan akta tertentu seperti Akta ISA dan Akta Rahsia Rasmi (OSA). Malahan sebelum peristiwa UMNO dibawa ke mahkamah lagi, Mahathir telah dengan lantang mengkritik badan kehakiman.

Buat pertama kali, Mahathir telah membuat kritikan terbuka ke atas badan kehakiman terutamanya Mahkamah Agung yang menolak arahan kerajaan untuk menarik balik permit kerja wartawan *Asian Wall Street Journal* (AWSJ), John Berthelsen dan Raphael Pura.⁵⁸ Ini diikuti dengan kes saman ke atas Mahathir oleh Lim Kit Siang berkenaan dengan isu rasuah dalam pemberian kontrak pembinaan Lebuhraya Utara Selatan. Sewaktu kes ini masih belum diputuskan, Mahathir membuat kritikan konsisten ke atas hakim-hakim yang dianggap mahu kebebasan sepenuhnya sewaktu membuat keputusan.⁵⁹ Dalam ucapan di Hong Kong pada Oktober 1988, Musa menyatakan bahawa—*Mahathir was continuously upset with the judiciary. One of his favourite slogan was Hang The Lawyers! Hang The Judges.*⁶⁰

Ada yang menganggap beliau cuba merendahkan martabat badan kehakiman dan pada waktu yang sama, ia juga boleh dilihat sebagai amaran kepada hakim-hakim.⁶¹ Ini turut menyebabkan ra-

mai hakim ditukar fungsi serta rangka kerja mereka. Usaha ini bukan bertujuan merendahkan badan tersebut tetapi untuk memantapkan struktur kerajaan yang dipimpin. Jika kes-kes yang dibawa ke mahkamah dilihat tidak menyebelahi kerajaan, ada kemungkinan kerajaan akan hilang kredibiliti dan secara langsung mengancam legitimasi kepimpinan yang sedia ada.

Kritikan Mahathir ke atas hakim berterusan dan turut mendapat tindak balas daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam badan tersebut.⁶² Ini menyebabkan Mahathir meningkatkan kritikan beliau secara terbuka termasuk di Parlimen menyebabkan Ketua Hakim Negara (KHN), Tun Salleh Abas telah menggunakan dua persidangan antarabangsa mengenai *Appellate Judges* dan *Chief Judges* yang kemudiannya diterbitkan untuk mempertahankan autonomi kehakiman dan kebebasan badan tersebut. Sebagai tindakan secara langsung, Mahathir telah mencadangkan kepada Parlimen untuk meminda Perlembagaan menghadkan bidang kuasa kehakiman.

Akibat tekanan daripada hakim-hakim, maka KHN telah mengadakan pertemuan dengan 20 orang hakim dan bersetuju untuk melapor kepada YDPA dan raja-raja Melayu mengenai isu yang terlibat. Sebagai tindakan susulan selepas berbincang dengan Perdana Menteri, YDPA bersepakat untuk mengambil tindakan disiplin ke atas KHN.⁶³ Mahathir telah meminta Salleh Abas meletak jawatan yang dipersetujui pada awalnya tetapi menarik keputusan tersebut selepas menerima surat menyatakan beliau digantung jawatan sebagai KHN yang turut membatalkan keputusan seperti hari perbicaraan kes UMNO dan rayuan Karpal Singh.⁶⁴ Oleh yang demikian, satu tribunal antarabangsa telah ditubuhkan untuk membicarakan beliau. Antara kesalahan yang dibuat oleh beliau adalah salah laku tingkah laku, melibatkan diri dalam politik, mengkritik kerajaan dan membentuk sikap prejudis dengan menghantar surat kepada YDPA.⁶⁵

Pada awalnya Salleh Abas menolak perlantikan ahli tribunal yang diketuai oleh pengganti beliau, Tun Hamid Omar tetapi permohonan beliau ditolak dan Salleh Abbas menarik diri daripada

melibatkan diri dalam perbicaraan kes beliau serta untuk membela diri daripada semua dakwaan⁶⁶. Akhirnya, beliau didapati bersalah dan dipecat daripada jawatan sebagai KHN.

Dengan keputusan tersebut, satu perubahan dilihat mengambil tempat dalam badan kehakiman. Mahathir berjaya menggunakan penampilan beliau untuk membentuk *check and balances* terutama dengan media agar tidak mensensasikan isu ini. Malahan wujud rapat umum yang menyokong tindakan Mahathir sehingga beliau dilihat sebagai pemimpin berwibawa tetapi ada yang melihat kehakiman menjadi sebahagian daripada eksekutif sehingga keyakinan terhadap badan tersebut dipersoal.

... where appointments and promotions are made in disregard of acceptable criteria it is not the confidence of the public in the judiciary alone that is undermined. Good judges, too, will feel no pride in being part of a judicial system where neither merit nor seniority is recognized.⁶⁷

Sepanjang 1986 sehingga 1990, Mahathir berhadapan dengan krisis yang berterusan tetapi krisis tersebut tidak melumpuhkan sistem pentadbiran negara. Beliau terus memantapkan jentera pentadbiran sewaktu berhadapan dengan krisis walaupun ada yang menganggap beliau sudah menjadi pemerintah autoritarian sepenuhnya seolah-olah memenuhi apa yang pernah dinyatakan oleh beliau selepas peristiwa 13 Mei 1969.

... why not call a spade a spade? Why not say bravely that the people of Malaysia are too immature for a workable democracy? Why not say that we need some form of authoritarian rule? We are doing that anyway and it looks as if we are going to do that for a very long time to come. Authoritarian rule can at least produce a stable strong government. We must accept that there is not going to be a democracy in Malaysia, there never was and there never will be.⁶⁸

Yang nyata, Mahathir berjaya mengekalkan legitimasi politik beliau melalui pemecatan Salleh Abas kerana pemusatan kuasa ke atas Jabatan Perdana Menteri. Ini secara langsung membolehkan

beliau mengawal badan kehakiman daripada terus mempertikai tindakan yang diambil oleh kerajaan. Walaupun begitu, kegawatan ekonomi negara pada tahun 1997 menyebabkan beliau berhadapan dengan satu lagi krisis yang menyebabkan legitimasi politik beliau merosot. Krisis tersebut adalah krisis kepemimpinan dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim.

ANWAR DAN MAHATHIR: KRISIS KEPIMPINAN

Krisis kepemimpinan pada tahun 1998 merupakan sejarah krisis politik yang paling buruk selepas insiden 1987-1988 yang wajar dilihat sebagai kayu pengukur kepada keupayaan ketidakstabilan ekonomi untuk menggugat struktur kepemimpinan negara. Penulis berpendapat jika kegawatan ekonomi tidak melanda negara pada tahun 1997-1998, transisi dalam kepemimpinan negara sudah berlaku dan perubahan dalam iklim politik negara selepas pilihan raya tahun 1999.⁶⁹

Anwar merupakan pemimpin yang telah dibawa masuk oleh Mahathir pada tahun 1980-an dan dilihat memiliki potensi yang besar untuk menggantikan beliau suatu hari nanti.⁷⁰ Krisis ekonomi yang melanda 1997 dianggap sebagai titik tolak kepada kemerosotan legitimasi Mahathir yang turut membawa kepada berakhirnya karier politik Anwar.⁷¹

Sepanjang krisis tersebut banyak isu ditimbulkan termasuk perhubungan kelas dan negara.⁷² Spekulator mata wang asing dilabel sebagai penyangak wang dan fokus tertumpu kepada George Soros. Kedua-duanya telah bertikam lidah sewaktu pertemuan IMF/ World Bank di Hong Kong sehingga Soros melabel Perdana Menteri sebagai *a menace to his country*.⁷³ Anwar menjadi seorang oportunis dan cuba memanipulasi situasi ini dengan menyokong pengkritik Mahathir untuk percaturan karier politik beliau.⁷⁴ Akibatnya, beberapa rancangan atau pelan pakej bantuan dikemukakan tanpa sokongan modal asing atau bantuan IMF. Ketegasan Mahathir untuk melakukan reformasi kewangan berdasarkan kepada cara beliau

yakni dengan pengenalan pengawalan mata wang asing menyebabkan ada yang mahu Anwar mengemukakan satu perubahan dalam sistem kewangan untuk mengembalikan keyakinan serta kepercayaan pelabur asing agar kestabilan pasaran dapat dipelihara. Dengan pelantikan Daim sebagai Ketua Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), maka peluang Anwar untuk melobi cara beliau semakin lemah apatah lagi dengan pengenalan beberapa elemen baru dalam *post-budget* Disember 1997.⁷⁵

Penampilan Anwar dengan strategi yang bertentangan dengan Mahathir sebenarnya banyak membawa kepada kejatuhan beliau walaupun beliau dilihat sebaris dengan golongan pemimpin baru ASEAN yang mahu menyuntik perubahan seperti Habibie dan Estrada.⁷⁶ Krisis ini boleh dianggap sebagai krisis order lama dan order baru. Ramai beranggapan beliau telah dimanipulasi oleh IMF dan mempunyai hubungan rapat dengan beberapa pemimpin perbankan seperti Michael Camdessus, bekas Presiden IMF dan James Wolfensohn dari Bank Dunia serta dalam UMNO sendiri. Ini mewujudkan *factionalism* dalam UMNO kerana apabila Zahid Hamidi mengemukakan isu "*kronism, nepotism* dan korupsi" dalam ucapan Pemuda di Perhimpunan UMNO 1998, pergolakan mula melanda UMNO.⁷⁷

Yang nyata, perbezaan amalan dasar boleh dianggap sebagai penyumbang utama kepada keretakan hubungan antara Mahathir dan Anwar yang turut menyebabkan Anwar meringkuk di penjara. Dengan ketiadaan Anwar, Mahathir boleh bertindak dengan cara beliau untuk mengatasi krisis ekonomi ini walaupun wujud teori konspirasi asing untuk menjatuhkan beliau. Pemecatan Anwar yang pada awal tidak diberi reaksi besar telah membawa kepada krisis besar dan legitimasi Mahathir berada di persimpangan seperti insiden tahun 1987-1988.⁷⁸

Strategi Anwar telah memerangkap diri beliau yang pernah menganggap Mahathir sebagai "bapa"⁷⁹ tetapi beberapa bulan sebelum dipecat, Anwar telah bertindak mempersoal kepimpinan Mahathir. Konflik Mahathir-Anwar menjadi lebih dominan dengan

kejatuhan Suharto di Indonesia sehingga Anwar menyatakan— *if we are willing to accept [political reform], we may face the Indonesia situation where people demanded changes.*⁸⁰ Mulai 1998 Anwar sudah mula berkonflik secara terbuka tetapi memberi maksud tersirat melalui satu siri ucapan yang antara lain menyentuh mengenai pembangunan dan kronisme serta korupsi dan reformasi politik perlu untuk membersihkan masyarakat.

Krisis ekonomi mahu digunakan oleh Anwar untuk menjatuhkan Mahathir tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Anwar tidak sedar bahawa penentang Mahathir lazimnya menggunakan mekanisme tertentu untuk menguji kekuatan Mahathir. Razaleigh menentang Musa pada tahun 1981 dan 1984 bukan untuk menguji Musa tetapi Mahathir kerana tanpa sokongan Mahathir, nescaya Musa akan tewas. Presiden parti mempunyai pengaruh yang kuat yang dapat menentukan kemenangan seseorang calon yang bertanding.⁸¹ Begitu juga dengan sokongan yang diberikan oleh Mahathir kepada Ghafar. Ghafar gagal melenyapkan pengaruh Mahathir ke atas Anwar. Ketika Anwar mengumumkan bahawa beliau mahu bertanding jawatan Timbalan Presiden, sikap Mahathir yang condong kepada Anwar ternyata memberi kelebihan.⁸² Mahathir bersikap lebih terbuka dengan kombinasi unsur manipulasi dan dominasi yang memaparkan supremasi Mahathir sendiri dan kembali kepada gaya kepimpinan lama beliau iaitu *check and balances* ke atas kemunculan kuasa baru—Anwar.

Strategi Mahathir jelas dalam usaha menangani krisis ini. Pertama, dua ketua pengarang dari akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* yang rapat dengan Anwar diminta meletak jawatan kerana penyiaran berita krisis dalaman secara berterusan dan mengkritik kerajaan tanpa batasan.⁸³ Selepas melihat laporan yang condong ke arah tersebut, Mahathir terus berjaya meminta kedua-dua ketua pengarang, Johan Jaaffar dan Nazri Abdullah, masing-masing dari *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* untuk melepaskan jawatan mereka. Seterusnya buku *50 Dalil Anwar Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri* yang mengandungi dakwaan pembunuhan,



Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Dr. Mahathir



Datuk Seri Anwar Ibrahim



Datuk Sri Anwar Ibrahim sewaktu mula-mula menyertai kabinet

melihat, korupsi dan tindakan bersesuaian dengan penunjuk kuasa asing dikemukakan. Walaupun tidak tahu setakat mana ia meyakinkan Mahathir, tetapi dalam kedudukan masing-masing sudah tidak sehaluan, dakwaan tersebut diguna sebagai instrumen untuk membinasakan Anwar dan konco-konconya.

Kedua, selepas ketua pengarang akhbar utama tersebut meletakkan jawatan mereka, bekas Gabenor Bank Negara, Ahmad Mohamed Don dan Timbalannya Fong Weng Phak pula meletakkan jawatan atas alasan perbezaan pendapat pada dasar yang mahu diimplementasikan. Ini memudahkan Mahathir meneruskan dasar pemulihan ekonomi tanpa ada gangguan. Pada 1 September 1998, kerajaan telah memperkenalkan kaedah baru iaitu sistem kawalan mata wang asing dan kawalan ke atas saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Hari berikutnya, Anwar dipecat dan dua hari selepas itu, beliau dipecat daripada jawatan Timbalan Presiden UMNO. Dengan pemecatan itu dan kawalan mata wang asing, ia seolah-olah cuba mengorbankan legitimasi politik untuk menyelamatkan ekonomi. Instrumen yang diambil berjaya mengembalikan sokongan domestik walaupun di peringkat antarabangsa, modal asing, IMF dan agensi Barat lain mengutuk tindakan beliau.

Ketiga, Mahathir telah mengadakan sesi pertemuan dengan rakyat di seluruh negara sebelum krisis ini memuncak dengan menyatakan sokongan rakyat diperlukan sewaktu sesuatu keputusan diambil dan sudah pun seolah-olah memberi gambaran bahawa akan ada peristiwa mengejut.⁸⁴ Ramai menjangkakan bahawa kejutan adalah daripada elemen ekonomi dan bukan krisis kepimpinan UMNO mahupun strata kepimpinan negara. Ini juga bertujuan menguji sokongan ke atas kepimpinan beliau yang jelas terjejas akibat kempen dalam parti serta kegawatan ekonomi serta dasar bantuan yang dianggap memihak kepada pihak yang terpilih. Krisis yang berterusan juga menyebabkan sesi pertemuan dengan rakyat diteruskan untuk menerangkan situasi politik dan perlunya kerjasama untuk memastikan pembangunan dan keamanan.⁸⁵

Keempat, selepas wujud tuduhan wujudnya kronisme, nepotis-

me dan korupsi ke atas pentadbiran beliau, Mahathir bertindak agresif dengan menyiarkan senarai penerima tender dan permit serta saham di Perhimpunan Agung UMNO tahun 1998. Ini turut melibatkan kroni dan ahli keluarga Anwar dan Zahid Hamidi. Chandra Muzaffar menganggap pakej bantuan oleh Petronas untuk konsortium Mirzan merupakan kemuncak kepada krisis Mahathir dan Anwar dan kesilapan paling besar yang telah dilakukan oleh Mahathir sehingga isu tersebut diheret ke Perhimpunan UMNO.⁸⁶ Bagi penyokong Anwar, ini merupakan kesempatan terbaik untuk membolehkan Anwar menjadi Presiden parti UMNO dan Perdana Menteri Malaysia.

Kelima, beliau terus menekankan retorik anti-Barat yang dilihat cuba menjajah semula melalui penguasaan ekonomi dan sering menekankan perlunya menetapkan masa depan sendiri dan bukan di bawah petunjuk orang asing—*we must always remain masters of our own destiny*.⁸⁷ Rakyat juga digesa berterima kasih dengan apa yang ada kerana kekuatan ekonomi Barat boleh mewujudkan penjajahan semula.⁸⁸

Keenam, Mahathir lazimnya bergantung kepada kesetiaan untuk berhadapan dengan krisis. Sewaktu krisis kepimpinan melanda negara, beliau telah melantik Daim sebagai Pengerusi MTEN supaya perancangan beliau berjalan lancar tanpa ada gangguan. Kehadiran Daim boleh dilihat sebagai halangan kepada Anwar untuk merangka dasar sendiri untuk mengatasi krisis ini. Ketegangan hubungan antara Daim dan Anwar tidak dapat dielak.⁸⁹ Daim turut dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas Khas dan melancarkan Pelan Memulihkan Ekonomi Kebangsaan (NERP). Antara sebab kejatuhan Anwar adalah kegagalan membentuk perhubungan harmoni dengan beberapa pemimpin setia Mahathir seperti Daim, Sanusi Junid dan Abdullah Badawi. Walaupun beliau berjaya menggembelng autoriti dari dalam UMNO sendiri, namun ada usaha dan kempen yang mahu beliau disingkirkan atau tidak menduduki kerusi tersebut sama sekali.⁹⁰

Melihat kepada kedudukan beliau yang semakin tidak seimbang,

Anwar cuba memulihkan hubungan dengan menunjukkan kesetiaan tetapi fakta bahawa perbezaan pendapat ke atas amalan dasar pemuliharaan ekonomi tidak dapat dinafikan. Walaupun perbezaan pandangan ke atas sesuatu dasar adalah lumrah, tindakan Anwar yang tidak mahu menyokong pelan bantuan beberapa syarikat utama menyebabkan masing-masing tidak mahu berkompromi.⁹¹ Ketujuh, sebelum mengumumkan pemecatan Anwar, Mahathir telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri UMNO di kediaman beliau dan memberi penerangan mengenai keputusan beliau itu.⁹²

Beberapa faktor asas boleh dihubungkan dengan isu di atas. Selepas memerintah 17 tahun, Mahathir telah berusaha membina keunggulan ekonomi dengan berlunaskan kepada modenisasi wawasan dan dominasi UMNO.⁹³ Krisis 1997 memperlihatkan bagaimana Anwar seolah-olah cuba menjatuhkan Mahathir dengan mengukuhkan hubungan beliau dengan IMF dan Anwar dilihat telah dilatih oleh kepimpinan Barat sebagai—*most favoured free market reformer* dari dalam kerajaan.⁹⁴

Kesangsian terhadap Anwar timbul kerana hanya selepas keluar dari sistem pemerintahan Mahathir beliau mengkritik dan sepanjang beliau berkhidmat dengan kerajaan, acap kali beliau menyatakan bahawa—“*There is no policy difference between myself and Mahathir*”, “*I support the PM*” dan “*He is like a father*”. Ini menyebabkan Anwar memulakan satu siri reformasi jalanan seolah-olah mahu pihak berkuasa menangkap beliau dan memobilisasi sokongan pembangkang. Beliau melabel Mahathir sebagai paranoid dan ada kenyataan bahawa Anwar membuat konspirasi untuk menumbangkan Perdana Menteri.⁹⁵ Bagi Anwar konspirasi sebenarnya adalah untuk menyingkirkannya walaupun dinafikan oleh Mahathir.⁹⁶

Pemecatan dan penentangan oleh Anwar sendiri dianggap luar biasa atau pertembungan nilai-nilai budaya masyarakat umum dan antara alasan yang diberi adalah pemecatan itu dianggap bertentangan dengan *Sejarah Melayu* dan tindakan Anwar pula dilihat

bertentangan dengan nilai-nilai masyarakat Asia. Pertembungan ini juga membawa kepada timbulnya ketidaktentuan dalam hala tuju politik Malaysia. *Faction* baru wujud dalam UMNO sendiri. Walaupun Mahathir berjaya memusatkan masalah ekonomi kepada proses politik, populariti UMNO telah merosot baik di kalangan orang Melayu mahupun di peringkat antarabangsa. Namun, beliau berjaya membuktikan bahawa beliau boleh menguruskan segalanya dalam waktu yang sama yakni—*managing international dissent, protecting his own position and holding the bloc together*.⁹⁷ Ramai menganggap kes Anwar merupakan konflik sosiobudaya kerana beliau dimalukan dengan tohmahan yang dianggap palsu walaupun mahkamah memberi hukuman setelah mendapati beliau bersalah tetapi Mahathir menyatakan bahawa:

... it is part of the Islamic religion that you don't humiliate them. But I have been forced into a position of either humiliating a friend, a single person or letting the whole country be humiliated. If this country is led by a man who, later on, we discover is a homosexual and all that, it would bring shame to the whole country. There's no conspiracy. I wanted to hand power to him. I'm now 74. I didn't want to be saddled to this desk for the rest of my years.⁹⁸

Ini kerana tuduhan ke atas beliau dilihat terkeluar daripada norma masyarakat Melayu sedangkan masyarakat Melayu masih berpegang kepada perjanjian antara Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba dalam *Sejarah Melayu* yang boleh dianggap sebagai kontrak sosial pemimpin-pengikut sekiranya pemimpin tersebut mahukan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi. Walaupun begitu, tindakan Anwar melakukan rusuhan bukanlah budaya masyarakat Malaysia kerana ia dilihat mengganggu ketenteraman awam.⁹⁹

Seterusnya, adalah usaha menyekat penyebaran berita oleh Mahathir sebagaimana yang dilakukan sewaktu berhadapan dengan krisis istana dan badan kehakiman. Mahathir telah memanggil lima editor daripada akhbar berbahasa Cina pada 28 Oktober 1998 kerana memberi liputan meluas ke atas penyokong Anwar dan berkata—

*I worry that the power of UMNO will be weakened and the moderate political parties will be swept away. No other party, he added was capable of taking overall control to maintain racial harmony.*¹⁰⁰

Krisis Anwar berpanjangan untuk satu tempoh yang lama namun Mahathir berjaya mempertahankan undi dua per tiga BN di Parlimen walaupun kehilangan Terengganu dan gagal menawan Kelantan. Antara strategi yang membolehkan beliau berjaya adalah kestabilan yang diutamakan oleh masyarakat bukan Melayu, stimulasi pemulihan kegawatan ekonomi, penekanan ke atas isu budaya dan agama, keberkesanan BN melalui pencapaian masa depan dan yang paling dominan adalah ketidakefektifan isu Anwar ke atas masyarakat bukan Melayu membolehkan BN memobilisasi undi mereka.¹⁰¹ Ini merupakan antara faktor yang membolehkan Mahathir mengekalkan legitimasi politik beliau walaupun ada pasang surutnya.

Wujud juga pandangan Mahathir tidak perlu berunding dengan Anwar mengenai masa depan politik negara kerana berjaya memulihkan populariti beliau dan kekerapan kes tertangguh menyebabkan masyarakat mula lupa kes beliau. Begitu juga dengan kelembapan parti KeAdilan menyebabkan senario politik berubah berbanding lima tahun yang lepas. Masalah kesihatan juga menyebabkan beliau terpinggir dan simpati ke atas beliau sudah berkurangan.¹⁰² Krisis pemecatan Anwar berlaku ketika negara berhadapan dengan krisis perbankan, krisis ekonomi dan krisis mata wang. Walau bagaimanapun, Mahathir berjaya mengatasi krisis politik ini meskipun mengambil masa yang panjang untuk memulihkan legitimasi politik beliau. Mereka yang mengkritik satu ketika telah menunjukkan sokongan kepada beliau terutama keupayaan untuk terus mempertahankan legitimasi beliau sewaktu krisis besar melanda kepimpinan beliau.

TEKANAN POLITIK DAN KRISIS PENGURUSAN EKONOMI: SKANDAL BMF/ BANK BUMIPUTRA DAN KRISIS 1997

Kemelut ekonomi dianggap mampu merapuhkan legitimasi parti politik. Oleh yang demikian, apabila krisis ekonomi melanda tahun 1997, ramai yang khuatir ia akan menjejaskan legitimasi yang diraih oleh Mahathir sebagaimana yang pernah berlaku pada tahun 1984.

Krisis tahun 1984 merupakan krisis ekonomi yang dihadapi oleh Mahathir selepas bertembung dengan pihak istana berkenaan dengan pindaan Perlembagaan sebagaimana yang telah diterangkan di bahagian awal bab ini. Krisis ekonomi ini turut diwarnai oleh skandal salah sebuah institusi kewangan negara iaitu Bank Bumiputra yang ditubuhkan sebagai salah satu struktur korporat Bumiputera di bawah DEB yang menyediakan bantuan pinjaman. Pada lewat tahun 1970-an, Bumiputra Malaysian Finance (BMF), sebuah syarikat subsidiari bank ini di bawah Kumpulan Carrian telah melabur di pasaran saham Hong Kong dan telah mengalami kerugian yang besar akibat spekulasi pemulangan Hong Kong kepada China pada tahun 1997. Kumpulan Carrian telah membuat pinjaman besar-besaran dari BMF menyebabkan wujud keraguan masalah rasuah kerana tidak ada koletral yang sepatutnya. Pengerusinya menafikan bahawa mereka mengalami kerugian besar atau wujud sebarang salah laku kewangan walaupun seorang kakitangan bank yang dilantik sebagai juruaudit dibunuh sewaktu menyiasat operasi BMF di Hong Kong.

Langkah yang diambil oleh Mahathir adalah dengan menguatkuasakan Akta OSA dan menubuhkan satu jawatankuasa penyiasatan untuk melihat kewujudan kesilapan pengurusan ataupun amalan rasuah.¹⁰³ Walaupun ramai menganggap maklumat sebenar telah disembunyikan, penguatkuasaan akta serta tindakan menubuhkan suruhanjaya penyiasatan merupakan langkah yang diambil untuk mengatasi krisis tersebut. Pada waktu yang sama, laporan hanya dikeluarkan selepas empat tahun supaya berita tersebut tidak

menjadi sensasi sehingga boleh menggugat kedudukan kepimpinan tersebut.

Pada tahun 1997, situasi agak berbeza kerana ia melibatkan institusi kewangan secara langsung yang melibatkan hampir kesemua negara serantau. Faktor ekonomi juga mampu menegangkan suasana dan menjadikan krisis tersebut menjadi lebih serius. Di Korea Selatan, rusuhan pelajar tidak dapat dielakkan dengan kehadiran IMF dan pemberhentian kerja yang juga membawa kepada pemilihan Kim Dae Jung menggantikan Kim Yong Sam. Di Thailand pula, Chavalit Yongchaiyudh meletak jawatan dan diganti oleh Chuan Leekpai. Di Indonesia, inflasi dan kenaikan harga barangan tidak dapat dielak sama sekali. Ini turut membawa kepada berakhirnya era Suharto serta kemasukan IMF dengan bantuan sebanyak US\$ 33 bilion. Antara semua negara, kesan daripada situasi di Indonesia sangat penting kerana Mahathir bukan sahaja berhadapan dengan keruntuhan ekonomi serantau tetapi juga menu-larnya politik Islam dan langkah pengawalan perlu diambil agar tidak mengancam keteguhan parti gabungan di Malaysia.

Dalam suasana kegelisahan ekonomi akan bertambah buruk, Majlis Tindakan Ekonomi Kebangsaan (MTEN) diminta memainkan peranan untuk memulihkan keyakinan orang ramai dengan Mahathir dan Daim menjadi "aktor utama", untuk mengembalikan institusi kewangan pada paras yang lebih teguh sebagaimana yang pernah dilakukan sewaktu krisis ekonomi tahun 1985-1986. Isu yang paling utama perlu dihadapi oleh MTEN adalah hak bumiputera terutama syarikat kawalan bumiputera yang mengalami kesan yang buruk daripada krisis ini. Antara jalan penyelesaian adalah menanam modal Cina yang disuntik ke dalam perniagaan orang Melayu untuk menyelamatkan mereka. Selain daripada itu, gabungan antara beberapa syarikat besar kewangan dilahirkan. Walaupun ada yang membantah cadangan pengambilan modal orang Cina ke dalam syarikat bumiputera, Mahathir mempertahankan tindakan tersebut sebagai usaha untuk melindungi syarikat bumiputera dan menyatakan bahawa ia tidak akan mengurangkan bilangan pemilikan bumiputera di negara ini.

Kemelut ekonomi yang berterusan menyebabkan KWSP membayar dividen yang paling rendah dalam masa 22 tahun iaitu 6.7 peratus. Ini memeranjatkan kerana GDP negara adalah 8 peratus pada 1997 walhal pada tahun 1985 dan 1986, GDP negara dengan -1 peratus dan 1.2 peratus, dividennya adalah 8.5 peratus. Timbul persoalan sama ada wang KWSP telah diguna untuk membantu syarikat bermasalah dan individu tertentu dengan menafikan kepentingan sembilan juta penyumbang KWSP. Selain daripada itu, media ada melaporkan bahawa KWSP telah kehilangan hampir empat bilion di BSKL pada tahun 1997. KWSP dikatakan terlibat dengan aktif sebagai penyumbang aktif di bursa saham dengan membeli saham syarikat bermasalah yang memerlukan bantuan.¹⁰⁴ Antaranya KWSP membeli 128 221 305 unit saham Sime Darby pada 31 Oktober 1997. Pada Disember, ia menjadi 31 922 305 unit. Persoalan yang timbul adalah kenapa ia dibeli ketika Sime Darby berada pada kedudukan tidak stabil. Selain daripada itu, KWSP juga membeli 65 hingga 91 juta saham United Engineering Malaysia (UEM) antara September hingga Oktober 1997.

Penglibatan KWSP dalam *bail out* bukanlah kali pertama dilakukan oleh kerajaan kerana sewaktu Daim menjadi Menteri Kewangan buat kali pertama dulu, ini pernah berlaku yakni pada tahun 1985-86 sewaktu krisis ekonomi melanda negara. Ketika itu, Daim menasihatkan agar institusi awam supaya turut melibatkan diri dalam pasaran.¹⁰⁵ Walau bagaimanapun saham BSKL jatuh pada November 1985 sewaktu krisis kewangan menghantui pasaran Malaysia. Beliau tidak mahu memberi komen mengenai pelaburan KWSP dan menyatakan bahawa KWSP adalah *completely autonomous*.¹⁰⁶ Zain Azraai, Pengerusi KWSP ketika itu akhirnya menyatakan bahawa KWSP rugi hampir RM141 juta. Isu yang menjadi kontroversi adalah hubungan KWSP dengan Makuwasa Securities Sdn. Bhd. di mana Makuwasa menjadi *secret beneficiary* 70 peratus saham awam yang diterima oleh KWSP. KWSP yang berjaya mendapat saham tersebut menjual kepada Makuwasa pada harga yang rendah di bawah harga pasaran yang membawa kerugian

hampir RM10 juta.¹⁰⁷ Kebenaran akhirnya terbongkar apabila pada 18 September 1986, Mahathir menerangkan bahawa Makuwasa ditubuh pada Jun 1984 dengan tujuan untuk memulihkan kerugian kerajaan daripada Maminco dan saham daripada KWSP diguna untuk membayar kepada Bank Bumiputra yang memberi pinjaman kepada Maminco. Obligasi KSWP adalah untuk menyerahkan 70 peratus daripada saham kepada Makuwasa pada harga belian dan KWSP tidak boleh menukar saham tersebut pada harga yang lebih tinggi selain menerusi Makuwasa.¹⁰⁸

Legitimasi yang menggugat kepimpinan Mahathir akhir-akhir ini banyak disebabkan oleh peraturan atau prosedur pakej bantuan dengan pemilihan individu atau syarikat tertentu, terutamanya yang mempunyai hubungan secara langsung dengan parti UMNO. Walau bagaimanapun ada yang menganggap keutamaan diberi untuk mempertahankan aset UMNO dan bukan pekerja yang terlibat.¹⁰⁹ Mahathir pula berpendirian pekerja akan menjadi mangsa jika syarikat-syarikat tersebut gagal beroperasi menyebabkan kerajaan terpaksa mengambil alih UEM yang mengawal Renong¹¹⁰ dengan jumlah RM4 bilion yang menanggung hampir RM13 bilion hutang.¹¹¹ Hampir 11 syarikat di bawah kumpulan Renong di BSKL merupakan syarikat yang dianggap sebagai aset UMNO dengan pemegang amanahnya terdiri daripada Halim Saad dan Daim.¹¹²

Kemelut ekonomi berpanjangan apabila KWSP dan Danaharta memberi berjuta-juta ringgit sebagai pelan bantuan terutamanya simpanan 9.7 juta pekerja dan 850 000 pekerja perkhidmatan awam melalui KWSP. Ini juga melibatkan tindakan kerajaan untuk *bail out* Time dotCom yang dimiliki oleh Time Engineering di bawah Kumpulan Renong Halim Saad. Time Engineering perlu menyelesaikan masalah hutang sebanyak RM5 bilion dan telah pun mendapat bantuan Kementerian Kewangan sebanyak dua RM2 bilion dan wang KWSP kerana tiada sumber lain. Pada awalnya RM 3 bilion sudah dilupakan akibat kesilapan melabur di Filipina dan RM 6 bilion oleh kerajaan yang mengambil alih hutang Light Rail Transit (LRT) di bawah Renong.



Suasana di Bursa Saham Kuala Lumpur



Tun Daim Zainuddin

Legitimasi wujud apabila autoriti oleh pemimpin dirasakan wajar dan perlu ditaati oleh rakyat tetapi apakah legitimasi ini akan berterusan dan kukuh jika hanya satu pihak menerima segala bantuan kerajaan. Penjelasan daripada pihak terbabit juga tidak jelas, misalnya Daim menyatakan kerajaan tidak akan berdiam diri jika timbul ura-ura untuk mencabar imej dan kewibawaan kerajaan menangani isu ini.¹¹³ Pada waktu yang sama beliau mengakui bahawa KWSP telah mengambil 10.82 peratus Timedot Com bernilai RM910 juta.

Perwaja pula ditubuhkan pada 22 April 1982 sebagai sebahagian usaha kerajaan untuk memperluaskan sektor perindustrian besi dan keluli. Selepas 6 tahun, ia menimbulkan pelbagai masalah dan kerajaan melantik Eric Chia untuk memulihkannya tetapi gagal walaupun ada tanda-tanda pemulihan pada peringkat awal. Pada tahun 1995, ia kerugian RM376.4 juta dan pada 1996, akibat hutang yang besar, kerajaan melantik Maju Holdings, kumpulan Lion dan kerajaan sendiri melalui penswastan. Walau bagaimanapun, cara penswastan tidak dapat dilaksanakan kerana ekonomi Malaysia terjejas teruk ekoran krisis kewangan 1997 sehingga 60 peratus daripada 1600 pekerja telah diberhentikan. Eric Chia dituduh telah pecah amanah. Mahathir menyatakan bahawa ketiadaan kerjasama daripada pihak berkuasa Switzerland menyebabkan penyiasatan ke atas Perwaja menjadi lewat walaupun BPR telah mula menyiasat kes ini sejak 1996.¹¹⁴ Bantuan Switzerland diperlukan kerana terdapat dokumen pemindahan RM76.4 juta milik Perwaja ke dalam akaun Bank Switzerland.

Jelas, Mahathir terpaksa melakukan *check and balances* untuk memulihkan semula dasar ekonomi yang mampu meyakinkan para pelabur serta sektor korporat Malaysia, termasuklah strategi untuk berhadapan dengan rakan-rakan perniagaan Daim dan debit yang masih belum diselesaikan akibat kegawatan ekonomi yang melanda rantau Asia.

PEMULIHAN SEMULA DASAR EKONOMI KERAJAAN DAN STRATEGI STIMULASI

Mahathir telah memperkenalkan beberapa strategi baru bagi merangsang sektor ekonomi memandangkan kebimbangan orang ramai masih ketara dan keadaan persekitaran ekonomi yang memperlihatkan seolah-olah ekonomi masih belum pulih.¹¹⁵ Beliau juga mahu mempromosi syarikat kecil dan sederhana¹¹⁶ dan mahukan bank menyediakan bahagian khas untuk peminjam industri skil kecil dan sederhana.¹¹⁷ Perancangan beliau turut mengambil kira pendirian beliau yang bersifat secara retoriknya anti-Barat yang menganggap tindakan Amerika bahawa Malaysia mungkin akan diserang pengganas seolah-olah mahu mensabotaj ekonomi negara sedangkan ekonomi negara masih di tahap pemulihan.

... they should tell us, who, where and when so that we can take action to prevent such attacks from happening instead of making such baseless allegations. But instead of telling us they went and issued a public warning like that. Are they prepared to take a bet that such an attack will happen here? If it does not happen, the warning will only spoil our economy.¹¹⁸

Ini menyebabkan BSKL turut distimulasi dengan tertubuhnya Valuecap Sdn. Bhd yang dimiliki oleh Khazanah Nasional Bhd, Permodalan Nasional Bhd dan KWSP dengan laburan sebanyak RM10 bilion. Syarikat ini dilihat mampu membantu proses pelaburan kebangsaan.¹¹⁹ Bank Negara juga telah melancarkan bon RM1 bilion untuk warga tua dan organisasi berbentuk derma untuk membantu mereka yang berbentuk konvensional dan berprinsip Islam (*Bai Al-Inah*).¹²⁰

Penulis berpendapat penstrukturan semula perlu memandangkan krisis ekonomi memberi kesan yang kronik ke atas pengkorporatan Melayu.¹²¹ Ini kerana sebilangan ahli korporat Melayu memasuki bidang yang tidak sesuai atau mempelbagaikan perniagaan tanpa pengurusan efektif, misalnya dalam kes Tajudin Ramli, beliau cuba memiliki syarikat penerbangan dan komunikasi. Tajudin merupakan

salah seorang *tycoon* Melayu yang rapat dengan Daim. Tajudin telah menimbulkan kontroversi apabila menjual 29 peratus saham beliau kepada kerajaan dengan harga dua kali ganda daripada harga pasaran yang dipersetujui oleh Daim sebelum beliau meletak jawatan.¹²² Kerajaan telah membayar RM1.792 bilion atau RM8 untuk satu saham untuk mendapatkan 29.09 peratus saham Naluri Bhd milik Tajudin melalui Kementerian Kewangan Inc. Kerajaan dilihat membayar terlalu tinggi kerana harga pasaran MAS pada waktu itu adalah RM3.62.¹²³

Kaedah Daim untuk membentuk masyarakat Melayu yang kaya dianggap tidak popular kerana hanya berjaya melahirkan beberapa orang Melayu yang terpilih. Mahathir terpaksa keluar daripada perangkap kaedah tersebut supaya dengan melakukan sesuatu yang betul, beliau dapat memulihkan semula ekonomi negara. Kaedah Daim adalah mudah iaitu menggunakan penaungan politik—kontrak, lesen dan kredit mudah yang diberi melalui penswastan dan pilihan golongan profesional tertentu. Ia jelas berjaya pada awal sehingga Halim Saad dianggap bernilai RM2 juta pada tahun 1996. TRI diberi monopoli syarikat telefon dan pada tahun 1993, beliau membeli MAS dengan pinjaman bank paling banyak ke atas seorang individu. Kejatuhan *big boys* seperti ini dianggap kelemahan Daim sendiri tetapi beliau dilihat tidak akan membiarkan mereka kecundang.¹²⁴

Perubahan dibuat dengan menginstitusikan syarikat; dalam kes Renong ia dilihat sebagai proses nasionalisasi tetapi ada yang beranggapan ia lebih sebagai pelaburan strategik dan undang-undang *Foreign Investment Committee* juga telah dilonggarkan.¹²⁵ Selama ini kerajaan bergantung kepada dagangan asing tetapi tindakan menentang pengganas turut memberi kesan ke atas ekonomi global.¹²⁶

Selepas Mahathir mengambil alih jawatan Menteri Kewangan, beliau telah menstruktur semula firma yang berhutang besar dan cuba membaiki imej Malaysia sebagai *corporate governance*. Ini termasuklah tindakan meminta Tajudin membayar hutang RM1



Pelbagai reaksi daripada Dr. Mahathir

bilion dalam TRI. Beliau juga merupakan antara yang disoal siasat berkenaan skandal RM1 bilion MAS.¹²⁷ Penstrukturan semula hutang akan memulihkan kepercayaan masyarakat ke atas kepimpinan. Pada Ogos 2001, MRCB yang berhutang hampir RM1.8 bilion telah diambil alih oleh agensi pengurusan kerajaan. Pengerusinya Rahman Maidin turut dilucutkan jawatan. Ini juga membolehkan kerajaan mengambil Renong sebagaimana yang diterangkan di bahagian atas memandangkan MRCB memiliki UEM, anak syarikat Renong.¹²⁸

Dasar penswastan banyak manfaatnya tetapi sikap sesetengah ahli korporat Melayu telah menggagalkan matlamat sebenar dasar tersebut terutamanya sewaktu krisis melanda negara pada tahun 1997.¹²⁹ Mahathir sedar bahawa oleh kerana selama ini tidak ada pemantauan, telah menyebabkan ramai ahli korporat Melayu hilang aset mereka ketika kegawatan melanda negara.

Langkah Mahathir memulakan pemantauan bukan bersikap menghukum kroni sesiapa¹³⁰ tetapi lebih bertujuan memulihkan semula keyakinan orang ramai dan memastikan usahawan akan lebih bersedia dengan cabaran dunia perniagaan terutama dengan perkembangan pengurusan sains dan teknologi, apatah lagi pasaran global turut berubah dengan bermulanya Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dan perdagangan di dunia tanpa sempadan. Mahathir menyatakan bahawa walaupun pemilik adalah kroni kerajaan tetapi ia tidak bermakna tindakan tidak boleh diambil kerana pecah amanah—*we cannot tolerate any deliberate misappropriation of funds or mismanagement, crony or otherwise*.¹³¹ Usaha Mahathir wajar dilihat sebagai usaha menstruktur semula hutang dan merupakan langkah untuk menarik pelaburan asing. Malahan kaedah baru ini dianggap akan membolehkan MAS mendapatkan rakan kongsi asing.¹³²

PENUTUP

Krisis lazimnya akan menghakis sokongan kepada pemimpin tetapi dalam krisis yang dihadapi oleh Mahathir, lazimnya legitimasi semakin memperkukuhkan kedudukan politiknya. Mahathir berjaya mencipta gaya kepimpinan berdasarkan pemikirannya sendiri. Dalam menangani krisis tersebutlah, maka institusi raja-raja, badan kehakiman dan tidak ketinggalan parti yang dipimpinnya juga berjaya dikuasai. Halangan tertentu seperti kuasa raja-raja, musuh dalam UMNO dan badan kehakiman kelihatannya tidak mampu untuk mencabar beliau sehingga Case merumuskan kepimpinan Mahathir adalah—*assertive, contentious, confrontational dan abusive*.¹³³

Konfrontasi dengan pihak istana, perebutan jawatan dalam UMNO dan pemecatan Anwar, Operasi Lalang, skandal kewangan dan krisis ekonomi menunjukkan bahawa krisis Mahathir berpusatkan kepada model yang dibincangkan dalam bab ini. Kesemua faktor tersebut mempunyai hubungan dengan kemunculan krisis kepimpinan di bawah Mahathir.¹³⁴ Tindakan yang dilakukan adalah untuk mengukuhkan kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri serta untuk memantapkan kedudukan parti yang dipimpin.

... I do what I think I should do, and I am satisfied with the results. I know what they say about me is not true, but I cannot make them believe otherwise. I don't care if people say I am a dictator, because I know I am not. If they say I practice cronyism, I know I don't. In the life of any politician there will be people who want to tell everyone this is the greatest guy in the world, any there will be people who want to kill you.¹³⁵

Mahathir merupakan seorang strategis yang berjaya mengatasi masalah legitimasi kepimpinan beliau sehingga memulihkan pengiktirafan yang pernah dikecapi selama ini baik dalam kedudukan agresif sewaktu berhadapan dengan istana dan kemelut ekonomi; defensif ketika pemecatan Anwar dan Operasi Lalang dan ofensif sewaktu bertembung dengan badan kehakiman.

NOTA Hujung

1. Marx, Karl (1971), *Karl Marx: Economic, Class And Social Revolution*, London: Nelson.
2. Habermas, Jurgen (1973), *Legitimation Crisis*, Boston: Beacon Press.
3. Weber, Max (1964), diterjemah oleh A.M Henderson dan Talcott Parsons, *The Theory of Social and Economic Organization*, London: Collin-Macmillan Limited.
4. Nordlinger, Eric (1972), *Conflict Regulation In Divided Societies*, Cambridge: Center For International Affairs, hlm.118-119.
5. *The Star*, 7 Julai 2002.
6. Jenkins, David (1983), "Princes And Palaces, And A Possible Battle Royal", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 30 Jun 1983. Pada tahun 1982, Sultan Perak mengumumkan bahawa Hari Raya Aidil Fitri akan disambut sehari lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan oleh Majlis Hal-ehwal Agama Islam Kebangsaan. Pada tahun berikutnya, negeri Johor dan Perak mengumumkan bahawa bulan Ramadan bermula pada tarikh 12 Jun 1983. Johor kemudiannya keluar dari Majlis tersebut apabila tarikh yang ditetapkan adalah pada 11 Jun 1983, lihat K.Das (1983), "Locking Horns Over The Timing Of The Ramadan Fast", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 30 Jun 1983.
7. Jenkins, David (1983), "Sultans As Symbols", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 30 Jun 1983. Antara Menteri Besar yang menghadapi masalah dengan istana adalah Othman Saat di Johor; Ghazali Jawi di Perak dan Rahim Bakar di Pahang. Peristiwa pengunduran Menteri Besar Perak, Ghazali Jawi cukup istimewa kerana Almarhum Paduka Sultan Idris telah mengadakan istiadat bercukur janggut sebagai menunaikan nazarnya di Pangkor. Di Pahang, Rahim Bakar tidak meluluskan permohonan Sultan untuk mendapatkan 30 000 ekar kawasan balak menyebabkan Sultan tidak mahu memperkenankan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, lihat Syed Husin Ali, *Isu Raja Dan Pindaan Perlembagaan*, Kuala Lumpur: Syed Husin Ali, hlm.34-50.
8. Ia juga boleh dikaitkan dengan kemungkinan Sultan Perak, Sultan Idris Shah atau Sultan Mahmood Iskandar, Sultan Johor akan menaiki takhta YDPA pada tahun 1984. Mahathir mungkin mengambil langkah awal supaya pertembungan sikap raja-raja tidak mempengaruhi keputusan kerajaan Persekutuan yang akan turut menyebabkan beliau dilanda krisis kepimpinan apabila wujudnya perpecahan di kalangan orang Melayu yang pro-istana. Sultan Johor misalnya, merupakan seorang yang pernah dihukum penjara enam bulan kerana membunuh seorang lelaki yang terlibat dalam penyeludupan dan dinafikan hak sebagai Tengku Mahkota Johor tetapi keputusan tersebut ditarik balik oleh ayahanda baginda pada tahun 1981, lihat Means, Gordon (1991), *Malaysian Politics: The Second Generation*, Singapura: Oxford University Press, hlm.118.
9. Mahathir Mohamad (1949), "The Rulers Are Losing Loyalty", *Straits Times*, 7 Ogos 1949.
10. Ainnol Jamaal (1984), *Sekitar Isu Pindaan Perlembagaan*, Kuala Lumpur: Ainnol Enterprise.
11. Tunku Abdul Rahman, "As I See It ...", *The Star*, 17 Oktober 1983.
12. *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 13 Oktober 1983. Bekas Setiausaha Agung UMNO yang juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Bahagian kawasan Kuala Kedah dan Ahli Parlimen kawasan ini. Beliau juga merupakan bekas Duta Malaysia ke Jerman Barat dan Indonesia.
13. Tidak menghairankan baginda tidak turut serta dalam sebarang perbincangan selepas itu walaupun dikatakan ada alasan kesihatan dan membenarkan Timbalan beliau, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan menjadi pemangku. Means, Gordon (1991), *Malaysian Politics: The Second Generation*, Singapura: Oxford University Press, hlm.115.

14. Vincent, Lowe (1984), "Redefining The Constitutionality Of The Monarchy: The 1983 Constitutional Amendment Crisis In Malaysia", *Kajian Malaysia*, 11:2, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, hlm 1-15.
15. Sepatutnya mereka bertemu pada 30 Oktober tetapi dibatalkan atas sebab-sebab tertentu.
16. Golongan istana juga mendapat sambutan terutama di Kelantan dan Terengganu. Ada kempen bagi pihak istana yang dikelolakan oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Malahan terdapat beberapa ahli Kabinet yang dilihat sebagai proistana, antaranya adalah Ghazali Shafie, Aishah Ghani, Abdul Manan Othman dan Tengku Ahmad Rithaudeen, lihat *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, Disember 1983.
17. Ini wajar dikaitkan dengan kontrak sosial di antara Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba yang menjelaskan bahawa tidak ada sebarang penderhakaan rakyat terhadap raja-raja sampai bila-bila dengan adanya kesetiaan dan keadilan antara kedua-dua pihak, lihat Shellabear, W.G (1982), *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
Walaupun begitu, telah wujud pergeseran di antara kedua-dua pihak, misalnya watak derhaka Hang Jebat, Sang Rajuna Tapa dan Laksamana Bentan.
18. Ariffin Omar (1993), "Sultans: Guardians Or Figure Heads?", *Aliran Monthly*, 13:3, Pulau Pinang: Aliran.
19. Ainnol Jamaal (1984), *Sekitar Isu Pindaan Perlembagaan*, Kuala Lumpur: Ainnol Enterprise, hlm.97.
20. *Ibid*.
21. *The Star*, 26 April 1984 dan 27 April 1984.
22. Kunjungan hormat Mahathir ke istana Kubang Kerian pada 24 Jun 1999 dan menghadap Sultan Ismail Petra, Sultan Kelantan dilihat berakhirnya konfrontasi istana dan Mahathir. Begitu juga dengan kembalinya Tengku Razaleigh ke dalam UMNO.
23. Ariffin Omar (1993), "Sultans: Guardians Or Figure Heads?", *Aliran Monthly*, 13:3, Pulau Pinang: Aliran. Kenyataan tersebut dibuat lebih awal dalam Perhimpunan Agung UMNO 1990 oleh beliau.
24. Hussein Mohamed (1999), "Raja Disembah, Raja Disanggah", dalam *Membangun Demokrasi: Permasalahan UMNO dan Politik Melayu*, Kuala Lumpur: Dianamedia, hlm.114-137.
25. *Ibid*. Jaminan diberi oleh Mahathir sewaktu pertemuan dengan pelajar Malaysia di London pada tahun 1990 sehingga menyatakan beliau rela dipenjarakan jika didapati bersalah membincangkan isu sensitif ini.
26. Ada pula yang berpendapat ia merupakan persediaan menghadapi Sultan Johor yang bakal menjadi YDPA ketika itu dan pengalaman buruk di Pahang. Begitu juga dengan sikap keterlaluan raja-raja, antaranya suka datang lewat ke majlis termasuk solat Jumaat, mengenakan bayaran denda berlebihan dan dalam kes tertentu, ada yang dicerderakan sehingga menempeleng atau memukul kerana perbuatan yang tidak disukai oleh mereka, bahkan memukul sehingga mati, meminta konsesi balak, suka berboros dan berfoya-foya, lihat Syed Husin Ali, *Isu Raja Dan Pindaan Perlembagaan*, Kuala Lumpur: Syed Husin Ali, hlm.45-46.
27. Salah seorang rakan seperjuangan Mahathir pada awal 1960-an. Beliau telah bertanding untuk jawatan Timbalan Presiden pada tahun 1981 dan 1984 berhadapan dengan bekas Timbalan Presiden dan juga bekas Timbalan Perdana Menteri, Musa. Walaupun tewas dalam kedua-dua pertandingan tersebut, beliau telah dikekalkan dalam Kabinet Mahathir tetapi berpindah portfolio dari Menteri Kewangan kepada Menteri Perdagangan dan Industri. Berpuluh ratus ribu dibelanjakan untuk kempen tersebut, misalnya membelanjakan hampir RM600,000 wang UMNO tanpa kelulusan Majlis Tertinggi bagi acara meletak batu asas Ibu Pejabat UMNO. Pertandingan semacam ini jelas, bukan sahaja melanggar tradisi malahan membawa elemen baru iaitu politik fitnah-memfitnah dan politik wang.
28. Untuk jawatan Presiden sebelum 1987, hanya pada tahun 1978 Presiden dicabar iaitu apabila Hussein Onn ditentang oleh Sulaiman Palestin manakala untuk jawatan Timbalan

- Presiden, sebelum 1981, hanya pada tahun 1956 wujud pertandingan apabila Tun Dr Ismail menentang Tun Razak.
29. Februari 1986 melihat dengan rasmnya Musa melepaskan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan ramai penganalisis menganggap krisis akan berterusan dalam parti. Ini kerana beliau masih terus menerima sokongan daripada dalam parti dan pelantikan Ghafar Baba sebagai Timbalan Perdana Menteri baru dianggap sebagai memenuhi kehendak Mahathir sahaja. Ini bersesuaian dengan bidang kuasa sebagai Perdana Menteri dan bukannya sebagai Presiden parti. Mahathir dianggap telah mula bertindak di luar norma politik Melayu dengan mengkritik secara terbuka bekas pemimpin tersebut secara terang-terang. Perletakan jawatan Musa boleh dianggap sebagai tekanan kepada Mahathir yang sedang membuat persiapan menghadapi pilihan raya. Ini seolah-olah memberi kelebihan kepada kelompok yang telah lama sedia ada iaitu pasukan Razaleigh. Banyak perkara yang berlaku selepas Musa meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1986 tetapi mengekalkan jawatan Timbalan Presiden parti. Pada ketika ini, jelas musuh atau kritikan ke atas kerajaan bukan sahaja datang daripada parti pembangkang tetapi juga dalam parti sendiri.
 30. Mahathir menyatakan bahawa Anwar dibawa ke dalam UMNO supaya beliau tidak menyertai PAS, *Asiaweek*, Hong Kong: Asiaweek Limited, 26 Jun 2001.
 31. Isu pertandingan timbul apabila Musa dan Razaleigh menunjukkan seolah-olah mereka akan bekerjasama untuk menentang Mahathir dan Ghafar. Tanda-tanda ini bermula apabila Razaleigh membuka perhimpunan UMNO Bahagian Segamat yang diketuai oleh Musa dan Musa turut berbuat demikian pada 20 Mac 1987 dengan merasakan perhimpunan UMNO Bahagian Gua Musang di bawah Razaleigh. Secara simbolik ia dilihat sebagai kerjasama antara dua musuh yang mula merangka kerjasama secara lisan dengan menggunakan norma budaya Melayu untuk saling memberikan bantuan secara resiprokal.
 32. Simpati mencurah kepada pihak yang mencabar apatah lagi mereka turut mendapat sokongan bekas Perdana Menteri, Tunku dan Tun Hussein. Pemecahan kepada dua kelompok ini turut disertai oleh para ahli kabinet, antaranya yang menyokong *Team A* diketuai oleh Mahathir adalah Daim Zainuddin, Rafidah Aziz, Anwar dan Sanusi Junid manakala *Team B* yang dikepalai oleh Razaleigh pula mempunyai pengikut seperti Rais Yatim, Sharir Samad, Abdullah Badawi, Zainal Abidin Zin, Adib Adam dan Ajib Ahmad.
 33. Kempen Mahathir lebih banyak tertumpu di kawasan majoritinya orang Melayu dan turut disertai oleh ribuan rakyat. Beliau menolak sebarang salah laku dan menjelaskan mereka yang menentang merupakan golongan yang menderhaka kepada parti kerana bertindak melanggar tradisi dan memecah belah perpaduan orang Melayu serta bertanding sematamata untuk memenuhi nafsu peribadi masing-masing. Perhubungan dengan Musa retak kerana tohmahan seperti diktator, rasuah dan membazir wang yang ditujukan ke atas beliau, terutama oleh penyokong Musa sendiri. Mahathir menganggap Musa tidak sabar dan gopoh untuk menggantikan beliau dan menyifatkan isu Musa sebagai kecil dan boleh diselesaikan, lihat A. Nazri Abdullah (1993), "Mahathir Dan Krisis Kepimpinan UMNO 1987", dalam Wan Hashim Wan Teh (ed) (1993), *UMNO: Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Mahir, hlm.54-78. Beberapa tindakan Musa yang dilihat drastik adalah menyuruh MCA keluar dari BN, pilihan raya Sabah 1985 dan peristiwa Memali pada tahun yang sama. Faktor agama Islam turut diguna untuk mengukuhkan kempen mereka terutamanya oleh Anwar yang menekankan kepada nilai-nilai keislaman dan usaha kerajaan untuk menggunakan model bercirikan Islam untuk melicinkan pemerintahan. Dengan menggunakan nilai-nilai yang wujud dalam UMNO, Razaleigh telah menggunakan dasar ekonomi dan korupsi sebagai asas dari dalam UMNO serta penaungan NEP. Guru-guru dan golongan veteran UMNO telah menjadi sasaran kumpulan ini agar tidak menyokong *Team A*. Ini termasuk isu agihan sumber penswastan yang membawa kepada kelahiran elit baru. Perbezaan pendapat mengenai dasar turut menyebabkan ramai tidak puas hati. Antaranya mengintegrasikan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta kawalan ketat ke atas

Jabatan Perbendaharaan dan Bank Negara.

34. Walaupun daripada pertandingan ini pasti ada yang kalah, tetapi hakikatnya ia telah mencerminkan kedudukan parti dan lebih daripada itu, nilai budaya bangsa Melayu telah dibelakangkan semata-mata untuk memenangi kerusi masing-masing. Kempen telah berterusan sehingga ke malam sehari sebelum pengundian. Di Hotel Regent, *Team B* berjaya mengumpul hampir 10 000 orang penyokong untuk menunjukkan bahawa mereka seolah-olah telah menang. Walau bagaimanapun, ia tidak menggambarkan realiti yang sebenar. Tidak dinafikan yang kalah akan sukar menerima kekalahan mereka. Maka akan ada tuduhan bahawa undi dibeli dan berlaku penipuan.
35. Shome, Anthony (2002), *Malay Political Leadership*, London: Routledge Curzon, hlm.142.
36. "UMNO's Dominance", *Aliran Monthly*, Pulau Pinang: Aliran, April 1987.
37. Mahathir pernah menasihatkan agar jawatan tertentu tidak dipertandingkan dalam parti dan menganggap demokrasi tidak wajar digunakan untuk membawa perpecahan dalam parti, "To The Aid Of The Party", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 2 Jun 1983. Pada 1973, beliau dikatakan mahu dilantik sebagai Naib Presiden untuk memenuhi kekosongan yang ditinggalkan oleh Tun Ismail sebagai Timbalan Presiden yang kemudiannya diganti oleh Tun Hussein Onn. Jika diikutkan amalan biasa, Mahathir yang wajar mengisi kekosongan kerusi Naib Presiden tetapi Razaleigh telah merayu agar Mahathir mencadangkan nama beliau sebagai Naib Presiden baru, lihat Ruhanie Ahmad (1990), *Melayu Lawan Melayu*, Kuala Lumpur: Nusantara Publishing, hlm.6.
38. A. Nazri Abdullah (1993), "Mahathir Dan Krisis Kepimpinan UMNO 1987", dalam Wan Hashim Wan Teh (ed) (1993), *UMNO: Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Mahir.
39. Walaupun diminta untuk menyelesaikan isu ini di luar mahkamah, tetapi jalan penyelesaian tidak ditemui.
40. "Abuse Of Power: Tunku On The Current Crisis", *Aliran Monthly*, Pulau Pinang: Aliran, 1988. Sebaik sahaja UMNO diisytiharkan tidak sah, Tunku telah mendaftar parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu Malaysia atau UMNO Malaysia yang diserahkan kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 8 Februari 1988 tetapi permohonan tersebut ditolak pada 10 Februari 1989 kerana pendaftaran UMNO asal masih belum dibatalkan.
41. Mahathir Mohamad (1989), "Kewibawaan UMNO", Ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada 17 November 1989 di Dewan Pusat Dagangan Dunia Putra.
42. Hilley, John (2001), *Malaysia: Mahathirism, Hegemony And The New Opposition*, London: Zed Books, 87.
43. *Ibid*.
44. "Destroying Dissent: Lauding Loyalty", *Aliran Monthly*, Pulau Pinang: Aliran, 1988.
45. In-Won Hwang (1999), "Mahathir's Strategies Towards Regime Maintenance Within UMNO Circles: Changes Within Continuity", Kertas kerja yang dibentangkan di 2nd Malaysian Studies Conference, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
46. Mansfield, Harvey (terj) (1998), *Niccolo Machiavelli, The Prince*, Chicago: University of Chicago Press, hlm.68-71.
47. Crouch, Harold (1992), "Authoritarian Trends, the UMNO Split And The Limits Of State Power", dalam Kahn, Joel; Francis Loh Kok Wah (eds) (1992), *Fragmented Vision: Culture And Politics In Contemporary Malaysia*, Sydney: Allen & Unwin, hlm.21-43.
48. Means, Gordon (1991), *Malaysian Politics: The Second Generation*, Singapura: Oxford University Press, hlm.207.
49. *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 9 Julai 1987.
50. *Op.cit*, hlm. 208.
51. *Far Eastern Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 23 Julai 1987. Isu tersebut dimanipulasi dalam Perhimpunan MCA pada Julai 1987 sehingga Presidennya Dr. Ling Liong Sik menyatakan bahawa kerana inginkan kuasa ada pemimpin politik

- yang cuba menjadi jaguh bangsa masing-masing dengan mengapi-apikan semangat perkauman untuk memenuhi matlamat peribadi masing-masing.
52. Walaupun delegasi MCA bertemu dengan Anwar, namun hanya amaran dan ugutan yang memenuhi pertemuan tersebut sehingga membawa kepada jalan buntu yang turut disertai dengan amaran Pemuda UMNO agar isu tersebut tidak dibangkitkan lagi.
 53. *Op.cit.*
 54. *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 19 November 1987. Melihat kepada sambutan yang begitu baik, Pemuda UMNO bercadang untuk menganjur pertemuan yang lebih besar pada 1 November dengan anggaran 500 000 orang yang akan mengambil bahagian.
 55. "The Great Crackdown", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 12 November 1987.
 56. "A Long Dark Year", *Aliran Monthly*, Pulau Pinang: Aliran, 1988; "Rule By Law Is Not Rule Of Law", *Aliran Monthly*, Pulau Pinang: Aliran, 1988. Rapat umum UMNO turut dilarang daripada diteruskan termasuk dengan pertemuan politik yang lain. Angka penangkapan terus meningkat sehingga 106 orang. Akta ISA adalah akta yang digunakan sebagai penahanan tanpa percaraan terutama berkaitan dengan kes yang mengancam keselamatan negara. Akta tersebut merupakan akta tahun 1960 dan disemak dan dipinda pada tahun 1972 dan 1975 memberi kuasa kepada Kementerian Dalam Negeri kuasa untuk menahan individu yang dianggap mengancam keselamatan negara. Antara yang ditahan adalah 16-DAP, 9-PAS, 8-MCA, 5-Gerakan, 3-UMNO dan 1-PRSM.
 57. *Ibid.*
 58. Shome, Tony (2002), *Malay Political Leadership*, London: Routledge Curzon, hlm. 155.
 59. Sejak 7 September 1987, Mahathir dilihat mengkritik badan kehakiman dengan lantang, antaranya ucapan di Pahang pada 6 September dan Kelantan pada 2 Oktober 1987, lihat "The Prime Minister And The Judiciary", *Aliran Monthly*, Pulau Pinang: Aliran, 1988.
 60. Salleh Abas, K.Das (ed) (1989), *May Day For Justice*, Kuala Lumpur: Magnus, hlm. 18. Kenyataan ini walau bagaimanapun dinyatakan oleh Mahathir berbentuk gurauan.
 61. *Time*, Tokyo: John Marcom, 24 Nov 1986.
 62. Bekas Ketua Hakim Negara Tun Suffian Hashim menyatakan sedemikian dalam satu ucapan penting mengenai fungsi badan kehakiman, lihat *New Straits Times*, 5 Februari 1987, dan sewaktu melancarkan buku *May Day For Justice* oleh Tun Salleh Abas dan K.Das pada Oktober 1989.
 63. KHN merupakan bekas pendakwa raya yang telah melakukan dakwaan ke atas YDPA iaitu Sultan Johor 11 tahun yang lepas yang menyebabkan baginda dijatuhkan hukuman enam bulan penjara kerana *homocide*. Jika ketika itu, Salleh Abbas lebih berkuasa tetapi pada kedudukan sebagai KHN beliau nyata terpaksa tunduk kepada Sultan Mahmood yang kini menjadi YDPA yang pernah dijatuhi hukuman akibat dakwaan beliau, Means, Gordon (1991), *Malaysian Politics: The Second Generation*, Singapore: Oxford University Press, hlm. 239.
 64. "The Prime Minister And The Judiciary", *Aliran Monthly*, Pulau Pinang: Aliran, 1988.
 65. "The LP Issue", *Aliran Monthly*, Pulau Pinang: Aliran, 1988.
 66. "Justice Hangs In The Balance", *Aliran Monthly*, Pulau Pinang: Aliran, 1988.
 67. *Aliran Monthly*, 21(10), Pulau Pinang: Aliran, Oktober 2001.
 68. *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 18 September 1969.
 69. Ini diakui sendiri oleh Mahathir, lihat *Newsweek*, USA: Times Pte Ltd, 30 Ogos 1999.
 70. *Time*, Tokyo: John Marcom, 6 Oktober 1997. Apa yang jelas, beliau sering mendapat perhatian daripada Mahathir sejak pembabitan dalam politik arus perdana, lihat Halim Mahmood (1993), *Eskapisme Anwar*, Kuala Lumpur: Tinta Enterprise. Anwar telah melalui jalan yang begitu mudah untuk menjadi bekas calon terdekat untuk menduduki takhta kerusi No.1 kerajaan Malaysia. Daripada seorang radikal Islam dan pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), kemasukan Anwar ke dalam UMNO telah diusahakan oleh Ismail Faruqi, bekas mentor Anwar yang berjaya memujuk Anwar untuk

menyertai UMNO dan cuba mencapai hasrat keislaman dengan berganding bahu dengan Mahathir. Usaha dibuat agar pembaharuan dapat dilakukan dari dalam serta bergerak dalam lingkaran UMNO sebagai tonggak kekuatan kerajaan.

71. Saga Anwar boleh disamakan dengan insiden tahun 1969 apabila perarakan pengebumian seorang aktivis Parti Buruh Berbangsa Cina sehari sebelum pilihan raya umum pada tahun 1969 yang menyebabkan tekanan rusuhan sehingga menjadi bandar berdarah tiga hari selepas peristiwa tersebut. Mahathir menjadi wira bangsa apabila dengan secara terbuka meminta Tunku mempertetulkan semula kedudukan kerajaan dan politik dengan meminta beliau meletak jawatan, sebagaimana yang dilakukan oleh Anwar. Demonstrasi yang dilakukan oleh Anwar mirip seperti tahun 1969, cuma pada tahun tersebut ia merupakan pertembungan antara kaum. Saga Anwar pula memperlihatkan pertembungan sesama bangsa Melayu yang turut menguji kekuatan Mahathir.
72. Ini kerana hanya segelintir mendapat perhatian untuk memulihkan kedudukan syarikat mereka walhal kumpulan persyarikatan kecil diabaikan. Yang menjadi perhatian Mahathir adalah kejatuhan anak syarikat bumiputera dan sekali gus keyakinan golongan kelas pertengahan turut merosot.
73. *Time*, Tokyo: John Marcom, 6 Oktober 1997.
74. Anwar menyatakan bahawa perhubungan dengan Mahathir semakin renggang selepas Perdana Menteri pulang daripada bercuti dua bulan di luar negara pada Julai 1997, *Time*, Tokyo: John Marcom, 14 September 1998. Pergolakan perhubungan Mahathir dan Anwar dianggap berpunca kerana beliau seolah-olah menunjukkan gaya yang bertenangan dengan Perdana Menteri di pertemuan tersebut dengan mengemukakan pandangan sendiri yang bertentangan dengan pendirian Mahathir kerana Mahathir menganggap spekulator antarabangsa menjual mata wang ringgit untuk melemahkan bursa saham negara yang secara langsung akan menjejaskan kedudukan ekonomi negara.
75. Ini termasuklah regulasi korporat dan ketelusan dengan mengetepikan bantuan untuk Renong sebelum ini dan berpegang kepada sindrom penafian yang dirujuk kepada dasar bantuan yang diberikan kepada mereka yang terpilih tetapi maklumat dirahsiakan. Ini secara langsung akan membawa kepada *check and balances* ke atas mereka yang mendapat imbuhan di bawah nama UMNO. Ini menambahkan ketegangan antara Anwar dan rakan di Bank Negara dengan kem Mahathir dan Daim.
76. Habibie ada menasihatkan Anwar ketika pertemuan mereka di Kanada agar tidak terlalu rapat dengan Mahathir, *Time*, Tokyo: John Marcom, 14 September 1998.
77. Ketelusan yang mahu dikemukakan oleh Anwar mungkin akan menyebabkan ramai orang UMNO tidak dapat diselamatkan lagi menerusi rancangan *bail-out* apatah lagi dengan maklumat nepotisme dan korupsi yang dimiliki oleh Anwar.
78. Isu pengganti seolah-olah sudah ditentukan dan hanya menanti Mahathir untuk membuat pengumuman bila ia akan dilakukan. Desas-desus Mahathir akan meletak jawatan telah bermula sejak tahun 1995, apabila ramai penyokong Anwar telah mula menguasai jawatan di dalam parti di semua peringkat, lihat "Power Play", *Asiaweek*, Hong Kong: Asiaweek Limited, 20 Oktober 1995. Ramai beranggapan pemilihan UMNO 1999 mungkin menjadi platform terakhir Mahathir apatah penyokong Anwar semakin tidak sabar dan resah seolah-olah sudah menduga sesuatu akan berlaku. Ia tidak menjadi kenyataan apabila perhubungan antara kedua-dua pemimpin mula menampakkan bibit ketegangan. Penganalisis berpendapat Anwar tidak sedar walaupun beliau juga turut mendapat sokongan ramai, pemilihan sebelumnya tahun 1996, menampakkan bagaimana penyokong Mahathir memenangi 80 peratus kerusi Majlis Tertinggi walaupun ketika itu, sudah timbul ura-ura bahawa Anwar mempunyai pengaruh yang lebih kuat daripada Mahathir. Dengan usul tidak ada pertandingan untuk jawatan tertinggi dalam parti oleh Majlis Tertinggi diluluskan, Mahathir seolah-olah sudah menutup usaha mana-mana bahagian untuk mencalonkan Anwar sebagai Presiden.
79. "He's The Boss", *Time*, Tokyo: John Marcom, 14 September 1998.
80. Economist Intelligence Unit (EIU) (1998), EIU Quarterly Report: 3rd Quarter, London: Country Profile And Country Reports. Kedudukan ini jauh berbeza berbanding dengan

- Mei 1997, Mahathir memberi peluang kepada Anwar untuk membuktikan kewibawaan sebagai Pemangku Perdana Menteri selama dua bulan dan seolah-olah untuk menunjukkan tidak ada perselisihan fahaman antara kedua-duanya, lihat James Chin (1998), "Malaysia In 1997: Mahathir's Annus Horribilis", *Asian Survey*, Vol: XXXVIII: 2, California: University of California.
81. Sehingga 1987, Mahathir dilihat mengamalkan strategi *check and balances* untuk mengukuhkan kedudukan beliau dalam parti, In-Won Hwang (1999), "Mahathir's Strategies Towards Regime Maintenance Within UMNO Circles: Changes Within Continuity", Kertas kerja yang dibentangkan di 2nd Malaysian Studies Conference, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
 82. Ini jelas apabila Mahathir menyatakan—"itu hak dia (Anwar) hendak buat pendirian. Dia tak suka bertanding, dia tak bertanding. Dia suka bertanding, dia bertanding", lihat *Utusan Malaysia*, 26 Mei 1993.
 83. Pengawasan ke atas media penting kerana media merupakan instrumen utama diguna oleh Anwar pada tahun 1993 untuk menjatuhkan Ghafar Baba serta memenangi jawatan Timbalan Presiden tanpa bertanding, lihat *Straits Times*, 19 Julai 1998.
 84. "He's The Boss", *Time*, Tokyo: John Marcom, 14 September 1998.
 85. "Dr M: Co-operation Within Coalition Vital", *New Straits Times*, 22 Mac 1999.
 86. "Mahathir Slips", *Time*, Tokyo: John Marcom, 22 Jun 1998.
 87. *The Star*, 26 Februari 2002. Dialog dengan pelajar di London pada 24 Februari 2002.
 88. Ucapan sewaktu makan malam anjuran Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Bangladesh dengan pertemuan rakyat Malaysia di sana, "PM: Be Grateful For What We Have", *The Star*, 2 Mac 1999. Ini dituju ke atas dasar kewangan yang disokong oleh Anwar sebelum ini melalui IMF dan Bank Dunia. Barat menunjukkan sokongan yang kuat kepada Anwar malahan Chris Patten, bekas Gabenor Hong Kong menganggap Anwar sebagai *darling of the West*. Tindakan sesetengah pemimpin seperti Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien yang tidak mahu mengadakan pertemuan dua hala dengan Mahathir sewaktu Persidangan APEC di Kuala Lumpur pada tahun 1998 dan ucapan Al Gore, bekas Naib Presiden Amerika yang menyokong tindakan reformasi memperlihatkan seolah-olah pemimpin Barat mahu mengguling kerajaan Mahathir. Mereka juga mengkritik sistem kehakiman negara terutama oleh Amerika, Kanada, Australia, New Zealand dan Kesatuan Eropah, lihat "Attacks On Judiciary Point To Political Differences", *The Star*, 16 Ogos 2000.
 89. Hilley, John (2001), Malaysia: *Mahathirism, Hegemony and the New Opposition*, London: Zed Books, hlm 113.
 90. Ini bersesuaian dengan tingkah laku Anwar sebelum ini. Pada tahun 1982, beliau menafikan akan menentang Ketua Pemuda, Suhaimi Kamaruddin tetapi beberapa bulan selepas itu, beliau bertanding untuk jawatan tersebut. Begitu juga dengan pertandingan untuk merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO. Pada April 1993, beliau menafikan akan mencabar Ghafar untuk jawatan tersebut tetapi pada bulan Ogos, beliau mengemukakan pencalonan beliau sehingga Ghafar terpaksa menarik diri daripada bertanding. Sewaktu Zahid Hamidi mengecam Mahathir menerusi ucapan bertajuk 'kronisme, rasuah dan nepotisme', Anwar menafikan mengetahui isi kandungan ucapan tersebut sebelum disampaikan tetapi selepas dipecat, beliau mengaku kepada saluran media CBNC dan CNN bahawa beliau sebenarnya meminta Zahid menyampaikan ucapan sedemikian di Perhimpunan Agung UMNO. Malahan beliau memberitahu CNBC bahawa beliau bercadang mencabar Mahathir dalam pemilihan parti tahun 1999, suatu yang bertentangan dengan apa yang dinyatakan sebelum ini; juga lihat *Time*, Tokyo: John Marcom, 14 September 1998. Antaranya adalah surat layang aktiviti tidak bermoral beliau yang diedarkan dalam Perhimpunan UMNO tahun 1997. Isu ini dilihat remeh dan cuba mengherdik kepimpinan atasan dengan isu kronisme, nepotisme dan korupsi, tema yang dilemparkan oleh Zahid Hamidi. Ramai berpendapat mungkin Anwar merasakan beliau sudah layak menjadi Perdana Menteri.
 91. Penulis tidak melihat sebarang perhubungan nepotisme seperti di Indonesia yakni keluarga Suharto tetapi kemungkinan keengganan Anwar untuk memastikan perlindungan-

- an yang sewajarnya ke atas individu tertentu menyebabkan keadaan menjadi tegang.
92. Dipecat pada 2 September 1998, *New Straits Times*, 3 September 1998. Dipecat sebagai Timbalan Presiden UMNO pada 3 September 1998, *New Straits Times*, 4 September 1998, juga lihat *Time*, Tokyo: John Marcom, 14 September 1998.
93. Akibatnya, Malaysia kehilangan seorang lagi Timbalan Perdana Menteri, yang ketiga dalam sejarah pentadbiran Mahathir. Apa yang beliau harapkan adalah seorang yang mampu meneruskan dasar dan membangunkan bangsa dan negara. Beliau juga risau pelantikan seorang Timbalan mungkin yang boleh bekerjasama dengan *Anwar boys* dari dalam UMNO menyebabkan beliau membuat kenyataan bahawa beliau mahukan seorang yang *exact replica of myself* yakni kesinambungan dasar yang diamalkan oleh beliau akan diteruskan oleh pengganti beliau. Atas desakan ramai dan juga khuatir UMNO dan kerajaan akan pincang jika sesuatu berlaku kepada beliau ketika ketiadaan seorang Timbalan pada Januari 1999, Abdullah Badawi dilantik untuk memenuhi jawatan tersebut.
94. Jika Ismail Faruqi, bekas mentor Anwar yang mahu Anwar membawa perubahan dari dalam UMNO kini dilihat bagaimana Barat menggunakan Anwar sebagai *trojan horse* untuk mengukuhkan kedudukan mereka, seorang yang berpengaruh dari dalam UMNO dan sistem kerajaan Malaysia untuk memenuhi matlamat mereka seperti mana yang dilakukan ke atas Indonesia.
95. *New Straits Times*, 21 September 1998.
96. Mahathir Mohamad (1999), "Maruah Bangsa Tanggungjawab UMNO", ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung UMNO pada 18 Jun 1999, Dewan Pusat Dagangan Dunia Putra.
97. Hilley, John (2001), *Malaysia: Mahathirism, Hegemony and the New Opposition*, London: Zed Books, hlm.111.
98. *Newsweek*, USA: Time Pte Ltd, 30 Ogos 1999.
99. Anwar telah menganjurkan demonstrasi dan ceramah umum tanpa permit dan kemuncaknya adalah di Masjid Negara dan meminta Mahathir untuk meletak jawatan—*"Malaysians have given Mahathir enough time. He should resign"*, *Asiaweek*, Hong Kong: Asiaweek Limited, 30 September 1998. Beliau berjaya meyakinkan penyokong-penyokongnya sehingga hampir 30 000 penyokong berarak ke Seri Perdana meminta Mahathir meletak jawatan yang berakhir dengan Anwar ditahan oleh polis, *The Star*, 21 September 1998. Harold Crouch menyatakan bahawa Mahathir akan terselamat kerana Malaysia lebih maju berbanding dengan Indonesia, *Asiaweek*, Hong Kong: Asiaweek Limited, 30 September 1998.
100. *Time*, Tokyo: John Marcom, 16 November 1998.
101. Joo-Yu Lin (2001), "The Structural Analysis In 1999 Malaysia General Election: A Change Of Ethnic Groups And Party Preference", Kertas kerja yang dibentangkan di 3rd International Malaysian Studies Conference di UKM anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia.
102. "Secret Anwar Deal? Well ...", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 24 Januari 2002.
103. "BMF: Nothing Less Tha A Royal Commission", *Aliran Monthly*, Pulau Pinang: Aliran, Mei 1984.
104. "EPF Funds Used To Save VIPs, Tycoons And Cronies", *Aliran Monthly*, 18: 5, Pulau Pinang: Aliran, Jun 1998.
105. *The Star*, 25 Jun 1986.
106. *Ibid*.
107. *The Star*, 2 Julai 1986.
108. *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 24 Julai 1986.
109. Kenyataan pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Profesor Jomo K.S dalam *Malaysiakini.com*, 28 Julai 2002.
110. 32.6 peratus saham di Renong dikawal oleh UEM dan 37.1 peratus saham di UEM dikawal oleh Renong.

111. Malaysiakini.com, 28 Julai 2001.
112. Meletak jawatan Menteri Kewangan dan Bendahari UMNO 1 Jun 2001. Ada andaian kerana *bail out* yang kurang popular dan hanya syarikat yang berhubung kait dengan beliau diberi peluang menyebabkan beliau terpaksa meletak jawatan, lihat "Why Mahathir Axed Daim", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 5 Julai 2001.
113. *The Star*, 21 Mac 2001.
114. "PM: Switzerland Not Co-operating In Probe", *The Star*, 26 Februari 2002. Soalan yang ditanya oleh salah seorang pelajar sewaktu siri berdialog antara Perdana Menteri dengan pelajar Malaysia di London pada 24 Februari 2002.
115. "PM Yakin Ekonomi Negara Terus Pulih Tahun Hadapan", *Mingguan Malaysia*, 8 Disember 2002.
116. *Op.cit.*
117. "SMIs Hail Dr. M's Advice To Banks", *The Star*, 13 Januari 2003.
118. "US Warning Could Be Economic Sabotage", says Dr. M", *The Star*, 22 November 2002.
119. "Market Boost", *The Star*, 11 Januari 2003.
120. "RM 1 b Bond Cheer", *The Star*, 19 Disember 2001.
121. Ia perlu supaya Mahathir dapat menarik minat generasi bumiputera baru yang lahir selepas merdeka yakni di bawah era pasca-DEB. Ini kerana dengan latar belakang yang berbeza, pendekatan perlu diubah memandangkan pelaksanaan dahulu adalah berbeza bersesuaian dengan persekitaran sosiobudaya, politik dan ekonomi, lihat "Dampingsi Melayu Lepas DEB: Abdullah", *Berita Harian*, 15 Januari 2002.
122. "Tajudin Had Close Links With Daim", *The Malay Mail*, 19 Februari 2002.
123. "Govt Buys Back MAS", *The Star*, 21 Disember 2000. Tajudin telah membeli 32 peratus saham MAS pada tahun 1994 dari Bank Negara juga dengan harga RM8 sesaham.
124. "Surviving A Change Of Guard", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 19 Julai 2001.
125. "Malaysia's Debt Buster", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 18 Oktober 2001.
126. "Pickup Ahead", *The Star*, 8 Disember 2002.
127. "Police To Interview Tajudin's Golden Girls", *The Malay Mail*, 19 Februari 2002. Antara lain yang disoal siasat adalah Rizana Mohd. Daud, kakak ipar Tajudin; Wan Aishah Wan Hamid dan Ralph Manfred Gotz.
128. "Mahathir To The Rescue", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company 23 Ogos 2001.
129. Dr.Mohd Hafslah Piei, "Korporat Melayu Lupa Diri", *Mingguan Malaysia*, 7 April 2002. Beliau adalah Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER).
130. "MAS Probe Not Aimed At Daim's Associates", *The Star*, 23 Februari 2003.
131. *The Malay Mail*, 26 Februari 2002. Ia merupakan dialog dengan pelajar Malaysia di London pada 24 Februari 2002.
132. "Mahathir's New Model", *Far Eastern Economic Review*, Hong Kong: Eastern Publishing Company, 14 Februari 2002.
133. Case, William (1991), "Comparative Malaysian Leadership", *Asian Survey*, Vol:31:5, California: University Of California, hlm.458.
134. Krisis demi krisis seolah-olah menunjukkan bahawa beliau berpegang kepada percubaan untuk mengehendkan pengaliran maklumat yang mampu menjatuhkan kerajaan pimpinan beliau. Ini bersesuaian dengan amaran bahawa kerajaan akan mengkaji liberalisasi ke atas media, lihat "Dasar Liberal Akan Difikir Semula", *Utusan Malaysia*, 25 Mac 1985.
135. *Asiaweek*, Hong Kong: Asiaweek Limited, 26 Januari 2001.

7 KESIMPULAN

MAHATHIR, MAHATHIRISME DAN POLITIK MALAYSIA

Selepas 22 tahun menerajui kepimpinan dan politik Malaysia, Mahathir berundur pada 31 Oktober 2003. Pengundurannya cukup dirasakan sebagai suatu "kehilangan besar" pada negara dan bangsa, tetapi demikianlah keputusan yang telah dibuat mengenainya. Mahathir akan tetap berundur, namun, yang dikira pasti citra dan kegemilangan rekod politiknya akan bersemadi dalam sejarah bangsa Malaysia.

Buku ini berpaksikan pada konsep legitimasi politik Malaysia dengan Mahathir sebagai pelaku utamanya, membentuk satu legasi dalam kepimpinan politik di Malaysia. Mahathir adalah seorang modernis, pragmatis dan strategis. Beliau sesungguhnya suatu enigma yang dimanifestasikan dalam perkataan "Mahathirism" yang merangkumi seluruh pemikirannya walaupun ada antaranya yang dianggap kontroversial. Mahathir tidak mengubah hala tuju pembangunan politik, sosial dan ekonomi yang diwarisi daripada bekas-bekas Perdana Menteri sebelum beliau. Walau bagaimanapun, terdapat juga perbezaan dan kelainan tertentu yang mendasari kesignifikanan faktor Mahathir, terutama dari segi pendekatan dan gaya kepimpinannya. Di sebalik latar belakang "rakyat biasa" yang ada padanya, pemikiran politik intelektual beliau menjadi paksi penting legitimasi politik kepimpinannya itu.

Sebagai seorang pemikir politik intelektual yang kritis, beliau

bijak mengatur strategi politiknya. Pendekatan kepimpinannya lebih menjurus kepada pelaksanaan dasar ekonomi untuk membangunkan bangsa, kelantangan dalam menyuarakan rasa tidak puas hati ke atas ketidakadilan Barat, pemikiran agama yang sederhana, efektif, bersifat terbuka dan berani membuat pembaharuan dan pengubahsuaian demi untuk mempertahankan martabat bangsa. Maka itu, sekalipun berpendidikan Inggeris, Mahathir dilihat tidak selesa dengan kecenderungan menyokong pihak Barat pemimpin sebelumnya, terutama yang menuntut di luar negara. Selain terdidik dalam bidang pengajian perubatan yang berbeza berbanding dengan mereka yang mempelajari undang-undang, beliau sesungguhnya adalah seorang realis yang lebih prihatin dengan pengamatan peribadinya ke atas gejala keterbelakangan orang Melayu.

Pada keseluruhannya, buku ini memperlihatkan bagaimana faktor seperti personaliti, ideologi, dasar ekonomi, pembangunan sains dan teknologi, pengiktirafan antarabangsa dan krisis legitimasi berjaya memainkan peranan untuk mengekalkan kepimpinan Mahathir. Penulis juga mendapati legitimasi itu merentasi proses demokrasi yang lazim sehingga berupaya memusatkan kuasa kepada Mahathir untuk terus memimpin. Senario ini memenuhi kerangka penulisan iaitu untuk melihat bagaimana seorang pemimpin seperti Mahathir mampu mempertahankan kepimpinan dengan menggunakan beberapa strategi tanpa bergantung sepenuhnya kepada sokongan pengundi dan mekanisme pilihan raya.

Penulis ini mendapati latar belakang serta personaliti beliau merupakan asas penampilan beliau sehingga berupaya menjadikan "Mahathirisme" sebagai suatu ikon. Fasa pertama pada zaman remajanya di Alor Setar dan Singapura telah membolehkan beliau mengenali dan memahami masyarakat Melayu dan menginsafi keterbelakangan hidup mereka. Kesengsaraan masyarakat Melayu dilihat sebagai satu cabaran yang besar walaupun beliau sendiri adalah daripada kalangan kelas menengah dewasa itu.

Faktor latar belakang ini penting kerana beliau tidak sekadar merintih tentang nasib bangsa sendiri tetapi berusaha mempersiap-

kan diri untuk berbakti kepada bangsa. Pergolakan politik seperti Perang Dunia Kedua dan pergerakan kemerdekaan di Asia dan Afrika turut mempengaruhi pemikiran dan kesedaran politiknya, sementara dalam persiapan itu, pendidikan dilihat sebagai satu-satunya faktor utama kemajuan hidupnya sendiri dengan dilengkapi oleh asuhan kepimpinan dan disiplin hidup yang diwarisi daripada bapanya. Dalam hal ini, beliau berpeluang menjadi pemimpin di peringkat sekolah, dan kemudiannya turut memperkatakan masalah masyarakat Melayu melalui tulisannya dalam akhbar.

Lontaran idea-idea dalam tulisan itu direalisasikan dalam bentuk tindakan sekembalinya beliau ke Kedah pada tahun 1950-an, dengan merawat para pesakit yang melanggan kliniknya sehingga beliau digelar "Dr. UMNO". Cara ini telah meningkatkan populariti dan citra politik beliau sehingga dipilih untuk bertanding dan terpilih sebagai Ahli Parlimen dalam pilihan raya tahun 1964.

Seterusnya, fasa kedua lebih tertumpu pada keprihatinan politiknya, termasuklah komitmennya terhadap kepentingan orang Melayu. Beliau bagaimanapun menyedari wujudnya jurang antara generasi muda dan kepimpinan atasan peringkat nasional pada ketika itu, termasuklah jurang antara orang Melayu dan bukan Melayu. Dalam suasana inilah munculnya Mahathir. Bagi orang Melayu, beliau adalah wira bangsa, manakala bagi orang bukan Melayu adalah sebaliknya. Label "ultra" Melayu padanya bertukar menjadi "pemberontak" terutama selepas beliau tewas dalam pilihan raya tahun 1969. Beliau bertindak mengecam dasar dan kepimpinan parti dan kerajaan ketika itu, sehingga menyebabkan beliau dipecat daripada parti UMNO.

Fasa ketiga bermula sebagai seorang buangan politik. Beliau menganalisis kelemahan orang Melayu yang akhirnya melahirkan buku *The Malay Dilemma* yang seterusnya mempengaruhi perancangan DEB serta usaha memartabatkan hak keistimewaan bangsa Melayu. Inilah keistimewaan Mahathir, di mana beliau telah diterima semula menyertai UMNO selepas persaraan Tunku.

Mahathir berjaya memecah tradisi dengan meraih sokongan

yang luar biasa. Ini memulakan fasa keempat dalam karier politik beliau. Pengalaman dipecat daripada parti merupakan rahmat untuknya. Malahan, sekiranya Mahathir menjadi ahli kabinet Tunku ataupun menang dalam pilihan raya tahun 1969, perjalanan politiknya mungkin berbeza. Dengan kembali semula ke pangkuan UMNO (1972) dan berkhidmat di bawah kabinet Tun Razak (1974), peranan Mahathir telah meningkat cepat setelah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1976.

Hasrat beliau untuk membangunkan taraf hidup bangsa Melayu mula direalisasikan dengan jawatan dan kuasanya sebagai Perdana Menteri pada tahun 1981, di mana fasa kelima politiknya bermula. Lahirlah apa yang boleh dilabel sebagai "Doktrin Mahathir", yang menjadi manifestasi gaya, cara dan pendekatan Mahathir yang tersendiri, merangkumi segala aspek berkaitan dengan ekonomi, agama, sains dan teknologi serta hubungan antarabangsa yang juga merupakan legasi doktrin legitimasi kepimpinan beliau. Kesemua ini mampu dilakukan oleh Mahathir kerana asas kepada kerangka agendanya itu adalah personalitinya yang memperlihatkan beliau sebagai seorang tokoh dan pemimpin politik sekali gus juga adalah pemikir intelektual yang ada kelasnya yang tersendiri.

MANIFESTASI KEGEMILANGAN LEGITIMASI POLITIK MAHATHIR

Idea, tulisan dan pemikiran beliau haruslah diakui mengambil kira akan sensitiviti tertentu masyarakat Malaysia yang bersifat majmuk dari segi kaum, etnik, daerah serta pelbagai lagi kelainan itu yang memmanifestasi kegemilangan legitimasi politiknya. Dalam usaha menegakkan kepentingan bangsa Melayu dalam aspek ekonomi, politik mahupun perniagaan, doktrin Mahathir menjadi perisai dan bukannya sebagai senjata pembunuh. Ia lebih bersifat defensif bagi mempertahankan hak dan bukannya untuk menindas kaum lain.

Sebarang strategi dan tindakan adalah konstruktif dan bukan untuk mencetuskan kegelisahan dan rasa kurang puas hati. Ia mungkin dilihat sebagai pro-Melayu tetapi ia tidak pernah pula terbukti bersifat antibukan Melayu. Hal ini merupakan tonggak kekuatan legitimasi politik Mahathir berdasarkan kepada personaliti seorang pemikir.

Di bawah pentadbiran Mahathir, aspek ekonomi menjadi dimensi yang paling dominan dan Malaysia berjaya kerana dasar-dasar berkenaan dengannya. Dasar dan tindakan ekonominya merangkumi penerusan DEB, di samping memberi ruang pada penerusan tradisi penaungan dan kapitalisme serta dasar penswastan dan perindustrian berat. Keputusan menanggung risiko dalam menangani krisis mata wang 1997-1998 ternyata berupaya mengukuhkan lagi sokongan ke atas kepimpinan beliau. Malahan, beliau dikagumi di peringkat antarabangsa oleh masyarakat dunia kerana agenda kewangan dan ekonominya itu. Bagi Mahathir, usaha menghadapi era globalisasi tidak lagi boleh bergantung kepada kegiatan perlombongan dan perladangan semata-mata. Strategi penyelesaiannya adalah menerusi pembangunan industri. Strategi ini memerlukan modal besar dan pekerja berskil tinggi. Ini membawa kepada dasar penswastan dan suntikan DPT untuk mencontohi etika kerja masyarakat Timur. Kejayaan dasar ekonomi telah merangsang orang Melayu khususnya keluar dari kepompong kemiskinan dan seterusnya membesarkan saiz kelas menengah dan atasan bangsa Melayu yang sukar dilihat di awal pentadbiran beliau.

